

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**FAKTOR-FAKTOR PENENTU KEUTAMAAN AGIHAN
ZAKAT KEPADA ASNAF OLEH INSTITUSI ZAKAT DI
MALAYSIA**



**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
XXX 2018**

**FAKTOR-FAKTOR PENENTU KEUTAMAAN AGIHAN ZAKAT KEPADA
ASNAF OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA**

Oleh

ARYATI JULIANA SULAIMAN



**Tesis Diserahkan kepada
Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz,
Universiti Utara Malaysia,
bagi Memenuhi Syarat Ijazah Doktor Falsafah**



**TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ
SCHOOL OF ACCOUNTANCY
COLLEGE OF BUSINESS
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)**

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

ARYATI JULIANA SULAIMAN

calon untuk Ijazah **DOCTOR OF PHILOSOPHY**
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**FAKTOR-FAKTOR PENENTU KEUTAMAAN ZAKAT KEPADA ASNAF OLEH INSTITUSI ZAKAT
DI MALAYSIA**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada:

6 Februari 2018.

(That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:

6 February 2018.

Pengerusi Viva : **Prof. Dr. Zakaria Abas**
(Chairman for Viva)

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **Prof. Dato' Dr. Hj. Mohammad Hj. Alias (USIM)**
(External Examiner)

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **Prof. Dr. Asyraf Hj. Ab Rahman (UMT)**
(External Examiner)

Tandatangan
(Signature)

Tarikh: **6 February 2018**
(Date)

Nama Pelajar
(Name of Student) : **Aryati Juliana Sulaiman**

Tajuk Tesis / Disertasi
(Title of the Thesis / Dissertation) : **FAKTOR-FAKTOR PENENTU KEUTAMAAN ZAKAT KEPADA ASNAF
OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA**

Program Pengajian
(Programme of Study) : **Doctor of Philosophy**

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia
(Name of Supervisor/Supervisors) : **Prof. Dr. Kamil Md Idris**



Tandatangan

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia
(Name of Supervisor/Supervisors) : **Dr. Saliza Abdul Aziz** **Utara Malaysia**



Tandatangan

KEBENARAN MENGGUNA (PERMISSION TO USE)

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin tesis ini dengan cara apa-apa, secara keseluruhan atau sebahagiannya, untuk tujuan ilmiah boleh diberikan oleh penyelia saya atau tanpa kehadirannya, oleh Dekan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz di mana saya membuat tesis saya. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan UUM dalam sebarang kegunaan sarjana terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Permohonan untuk salinan atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah di alamatkan kepada:

Dekan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah

In representing this thesis in fulfillment of the requirements for a Post Graduate degree from the Universiti Utara Malaysia (UUM), I agree that the Library of this university may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor or in their absence, by the Dean of Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy where I did my thesis. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or parts of it for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to UUM in any scholarly use which may be made of any material in my thesis.

Request for permission to copy or to make other use of materials in this thesis, in whole or in part should be addressed as above.

ABSTRAK

Agihan zakat yang tidak menyeluruh dan tidak seimbang di kalangan lapan asnaf serta ketidakseragaman agihan di kalangan institusi zakat di Malaysia menyebabkan masyarakat menjadi tidak yakin dan tidak berpuas hati dengan pengurusan institusi zakat. Permasalahan inilah yang memberi inspirasi kepada penyelidik untuk melaksanakan kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan bentuk agihan zakat, mengenal pasti dan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf yang dibuat oleh institusi zakat. Bagi mencapai tujuan tersebut, satu kajian lapangan telah dijalankan melalui soal selidik yang melibatkan kesemua 14 institusi zakat yang diwakili oleh ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dalam agihan zakat. Dengan menggunakan analisis regresi logistik, dapatan kajian menunjukkan bahawa dua pemboleh ubah bebas mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat, iaitu status ekonomi dan tekanan politik. Status ekonomi didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf muallaf. Perkaitan yang positif ini adalah disebabkan oleh kebimbangan institusi zakat terhadap kes-kes murtad yang semakin meningkat. Tekanan politik juga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf amil tetapi perkaitannya adalah negatif. Institusi zakat dilihat lebih berhati-hati dalam agihan zakat kepada asnaf amil agar tidak dituduh menyalahgunakan dana zakat dan bebas daripada pengaruh politik. Selain itu, tekanan politik didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf al-gharimin. Perkaitan yang positif ini menunjukkan usaha institusi zakat untuk bersama-sama pihak kerajaan dalam menangani masalah hutang di kalangan rakyat. Beberapa implikasi pengurusan dicadangkan dalam kajian ini bagi memastikan agihan zakat kepada asnaf dibuat secara menyeluruh dan seimbang. Rumusannya, kajian ini mendukung teori keadilan agihan dan mencadangkan agar teori ini dapat dikembangkan lagi dalam kajian-kajian akan datang.

Kata kunci: institusi zakat, asnaf, keutamaan agihan zakat

ABSTRACT

Partial and disproportionate distribution of zakat among the eight *asnaf* and various distributions among zakat institutions in Malaysia caused the community to lose confidence and dissatisfied with the management of zakat institutions. This problem has inspired the researcher to conduct this study. This study aims to explain the form of zakat distribution, identify and determine the factors that influence the zakat distribution priority to *asnaf* made by zakat institutions. In achieving these objectives, a field study was carried out using structured questionnaires involving all the 14 zakat institutions which was represented by members of committee involved in zakat distribution. Using logistic regression analysis, this study found that two independent variables have significant relationship with the priority of zakat distribution to *asnaf*, namely economic status and political pressure. Economic status was found to have a significant relationship with the priority of zakat distribution to *asnaf mu'alaf*. This positive relationship is due to the concern of zakat institutions against the rising of apostasy cases. Political pressure also has a significant relationship with the priority of zakat distribution to *asnaf amil* but its relationship is negative. Zakat institutions are seen to be more careful in the distribution of zakat to *asnaf amil* so that they will not be accused of misusing zakat fund and free from political influence. Furthermore, political pressure was found to have a significant relationship with the priority of zakat distribution to *asnaf al-gharimin*. This positive relationship shows that the zakat institutions' effort to co-operate with the government in dealing with debt problems among the people. Some management implications are suggested in this study to ensure the distribution of zakat to *asnaf* is made thoroughly and balanced. In summary, this study supports the theory of distribution justice and suggests that this theory to be extended in future studies.

Keywords: zakat institutions, *asnaf*, preferences in zakat distribution

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah S.W.T. untuk segala rahmat yang diberikan: kesihatan, kekuatan, kesabaran dan keyakinan bagi menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia utama Prof Dr Kamil Md Idris dan penyelia kedua Dr Saliza Abd Aziz atas penyeliaan selama tempoh pengajian. Segala tunjuk ajar, komen, nasihat, dorongan dan motivasi amat dihargai.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Terima kasih di atas masa berharga yang diluangkan untuk maklum balas soal selidik yang diberikan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penilai dan para peserta The 4th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW, 2009), Pulau Pinang; 5th Symposium on Business Postgraduate Research (2010), Sintok, Kedah; World Zakat Conference IKAZ (2011), Kuala Lumpur; Seminar Isu-isu Kontemporari Zakat (2012), Kedah dan International Seminar on Islam, Culture and Heritage (ISICH, 2017), Kedah atas semua input, cadangan dan komen yang membina terhadap kajian ini.

Kepada suami tercinta, Ahmad Zamil Abd Khalid dan anak tersayang, Ahmad Danial Ahmad Zamil, terima kasih atas kasih sayang, toleransi, sokongan dan semangat yang dicurahkan. Tidak lupa juga kepada kedua orang ibu bapa iaitu Sulaiman Chu Abd Hamid dan Faridah Abdul Latiff. Didikan, pengorbanan, kasih sayang serta doa yang tidak putus-putus adalah hadiah yang paling berharga. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini.

KANDUNGAN

MUKA HADAPAN	i
PENGESAHAN KERJA TESIS (<i>CERTIFICATION OF THESIS WORK</i>)	ii
KEBENARAN MENGGUNA (<i>PERMISSION TO USE</i>)	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	10
1.3 Persoalan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Signifikan Kajian	13
1.6 Skop, Andaian Dan Batasan Kajian	16
1.6.1 Skop Kajian	16
1.6.2 Andaian Kajian	16
1.6.3 Batasan Kajian	16
1.7 Penyusunan Tesis	17
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Kepentingan Institusi Zakat	19
2.3 Institusi Zakat Di Malaysia	24
2.4 Pengurusan Institusi Zakat	26
2.5 Agihan Zakat Kepada Asnaf	29
2.6 Asnaf-asnaf Zakat	34
2.7 Teori Keadilan Menurut Perspektif Islam	37
2.8 Teori Keadilan Agihan (<i>Distributive Justice Theory</i>)	39
2.9 Model Variasi Perbelanjaan	46
2.10 Status Ekonomi Dan Agihan	51
2.11 Tekanan Politik Dan Agihan	59
2.12 Tekanan Sosial Dan Agihan	63
2.13 Ideologi Dan Agihan	65
2.14 Motif Agihan Dan Agihan	66

2.15	Kepimpinan Dan Agihan	68
2.16	Ciri-Ciri Pengurusan Tertinggi Dan Agihan	71
	2.16.1 Usia	72
	2.16.2 Bidang Pendidikan	74
	2.16.3 Tahap Pendidikan	75
	2.16.4 Tempoh Jawatan	76
	2.16.5 Pengalaman Kerjaya	78
2.17	Keutamaan Agihan	79
2.18	Rumusan	80
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		81
3.1	Pengenalan	81
3.2	Kerangka Kerja Teori	81
3.3	Definisi Operasi	83
	3.3.1 Status Ekonomi	84
	3.3.2 Tekanan Politik	84
	3.3.3 Tekanan Sosial	84
	3.3.4 Ideologi	84
	3.3.5 Motif Agihan	85
	3.3.6 Kepimpinan	85
	3.3.7 Ciri-ciri Pengurusan Tertinggi	85
	3.3.8 Keutamaan Agihan Zakat	86
3.4	Pemboleh Ubah Bebas Dan Pembentukan Hipotesis	86
	3.4.1 Status Ekonomi Dan Keutamaan Agihan Zakat	86
	3.4.2 Tekanan Politik Dan Keutamaan Agihan Zakat	88
	3.4.3 Tekanan Sosial Dan Keutamaan Agihan Zakat	89
	3.4.4 Ideologi Dan Keutamaan Agihan Zakat	91
	3.4.5 Motif Agihan Dan Keutamaan Agihan Zakat	92
	3.4.6 Kepimpinan Dan Keutamaan Agihan Zakat	93
	3.4.7 Ciri-Ciri Pengurusan Tertinggi Dan Keutamaan Agihan Zakat	94
	3.4.7.1 Usia Pengagih Dan Keutamaan Agihan Zakat	94
	3.4.7.2 Bidang Pendidikan Dan Keutamaan Agihan Zakat	95
	3.4.7.3 Tahap Pendidikan Dan Keutamaan Agihan Zakat	96
	3.4.7.4 Tempoh Jawatan Dan Keutamaan Agihan Zakat	96
	3.4.7.5 Pengalaman Kerjaya Dan Keutamaan Agihan Zakat	97
3.5	Pengukuran Keutamaan Agihan Zakat	98
3.6	Pengukuran Pemboleh Ubah Bebas	99
	3.6.1 Status Ekonomi	99
	3.6.2 Tekanan Politik	100
	3.6.3 Tekanan Sosial	101
	3.6.4 Ideologi	101
	3.6.5 Motif Agihan	103
	3.6.6 Kepimpinan	103
	3.6.7 Ciri-ciri Pengurusan Tertinggi	105

3.7	Pengumpulan Data	106
3.8	Populasi dan Persampelan	106
3.9	Instrumen Kajian	108
3.10	Analisis Kesahihan	108
3.11	Analisis Kebolehpercayaan	111
3.12	Analisis Keutamaan Agihan Zakat Kepada Asnaf	111
3.13	Kajian Rintis	113
3.14	Rumusan	114
BAB 4 ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN		116
4.1	Pengenalan	116
4.2	Profil Sampel	116
4.3	Profil Responden	118
4.3.1	Usia Responden	118
4.3.2	Jawatan Responden	119
4.3.3	Tempoh Jawatan Responden	121
4.3.4	Bidang Pendidikan Responden	121
4.3.5	Tahap Pendidikan Responden	122
4.4	Analisis Kesahihan	122
4.5	Analisis Kebolehpercayaan	123
4.6	Analisis Deskriptif	125
4.7	Andaian Regresi Logistik	128
4.8	Analisis Regresi Logistik	131
4.9	Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir	134
4.9.1	Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir	137
4.10	Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin	141
4.10.1	Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin	145
4.11	Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil	149
4.11.1	Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil	152
4.12	Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf	157
4.12.1	Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf	160
4.13	Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin	165
4.13.1	Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin	168
4.14	Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnu-sabil	173
4.14.1	Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnu-sabil	175
4.15	Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah	180
4.15.1	Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah	183
4.16	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat	188
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		189
5.1	Pengenalan	189
5.2	Ringkasan Latar Belakang Kajian	189
5.2.1	Pernyataan Masalah	189

5.2.2	Objektif Kajian	190
5.2.3	Hipotesis Kajian	190
5.2.4	Data dan Analisis Kajian	191
5.2.5	Penemuan Kajian	192
	5.2.5.1 Profil Sampel dan Responden	192
	5.2.5.2 Analisis Kesahihan dan Kebolehpercayaan	193
	5.2.5.3 Analisis Deskriptif	193
	5.2.5.4 Andaian Regresi Logistik	195
	5.2.5.5 Analisis Regresi Logistik	195
5.3	Perbincangan	196
5.3.1	Status Ekonomi	197
	5.3.1.1 Program Pembasmi Kemiskinan Mengurangkan Bebanan Asnaf Fakir dan Miskin	198
	5.3.1.2 Bilangan Amil Yang Berkhidmat Menentukan Peruntukan Agihan Zakat Kepada Asnaf Amil	200
	5.3.1.3 Usaha Pembendungan Kes-Kes Murtad Dan Pengukuhan Pegangan Agama Islam	201
	5.3.1.4 Alternatif Pinjaman Kewangan Yang Lain	203
	5.3.1.5 Definisi Asnaf Fisabilillah Semakin Luas Dan Bantuan Pendidikan Yang Berterusan	203
5.3.2	Tekanan Politik	205
	5.3.2.1 Bertanggungjawab Terus Kepada Ketua Agama Negeri	205
	5.3.2.2 Agihan Zakat Bergantung Kepada Budi Bicara Ahli Jawatankuasa Agihan	206
	5.3.2.3 Agihan Zakat Kepada Asnaf Amil Lebih Kepada Berbentuk Saguhati	207
	5.3.2.4 Usaha Pembendungan Masalah Sosial Dan Peningkatan Masalah Hutang	208
5.3.3	Tekanan Sosial	209
	5.3.3.1 Institusi Zakat Berkuasa Penuh Dalam Keputusan Agihan	209
	5.3.3.2 Cadangan Cendekiawan Diambil Maklum	210
	5.3.3.3 Media Tidak Mempengaruhi Keputusan Agihan Zakat	210
5.3.4	Ideologi	211
	5.3.4.1 Persekitaran Zakat Yang Berbeza	211
	5.3.4.2 Sikap Keterbukaan Institusi Zakat Dan Perluasan Takrifan Asnaf	212
	5.3.4.3 Bantuan Zakat Tidak Terhad Dalam Bentuk Kewangan	213
5.3.5	Motif Agihan	213
	5.3.5.1 Motif Agihan Yang Pelbagai	212
	5.3.5.2 Konsep Kesamarataan Diguna Pakai Dalam Agihan Zakat	214
5.3.6	Kepimpinan	214
	5.3.6.1 Kepimpinan Aktif Lebih Terbuka Dalam Cadangan Atau Pandangan	215
	5.3.6.2 Kepimpinan Pasif Mengekalkan Tradisi Agihan	215


5.4	Implikasi Teori	216
5.5	Implikasi Pengurusan	217
5.6	Limitasi Kajian	222
5.7	Cadangan Kajian	223
5.8	Kesimpulan	225
RUJUKAN		228



SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Peraturan Agihan Zakat Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat Bagi Tahun 2010	5
Jadual 1.2:	Peraturan Agihan Zakat Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat Bagi Tahun 2011	5
Jadual 2.1:	Perundangan Zakat Di Malaysia	26
Jadual 2.2:	Pengkorporatan Institusi Zakat Dan Bidang Kuasa	28
Jadual 3.1:	Keputusan Analisis Faktor (N=14)	113
Jadual 3.2:	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan (N=14)	114
Jadual 4.1:	Pecahan Soal Selidik Mengikut Negeri	117
Jadual 4.2:	Statistik Deskriptif Bagi Demografi	119
Jadual 4.3:	Usia Responden	119
Jadual 4.4:	Jawatan Responden	120
Jadual 4.5:	Tempoh Jawatan Responden	121
Jadual 4.6:	Bidang Pendidikan Responden	121
Jadual 4.7:	Tahap Pendidikan Responden	122
Jadual 4.8:	Keputusan Analisis Ujian Kesahihan	123
Jadual 4.9:	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	124
Jadual 4.10:	Statistik Deskriptif Bagi Status Ekonomi	125
Jadual 4.11:	Statistik Deskriptif Bagi Tekanan Politik	126
Jadual 4.12:	Statistik Deskriptif Bagi Tekanan Sosial	126
Jadual 4.13:	Statistik Deskriptif Bagi Ideologi	127
Jadual 4.14:	Statistik Deskriptif Bagi Motif Agihan	127
Jadual 4.15:	Statistik Deskriptif Bagi Kepimpinan	128
Jadual 4.16:	Koefisien Korelasi Spearman- Rho (N=70)	130
Jadual 4.17:	Peraturan Keutamaan Agihan Zakat Kepada Setiap Asnaf Bagi Tahun 2011	132
Jadual 4.18:	Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir	135
Jadual 4.19:	Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir	136
Jadual 4.20:	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir	137
Jadual 4.21:	Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Fakir	141
Jadual 4.22:	Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin	143
Jadual 4.23:	Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin	144
Jadual 4.24:	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat bagi Asnaf Miskin	145
Jadual 4.25:	Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Miskin	149
Jadual 4.26:	Kedudukan Model Keutamaan Agihan Bagi Asnaf Amil	150
Jadual 4.27:	Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil	151
Jadual 4.28:	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat bagi Asnaf Amil	153
Jadual 4.29:	Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Amil	157

Jadual 4.30:	Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf	158
Jadual 4.31:	Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf	159
Jadual 4.32:	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf	160
Jadual 4.33:	Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Mualaf	165
Jadual 4.34:	Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin	166
Jadual 4.35:	Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin	167
Jadual 4.36:	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin	168
Jadual 4.37:	Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Al-Gharimin	172
Jadual 4.38:	Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnuabil	174
Jadual 4.39:	Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnuabil	174
Jadual 4.40:	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnuabil	176
Jadual 4.41:	Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Ibnuabil	180
Jadual 4.42:	Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah	181
Jadual 4.43:	Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah	182
Jadual 4.44:	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah	183
Jadual 4.45:	Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Fisabilillah	187
Jadual 4.46:	Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat	188



SENARAI RAJAH

Rajah 2.1:	Model Variasi Perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Tempatan 1952 dan 1961	47
Rajah 2.2:	Model Variasi Perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Tempatan 1964	48
Rajah 2.3:	Model Variasi Perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Tempatan 1964 (Penambahbaikan)	49
Rajah 2.4:	Model Perbelanjaan Hasil Negeri 1975	50
Rajah 3.1:	Kerangka Kerja Teori: Keutamaan Agihan Zakat Kepada Asnaf Oleh Institusi Zakat	83
Rajah 5.1:	Model Keutamaan Agihan Zakat Kepada Asnaf	217



SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AZAM	Akhir Zaman Miskin
BRIM	Bantuan Rakyat 1 Malaysia
BTOS	<i>Bartlett Test of Sphericity</i>
CEO	<i>Chief Executive Officer/</i> Ketua Pegawai Eksekutif
DEB	Dasar Ekonomi Baru
EKO	Status Ekonomi
EPU	<i>Economic Planning Unit/</i> Unit Perancang Ekonomi
ETP	<i>Economic Transformational Programme/</i> Program Transformasi Ekonomi
GTP	<i>Government Transformational Programme/</i> Program Transformasi Kerajaan
ICT	<i>Internet Communication Technology</i> (Teknologi Komunikasi Internet)
IDEO	Ideologi
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JKM	Jabatan Kemajuan Malaysia
JZNK	Jabatan Zakat Negeri Kedah
KA	Keutamaan Agihan
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MEB	Model Ekonomi Baru
MOT	Motif Agihan
NKRA	<i>National Key Result Area/</i> Bidang Keberhasilan Utama Negara
PIM	Kepimpinan
POL	Tekanan Politik
SE	<i>Standard Error/</i> Ralat Standard
SOS	Tekanan Sosial
UET	<i>Upper Echelon Theory</i>
YBK	Yayasan Basmis Kemiskinan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A1	SOAL SELIDIK
LAMPIRAN A2	SURAT SOKONGAN
LAMPIRAN B	STATISTIK AGIHAN ZAKAT
LAMPIRAN C	SENARAI LAMAN WEB SESAWANG INSTITUSI ZAKAT
LAMPIRAN D1	KADAR KEMISKINAN
LAMPIRAN D2	KADAR PENGANGGURAN
LAMPIRAN E	KEPUTUSAN UJIAN KESAHIHAN DAN UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN
LAMPIRAN F	UJIAN ANALISIS ITEM PEMBOLEH UBAH



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pengurusan dana zakat oleh institusi zakat terutamanya dalam hal agihan zakat sering kali mendapat perhatian dan menjadi isu perbincangan semasa. Salah satu daripadanya adalah isu ketidakseragaman dan ketidakseimbangan agihan zakat kepada asnaf. Di Malaysia, urusan pentadbiran zakat adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (Abd Halim, Mohamed Saladin, Rozman, Siti Mariam, & Rashidah, 2015; Azman, Mohammad, & Syed Mohd Najib, 2012; Norazlina & Abdul Rahim, 2011a; Ram Al Jaffri, Kamil, & Zainol, 2009b). Justeru itu, sememangnya terdapat perbezaan dari segi pengurusan, pelaksanaan dan perundangan zakat. Perbezaan yang ketara adalah dari aspek pengurusan agihan zakat. Agihan zakat kepada penerima-penerima zakat atau asnaf zakat didapati tidak seragam dan tidak seimbang.

Namun tidak dinafikan, kesedaran tentang kewajipan membayar zakat semakin meningkat setiap tahun dan ia dapat dilihat melalui jumlah kutipan zakat yang memberangsangkan. Penubuhan institusi-institusi zakat di setiap negeri di Malaysia merupakan salah satu faktor peningkatan kesedaran kewajipan zakat dan seterusnya melonjakkan jumlah kutipan zakat. Ini disebabkan oleh peranan dan usaha yang dijalankan oleh institusi zakat dalam memberi kesedaran dan menguruskan pentadbiran zakat. Bagi memantapkan lagi pengurusan zakat, beberapa negeri di Malaysia telah mengkorporatkan institusi zakat masing-masing. Usaha pengkorporatan institusi zakat telah menampakkan hasil apabila jumlah kutipan zakat terus meningkat setiap tahun. Walau bagaimanapun, pengurusan yang baik bukan hanya sekadar

tertumpu pada jumlah kutipan zakat semata-mata, tetapi ia juga melibatkan soal pengurusan dana zakat dan bagaimana zakat diagihkan.

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dipatuhi oleh semua individu Muslim. Ia merupakan rukun yang ketiga selepas mengucap dua kalimah syahadah dan mendirikan solat lima waktu sehari semalam. Pembayaran zakat yang diwajibkan adalah bertujuan untuk menyucikan jiwa dan harta seseorang pembayar zakat. Ini sesuai dengan firman Allah S.W.T. dalam Surah At-Taubah, Ayat 103 yang bermaksud,

“Ambil sebahagian dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Al-Quran dan Terjemahan, 2009)

Dana zakat yang dikutip telah ditetapkan perlu diagihkan kepada lapan golongan. Ketetapan ini ditegaskan dalam Surah At-Taubah, Ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan untuk orang-orang di dalam perjalanan (yang keputusan belanja). Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Al-Quran dan Terjemahan, 2009)

Ayat ini juga jelas menunjukkan bahawa Allah S.W.T. amat tegas tentang pengagihan zakat dan ianya adalah sesuatu perkara yang perlu dititikberatkan. Malah, agihan zakat adalah lebih penting daripada kutipan zakat kerana selalunya salah laku dan penyalahgunaan berlaku di dalam proses pengagihan (Qardawi, 1999).

Walaupun Al-Quran telah menetapkan lapan golongan asnaf yang layak dan berhak menerima zakat, namun terdapat negeri-negeri yang cuma mengagihkan zakat kepada tujuh asnaf, enam asnaf atau lima asnaf sahaja. Ini dapat dilihat melalui statistik agihan zakat di mana bagi tahun 2010, negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Pulau Pinang, Perak, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan telah mengagihkan kepada tujuh golongan asnaf. Perlis merupakan satu-satunya negeri yang mengagihkan hanya kepada enam golongan asnaf sahaja (Lampiran B).

Selain dari perbezaan jumlah bilangan golongan asnaf, peratusan agihan zakat di kalangan mereka juga didapati berbeza antara kesemua negeri. Jadual 1.1 dan Jadual 1.2 menunjukkan terdapat negeri yang mengagihkan dana zakat yang lebih besar kepada asnaf lain berbanding dengan asnaf fakir dan miskin. Sebagai contoh, pada tahun 2010 menyaksikan golongan fisabilillah menjadi penerima yang terbanyak bagi negeri Johor, Kedah, Pahang, Perlis dan Sarawak. Golongan al-riqab pula menjadi pilihan di Negeri Sembilan sebagai golongan penerima wang zakat yang ketiga tertinggi selepas golongan asnaf miskin dan fisabilillah.

Peratusan agihan zakat kepada asnaf berbanding jumlah agihan zakat keseluruhan bagi tahun 2011 seperti di Jadual 1.2 turut menyaksikan perbezaan agihan zakat di kalangan asnaf-asnaf. Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Selangor dan Sarawak adalah negeri-negeri yang

memberi keutamaan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah berbanding dengan asnaf-asnaf lain. Ini dibuktikan dengan peratusan agihan zakat tertinggi untuk golongan asnaf ini bagi negeri-negeri tersebut. Negeri Sembilan dilihat menitikberatkan golongan asnaf al-riqab apabila golongan ini sekali lagi menjadi golongan yang ketiga tertinggi menerima zakat selepas golongan fisabilillah dan miskin.

Apa yang boleh dirumuskan daripada Jadual 1.1 dan Jadual 1.2 adalah terdapat perbezaan agihan zakat kepada asnaf-asnaf di setiap negeri di Malaysia. Ada asnaf yang mendapat agihan zakat yang banyak dan ada pula yang mendapat agihan zakat yang sedikit. Antara golongan asnaf yang sering mendapat agihan zakat yang tinggi adalah golongan asnaf fakir dan miskin serta asnaf fisabilillah. Peratusan agihan zakat kepada golongan asnaf-asnaf yang lain seperti amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin dan ibnusabil pula agak kurang malah ada yang kurang daripada satu peratus daripada keseluruhan agihan zakat. Selain itu, persoalan yang timbul adalah mengapa sesetengah negeri lebih mengutamakan golongan asnaf-asnaf lain selain daripada asnaf fakir dan miskin.

Amalan ini dilihat seolah-olah bercanggah dengan tujuan zakat untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan umat Islam (Patmawati, 2008; Qardawi, 1999). Sepatutnya, dana zakat harus mengutamakan dua golongan yang pertama sebagaimana yang telah disebut di dalam Surah At-Taubah, Ayat 60 iaitu golongan fakir dan miskin. Agihan zakat kepada dua golongan ini bertujuan untuk mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan dan kedaifan (Patmawati, 2008) . Namun demikian, realiti yang berlaku pada masa kini menunjukkan agihan dana zakat kepada kedua-dua golongan ini di sesetengah negeri adalah jauh lebih rendah berbanding dengan agihan dana zakat kepada golongan-golongan lain (Jadual 1.1 dan 1.2).

Jadual 1.1

Peratusan Agihan Zakat Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat Bagi Tahun 2010

Negeri	Peratus (%)							
	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Al-riqab	Al-gharimin	Fisabilillah	Ibnusabil
Johor	11.65	25.56	11.79	7.04	0.00	2.28	41.55	0.13
Kedah	3.90	38.56	9.49	1.79	0.00	0.07	45.85	0.33
Kelantan	0.00	67.50	16.14	1.39	0.00	0.01	14.94	0.01
Melaka	41.75	3.57	16.35	5.48	0.00	10.99	21.85	0.02
N.Sembilan	2.59	25.52	13.34	7.73	20.88	3.98	25.25	0.70
Pahang	10.35	11.10	17.12	4.98	0.05	0.20	55.21	0.99
P.Pinang	5.43	43.02	9.99	1.59	0.00	1.94	37.55	0.48
Perak	0.00	53.25	13.50	3.02	0.00	0.47	28.74	1.02
Perlis	2.89	23.98	6.87	0.83	0.00	0.00	65.41	0.01
Selangor	15.24	23.27	12.75	6.04	0.74	8.81	32.78	0.37
Terengganu	20.83	35.55	11.89	2.92	0.03	0.60	27.95	0.23
Sabah	36.84	25.53	10.90	6.88	0.00	0.03	19.81	0.01
Sarawak	20.57	11.41	16.49	1.68	0.00	0.00	49.84	0.01
W.Persekutuan	22.67	20.24	12.68	2.12	0.00	1.38	40.53	0.38

Sumber: Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, JAWHAR

Jadual 1.2

Peratusan Agihan Zakat Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat Bagi Tahun 2011

Negeri	Peratus (%)							
	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Al-riqab	Al-gharimin	Fisabilillah	Ibnusabil
Johor	9.83	23.06	10.35	6.09	0.00	2.63	47.95	0.09
Kedah	4.15	39.69	12.74	1.82	0.00	0.03	40.63	0.94
Kelantan	0.00	68.70	13.65	1.17	0.00	0.01	16.43	0.04
Melaka	29.87	9.66	16.55	5.32	0.00	8.80	29.79	0.01
N.Sembilan	1.95	23.29	9.70	7.54	22.84	3.76	29.32	1.61
Pahang	15.91	11.75	16.72	5.70	0.00	0.21	49.00	0.72
P.Pinang	6.14	45.28	9.48	1.81	0.00	2.64	34.26	0.41
Perak	0.00	60.23	2.27	3.58	0.00	1.01	31.60	1.30
Perlis	2.03	17.20	6.11	0.65	5.40	0.02	68.57	0.02
Selangor	9.56	20.18	13.23	4.17	2.09	8.45	42.00	0.33
Terengganu	19.20	32.54	14.62	3.51	0.04	0.09	29.69	0.30
Sabah	42.10	18.59	11.39	5.82	0.00	0.01	15.76	6.32
Sarawak	21.61	11.46	15.33	2.49	0.00	0.01	48.26	0.01
W.Persekutuan	23.03	23.71	11.27	2.69	0.00	1.53	36.91	0.87

Sumber: Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, JAWHAR

Kedadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh setiap negeri mempunyai tafsiran yang berbeza bagi setiap asnaf. Umpamanya, asnaf al-riqab ditafsirkan oleh Majlis Agama Islam

Wilayah Persekutuan (MAIWP) (MAIWP, 2010) sebagai memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan. Ini termasuklah sama ada dari segi cengkaman fizikal dan mental seperti cengkaman kejahilan dan kebelengguan di bawah kawalan orang-orang tertentu. Menurut maklumat yang tidak rasmi yang diterima daripada seorang pegawai zakat dari Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) bahawa asnaf al-riqab tidak lagi wujud pada masa kini lalu menyalurkan peruntukan zakat bagi asnaf ini kepada asnaf fakir, miskin, amil dan fisabilillah. Akibat daripada pandangan dan tafsiran asnaf yang berbeza-beza, maka peruntukan zakat bagi asnaf juga berbeza (Zulkefly, Mohd. Azlan Shah, & Hairunnizam, 2006).

Perbezaan agihan zakat kepada asnaf ini bukan hanya berlaku pada tahun 2010 dan 2011 sahaja. Statistik agihan zakat menunjukkan setiap tahun setiap negeri menunjukkan agihan zakat yang berbeza-beza di antara asnaf-asnaf (Lampiran B). Sehingga kini corak agihan zakat yang tidak seimbang ini masih berlaku di kalangan asnaf. Berdasarkan Statistik Pengurusan Agihan Zakat yang dikeluarkan oleh Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (JAWHAR, 2017), corak agihan sebegini berlarutan sehingga tahun 2015. Dalam tahun 2010, agihan zakat di negeri Kedah kepada asnaf fakir dan miskin adalah lebih kurang 42% daripada jumlah keseluruhan agihan zakat manakala lebih kurang 46% diagihkan kepada asnaf fisabilillah. Namun dalam tahun 2015, golongan fakir dan miskin pula menjadi keutamaan dengan peratusan agihan zakat sebanyak 48% berbanding dengan agihan kepada fisabilillah yang hanya 41% (JAWHAR, 2017).

Maka di sini timbul persoalan mengapa fenomena ini berlaku. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan ketidakseragaman dan ketidakseimbangan agihan zakat kepada asnaf di antara

negeri-negeri di Malaysia? Secara teori, masalah ini mungkin berpunca daripada bagaimana pihak pengurusan institusi zakat sesebuah negeri membuat peruntukan agihan zakat kepada asnaf-asnaf. Namun, sehingga kini kajian empirikal tentang keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi-institusi zakat masih sukar ditemui. Justeru itu, adalah wajar kajian ini dilakukan bagi mengkaji faktor-faktor yang mempunyai perkaitan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat setiap negeri.

Fenomena ini perlu diselidiki kerana ia melibatkan soal keadilan agihan zakat. Ini selaras dengan ajaran Islam yang menuntut keadilan dalam setiap aspek kehidupan terutama dalam isu berkaitan agihan zakat. Dalam hal agihan zakat, agihan yang adil tidak semestinya agihan yang sama rata di antara asnaf zakat. Teori Keadilan Agihan atau *Distributive Justice Theory* (Leventhal, 1980) juga turut menyatakan bahawa agihan yang adil bukan semata-mata agihan yang sama rata. Agihan yang mengikut prinsip keperluan dan sumbangan juga dianggap adil. Teori ini menyatakan bahawa terdapat faktor-faktor tertentu yang terlibat dalam membuat keputusan peruntukan agihan. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk menemui kajian yang menggunakan teori ini dalam persekitaran Islam terutamanya dalam hal peruntukan agihan zakat. Justeru, kajian ini merupakan kajian yang pertama yang mengadaptasikan teori ini sebagai teori asas dalam kajian keutamaan agihan zakat kepada asnaf.

Pada masa kini, masyarakat semakin lantang dalam mempersoalkan integriti dan ketelusan pengurusan institusi zakat, terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan agihan zakat (Mohd Harzrul, 2010). Ini adalah kerana jumlah dana zakat yang tinggi dilihat seolah-olah tidak mampu untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan umat Islam. Perkara ini pernah dinyatakan oleh mufti Perlis di mana beliau mempersoalkan mengapa wang zakat berbaki begitu banyak setiap tahun sedangkan kemiskinan masih berlaku (Mohd Asri, 2009).

Sekiranya pengurusan agihan zakat gagal dan kurang berkesan, kadar kemiskinan umat Islam akan terus meningkat dan ia akan mencalarakan imej agama Islam yang berprinsip menjaga kebajikan sesama umat manusia. Dana zakat yang dijangka mampu mengurangkan kadar kemiskinan, tetapi sehingga kini masih terdapat golongan fakir dan miskin yang tidak terbela dan tidak kurang pula ada golongan asnaf yang meminta-minta (Mohd Radzi, 2009).

Kelantangan masyarakat mempersoalkan urusan dan pentadbiran institusi zakat berlarutan sehingga kini malah menjadi lebih buruk akibat daripada penangan media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, Whatsapp dan sebagainya. Apabila ada pendedahan dibuat tentang kehidupan orang fakir miskin atau kemiskinan di kalangan masyarakat Islam di kaca televisyen ataupun di radio, berita-berita tersebut terus menjadi tular. Pengguna-pengguna media sosial terus memamaskan isu tersebut dengan menokok tambah berita tersebut dan seterusnya mengecam serta menyalahkan institusi zakat (Ram Al-Jaffri, 2016). Kemungkinan perasaan marah dan geram wujud apabila melihat kutipan zakat yang begitu tinggi hingga mencecah berbilion ringgit tetapi agihan zakat tidak sampai kepada golongan yang memerlukan. Tambahan pula, ada segelintir institusi zakat yang terpalit dengan kes salah guna kuasa, penyelewengan dan juga rasuah (Muhammad Yusri, 2017).

Fenomena ketidakseragaman dan ketidakseimbangan agihan zakat oleh institusi-institusi zakat di Malaysia tidak seharusnya dibiarkan terus berlaku tanpa penyelesaian. Ini kerana ia akan memberi kesan yang negatif terhadap institusi zakat itu sendiri. Masyarakat Islam mungkin akan hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap institusi zakat yang selama ini dianggap berpegang kepada prinsip Islam yang berpaksikan keadilan dan ketelusan (Aidit, 1988; Hairunnizam, Sanep, & Radiah, 2009a; Sanep, Hairunnizam, & Adnan, 2006). Masyarakat juga mungkin keliru dan celaru dengan pelaksanaan pengurusan zakat dan

menganggap wang zakat yang dibayar mungkin telah disalah gunakan, justeru mengakibatkan keraguan terhadap pengurusan institusi zakat (Muhammad Syukri, 2002).

Walaupun terdapat sebilangan institusi zakat yang telah dikorporatkan, masyarakat Islam didapati masih tidak berpuas hati dengan pengurusan institusi zakat (Hairunnizam et al., 2009a). Antara faktor utama masyarakat tidak berpuas hati adalah disebabkan oleh kaedah pengagihan yang kurang berkesan dan maklumat pengagihan kepada asnaf yang tidak jelas (Azman et al., 2012; Hairunnizam, Sanep, & Radiah, 2009b). Malah, kajian yang dilakukan oleh Hairunnizam, Sanep dan Radiah (2009a) mendapati sebanyak 57.6% pembayar zakat tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat. Perasaan tidak puas hati bakal mewujudkan masalah yang lebih besar. Sekiranya masyarakat tidak berpuas hati tentang agihan zakat, ia akan mengakibatkan jumlah pembayar zakat yang sedia ada merosot. Pembayar zakat akan kurang membayar zakat secara formal kepada institusi zakat tetapi sebaliknya akan membayar terus kepada asnaf-asnaf yang dikenali (Sanep et al., 2006). Fenomena ini didefinisikan sebagai ‘bocoran zakat’ yang berkemungkinan menyebabkan jumlah kutipan zakat akan berkurangan dan apa yang lebih membimbangkan lagi ialah hak asnaf-asnaf yang lain akan terabai di mana bayaran selalunya diberikan terus kepada asnaf fakir dan miskin sahaja. Selain dari itu, tanggapan negatif mengenai pengurusan pengagihan zakat ini juga akan turut mempengaruhi individu-individu yang tidak membayar zakat. Mereka ini akan terus enggan membayar zakat kerana menganggap wang zakat tidak digunakan secara menyeluruh dan kemungkinan berlakunya salah guna wang zakat (Hairunnizam et al., 2009b; Mohd Hasriq, 2011; Shaarani, 2010; Zulkifli, 2010).

Berdasarkan kepada impak-impak negatif ini, adalah wajar isu ketidakseragaman dan ketidakseimbangan agihan zakat diberikan perhatian yang serius. Kajian ini dijangka dapat

mengurangkan ketidakyakinan masyarakat Islam terutamanya pembayar zakat terhadap institusi-institusi zakat. Oleh yang demikian, kajian ini buat pertama kalinya akan cuba mengupas dan mencari jawapan mengapa wujudnya fenomena ini di kalangan institusi-institusi zakat di Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Statistik jelas menunjukkan wujud fenomena ketidakseimbangan agihan zakat di kalangan asnaf dan ketidakseragaman agihan zakat di kalangan institusi zakat di Malaysia (Jadual 1.1 dan 1.2). Secara teorinya, ketidakseimbangan dan ketidakseragaman agihan adalah kesan daripada kuasa pentadbiran hal ehwal agama dan urusan zakat yang terletak di bawah MAIN masing-masing. Agihan yang berbeza dan keutamaan agihan zakat terhadap asnaf-asnaf tertentu sebenarnya tidaklah melanggar *Syariah* memandangkan terdapat dua pandangan yang berbeza tentang agihan zakat. Pandangan pertama iaitu mengikut mazhab Hambali, Hanafi dan Maliki, zakat boleh diberikan kepada satu golongan asnaf sahaja. Pandangan kedua pula iaitu mengikut Mazhab Syafie mengatakan sekiranya agihan zakat dibuat oleh pemerintah, maka wajib zakat tersebut diagihkan kepada lapan golongan asnaf seperti yang disebutkan dalam Surah At-Taubah, Ayat 60. Akan tetapi jika pemerintah tidak mampu untuk mengagihkan zakat kepada kesemua lapan golongan asnaf, agihan kepada tiga golongan asnaf telah memadai.

Walaupun bagaimanapun, isu ketidakseimbangan dan ketidakseragaman tidak harus dipandang remeh dan sepatutnya diberikan perhatian dan penjelasan agar institusi zakat tidak dipandang serong oleh masyarakat. Pemahaman dan penjelasan perlu dibuat bagi mengurangkan kekeliruan, ketidakyakinan dan seterusnya meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat. Persoalan utama yang timbul dari senario ini adalah mengapa ketidakseragaman agihan zakat

berlaku di antara negeri-negeri. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya perbezaan agihan zakat di kalangan asnaf? Apakah penekanan yang digunakan oleh institusi zakat dalam menentukan jumlah agihan kepada setiap asnaf? Fenomena ini menuntut penjelasan yang sewajarnya dari pihak pengurusan institusi zakat setiap negeri.

Setakat ini, agak sukar untuk menemui penerangan secara khusus di dalam literatur tentang persoalan-persoalan yang dinyatakan di atas. Agihan zakat melibatkan lapan golongan asnaf seperti yang telah ditetapkan dalam Surah At-Taubah, Ayat 60. Maka sewajarnya institusi zakat berlaku adil kepada setiap golongan asnaf. Teori keadilan agihan (*Distributive justice theory*) menyatakan keadilan sesuatu agihan dinilai berdasarkan prinsip-prinsip tertentu seperti prinsip keperluan, sumbangan dan sama rata (Leventhal, 1980). Walau bagaimanapun, penggunaan sesuatu prinsip itu adalah berdasarkan faktor-faktor persekitaran yang terlibat dengan peruntukan agihan. Teori ini telah diuji di negara-negara Barat dalam kajian-kajian berkaitan bantuan kebajikan, bantuan kemanusiaan dan bantuan bencana alam (Berthélemy, 2006; Berthelemy & Tichit, 2004; Cooray & Shahiduzzaman, 2004; Neumayer, 2003a; Painter & Bae, 2001; Toiika, Gais, Nikolov, & Billen, 2004). Namun, sehingga kini agak sukar untuk menemui penggunaan teori ini di dalam persekitaran agihan zakat. Justeru, teori ini akan dijadikan teori asas kajian ini bagi menyelidik faktor-faktor yang terlibat dalam keutamaan agihan zakat kepada asnaf.

Kemungkinan berlakunya ketidakseragaman agihan zakat kepada asnaf adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor yang mungkin terlibat dalam penentuan agihan zakat boleh diklasifikasikan sebagai faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor-faktor dalaman yang dijangka mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan zakat merangkumi kepimpinan, motif agihan, ideologi dan ciri-ciri pengurusan tertinggi manakala faktor-faktor luaran pula

adalah seperti status ekonomi, tekanan politik dan tekanan sosial. Faktor-faktor ini telah diuji secara berasingan dalam kajian-kajian yang lepas (Berthelemy & Tichit, 2004; Cooray & Shahiduzzaman, 2004; Neumayer, 2003c; Painter & Bae, 2001; Toiika et al., 2004). Terdapat faktor yang menunjukkan perkaitan yang positif dengan agihan dan ada juga yang gagal memberikan kesimpulan yang konklusif. Kajian ini akan menggabungkan semua faktor di atas dalam mencari jawapan kepada persoalan ketidakseragaman agihan zakat kepada asnaf yang secara empirikalnya belum dapat dibuktikan.

1.3 Persoalan Kajian

Senario ketidakseimbangan dan ketidakseragaman yang dibincangkan di atas memerlukan perhatian yang sewajarnya. Seperti yang telah dibentangkan, dalam Jadual 1.1 dan 1.2, terdapat perbezaan ketara dalam agihan zakat ke atas asnaf di antara negeri-negeri di Malaysia. Justeru, persoalan utama kajian ini ialah bagaimana perbezaan ini dapat difahami. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah bentuk agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat secara umum?
2. Apakah faktor-faktor yang mempunyai perkaitan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat?
3. Bagaimanakah faktor-faktor yang ditemui di dalam Soalan 2 boleh mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini merupakan percubaan pertama untuk mengupas persoalan tentang ketidakseragaman dan ketidakseimbangan pengagihan zakat di antara negeri-negeri di Malaysia. Oleh itu, kajian ini pada amnya akan memfokuskan kepada institusi-institusi zakat

di seluruh Malaysia dan mengkaji faktor-faktor penentu pengagihan zakat di setiap negeri. Secara am, kajian ini cuba memperoleh kefahaman mendalam tentang agihan zakat kepada asnaf yang berbeza-beza di antara negeri-negeri di Malaysia. Objektif khusus yang ingin dicapai oleh kajian ini adalah seperti di bawah:

1. Menjelaskan bentuk agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat secara umum;
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang berkait dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat; dan
3. Menentukan bagaimanakah faktor-faktor yang ditemui di dalam Soalan 2 boleh mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat.

1.5 Signifikan Kajian

Rungutan mengenai agihan zakat yang tidak diagihkan sepenuhnya dan kegagalan institusi zakat untuk mengurangkan kemiskinan banyak dilaporkan (Mohd Asri, 2009; Sanep et al., 2006). Walaupun tujuan utama agihan zakat adalah untuk meningkatkan taraf hidup orang miskin dan mengurangkan jurang pendapatan, terdapat negeri-negeri yang mengutamakan asnaf lain di dalam agihan zakat. Di samping itu, agihan zakat kepada setiap asnaf didapati tidak seragam setiap tahun. Keadaan bertambah buruk lagi apabila terdapat negeri yang dikategorikan sebagai negeri yang miskin tetapi pengagihan zakat menunjukkan kurang daripada 50% dari jumlah kutipan dan ada yang sebaliknya. Kepelbagaian corak dan peratusan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah faktor yang berkait rapat dengan institusi zakat itu sendiri dan juga faktor persekitaran.

Kajian tentang pengagihan bukanlah sesuatu yang baru di dalam persekitaran zakat. Terdapat beberapa kajian telah dijalankan dan di antaranya adalah tentang keberkesanan agihan zakat

(Hairunnizam, Sanep, Mohd Ali, & Maryam, 2016), lokalisasi agihan zakat (Hairunnizam & Radiah, 2010), kecekapan pengurusan institusi zakat, ketidakpuasan hati masyarakat tentang agihan zakat (Abd Halim et al., 2015; Eza Ellany, Mohd Rizal, & Mohamat Sabri, 2014; Hairunnizam et al., 2009b) dan sebagainya. Namun begitu, kajian mengenai ketidakseragaman dalam pembuatan keputusan tentang pengagihan zakat sukar ditemui sama ada di Malaysia mahu pun di luar negara. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan cubaan yang pertama yang mengenal pasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi peruntukan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat. Justeru, diharap kajian ini akan berupaya menambahkan lagi pengetahuan dan memberi pemahaman kepada masyarakat Islam mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat.

Penjelasan kepada masyarakat Islam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf amat penting. Kajian menunjukkan antara alasan masyarakat tidak berpuas hati dengan institusi zakat adalah kerana kurangnya maklumat tentang agihan dan maklumat agihan yang kurang jelas (Hairunnizam et al., 2009b). Kajian tersebut berjaya membuktikan bahawa kepuasan hati terhadap institusi zakat mempunyai perkaitan yang positif dengan kemungkinan membayar zakat melalui institusi formal. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan hasil kajian akan berupaya mengelakkan perasaan ketidakpuasan hati masyarakat Islam terhadap peranan institusi zakat di dalam isu berkaitan dengan pengagihan zakat. Hasil kajian ini juga dijangka dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk terus membayar zakat kepada institusi formal dan seterusnya berupaya meningkatkan hasil kutipan zakat.

Sumbangan seterusnya adalah kepada institusi-institusi zakat di mana hasil kajian ini dapat memberikan input yang berguna berkaitan faktor-faktor keutamaan agihan zakat. Kajian ini juga dijangka akan memberikan manfaat kepada institusi zakat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dalam usaha mempertingkatkan lagi prestasi agihan zakat. Input mengenai faktor-faktor yang terlibat dalam pembuatan keputusan dalam hal agihan zakat kepada asnaf akan dapat membantu institusi zakat merangka dan menjalankan strategi yang lebih berkesan dalam hal agihan zakat. Selain dari itu, hasil kajian ini dijangka dapat membantu institusi zakat dalam memastikan agihan zakat akan lebih menyeluruh serta dapat dinikmati oleh setiap golongan asnaf.

Kajian mengenai faktor-faktor yang terlibat di dalam keutamaan agihan zakat kepada asnaf adalah amat sukar ditemui. Justeru, kajian ini juga dijangka memberi implikasi kepada teori agihan zakat. Ini adalah kerana kajian ini merupakan cubaan pertama bagi membentuk model keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Tujuan model ini dibangunkan adalah untuk menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi-institusi zakat. Teori keadilan agihan akan digunakan sebagai teori asas kajian ini. Teori ini telah diuji di negara barat dalam persekitaran agihan bantuan kebajikan, kemanusiaan dan bencana alam (Berthélemy, 2006; Berthelemy & Tichit, 2004; Cooray & Shahiduzzaman, 2004; Neumayer, 2003a; Painter & Bae, 2001; Toiika et al., 2004). Namun setakat ini teori ini belum lagi diuji dalam keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Begitu juga dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diperkenalkan. Walaupun pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut telah diuji tetapi di dalam persekitaran yang berlainan dengan agihan zakat. Justeru, kajian ini merupakan kajian yang pertama menggunakan teori keadilan agihan dan pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut bagi menerangkan fenomena ketidakseragaman peruntukan agihan zakat kepada asnaf. Secara ringkasnya, kajian ini diharapkan dapat

memberikan sumbangan kepada teori dan pengurusan institusi zakat serta masyarakat Islam amnya.

1.6 Skop, Andaian Dan Batasan Kajian

1.6.1 Skop Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor penentu keutamaan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat. Oleh yang demikian, kesemua 14 institusi zakat di Malaysia akan diberi perhatian dalam kajian ini.

1.6.2 Andaian Kajian

Kajian akan dilakukan dengan membuat andaian-andaian berikut:

1. Semua institusi zakat mempunyai ahli jawatankuasa/lembaga untuk membuat keputusan berkaitan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf.
2. Semua institusi zakat memahami dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang termaktub di dalam enakmen perundangan agama Islam negeri.
3. Semua institusi zakat mendapat maklumat berkaitan dengan asnaf daripada amil-amil yang dilantik dan juga dari bahagian sumber manusia.

1.6.3 Batasan Kajian

Batasan kajian pula adalah seperti berikut:

1. Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif dan analisis bukan parametrik. Justeru, keputusan-keputusan yang dibuat hasil daripada penemuan kajian ini adalah terhad.

2. Kajian ini bergantung kepada kerjasama institusi zakat yang terlibat dalam membekalkan maklumat dan membenarkan kutipan data dilakukan.

1.7 Penyusunan Tesis

Terdapat sebanyak lima bab disediakan di dalam penulisan tesis ini. Bab 1 membincangkan tentang fenomena ketidakseragaman dan ketidakseimbangan agihan zakat kepada asnaf. Bab 2 pula membincangkan sorotan literatur di mana kepentingan institusi zakat di Malaysia dan agihan zakat dikupas. Ini disusuli dengan perbincangan mengenai teori asas yang digunakan dan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dijangka mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Seterusnya, Bab 3 menumpukan kepada metodologi kajian. Perbincangan dalam bab ini merangkumi kerangka kerja teori, pembentukan hipotesis, pengukuran pemboleh ubah, pengumpulan data dan instrumen kajian. Bab 4 menekankan tentang analisis data dan keputusan kajian yang diperoleh melalui kaedah soal selidik. Bab yang terakhir iaitu Bab 5 adalah berkaitan dengan perbincangan analisis kajian, implikasi kajian, cadangan untuk kajian akan datang dan kesimpulan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian-kajian berkaitan zakat bukanlah sesuatu yang baru, malah banyak kajian telah dilakukan sama ada berkaitan dengan kutipan mahupun agihan zakat. Jika diamati kajian-kajian mengenai zakat serta literatur yang sedia ada, kebanyakannya menjurus kepada kutipan zakat. Di antaranya adalah zakat pendapatan (Kamil, 2002, 2006; Zainol, 2008; Zainol, Kamil, & Faridahwati, 2009), zakat perniagaan (Ram Al Jaffri, 2010; Ram Al Jaffri, Kamil, & Zainol, 2009a; Ram Al Jaffri et al., 2009b; Zahri, 2009), pembayaran secara formal (Sanep et al., 2006), potensi pembayar dan kutipan (Abdul Hakim Amir, 2007) dan zakat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Asmadi, 2006). Kajian mengenai agihan zakat juga telah banyak dijalankan, namun kebanyakan kajian-kajian berkenaan berkisar tentang ketidakpuasan hati masyarakat Islam tentang pengagihan zakat (Hairunnizam et al., 2009b), pembangunan ekonomi (Mahyuddin & Abd Ghani, 2011; Patmawati, 2008), lokalisasi zakat (Hairunnizam, Sanep, & Radiah, 2012; Muhammad Syukri, 2002), tadbir urus institusi zakat (Md Hairi, Kamil, & Ram Al Jaffri, 2012; Norazlina & Abdul Rahim, 2011a; Shawal & Hasan, 2007) dan kecekapan institusi zakat (Abd Halim et al., 2015; Eza Ellany et al., 2014; Hairunnizam et al., 2016; Norazlina & Abdul Rahim, 2011b).

Walau bagaimanapun, sehingga kini agak sukar untuk menemui kajian tentang ketidakseimbangan agihan zakat di kalangan asnaf zakat. Tambahan pula, ketidakseragaman ini berlaku di antara institusi-institusi zakat di Malaysia. Melalui sorotan literatur yang dibuat, belum ada satu teori yang dapat menjelaskan tentang perbezaan agihan zakat tersebut.

Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada kesemua institusi zakat dan melihat kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan agihan zakat. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membantu meningkatkan literatur dan korpus ilmu dalam bidang zakat terutamanya agihan zakat yang agak kurang dibincangkan di Malaysia. Bagi mencapai objektif kajian ini, teori keadilan agihan telah dipilih sebagai teori asas kajian ini. Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan literatur-literatur yang berkaitan dengan teori keadilan agihan dan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menjadi punca kepada masalah ketidakseragaman agihan zakat.

Bab ini bermula dengan perbincangan tentang kepentingan institusi zakat, disusuli dengan hal pengurusannya serta agihan zakat terhadap asnaf. Seterusnya, kupasan mengenai teori keadilan dari perspektif Islam dan juga teori keadilan agihan yang menjadi asas kepada kajian ini. Kemudian, perbincangan tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas turut diulas dalam bab ini.

2.2 Kepentingan Institusi Zakat

Zakat merupakan suatu aspek penting dalam sistem sosial dan ekonomi bagi umat Islam. Institusi zakat bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan zakat kerana ia bukan sahaja tanggungjawab agama tetapi juga tanggungjawab sosial dan ekonomi. Allah S.W.T. telah berfirman dalam Surah At-Taubah, Ayat 103 yang bermaksud:

“Ambil sebahagian daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Perkataan “ambil” dalam ayat ini ditujukan kepada Rasulullah S.A.W. selaku pemerintah negara Islam pada masa itu, Rasulullah S.A.W. mempunyai kuasa untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Ini diikuti oleh Saidina Abu Bakar selepas kewafatan baginda. Pendapat ulama mengatakan perkataan “ambil” ditujukan kepada baginda Rasulullah S.A.W. dan kepada sesiapa yang mentadbir atau menjaga kepentingan umat Islam.

Di samping itu, ayat di atas jelas menunjukkan bahawa perlunya satu badan atau organisasi yang menguruskan zakat secara efisien dan efektif. Ini kerana zakat bukan sahaja dapat membantu masyarakat Islam yang berada dalam kemiskinan dan kesusahan, malah zakat juga dapat meningkatkan pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah masyarakat. Peranan dan tanggungjawab institusi zakat sebagai amil bagi menguruskan hal-hal berkaitan zakat begitu penting sekali di dalam masyarakat Islam sehinggakan Allah S.W.T. telah menurunkan ayat Al-Quran, Surah At-Taubah, ayat 60 yang menetapkan bahawa amil adalah salah satu golongan yang layak menerima zakat.

Institusi zakat atau baitulmal telah ditubuhkan bagi melaksanakan urusan berkaitan dengan bayaran, kutipan dan agihan zakat. Usaha-usaha yang dijalankan dalam memberi kesedaran kepada umat Islam tentang kewajipan membayar zakat telah membuahkan hasil apabila jumlah keseluruhan kutipan zakat terus meningkat setiap tahun sehingga mencecah berbilion ringgit. Selain dari itu, pengkorporatan ke atas pengurusan institusi zakat turut menambahkan lagi kecekapan institusi tersebut dalam mengendalikan segala urusan berkaitan zakat.

Zakat yang dikumpulkan seharusnya diagihkan secara menyeluruh kepada semua lapisan golongan asnaf yang layak (Hairunnizam et al., 2009a; Mohd Parid, 2001). Namun, keadaan sebaliknya berlaku di mana boleh dikatakan hampir semua institusi zakat tidak dapat mengagihkan semua dana zakat yang dikutip. Malah, zakat yang diagihkan juga tidak merangkumi kesemua lapisan golongan asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran. Masyarakat Islam pada masa kini kurang berpuas hati dengan peranan institusi zakat dalam soal agihan sehingga menyebabkan mereka enggan membayar zakat kepada institusi tersebut (Hairunnizam et al., 2009b). Di samping itu juga, terdapat banyak rungutan, laporan dan isu-isu yang berkaitan dengan agihan zakat yang sering dipaparkan di dada akhbar. Di antaranya, laporan berkaitan cadangan penyelarasan agihan zakat oleh kerajaan (“Kerajaan belum bercadang menyelaraskan agihan zakat,” 2009), hak zakat golongan muafak yang terabai (Mohd Radzi, 2009), keperluan pendedahan bagaimana wang zakat dibelanjakan (Norliza, 2008; Rozmal, 2005), institusi zakat dipertikaikan (“Institusi zakat dipertikai,” 2001). Dalam hal ini, peranan institusi zakat dari segi bab pengagihan belum dieksploitasi sepenuhnya dan perhatian yang serius perlu diberikan ke atas soal agihan zakat ini.

Kepentingan institusi zakat boleh dilihat sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. lagi di mana baginda telah menghantar Muaz bin Jabal sebagai gabenor ke Yaman dan baginda telah bersabda:

“Ambil zakat daripada kalangan orang kaya dan berikannya kepada orang miskin di kalangan mereka.”

(Terjemahan Hadis Sahih Bukhary, 1989)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa amil atau institusi zakat berperanan untuk mengutip zakat dan mengagihkannya kepada golongan fakir dan miskin. Namun begitu, pengurusan

zakat pada zaman Rasulullah S.A.W. tidaklah secanggih pengurusan zakat hari ini memandangkan pada zaman baginda dana yang dikutip tidaklah banyak dan tiada masalah dalam pengagihan zakat kerana umat Islam pada ketika itu tidak seramai umat Islam hari ini (Musa, Abd Halim, Mujaini, Hasan, & Syawal, 2006). Perubahan zaman ketika ini yang lebih moden dan kompetitif secara tidak langsung menuntut supaya zakat diuruskan secara lebih profesional dan berkesan.

Peranan utama institusi zakat adalah untuk memberi kesedaran dengan menyampaikan maklumat kepada masyarakat Islam tentang kewajipan membayar zakat. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi meningkatkan kesedaran seperti berdakwah, memberi ceramah, kempen melalui media massa, jalinan dengan agensi korporat dan sebagainya. Usaha ini telah menampakkan hasil apabila jumlah kutipan zakat terus melonjak dari setahun ke setahun. Sebagai contoh, jumlah kutipan zakat bagi semua negeri di Malaysia pada tahun 2005 adalah sekitar RM573 juta. Angka ini terus melonjak sehingga melebihi RM1 bilion pada tahun 2009 (MAIWP, 2009). Statistik Pengurusan Zakat menunjukkan jumlah kutipan zakat terus meningkat di mana jumlah zakat yang berjaya dikutip pada tahun 2015 menghampiri RM2.5 bilion (JAWHAR, 2017).

Selain daripada menyampaikan maklumat dan berdakwah tentang kewajipan membayar zakat, institusi zakat juga memainkan peranan yang cukup penting di dalam proses kutipan serta agihan zakat. Ini kerana institusi zakat bertindak sebagai amil yang bertanggungjawab untuk menguruskan dana zakat. Qardawi (1999) turut menjelaskan beberapa peranan institusi zakat dalam proses kutipan dan agihan zakat. Pertamanya, terdapat di kalangan individu Islam yang tidak menyedari tentang tanggungjawab dan kewajipan membayar zakat. Di sini, institusi zakat berfungsi dalam memainkan peranan menyebarkan maklumat dan mendidik

individu tersebut tentang pentingnya berzakat, syarat-syarat wajib zakat, harta yang sepatutnya dikeluarkan zakat dan juga cara pengiraannya. Terdapat juga individu-individu yang tidak begitu kuat imannya untuk melaksanakan kewajipan zakat. Dengan wujudnya institusi zakat yang berperanan mengingatkan tanggungjawab membayar dan seterusnya mengutip zakat, secara tidak langsung ia akan mendorong individu-individu tersebut untuk membayar zakat.

Selain daripada itu, dana zakat yang dikumpulkan pada setiap tahun melibatkan suatu jumlah yang besar. Oleh yang demikian, ia memerlukan pengurusan yang cekap dan berkesan di mana agihan zakat yang dibuat perlulah menyeluruh dan melibatkan semua lapisan golongan yang layak menerimanya. Sekiranya agihan zakat dibuat secara terus oleh individu dan tanpa melalui institusi zakat, besar kemungkinan agihan yang dibuat akan dipengaruhi oleh pandangan peribadi individu tersebut (Qardawi, 1999). Kemungkinan hak asnaf-asnaf yang lain akan terabai kerana agihan zakat pada amnya akan tertumpu kepada golongan fakir dan miskin sahaja. Ini adalah berbeza dengan apa yang dilakukan oleh institusi zakat kerana mereka mampu mengumpul maklumat serta keperluan golongan asnaf lain seperti asnaf mualaf dan fisabilillah. Dalam erti kata lain, hanya institusi zakat yang mampu untuk mengagihkan zakat kepada semua golongan asnaf secara adil dan saksama (Qardawi, 1999).

Institusi zakat berperanan dalam menentukan keseluruhan golongan yang berhak menerima zakat. Ini termasuklah golongan yang dijinakkan hatinya (mualaf), golongan yang ingin memerdekakan dirinya (al-riqab), golongan yang berhutang (al-gharimin) dan golongan yang berjuang di jalan Allah S.W.T. Penentuan agihan akan dibuat berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan dan jumlah zakat yang akan diagihkan adalah mengikut had kifayah yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/ Jabatan Agama Islam

Negeri (JAIN) masing-masing (Kamil, 2002; Md Zyadi & Mariam, 1999; Norazlina & Abdul Rahim, 2011a; Ram Al Jaffri, 2010).

Di samping itu juga, institusi zakat bertindak dalam memelihara hak dan maruah orang-orang yang berhak menerima zakat. Ini kerana dengan menyalurkan wang zakat terus ke institusi zakat, pembayar zakat tidak mengetahui siapa penerima zakat tersebut. Sebaliknya, sekiranya zakat diagihkan terus kepada asnaf oleh pembayar zakat, kemungkinan akan timbul perasaan negatif di kalangan asnaf, umpamanya malu, rendah diri dan kurang keyakinan diri (Qardawi, 1999).

2.3 Institusi Zakat Di Malaysia

Di Malaysia, pengurusan zakat telah bermula sejak zaman pra-penjajah lagi. Di antara orang yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan dengan urusan kutipan dan agihan zakat adalah terdiri daripada imam, ustaz serta ketua kampung. Kumpulan ini bertindak sebagai amil dalam mengenal pasti dan mengagihkan zakat kepada golongan asnaf yang layak. Selain menjadi orang yang dihormati dan disegani kerana ilmu agama, kumpulan ini juga mempunyai ciri-ciri keperibadian yang tinggi yang membuatkan para pembayar zakat begitu yakin dengan tugas amil yang dilaksanakan.

Ketika ini, pengurusan zakat adalah terletak di bawah MAIN masing-masing. Terdapat 14 buah institusi zakat atau baitulmal di Malaysia. Bagi negeri-negeri yang mempunyai Sultan atau Raja sebagai ketua agama, institusi zakat bertanggungjawab secara terus kepada Sultan. Sebaliknya, bagi negeri-negeri yang diketuai oleh Yang Di Pertua Negeri seperti Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, Yang Di-Pertuan Agong selaku ketua agama mempunyai kuasa dalam urusan pentadbiran hal ehwal Islam. Mengikut Jadual 9,

Perlembagaan Malaysia Fasal 3(4), segala hal berkaitan dengan agama Islam adalah di bawah kuasa Sultan dan Yang Di-Pertuan Agong. Ini termasuklah hal-hal berkaitan zakat, baitulmal dan sebagainya (Azizah & Abd Halim, 2009). Dalam erti kata lain, Sultan dan Yang Di-Pertuan Agong mempunyai kuasa dalam hal-hal berkaitan kutipan dan agihan zakat bagi negeri masing-masing. Namun kuasa yang diperuntukkan adalah tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri atau Enakmen Zakat Negeri.

Pentadbiran urusan zakat di setiap negeri adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh MAIN masing-masing serta undang-undang zakat setiap negeri. Kebiasaannya, perundangan zakat terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri. Walau bagaimanapun, perundangan zakat bagi negeri Kedah dan Sabah adalah terletak di bawah satu enakmen khas dan terasing daripada Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri. Enakmen-enakmen ini dikenali dengan nama Enakmen Zakat 1955 bagi negeri Kedah dan Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 bagi negeri Sabah. Jadual 2.1 menunjukkan nama perundangan zakat yang diguna pakai bagi setiap negeri di Malaysia.

Jadual 2.1

Perundangan Zakat di Malaysia

Negeri	Perundangan Zakat
Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003; Peraturan Zakat & Fitrah Tahun 1962; Panduan Baitulmal
Kedah	Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah (2015)
Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002
N.Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan (2003)
Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991
P.Pinang	Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959 (Undang-Undang No. 3 Tahun 1959).
Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis (2006)
Selangor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
Terengganu	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
Sabah	Enakmen Zakat dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993
Sarawak	Undang-Undang Zakat 1966; Ordinan Majlis Islam Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) 1984
W.Persekutuan	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

2.4 Pengurusan Institusi Zakat

Dalam usaha mempertingkatkan lagi pengurusan zakat, terdapat beberapa MAIN telah mengambil langkah mengkorporatkan institusi zakat di bawahnya. Apabila telah dikorporatkan, institusi zakat ini akan menerapkan prinsip pengurusan korporat di dalam pentadbirannya. Antara prinsip-prinsip yang diaplikasikan termasuklah efektif, amanah, adil, telus dan kebertanggungjawaban (*accountable*). Sehingga kini, terdapat sembilan buah institusi zakat yang telah dikorporatkan pengurusannya yang didahului oleh Wilayah

Persekutuan pada tahun 1991. Ini diikuti oleh negeri-negeri lain seperti Pahang, Selangor, Pulau Pinang, Sarawak, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah dan Kedah (Jadual 2.2). Tujuan utama konsep pengkorporatan ini adalah untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat dan mengaplikasikan cara korporat dalam urusan kutipan zakat (PPZ-MAIWP, 2009).

Walau bagaimanapun, tidak kesemua institusi zakat yang telah dikorporatkan diberi kuasa untuk mengutip dan mengagih zakat (Eza Ellany et al., 2014; Shawal & Hasan, 2007). Jadual 2.2 menunjukkan terdapat institusi zakat yang hanya mengkorporatkan aktiviti kutipan sahaja umpamanya di Wilayah Persekutuan manakala aspek agihan di negeri tersebut masih kekal di bawah bidang kuasa Baitulmal MAIWP. Keadaan yang sama juga berlaku di Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang. Lima negeri didapati melaksanakan aktiviti pengkorporatan dan melibatkan aspek kutipan dan agihan zakat. Negeri-negeri tersebut adalah Selangor, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Kedah. Bagi negeri-negeri lain yang tidak dikorporatkan seperti Johor, Perak, Perlis, Kelantan dan Terengganu, urusan mengutip dan mengagih zakat adalah terletak di bawah Baitulmal MAIN masing-masing.

Jadual 2.2

Peng korporatan Institusi Zakat Dan Bidang Kuasa

Negeri	Institusi Zakat	Dikorporatkan		Tidak dikorporatkan
		Kutipan	Agihan	
W. Persekutuan	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	√		
N. Sembilan	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	√		
Melaka	Majlis Agama Islam Melaka	√		
Pahang	Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	√		
Selangor	Lembaga Zakat Selangor	√	√	
P. Pinang	Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang	√	√	
Sabah	Pusat Zakat Sabah	√	√	
Sarawak	Tabung Baitulmal Sarawak	√	√	
Kedah	Lembaga Zakat Negeri Kedah	√	√	
Johor	Majlis Agama Islam Negeri Johor			√
Perak	Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak			√
Perlis	Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis			√
Kelantan	Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan			√
Terengganu	Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu			√

Sumber: Data diperolehi daripada laman sesawang institusi zakat negeri dan Majlis Agama Islam Negeri

Memandangkan institusi-institusi zakat di Malaysia berada di bawah pentadbiran kerajaan negeri masing-masing, sudah tentu terdapat banyak perbezaan dalam pelbagai aspek sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Semuanya tertakluk kepada keputusan MAIN setiap negeri. Keadaan sebegini jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan persekutuan tidak berhak mencampuri urusan berkaitan agama Islam negeri termasuk hal-hal yang berkaitan dengan zakat. Walaupun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga JAWHAR telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaraskan urusan agama Islam, namun jabatan tersebut cuma mampu bertindak sebagai pemantau dan penasihat sahaja (Ab. Rahim, 2007).

Rumusannya, institusi zakat berperanan dalam mengutip, mengurus dan mengagih dana zakat kepada asnaf yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Peranan institusi zakat dalam agihan zakat dan kepentingan institusi zakat telah bermula seawal zaman Rasulullah S.A.W. lagi dan berterusan di bawah pemerintahan empat orang khalifah iaitu Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Uthman dan Saidina Ali. Peredaran masa telah menyaksikan peningkatan jumlah umat Islam dan pengurusan zakat menjadi bertambah kompleks. Justeru, penubuhan institusi-institusi zakat sememangnya bertepatan bagi menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan zakat. Di Malaysia, tanggungjawab ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Setiap negeri mempunyai institusi zakat yang diletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Terdapat sejumlah 14 buah institusi zakat yang mewakili 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. Walaupun institusi zakat ini berbeza antara satu sama lain, namun tanggungjawab mereka tetap sama iaitu memastikan setiap asnaf berhak mendapat bahagian zakat mereka.

2.5 Agihan Zakat Kepada Asnaf

Zakat yang dikutip dan dikumpulkan oleh pihak pemerintah iaitu institusi zakat hendaklah dibelanjakan atau diagihkan kepada asnaf-asnaf sepertimana yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T dalam Surat At-Taubah, Ayat 60 yang bermaksud,

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan untuk orang-orang di dalam perjalanan (yang keputusan belanja). Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Kumpulan pertama yang berhak menerima zakat adalah orang-orang fakir dan miskin. Orang fakir ialah orang yang tidak mempunyai pendapatan dan sekiranya ada sekalipun masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan diri dan keluarganya. Begitu juga dengan orang miskin, walaupun mereka mempunyai pendapatan tetapi masih tidak mampu memenuhi keperluan diri dan keluarga. Akan tetapi, mereka tidak memperlihatkan kemiskinan mereka kepada umum. Golongan ini merupakan golongan yang sabar dan malu untuk memintaminta.

Hak amil atau pengurus-pengurus zakat yang tugasnya mengutip, mengumpul dan mengagihkan zakat tidak perlu dipertikaikan lagi. Ayat ini secara jelas menunjukkan Allah S.W.T. telah memperuntukkan zakat kepada golongan ini sebagai upah dan ganjaran terhadap tugas-tugas yang mereka lakukan. Zakat diberikan kepada golongan ini bukan atas dasar keperluan tetapi sebagai balasan ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan.

Golongan keempat yang disebut dalam ayat ini adalah golongan mualaf yang dijinakkan hati mereka dengan agama Islam. Mereka terdiri daripada beberapa golongan. Di antaranya, golongan yang baru memeluk Islam. Zakat diberikan kepada golongan ini dengan tujuan supaya mereka berpegang teguh kepada agama Islam. Selain itu, zakat turut diberikan kepada golongan yang diharapkan dapat dijinakkan hati mereka supaya memeluk agama Islam. Bagi yang telah memeluk Islam dan berpegang dengan ajaran Islam, zakat diberikan agar mereka dapat menarik lebih ramai kaum-kaum mereka memeluk agama Islam selepas melihat rezeki yang diberikan selepas pengislaman mereka. Secara umumnya, bantuan-bantuan yang diberikan kepada golongan ini adalah bertujuan supaya mereka berpegang teguh kepada Islam sekiranya mereka ditentang, dihimpit dan disekat rezeki mereka disebabkan oleh

pengislaman mereka. Selain itu, zakat diharapkan boleh mendorong mereka dalam berdakwah dan mempertahankan Islam. Pemberian zakat kepada golongan ini memperlihatkan kebijaksanaan Allah S.W.T dalam mentadbir orang-orang Muslim di dalam apa jua situasi dan keadaan.

Seterusnya, peruntukan agihan zakat kepada al-riqab dapat membantu golongan ini bagi memerdekakan diri mereka daripada perhambaan dan tawanan individu atau pihak-pihak tertentu. Wang zakat adalah sebagai bayaran atau pampasan kepada tuan mereka bagi tujuan membebaskan diri mereka dengan pengetahuan pihak pemerintah atau kerajaan. Golongan al-gharimin pula adalah golongan yang menanggung beban hutang dengan syarat hutang tersebut bukan daripada aktiviti yang melanggar syariat Islam. Mereka diberikan zakat bagi menjelaskan hutang mereka dan membebaskan mereka daripada belenggu kewangan yang mungkin membawa kepada masalah sosial yang lain. Pemberian zakat kepada golongan ini menunjukkan Islam tidak membiarkan umatnya yang jujur dan amanah jatuh tersungkur dan ditindas oleh mereka yang tamak dan mementingkan keuntungan.

Golongan yang terakhir yang disebut dalam ayat ini sebagai penerima zakat adalah golongan fisabilillah dan golongan yang bermusafir yang terputus perbelanjaannya. Fisabilillah pada asasnya adalah golongan yang berjuang di jalan Allah S.W.T. Namun, pemberian zakat kepada golongan ini merangkumi kepentingan yang sangat luas dan bagi menegakkan syiar Islam di bumi Allah S.W.T. Golongan yang terakhir yang disebut dalam ayat ini adalah golongan bermusafir yang dalam perjalanan tetapi keputusan belanja. Golongan ini dibantu bagi meneruskan perjalanan hingga sampai ke destinasi dengan syarat perjalanannya tidak melanggar syarak dan bertujuan baik.

Rumusannya, ayat ini menjelaskan tentang golongan-golongan yang berhak dan layak menerima bantuan zakat atau dikenali sebagai asnaf zakat. Secara ringkasnya, asnaf zakat terdiri daripada golongan fakir, miskin, amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnusabil. Hanya Allah S.W.T yang maha mengetahui segala kebaikan dan bijak mentadbir sekalian alam.

Walaupun agihan zakat kepada asnaf telah dijelaskan dalam ayat ini, terdapat dua pandangan yang berbeza tentang agihan zakat kepada asnaf. Pandangan pertama adalah daripada kumpulan Mazhab Hambali, Hanafi dan Maliki. Kumpulan ini berpendapat bahawa zakat boleh diberikan hanya kepada satu golongan asnaf sahaja. Ini berdasarkan riwayat semasa Rasulullah S.A.W. mengutuskan Muaz bin Jabal ke Yaman. Sabda baginda:

“Ambillah zakat daripada kalangan orang kaya dan berikannya kepada golongan miskin di kalangan mereka.”



UUM
Universiti

(Terjemahan Hadis Sahih Bukhary, 1989)

Kumpulan ini berpegang kepada hadis ini dan berpendapat bahawa zakat boleh diberikan kepada satu golongan asnaf sahaja. Selain itu, kumpulan ini berpendapat pemakaian huruf ‘alif’ dan ‘lam’ (*lam al-tak’rif*) dalam Surah At-Taubah, Ayat 60 bagi penyebutan golongan asnaf-asnaf tersebut bersifat kiasan yang membawa maksud jenis atau golongan. Umpamanya, asnaf *al-fuqara* yang bermaksud golongan orang fakir dan boleh diberikan kepada satu golongan ini sahaja. Mereka berpendapat adalah mustahil untuk mengagihkan zakat kepada kesemua golongan asnaf. Walau bagaimanapun, Wahbah (2005) berpendapat alasan yang diberikan oleh kumpulan ini tidak boleh diterima kerana tidak masuk akal.

Pendapat yang kedua pula adalah daripada Mazhab Syafie yang menyatakan bahawa sekiranya zakat itu diagihkan oleh pihak pemerintah, zakat wajib diagihkan kepada kesemua lapan golongan yang disebutkan di dalam Surah At-Taubah, Ayat 60. Ini berdasarkan pemakaian huruf 'lam' yang bermaksud "pemilikan" dan huruf 'wauw' yang bermaksud "dan". Justeru, Mazhab ini berpendapat bahawa zakat adalah milik dan hak kesemua lapan golongan asnaf. Namun, pendapat ini menyatakan sekiranya keadaan tidak memungkinkan untuk diagihkan kepada lapan golongan asnaf tersebut, tanggungjawab pihak pemerintah dianggap selesai sekiranya agihan dapat diberikan kepada tiga golongan asnaf.

Qardawi (1999) berpendapat sekiranya agihan zakat dilakukan oleh pihak pemerintah, seboleh-bolehnya agihan merangkumi kesemua lapan golongan asnaf. Beliau menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak pemerintah untuk mencari dan mengenal pasti lapan golongan asnaf sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, menurut beliau pihak pemerintah perlu adil dalam membuat agihan dan sepatutnya agihan dibuat berdasarkan keperluan setiap asnaf. Keutamaan agihan zakat perlu diberikan kepada dua golongan yang utama iaitu golongan fakir dan miskin. Walau bagaimanapun, agihan zakat adalah kuasa pemerintah dan terpulang kepada budi bicara dan kebijaksanaan pihak pemerintah untuk membuat agihan. Pandangan ini juga disokong oleh Mohd Parid (2001) dan Nik Mustapha (2001) yang berpendapat bahawa agihan kepada lapan golongan asnaf mesti dilakukan secara adil tetapi tidak semestinya sama rata dan terpulang kepada keputusan pihak pemerintah.

Pada pandangan Mahmood (2003), Surah At-Taubah, Ayat 60 ini berbentuk arahan dan memperincikan golongan manakah yang berhak menerima agihan zakat. Institusi-institusi zakat sepatutnya cuba membuat agihan secara menyeluruh. Ini dapat dilakukan dengan

meluaskan tafsiran bagi setiap asnaf. Konsep agihan yang dicadangkan oleh Mujaini (2009) boleh dijadikan asas bagi institusi dalam membuat agihan. Terdapat tiga konsep agihan zakat iaitu konsep keperluan, konsep pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral dan konsep insentif dan motivasi. Agihan yang berdasarkan konsep keperluan adalah agihan yang dibuat dengan tujuan memenuhi keperluan-keperluan asnaf. Golongan asnaf yang terlibat dalam konsep ini adalah fakir, miskin, al-riqab, al-gharimin dan ibnusabil. Konsep kedua pula ditujukan kepada golongan muafak dan fisabilillah. Konsep insentif dan motivasi pula diberikan kepada golongan amil. Zakat diberikan kepada golongan amil sebagai upah atas usaha yang dilakukan bagi mengumpul dan mengagihkan zakat. Di samping itu juga, zakat yang diberikan adalah sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada institusi zakat. Sekiranya agihan zakat dilaksanakan berdasarkan ketiga-tiga konsep ini, tidak mustahil zakat dapat diagihkan secara menyeluruh kepada kesemua lapan golongan asnaf.

Kajian ini berpendapat apabila zakat diagihkan oleh institusi zakat, ia seharusnya diagihkan kepada lapan golongan seperti mana yang dinyatakan dalam Surah At-Taubah, Ayat 60. Ini adalah kerana institusi zakat mempunyai amil-amil yang terlatih dalam hal kutipan dan agihan zakat. Pada masa kini, dengan penggunaan Internet dan teknologi komunikasi (ICT), pihak institusi zakat mudah untuk mengenal pasti dan mencari asnaf. Institusi zakat seharusnya tidak mempunyai masalah dalam memperoleh maklumat tentang keperluan asnaf dan maklumat mengenai kepentingan awam.

2.6 Asnaf-asnaf Zakat

Al-Quran dan hadis telah menjelaskan tentang agihan zakat secara terperinci jika dibandingkan dengan lain-lain hal berkaitan dengan zakat. Oleh yang demikian, agihan zakat amat wajar diberikan perhatian yang serius kerana ia merupakan tanggungjawab yang perlu

dilaksanakan dengan berhemah. Melalui Surat At-Taubah, Ayat 60, Allah S.W.T. telah menetapkan bahawa terdapat lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat. Golongan-golongan tersebut terdiri daripada golongan fakir, miskin, amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnusabil. Setiap negeri didapati mempunyai tafsiran asnaf zakat yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, tafsiran bagi setiap asnaf-asnaf zakat dapat dirumuskan seperti berikut:

1. **Fakir.** Golongan ini adalah golongan yang benar-benar miskin. Mereka ini terdiri daripada golongan yang tidak mempunyai harta atau juga mata pencarian. Sekiranya mereka mempunyai mata pencarian sekali pun, ia tidak mencukupi untuk menampung 50% keperluan diri dan keluarga mereka (JAWHAR, 2007).

2. **Miskin.** Orang-orang miskin terdiri daripada golongan yang mempunyai harta atau mata pencarian melebihi 50% tetapi hanya mampu untuk menampung sebahagian daripada keperluan diri dan keluarga mereka (JAWHAR, 2007). Walaupun golongan ini mempunyai pekerjaan tetapi masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup terutamanya dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal (Wahbah, 2005).

3. **Amil.** Amil bermaksud semua golongan yang terlibat dengan pengurusan dan pentadbiran zakat. Pekerja-pekerja di institusi zakat yang terlibat secara langsung dengan proses kutipan dan agihan zakat layak menerima zakat. Bahagian amil ini dianggap sebagai upah atas kerja-kerja yang dilakukan. Justeru, zakat tetap diberikan kepada golongan ini walaupun ada antara mereka yang kaya (Wahbah, 2005).

4. **Mualaf.** Mualaf adalah golongan yang dijinakkan hatinya ke jalan Allah S.W.T. Terdapat tiga golongan di bawah kategori ini iaitu golongan baru memeluk Islam, golongan yang menentang Islam dan golongan yang dipujuk untuk mendekati Islam. Zakat boleh diberikan kepada golongan ini tidak kira sama ada Islam ataupun bukan Islam. Wahbah

(2005) menyatakan bahawa zakat diberikan kepada orang bukan Islam atas dua sebab. Yang pertama, diberikan kepada orang yang diharapkan kebaikan kemudian hari dan yang kedua, diberikan kepada orang yang ditakuti mendatangkan mudarat kepada Islam. Zakat diberikan kepada muallaf Muslim pula bertujuan untuk menguatkan iman untuk terus bertahan dalam agama Islam. Selain itu, zakat juga diberikan kepada muallaf Muslim yang merupakan ketua kepada kaum buat kumpulan yang bukan Islam agar tetap memeluk Islam dan seterusnya menarik lebih ramai bukan Islam memeluk Islam (Wahbah, 2005). Persoalan sama ada golongan muallaf patut diberikan zakat mendapat pandangan yang berbeza. Menurut pendapat Mazhab Hanafi dan Maliki, zakat tidak perlu diberikan kepada golongan muallaf. Ini adalah kerana pada pandangan mereka, pada masa kini agama Islam telah kuat, kukuh dan tersebar di seluruh dunia. Pendapat ini tidak diterima oleh jumhur ulama yang mengatakan golongan muallaf wujud sepanjang masa dan wajib diberikan zakat sekiranya diperlukan.

5. ***Al-riqab***. Al-riqab membawa maksud hamba. Zakat diberikan kepada golongan hamba yang hendak memerdekakan dirinya daripada tuannya. Golongan ini telah membuat perjanjian dengan tuannya untuk dimerdekakan tetapi tidak mempunyai wang yang cukup untuk membuat demikian. Dalam konteks zaman moden ini, hamba seperti ini sudah tiada. Namun, zakat masih boleh diberikan untuk melepaskan seseorang daripada penindasan dan kongkongan (JAWHAR, 2007).

6. ***Al-gharimin***. Zakat diberikan kepada orang yang berhutang di jalan Allah dan tidak mampu untuk melangsaikan hutangnya. Terdapat dua golongan orang yang berhutang yang layak menerima zakat iaitu orang yang berhutang untuk keperluan diri dan keluarganya dan orang yang berhutang bagi tujuan membantu orang lain seperti contoh bagi mendamaikan dua pihak yang berbalah (JAWHAR, 2007). Wahbah (2005) menyatakan zakat boleh diberikan kepada golongan kaya yang berhutang asalkan hutang yang dibuat bukan untuk tujuan maksiat atau berhutang untuk mendapat zakat.

7. ***Fisabilillah***. Manual Pengurusan Agihan Zakat (JAWHAR, 2007) mentafsirkan fisabilillah sebagai apa-apa yang dilakukan pada jalan Allah bagi menegakkan agama Islam dan mendapat keredaan Allah S.W.T. Ini termasuklah kerja-kerja kebajikan bagi menyebarkan dan memperkukuhkan agama Islam. Maksud yang lebih khusus adalah menentang musuh-musuh Islam atau jihad. Mazhab Hambali berpendapat bahawa orang fakir yang ingin mengerjakan ibadat haji boleh diberikan zakat atas alasan menunaikan rukun Islam yang kelima itu wajib dan merupakan salah satu perjuangan di jalan Allah (Wahbah, 2005).

8. ***Ibnusabil***. Mereka ini terdiri daripada golongan musafir yang terputus bekalan atau perbelanjaan semasa perjalanan yang diharuskan oleh hukum syarak. Mereka mungkin terdiri daripada orang kaya di tempat asal mereka. Akan tetapi mereka layak menerima zakat sekiranya mereka terputus perbelanjaan semasa bermusafir (JAWHAR, 2007).

2.7 Teori Keadilan Menurut Perspektif Islam

Panduan dan rujukan utama umat Islam dalam menjalani kehidupan di dunia ini adalah dengan berpandukan kepada Al-Quran dan Hadis. Dengan menjadikan Al-Quran dan Hadis sebagai rujukan utama, umat Islam bukan sahaja akan mendapat keredaan bahkan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. di dunia mahupun di akhirat. Di dalam membincangkan soal keadilan, Allah S.W.T. telah menjelaskan di dalam Al-Quran supaya sentiasa berlaku adil dalam setiap aspek kehidupan. Umpamanya, keadilan di dalam kehidupan berkeluarga, keadilan di dalam pemerintahan dan keadilan di dalam perniagaan. Namun demikian, adil bukan bermaksud sama rata tetapi meletakkan sesuatu kena pada tempatnya.

Terdapat beberapa ayat yang dipetik daripada Al-Quran yang menunjukkan Allah S.W.T. memerintahkan hambaNya supaya berlaku adil. Di antaranya Surah Al-Maidah, Ayat 8 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

(Al-Quran dan Terjemahan, 2009)

Surah Al-Araf, Ayat 29 pula bermaksud:

“Katakanlah: "Tuhanku menyuruh menjalankan keadilan". Dan (katakanlah): "Luruskanlah muka (diri) mu di setiap solat dan sembahlah Allah dengan mengikhlasakan ketaatanmu kepada-Nya. Sebagaimana Dia telah menciptakan kamu pada permulaan (demikian pulalah) kamu akan kembali kepada-Nya".

(Al-Quran dan Terjemahan, 2009)

Ayat-ayat di atas menggambarkan keadilan bukanlah perkara yang boleh diambil mudah oleh umat Islam. Sekiranya keadilan tidak diberikan perhatian, ia bererti perintah Allah tidak dipatuhi dan akan mengundang kemurkaan Allah S.W.T. Di dalam pentadbiran sesebuah negeri atau negara, seseorang pemerintah wajib menjalankan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama ke atas rakyatnya. Kepentingan untuk berlaku adil di dalam pemerintahan juga dapat dilihat di dalam hadis berikut;

Daripada Aishah r.a. katanya, aku mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda dalam rumahku ini,

“Ya Allah, sesiapa yang mentadbir sesuatu urusan pemerintahan umatku, kemudian ia melakukan kezaliman ke atas mereka, maka kembalikan kezaliman itu ke atas mereka. Sesiapa yang mentadbir sesuatu urusan pemerintahan umatku, dengan menunjukkan kasih sayang

kepada mereka, maka kasihilah orang tersebut”.

(Terjemahan Hadis Sahih Bukhary, 1989)

Melalui hadis ini, Rasulullah S.A.W. telah mengajar dan menyeru semua pemerintah Islam yang telah diberikan tanggungjawab dan amanah dalam menjalankan pentadbiran supaya sentiasa menjaga kebajikan rakyat dan berlaku adil dalam pemerintahan. Baginda melarang perbuatan menindas dan mengutuk pemerintah yang melakukan kezaliman terhadap rakyatnya. Seseorang pemerintah yang dilantik haruslah menunaikan semua tanggungjawabnya sebagai pemimpin dengan melaksanakan tugas-tugas pemerintahan dengan adil serta menjaga kepentingan rakyat dengan menyediakan keperluan, kemudahan dan keselamatan kepada mereka.

Hadis ini juga menggambarkan bahawa setiap tindak tanduk manusia di muka bumi ini akan mendapat pembalasan yang sewajarnya di akhirat kelak. Oleh itu, keadilan merupakan suatu perkara yang amat penting di dalam kehidupan orang Islam dan ini turut merangkumi peruntukan agihan zakat kepada asnaf. Ini adalah kerana wang zakat merupakan hak asnaf sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Pihak yang telah diamanahkan dan

dipertanggungjawabkan dalam mengutip, mengurus dan mengagihkan wang zakat pula perlulah bersikap adil di dalam memperuntukkan wang tersebut. Ini kerana setiap individu akan disoal tentang amanah yang dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

2.8 Teori Keadilan Agihan (*Distributive Justice Theory*)

Teori ini secara amnya menekankan tentang keadilan agihan di dalam memperuntukkan sesuatu barang, sumber, hasil atau pendapatan di kalangan sekumpulan penerima peruntukan tersebut. Keadilan agihan boleh dikaji daripada dua perspektif yang berbeza. Pertamanya, dari perspektif penerima agihan dan keduanya, dari perspektif pembuat keputusan agihan. Isu yang utama berkaitan dengan keadilan agihan adalah dari sudut penerima agihan di mana ia melibatkan tahap kepuasan hati penerima, persepsi keadilan penerima dan respons penerima akibat daripada persepsi tersebut. Dari sudut pembuat keputusan agihan pula, isu lebih tertumpu pada corak agihan dan kriteria-kriteria yang digunakan dalam peruntukan agihan (Meindl, 1989).

Sesuai dengan kajian ini, perbincangan akan memfokuskan kepada keadilan agihan dari perspektif pembuat keputusan agihan. Terdapat dua golongan pembuat keputusan agihan yang terdiri sama ada daripada pihak ketiga yang membuat agihan ataupun pihak yang sama termasuk dalam golongan penerima agihan. Kajian ini akan melibatkan institusi zakat yang bertindak sebagai pembuat keputusan agihan zakat dan dalam masa yang sama mereka juga termasuk dalam golongan penerima agihan zakat. Seperti yang telah disebutkan di atas, keadilan agihan melibatkan proses agihan dan peruntukan agihan. Teori ini agak berbeza dengan teori ekuiti di mana teori ekuiti melibatkan elemen penukaran di antara dua pihak yang berkepentingan. Teori ini berasal daripada teori keadilan yang diperkenalkan oleh

Rawls (1999) di mana ia merujuk kepada keadilan yang berbentuk ekonomi dan bukan ekonomi.

Menurut Rawls (1999), terdapat dua prinsip keadilan yang digunakan di dalam peruntukan agihan. Pertamanya adalah prinsip kesamarataan di mana setiap individu adalah sama dalam semua aspek yang mana ia merangkumi kesamarataan hak, kebebasan, peluang yang sama rata, barangan asas, pendapatan dan juga kekayaan. Prinsip ini juga dikenali sebagai egalitarianisme. Prinsip kedua pula adalah prinsip perbezaan yang menekankan bahawa keadilan tidak semestinya sama rata tetapi keutamaan harus diberikan kepada pihak yang amat memerlukannya. Prinsip ini mengakui perbezaan dari segi keupayaan dan produktiviti setiap individu. Bagi Rawls (1999), pengagihan yang adil adalah pengagihan yang memberikan keutamaan kepada pihak yang kurang bernasib baik. Prinsip ini adalah selari dengan syariah Islam yang tidak menafikan kewujudan ketidaksamaan di kalangan umatnya. Malah, Islam mengajar umatnya agar sentiasa bersyukur dan menganggap jurang pendapatan di kalangan mereka sebagai ujian dari Allah S.W.T.

Keupayaan teori ekuiti di dalam menilai keadilan telah banyak dipersoalkan (Leventhal, 1980). Beliau menegaskan bahawa teori ekuiti mempunyai sifat unidimensi di mana ia lebih menitikberatkan tentang sumbangan atau merit seseorang di dalam menilai keadilan. Tambahan pula, teori ini hanya berkisar tentang pengeluaran (*output*) dan bagaimana mengagih dengan adil tanpa menyentuh tentang mekanisme yang terlibat di dalam proses agihan. Di samping itu juga, teori ini lebih menekankan tentang kepentingan keadilan di dalam sesuatu hubungan dan masih terdapat faktor-faktor lain yang tidak dapat dijelaskan oleh teori ekuiti (Leventhal, 1980).

Berikutan kekurangan yang terdapat di dalam teori ekuiti di dalam menilai keadilan, pelbagai kajian telah dilakukan dan ramai pengkaji telah mengakui keperluan untuk konsep keadilan agihan yang bersifat multidimensi. Antaranya, Leventhal (1980) telah memperkenalkan Model Keadilan Agihan (*Justice Judgement Model*) sebagai alternatif kepada teori ekuiti. Model ini mengandaikan bahawa persepsi seseorang tentang keadilan bukan hanya berdasarkan kepada elemen sumbangan semata-mata tetapi juga melibatkan elemen keperluan dan elemen kesamarataan. Tambah beliau lagi, elemen keperluan memberi keutamaan kepada pihak-pihak yang kurang bernasib baik dan yang benar-benar memerlukan bantuan. Elemen kesamarataan pula merujuk kepada bahagian yang sama sepatutnya diberikan kepada semua pihak tanpa mengira keperluan mahupun sumbangannya. Ketiga-tiga elemen ini dikenali sebagai prinsip agihan yang terdiri daripada prinsip sumbangan, prinsip keperluan dan prinsip kesamarataan.

Selain daripada tiga prinsip agihan sebagaimana yang dinyatakan di atas, Leventhal (1980) dalam Model Keadilan Agihan (*Justice Judgement Model*) turut menjelaskan persepsi individu terhadap keadilan agihan. Persepsi ini melibatkan kepercayaan individu tentang bagaimana sesuatu agihan itu dilakukan. Dalam kata lain, proses atau kriteria agihan turut mempengaruhi persepsi individu tentang keadilan agihan. Terma keadilan proses yang digunakan oleh Leventhal (1980) dikenali sebagai keadilan prosedur. Namun, bagi tujuan kajian ini, perbincangan akan lebih tertumpu pada keadilan agihan.

Selain daripada Leventhal (1980), terdapat beberapa pengkaji-pengkaji lain yang turut memperkenalkan prinsip-prinsip selain daripada tiga prinsip yang telah dinyatakan sebelum ini. Ada yang menyatakan terdapat empat prinsip agihan malah terdapat juga yang memperkenalkan lima prinsip agihan (Cook & Hegtvedt, 1983; Konow, 1996; Scott,

Matland, Michelbach, & Bornstein, 2001). Namun demikian, prinsip-prinsip tersebut adalah menyamai tiga prinsip asas agihan ataupun ditambah prinsip yang baru. Salah satu daripadanya ialah Eckhoff di dalam Cook dan Hegtvedt (1983), di mana beliau telah mengenal pasti lima prinsip kesamarataan yang digunakan semasa membuat sesuatu peruntukan. Lima prinsip tersebut adalah kesamarataan objektif; kesamarataan relatif; kesamarataan subjektif; kesamarataan susunan pangkat; dan kesamarataan peluang. Beliau mendefinisikan setiap prinsip seperti berikut:

- (1) Kesamarataan objektif merujuk kepada agihan jumlah yang sama kepada setiap penerima (prinsip kesamarataan).
- (2) Kesamarataan relatif merujuk kepada agihan seharusnya setara dengan sumbangan seseorang (prinsip sumbangan).
- (3) Kesamarataan subjektif bermaksud agihan yang berdasarkan kepada keperluan penerima (prinsip keperluan).
- (4) Kesamarataan susunan pangkat memadankan agihan atau ganjaran seseorang dengan pelaburan yang telah dibuat atau kos yang telah ditanggung.
- (5) Kesamarataan peluang pula menyatakan semua individu mempunyai peluang yang sama untuk bersaing bagi mendapat peruntukan agihan atau ganjaran.

Selain itu, Konow (1996) pula mendedahkan bahawa terdapat satu prinsip kebertanggungjawaban di samping tiga prinsip asas agihan. Beliau mendefinisikan prinsip kebertanggungjawaban sebagai peruntukan agihan (pendapatan) seseorang seharusnya berkadar terus (*direct proportion*) dengan faktor-faktor yang dipengaruhi oleh individu itu sendiri. Sebagai contoh, usaha yang dilakukan oleh seseorang individu bagi mendapatkan

sesuatu ganjaran diambil kira di dalam peruntukan agihan kepadanya. Namun, sekiranya terdapat faktor-faktor di luar kawalan individu umpamanya cacat anggota badan, maka usaha tersebut tidak akan diambil kira.

Scott et al. (2001) pula mengenal pasti empat prinsip yang terlibat dalam sesuatu peruntukan agihan. Selain prinsip kesamarataan, prinsip keperluan, prinsip merit atau sumbangan, beliau telah memperkenalkan satu prinsip baru yang dikenali sebagai prinsip kecekapan. Prinsip ini digunakan bagi menjustifikasikan ketidakadilan dalam keseluruhan ganjaran atau manfaat. Ia merujuk kepada keutamaan yang diberikan kepada sesuatu pihak apabila pihak tersebut dapat menghasilkan sesuatu yang lebih besar atau banyak dengan input yang sedikit.

Melalui sorotan literatur yang dilakukan, didapati ketiga-tiga prinsip agihan iaitu prinsip keperluan, kesamarataan dan sumbangan merupakan prinsip-prinsip utama yang digunakan di dalam menentukan bagaimana sesuatu barangan, pendapatan, ganjaran atau bantuan itu diagihkan. Namun demikian, keputusan mengaplikasikan sesuatu prinsip amatlah bergantung pada faktor situasi atau juga dikenali sebagai konteks. Antara faktor konteks yang telah dibincangkan di dalam literatur berkaitan keadilan agihan adalah motif atau matlamat agihan, kepentingan diri, jenis barangan yang diagihkan, sejarah agihan, kesan informasi dan kumpulan individu yang dibandingkan. Selain dari itu, ciri-ciri individu turut digunakan umpamanya ideologi pengagih, jantina, taraf pendidikan, bidang pendidikan dan usia pengagih (Faravelli, 2007; Herne & Suojanen, 2004; Konow, 1996, 2001, 2003, 2009; Michelbach, Scott, Matland, & Bornstein, 2003; Scott & Bornstein, 2009).

Teori keadilan agihan ini sering kali digunakan di dalam kajian-kajian yang melibatkan keadilan agihan di negara barat. Teori ini dipilih sebagai teori asas kajian ini kerana peruntukan agihan zakat juga melibatkan soal keadilan kepada golongan penerima iaitu asnaf.

Walaupun dalam persekitaran yang agak berbeza, namun teori ini dijangka berupaya menerangkan dan memberikan penjelasan tentang faktor-faktor yang terlibat dalam membuat sesuatu keputusan agihan zakat. Tambahan pula, teori ini selari dengan konsep keadilan agihan dari pandangan Islam. Surah Al-Maidah, ayat 8 jelas menunjukkan Islam amat menitikberatkan soal keadilan dengan meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya golongan yang lemah, tiada keupayaan dan memerlukan bantuan dengan pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf-asnaf. Kemampuan manusia berbeza-beza dari segi kewangan, kekuatan fizikal dan mental. Oleh itu, dari segi pandangan Islam, konsep keadilan agihan perlu ditegakkan daripada tiga aspek iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya (prinsip sumbangan), memberikan kepada yang berhak menerimanya (prinsip sama rata) dan mengagihkan kekayaan daripada golongan kaya kepada golongan miskin (prinsip keperluan).

Ayat ini juga menunjukkan sikap berlaku adil merupakan sikap orang yang bertaqwa. Orang yang tidak berlaku adil dikategorikan sebagai golongan yang zalim dan tidak bertaqwa. Di samping itu, Allah S.W.T. melarang umat Islam mempunyai sikap suka membeza-bezakan antara satu sama lain. Agihan zakat yang dibuat kepada asnaf perlu bebas daripada pertimbangan kekeluargaan dan tidak dipengaruhi oleh kebencian antara kaum, tidak membeza-bezakan manusia dari segi bangsa, keturunan, harta, darjat, pangkat dan sebagainya. Selain itu, ayat ini secara tidak langsung menyarankan agar umat Islam mempunyai sikap empati, toleransi dan saling bantu-membantu antara satu sama lain bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat. Ayat ini turut mendorong manusia memenuhi janji, amanat dan tugas yang dipikul, melindungi yang lemah, menderita dan serba kekurangan serta bersikap jujur dalam melaksanakan amanat yang diberikan.

Justeru, teori keadilan agihan sesuai untuk kajian ini kerana teori ini selari dan bersesuaian dengan konsep keadilan agihan sepertimana yang diseru oleh Allah S.W.T. dalam Surah Al-Maidah, Ayat 8. Namun demikian, agak sukar pada masa kini untuk menemui kajian yang mengaplikasikan teori ini di dalam kajian berlatarbelakangkan Islam terutamanya di dalam persekitaran zakat. Tambahan pula, kajian-kajian lalu mengenai keadilan agihan hanya melibatkan dua atau tiga orang/kumpulan penerima. Ini ternyata berbeza dengan kumpulan penerima agihan zakat di mana bukan hanya jumlah penerimanya jauh lebih banyak malah berlakunya ketidakseragaman agihan zakat yang agak ketara di kalangan asnaf zakat. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji apakah faktor-faktor yang terlibat di dalam proses membuat keputusan agihan dan bagaimanakah faktor-faktor tersebut mempengaruhi keputusan agihan yang dibuat.

2.9 Model Variasi Perbelanjaan


Sehingga kini, adalah agak sukar untuk menemui model-model yang digunakan untuk mengkaji perbezaan agihan zakat di kalangan asnaf. Namun, literatur-literatur lepas menunjukkan bahawa terdapat kajian yang menggunakan Model Variasi Perbelanjaan di dalam kajian-kajian variasi perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan. Justeru, apa yang akan dibuat adalah dengan mengaplikasikan dan menyesuaikan model ini dengan kajian agihan zakat.

Kajian-kajian mengenai variasi perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan telah bermula sejak tahun 1950an lagi. Fabricant dan Lipsey (1952) telah mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi variasi perbelanjaan antara kerajaan negeri dan tempatan di Amerika Syarikat dalam tahun 1942. Kajian tersebut melaporkan terdapat tiga faktor utama yang terlibat iaitu faktor pendapatan per kapita, faktor kepadatan penduduk dan faktor perbandaran. Ketiga-tiga

faktor ini dilaporkan berupaya menjelaskan sebanyak 72% sisihan perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan. Di dalam kajian tersebut, perbelanjaan telah didefinisikan sebagai perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan per kapita di mana tiga faktor utama digunakan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar iaitu:

- (1) Pendapatan = pendapatan individu dalam \$ per kapita
- (2) Kepadatan penduduk= populasi penduduk dalam satu batu per segi
- (3) Perbandaran= peratus populasi dalam bandar yang berpenduduk 2,500 orang atau lebih


Ketiga-tiga faktor di atas mempunyai hubungan yang signifikan dengan perbelanjaan sesebuah negeri. Namun, faktor pendapatan merupakan faktor yang terpenting dan paling signifikan dalam menjelaskan mengapa perbelanjaan sesebuah kerajaan negeri dan tempatan berbeza di antara satu sama lain. Model yang digunakan dalam kajian tersebut adalah seperti yang tertera dalam Rajah 2.1:



Rajah 2.1
Model Variasi Perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Tempatan 1952 dan 1961
Sumber: Fabricant dan Lipsey (1952) dan Fisher (1961)

Ketiga-tiga faktor utama di atas telah digunakan oleh Fisher (1961) dalam kajiannya tentang kepelbagaian perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan. Hasil kajian beliau didapati selari dengan Fabricant dan Lipsey (1952) di mana kesemua tiga faktor tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan manakala faktor pendapatan menunjukkan hubungan yang paling signifikan. Hasil kajian mendedahkan bahawa negeri yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi didapati berbelanja lebih dari negeri yang mempunyai pendapatan kurang.


Model ini sekali lagi telah digunakan oleh Sacks dan Harris (1964) di mana kajian menyentuh tentang variasi perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan (Rajah 2.2). Di dalam kajian tersebut, satu pemboleh ubah baru diperkenalkan iaitu bantuan kerajaan persekutuan. Kajian ini melibatkan data perbelanjaan tahun 1960 dan hasilnya menunjukkan ketiga-tiga faktor asal dan pemboleh ubah baru berupaya menjelaskan variasi perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan.



Rajah 2.2
Model Variasi Perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Tempatan 1964
Sumber: Sacks dan Harris (1964)

Dalam kajian berikutnya oleh Fisher (1964), penambahbaikan telah dibuat di mana kajian menyentuh tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tahap perbelanjaan antara kerajaan negeri dan tempatan. Kajian tersebut telah mengetengahkan tujuh pemboleh ubah bebas dan mengklasifikasikan pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut kepada tiga pemboleh ubah utama (Rajah 2.3). Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dimaksudkan adalah seperti berikut:


- (1) Demografi-
 - (i) populasi penduduk dalam batu per segi
 - (ii) peratus populasi dalam bandar
 - (iii) peratus peningkatan populasi
- (2) Ekonomi-
 - (iv) peratus keluarga yang berpendapatan kurang dari \$2,500
 - (v) hasil dari sistem percukaian
- (3) Sosiopolitik-
 - (vi) indeks persaingan dua parti
 - (vii) peratus populasi yang berumur 25 tahun ke atas yang mempunyai pendidikan kurang dari 5 tahun



Rajah 2.3
Model Variasi Perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Tempatan 1964 (Penambahbaikan)
 Sumber: Fisher (1964)

Dalam kajian ini, ketiga-tiga faktor utama tersebut didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan. Perbelanjaan sesebuah negeri menunjukkan perkaitan secara negatif dengan peratus keluarga yang mempunyai pendapatan kurang dari \$2,500. Berdasarkan kajian tersebut, kesimpulan yang dibuat ialah perbelanjaan di dalam negeri yang berpendapatan rendah sukar untuk ditingkatkan. Ini adalah kerana cukai yang tinggi yang dikenakan telah mendapat tentangan di kalangan kumpulan penduduk yang berpendapatan rendah.

Havick (1975) telah menjalankan kajian berkaitan polisi dalam menentukan perbelanjaan hasil sesebuah negeri dan tiga faktor utama didapati mempengaruhi perbelanjaan sesebuah negeri. Faktor-faktor tersebut terdiri daripada faktor ekonomi, faktor politik dan faktor parti politik yang berkuasa (Rajah 2.4).



Rajah 2.4
 Model Perbelanjaan Hasil Negeri 1975
 Sumber: Havick (1975)

Pemboleh ubah bersandar dibahagikan kepada tiga iaitu perbelanjaan pendidikan-kebajikan, perbelanjaan lebuhraya-riadah-bangunan awam dan perbelanjaan pelepasan cukai. Hasil

kajian beliau menunjukkan bahawa faktor parti yang berkuasa mempunyai perkaitan yang signifikan dengan perbelanjaan sesebuah negeri. Bagi perbelanjaan pendidikan-kebijakan, pemboleh ubah tersebut didapati mempunyai hubungan signifikan yang paling kuat berbanding dengan perbelanjaan-perbelanjaan lain. Turut diulas bahawa negeri di bawah parti Demokrat (parti yang berkuasa) lebih mementingkan perbelanjaan pendidikan-kebijakan berbanding dengan negeri di bawah parti Republikan.

Walaupun Model Variasi Perbelanjaan ini telah lama diperkenalkan, namun ia kurang sesuai digunakan di dalam persekitaran zakat berdasarkan beberapa alasan. Pertamanya adalah kerana perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan adalah untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Ini ternyata berbeza dengan wang agihan zakat di mana ia telah dikhususkan untuk individu tertentu sahaja. Kedua, walaupun terdapat beberapa pemboleh ubah daripada Model Variasi Perbelanjaan yang berupaya menerangkan variasi perbelanjaan, namun bukan semuanya sesuai digunakan di dalam kajian ini. Ini kerana terdapat literatur-literatur lepas (Azman, Mohd Hamran, Hassan Al-Banna, Nurhana, & Karen, 2010; Cooray & Shahiduzzaman, 2004; Mitchell, Tetlock, Newman, & Lerner, 2003; Stake, 1983) yang berjaya menunjukkan beberapa pemboleh ubah lain yang turut memberi kesan kepada peruntukan agihan, di antaranya kepimpinan, tekanan sosial dan motif agihan. Oleh yang demikian, seksyen yang seterusnya akan membincangkan beberapa pemboleh ubah yang dipercayai mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan zakat.

2.10 Status Ekonomi Dan Agihan

Kebanyakan sorotan literatur mengenai agihan bantuan atau program kebajikan sosial sesebuah negeri atau agensi menunjukkan status ekonomi sebagai salah satu faktor utama (Hook, Taylor, & Schraeder, 1998; Mogull, 1993; Neumayer, 2003a, 2003c; Toiika et al.,

2004). Status ekonomi sesebuah negeri terbahagi kepada dua kategori iaitu keupayaan fiskal dan keperluan ekonomi. Keupayaan fiskal sesebuah negeri merujuk kepada sumber atau hasil sesebuah negeri bagi menampung segala perbelanjaan yang telah dirancang. Ia boleh diperolehi sama ada daripada kerajaan persekutuan mahupun hasil dari kerajaan negeri dan tempatan, manakala keperluan ekonomi pula adalah keadaan yang memerlukan bantuan. Kajian-kajian yang lepas (Mogull, 1993; Toiika et al., 2004) telah menggunakan dua faktor utama dalam menentukan keperluan perbelanjaan kebajikan iaitu kadar kemiskinan dan kadar pengangguran.

Di dalam persekitaran zakat, keupayaan fiskal sesebuah institusi zakat merujuk kepada dana peruntukan zakat atau wang zakat yang dikumpulkan. Wang zakat ini akan diagihkan kepada asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Namun, sering kali asnaf fakir dan miskin diberikan keutamaan di dalam pemberian zakat. Ini adalah selaras dengan tujuan utama zakat iaitu untuk memerangi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup umat Islam. Justeru itu, adalah dipercayai dua faktor utama yang perlu diambil kira di dalam peruntukan agihan zakat adalah kadar kemiskinan dan kadar pengangguran.

Jennings Jr (1979) dalam kajiannya tentang perbelanjaan program anti kemiskinan di kalangan kerajaan negeri dan tempatan membuktikan bahawa sumber fiskal iaitu dana peruntukan bantuan daripada kerajaan persekutuan merupakan faktor yang menentukan keupayaan sesebuah kerajaan negeri di dalam mengatasi masalah kemiskinan. Ini adalah selaras dengan kajian yang telah dilakukan oleh Plotnick dan Winters (1985) di mana kesimpulan yang sama telah dilaporkan oleh mereka. Toiika et al. (2004) turut melaporkan bahawa sememangnya dana bantuan mempunyai hubungan yang positif dengan perbelanjaan

kebajikan. Beliau berpendapat bahawa dengan mempunyai dana yang banyak, pihak kerajaan negeri mempunyai lebih peruntukan untuk program-program kebajikan.

Kajian-kajian di atas lebih menjurus kepada bantuan kemiskinan dan kebajikan yang melibatkan keseluruhan rakyat termasuk golongan yang bukan Islam. Sebaliknya, zakat adalah pemberian kepada golongan tertentu sahaja seperti mana yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, agihan zakat tidak dapat dilakukan seandainya tiada dana peruntukan iaitu hasil kutipan zakat. Dalam erti kata lain, zakat merupakan sumber ekonomi bagi masyarakat Islam. Lebih besar jumlah kutipan zakat, maka lebih besarlah jumlah agihan yang boleh dibuat.

Secara dasarnya pengagihan zakat dilakukan berlandaskan dengan beberapa tujuan. Di antaranya adalah membasmi kemiskinan, mengurangkan jurang pendapatan, mengatasi masalah sosioekonomi dan seterusnya meningkatkan ekonomi masyarakat di kalangan masyarakat Islam. Walaupun terdapat lapan golongan penerima yang layak menerima bantuan zakat, Allah S.W.T. telah menegaskan bahawa agihan zakat perlu mengutamakan golongan fakir dan miskin. Ini digambarkan di dalam Surah At-Taubah, ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Berdasarkan ayat di atas, orang-orang fakir dan miskin merupakan kategori penerima zakat yang mula-mula disebut oleh Allah S.W.T. Ini jelas menunjukkan bahawa keutamaan agihan zakat haruslah diberikan kepada golongan fakir dan miskin. Secara amnya, golongan ini merupakan golongan yang tidak mempunyai harta dan pendapatan ataupun sekiranya mempunyai harta dan pendapatan tetapi masih tidak mampu untuk memenuhi keperluan dirinya dan keluarganya. Golongan ini wajib diberikan perhatian dan keutamaan kerana golongan ini telah disebut beberapa kali di dalam Al-Quran. Antaranya Surah Al-Israa', Ayat 26 yang bermaksud:

“Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau”



UUM
Universiti Utara Malaysia

(Al-Quran dan Terjemahan, 2009)

Surah Az-Zariyat, Ayat 19 pula bermaksud:

“Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)”

(Al-Quran dan Terjemahan, 2009)

Maksud Surah Al-Baqarah, Ayat 215:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: “Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak

yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat dari jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya)”

(Al-Quran dan Terjemahan, 2009)

Ketiga-tiga ayat di atas menekankan bahawa agama Islam mengajar umatnya untuk memerangi kemiskinan dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan iaitu golongan miskin. Ini kerana setiap harta atau kekayaan yang ada pada seseorang Muslim, terdapat hak untuk orang miskin di dalamnya. Oleh yang demikian, wajib diberikan haknya kepada golongan tersebut. Namun terdapat segelintir golongan miskin yang tidak dapat menampung keperluan diri dan keluarga tetapi malu untuk meminta bantuan. Malah mereka sanggup menyembunyikan kesusahan mereka daripada pengetahuan orang lain. Menurut Rasulullah S.A.W., mereka inilah yang paling layak untuk menerima zakat. Ini berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah r.a. katanya: Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Orang fakir miskin (yang sangat menderita) bukanlah orang yang (menadah tangan) meminta- minta ke sana ke mari kepada orang ramai, yang apabila ia mendapat sesuap atau dua suap makanan, atau mendapat sebiji atau dua biji buah kurma – ia akan pergi ke tempat lain meminta lagi. Sebenarnya orang fakir miskin (yang sangat-sangat menderita) itu ialah orang yang tidak mempunyai sesuatu yang mencukupi sara hidupnya. Dan ia pula malu hendak meminta bantuan kepada orang ramai, dan orang ramai pula tidak mengetahui keadaan penderitaannya untuk diberi bantuan (orang inilah yang sebenarnya layak diberi zakat)”

(Terjemahan Hadis Sahih Bukhary, 1989)

Menurut Townsend (1987) kemiskinan didefinisikan sebagai kekurangan sumber-sumber yang diperlukan untuk memperolehi makanan, menyertai aktiviti-aktiviti, dan mendapatkan kemudahan-kemudahan asas kehidupan. Kemiskinan merupakan masalah global dan perlu diberikan perhatian yang serius. Dalam Laporan Pembangunan Manusia 2010 (*Human Development Report 2010*) yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP, 2010), terdapat seramai 1.6 bilion orang hidup di dalam kemiskinan yang melampau iaitu dengan pendapatan di antara US\$1.25 hingga US\$2 sehari. Daripada jumlah ini seramai 846 juta penduduk adalah dari negara-negara Asia Selatan dan bakinya pula adalah daripada penduduk miskin di Sub-Sahara Afrika. Di Malaysia, seseorang individu dikategorikan sebagai miskin sekiranya beliau berada di bawah pendapatan garis kemiskinan. Mengikut Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMK10) yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (*Economy Planning Unit*) (EPU, 2011), golongan yang dikategorikan sebagai golongan miskin adalah yang berpendapatan kurang daripada RM763 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM1,048 sebulan bagi Sabah dan Labuan. Manakala bagi Sarawak pula, golongan yang berpendapatan kurang dari RM912 sebulan dilabelkan sebagai golongan miskin.

Dalam konteks agama Islam, zakat telah terbukti mampu mengurangkan kadar kemiskinan berdasarkan beberapa kajian yang telah dibuat oleh pengkaji tempatan mahupun luar negara. Patmawati (2008), Hassan dan Khan (2007), Abu Sufian (2006) dan Ahmad Fahme, Zakariah, Fuadah dan Muhammad Ridhwan (2015) telah melihat tentang kesan agihan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan dan membuat kesimpulan bahawa agihan zakat mampu mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan dan meningkatkan pendapatan golongan penerima bantuan zakat. Oleh yang demikian, kadar kemiskinan sesebuah negeri perlu dilihat sebagai salah satu faktor yang terlibat dalam soal agihan zakat. Di dalam persekitaran yang lain, kadar kemiskinan juga merupakan salah satu faktor yang diambil kira di dalam agihan

wang kebajikan di dalam sesebuah negeri. Hasil laporan kajian lalu turut membuktikan bahawa pengagihan wang kebajikan berupaya mengurangkan kadar kemiskinan (Kenworthy, 1999; Owyang, Louis, & Zubairy, 2008; Owyang & Zubairy, 2010; Toiika et al., 2004).

Namun, untuk menjayakan program pembasmian kemiskinan, peruntukan jumlah dana yang diperlukan adalah penting. Mogull (1993) mendapati bahawa semakin tinggi kadar kemiskinan, maka semakin tinggilah jumlah yang diperlukan bagi tujuan tersebut. Tambah beliau lagi, apabila kadar kemiskinan tinggi, maka jumlah orang yang layak menerima bantuan juga tinggi dan jumlah dana yang diperlukan untuk tujuan membantu golongan tersebut turut meningkat.

Selain dari itu, kajian oleh Hook et al. (1998) telah mendapati status ekonomi bagi sesebuah negeri yang menerima bantuan adalah faktor yang paling signifikan di dalam menentukan agihan bantuan. Kajian ini berkisarkan tentang faktor-faktor yang terlibat di dalam pengagihan bantuan kepada 36 buah negara di Afrika di mana negara penderma yang terlibat adalah Perancis, Jepun, Sweden dan United Kingdom. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa negara penderma memperuntukkan lebih banyak bantuan kepada negara-negara yang lebih miskin. Ini turut disokong melalui kajian Neumayer (2003c) terhadap 21 buah negara penderma di mana negara-negara yang menerima bantuan adalah terdiri daripada negara-negara yang paling miskin. Kajian tersebut merangkumi tempoh lebih satu dekad iaitu dari tahun 1985 hingga 1997 (12 tahun). Selain itu, kajian ke atas Regional Multilateral Development Banks dan agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) turut melaporkan hasil keputusan yang sama (Neumayer, 2003b). Kesimpulannya, keutamaan bantuan diberikan kepada negara-negara yang paling miskin disebabkan oleh matlamat utama mereka dalam memerangi kemiskinan dan meningkatkan pembangunan kemanusiaan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang mempunyai hasil yang agak berbeza iaitu dengan menunjukkan faktor kemiskinan bukan jaminan untuk mendapat bantuan yang lebih dari negara-negara penderma. Berthélemy (2006), dalam kajian mereka terhadap 22 buah negara penderma mendapati pendapatan per kapita negara-negara penerima menunjukkan kesan amat negatif terhadap agihan bantuan. Malah, negara-negara penderma lebih cenderung untuk menderma kepada negara-negara yang kurang miskin berbanding dengan negara miskin. Keadaan ini wujud kerana negara-negara penderma lebih memberikan perhatian terhadap bantuan kemiskinan bukan kewangan (*non-monetary poverty*) seperti keperluan pembangunan kemanusiaan (*human development needs*) (Berthélemy, 2006).

Ini adalah selari dengan kajian perbelanjaan program kebajikan sosial sebagaimana yang dijalankan oleh Toikka et al. (2004) ke atas 50 buah negeri di Amerika Syarikat yang menunjukkan kadar kemiskinan menunjukkan mempunyai hubungan yang negatif dengan jumlah perbelanjaan kebajikan. Fenomena ini amat sukar dijelaskan dan mungkin ada faktor-faktor lain yang berkaitan dengan kemiskinan yang tidak dikaji (Toikka et al., 2004).

Kajian-kajian yang dibincangkan di atas menunjukkan masih terdapat kekurangan di dalam sorotan literatur berkaitan kadar kemiskinan dan peruntukan agihan. Hubungan di antara kadar kemiskinan dan wang bantuan kebajikan yang disalurkan gagal memberikan suatu jawapan yang kukuh. Terdapat kajian yang menunjukkan hubungan yang positif dan ada pula sebaliknya. Justeru, ini membuka ruang kepada kajian ini untuk mencari kepastian sama ada kadar kemiskinan mempengaruhi agihan khususnya di dalam persekitaran zakat. Walau bagaimanapun, kajian ini berpendapat kadar kemiskinan merupakan salah satu faktor yang diambil kira dalam peruntukan agihan zakat. Ini adalah kerana golongan fakir dan miskin

merupakan antara golongan yang layak menerima zakat. Tambahan pula, tujuan zakat adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat Islam.

Pengangguran adalah keadaan di mana ramai orang tidak mempunyai pekerjaan. Selain daripada kadar kemiskinan, kadar pengangguran juga didapati mempengaruhi jumlah agihan dana kebajikan. Di antaranya ialah kajian oleh Blekesaune (2007) di mana beliau mendapati kadar pengangguran yang tinggi mempunyai perkaitan yang signifikan dengan jumlah yang dibelanjakan untuk kebajikan. Seajar dengan kadar kemiskinan, kadar pengangguran juga akan turut meningkatkan bilangan penerima bantuan kewangan. Akibat daripada hilang mata pencarian, seseorang individu tidak dapat memenuhi keperluan diri dan keluarganya. Andaian ini dikuatkan lagi melalui hasil kajian oleh Painter dan Bae (2001) dan Toiika et al. (2004) yang mendapati bahawa kadar pengangguran mempunyai hubungan yang signifikan dengan perbelanjaan kebajikan sesebuah negara. Malah, kadar pengangguran menunjukkan hubungan yang positif dengan perbelanjaan kebajikan. Hubungan positif boleh dilihat daripada semua kategori perbelanjaan kebajikan iaitu bantuan tunai, bantuan kesihatan (*Medicaid*) dan hospital awam (Toiika et al., 2004).

Suasana zakat adalah unik kerana pemerintah perlu mengurus perbelanjaan yang dikhususkan untuk orang Islam. Ini berbeza dengan kajian-kajian di atas di mana perbelanjaan kebajikan adalah untuk semua rakyat. Walau bagaimanapun dari segi agihan zakat, kadar pengangguran yang tinggi akan mengakibatkan ramai orang tidak mempunyai pekerjaan. Seterusnya membawa kepada peningkatan golongan yang memerlukan bantuan zakat. Persoalan sama ada kadar pengangguran mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan zakat masih belum dapat dijelaskan oleh literatur. Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba merungkai persoalan sama ada kadar pengangguran berupaya memberi kesan terhadap peruntukan agihan zakat.

Selain dari faktor-faktor yang telah dibincangkan di atas, faktor tekanan politik juga dipercayai mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan zakat yang dibuat oleh institusi zakat di setiap negeri.

2.11 Tekanan Politik Dan Agihan

Pengurusan perbelanjaan hasil bagi sesebuah negeri banyak bergantung kepada parti yang memerintah. Ini disokong melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji lalu di mana mereka turut mendapati bahawa terdapat hubungan di antara parti politik yang memerintah dan juga perbelanjaan negeri (Brauninger, 2005; Comiskey, 1993; Lipmeyer, 2002; Roubini & Sachs, 1989). Kajian-kajian ini adalah berbentuk empirikal di mana ia menyentuh tentang hubungan di antara perubahan parti politik yang memerintah dengan corak perbelanjaan sesebuah negeri untuk sesuatu jangka masa.

Antara kajian terawal mengenai peranan atau pengaruh parti politik dengan perbelanjaan adalah kajian oleh Dawson dan Robinson (1963). Kajian tersebut menyatakan bahawa parti politik memainkan peranan yang penting di dalam keupayaan agihan bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik. Malah, kerajaan yang diperintah oleh lebih daripada satu parti politik akan mengakibatkan pembuatan sesuatu polisi kebajikan lebih rumit dan mengakibatkan kurangnya perhatian terhadap kebajikan rakyat (Dawson & Robinson, 1963).

Havick (1975) telah mengkaji tentang hubungan di antara tiga faktor penentu peruntukan perbelanjaan hasil negeri. Tiga faktor penentu yang dikaji terdiri daripada ciri-ciri ekonomi, ciri-ciri politik dan parti politik yang memerintah sesebuah negeri. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa faktor parti politik yang memerintah negeri mempunyai perkaitan yang signifikan dengan peruntukan perbelanjaan sesebuah negeri berbanding dua lagi faktor yang

lain. Malah menurut beliau lagi, faktor parti politik yang memerintah merupakan satu-satunya faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan peruntukan perbelanjaan kebajikan dan pendidikan. Kajian beliau turut menunjukkan negeri yang di bawah parti Demokrat lebih mengutamakan kebajikan dan pendidikan di mana mereka telah membuat peruntukan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk perbelanjaan tersebut. Dalam pada itu, parti Republikan pula hanya memperuntukkan bahagian yang kecil sahaja untuk tujuan yang sama. Keadaan ini menunjukkan bahawa corak agihan perbelanjaan sesebuah negeri dipengaruhi oleh parti yang memerintah. Ada parti yang lebih mengutamakan golongan yang kurang berkemampuan dan ada yang sebaliknya. Pernyataan ini turut disokong oleh Brown (1995) di mana polisi perbelanjaan kebajikan sesebuah negeri adalah bergantung pada parti yang memerintah. Negeri-negeri yang diterajui oleh parti Demokrat didapati lebih pemurah dan lebih mengutamakan kepentingan kebajikan rakyat berbanding parti Republikan.

Dari segi jumlah keseluruhan perbelanjaan negeri pula, Painter dan Bae (2001) telah melaporkan bahawa perbelanjaan sesebuah negeri adalah lebih tinggi di bawah pentadbiran parti Demokrat berbanding dengan parti Republikan. Kajian turut menguji sama ada perubahan faktor-faktor penentu perbelanjaan negeri akan memberi kesan terhadap jumlah perbelanjaan negeri di Amerika Syarikat dalam tempoh 27 tahun yang bermula pada tahun 1965 sehingga tahun 1992.

Kajian oleh Ansolabehere dan Snyder Jr (2006) dan Garand (1985) pula merupakan kajian yang berkaitan perubahan parti politik yang memerintah dengan perubahan keutamaan peruntukan perbelanjaan. Hasil kajian mendapati terdapatnya perkaitan yang signifikan di antara parti pemerintah dengan polisi keutamaan peruntukan perbelanjaan sesebuah negeri. Dalam kata lain, keutamaan peruntukan perbelanjaan bagi sesebuah negeri akan berubah-

ubah mengikut parti yang memerintah negeri tersebut dalam sesuatu jangka masa. Ini adalah disebabkan oleh parti yang berbeza mempunyai polisi yang berbeza berkaitan dengan peruntukan perbelanjaan kerajaan sesebuah negeri.

Walaupun bagaimanapun, tidak semua kajian-kajian lalu memperoleh hasil keputusan yang sama. Buchanan, Cappelleri dan Ohsfeldt (1991) dan Mogull (1993) pula mendapati persaingan parti atau parti politik yang memerintah tidak memberi kesan kepada perbelanjaan program kebajikan. Ini selari dengan hujah yang dikemukakan oleh Plotnick dan Winters (1985) yang menjelaskan bahawa sebenarnya pegawai-pegawai kerajaan yang menentukan dasar agihan perbelanjaan sesebuah kerajaan negeri, bukannya parti yang memerintah. Ini adalah kerana jumlah dana agihan dan program kebajikan akan dipengaruhi oleh keutamaan pegawai-pegawai yang terbabit.

Kajian-kajian di atas lebih tertumpu pada bagaimana pihak kerajaan negeri dan tempatan membuat peruntukan perbelanjaan kebajikan. Sudah tentu parti yang memerintah mempunyai kuasa dalam menentukan perbelanjaan sesebuah negeri. Ini adalah kerana parti mana yang menang dalam pilihan raya akan membentuk kerajaan sesebuah negeri dan melaksanakan polisi dan dasar yang telah ditetapkan (Blom-Hansen, Monkerud, & Sørensen, 2006; Budge, 2001). Namun, dari segi urusan agihan zakat, ia adalah di bawah kuasa MAIN/JAIN, sebuah badan bebas yang bertanggungjawab secara terus kepada Sultan atau Yang Di-Pertuan Agung. Sepatutnya, pentadbiran dan pengurusan zakat bebas daripada pengaruh mana-mana parti politik. Namun, memandangkan setiap negeri mempunyai institusi zakat masing-masing, kemungkinan besar pengurusan zakat di setiap negeri adalah dipengaruhi oleh ideologi parti pemerintah negeri masing-masing. Agihan zakat mungkin mengikut kehendak

parti politik yang memerintah. Ini mungkin berlaku kerana setiap parti politik mempunyai pandangan, cara dan polisi tersendiri dalam corak pemerintahan dan pentadbiran negeri.

Kajian-kajian di atas banyak menjelaskan tentang hubungan antara parti politik yang memerintah dan jumlah perbelanjaan kebajikan kerajaan negeri. Ada yang mendapati hubungan yang signifikan dan ada pula yang sebaliknya (Blom-Hansen et al., 2006; Ferreira & Gyourko, 2009; Hoover & Pecorino, 2005). Ini menunjukkan bahawa sorotan literatur masih terdapat beberapa kelemahan. Pertama, hubungan pemboleh ubah tersebut masih tidak muktamad. Oleh yang demikian, kajian yang lebih mendalam perlu dilaksanakan bagi mencapai penjelasan yang kukuh dan menyeluruh. Kedua, agak sukar untuk menemui literatur yang menyentuh hubungan pemboleh ubah tersebut dalam suasana yang unik seperti zakat. Oleh itu, literatur masih gagal untuk menjelaskan hubungan pemboleh ubah berkenaan, lantas membuka ruang bagi kajian ini bagi mencari penjelasan yang sesuai untuk suasana zakat. Kajian ini akan cuba mencari jawapan sama ada peruntukan agihan zakat mempunyai perkaitan dengan tekanan politik.

Dalam kajian yang berlatar belakangkan zakat, amat sukar untuk menemui kajian tentang pengaruh atau tekanan daripada parti politik yang memerintah dengan pelaksanaan zakat, khususnya tentang peruntukan agihan zakat. Sehingga ini, masih sukar menemui bukti empirikal yang mampu menunjukkan bahawa pihak pengurusan institusi zakat membuat peruntukan agihan zakat berdasarkan kepada kehendak parti politik yang memerintah negeri. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan cubaan yang pertama dalam menentukan sama ada faktor tekanan parti politik mempunyai hubung kait dengan corak agihan dana zakat oleh institusi zakat negeri.

2.12 Tekanan Sosial Dan Agihan

Perkaitan di antara tekanan sosial dan peruntukan agihan zakat sukar ditemui dalam perbincangan literatur yang lepas. Namun demikian, isu tekanan sosial telah banyak dibincangkan di dalam kajian gelagat seseorang (Dawson & Dobson, 2010; Dohmen, 2008; Flanagin, 2000; Gerber, Green, & Larimer, 2008; Stice, Maxfield, & Wells, 2002). Tekanan sosial atau dikenali sebagai norma subjektif (*subjective norms*) mempunyai kesan terhadap niat dan juga gelagat seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan (Ajzen, 1991).

Dari segi peruntukan agihan bantuan kebajikan, Cooray dan Shahiduzzaman (2004) melaporkan tekanan sosial sememangnya mempunyai kesan terhadap peruntukan agihan bantuan kebajikan di negara Jepun. Tekanan yang dimaksudkan adalah terdiri daripada komuniti antarabangsa, terutamanya Amerika Syarikat dan negara-negara lain yang menjadi ahli jawatankuasa bantuan pembangunan untuk meningkatkan bajet bantuan kemanusiaannya. Cooray dan Shahiduzzaman (2004) juga berpendapat bahawa tindakan Jepun bagi meningkatkan peruntukan bantuan kemanusiaan kepada negara-negara yang memerlukan adalah demi menjaga kepentingan hubungan dengan Amerika Syarikat bagi tujuan ekonomi, keselamatan dan imej di peringkat antarabangsa.

Begitu juga halnya dengan keputusan berkaitan dengan pengagihan semula pendapatan. Plotnick dan Winters (1985) menyatakan bahawa pengagihan semula pendapatan dipengaruhi oleh tekanan daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Ada pihak yang menyokong pengagihan semula dan ada pula yang berpendapat sebaliknya. Grogan (1994) dalam kajiannya telah membuktikan bahawa bantuan perubatan (*Medicaid*) bagi sesebuah negeri turut mempunyai perkaitan dengan tekanan sosial. Tuntutan supaya dipertingkatkan bantuan perubatan banyak dipengaruhi oleh tekanan dari pihak-pihak yang berkepentingan seperti

pembekal perkhidmatan kesihatan, pemimpin masyarakat serta pengundi di kawasan berkenaan (Grogan, 1994).

Selain daripada tekanan dari pihak-pihak yang berkepentingan, tekanan dari pihak media juga didapati mempunyai perkaitan di dalam pembuatan sesuatu dasar atau keputusan. Ini kerana maklumat daripada media kini boleh diperolehi dalam pelbagai bentuk umpamanya siaran televisyen, radio, surat khabar, majalah dan juga Internet. Robinson (1999) mendakwa media mempunyai impak yang kuat terhadap pembuat dasar di mana media mempunyai keupayaan mendesak atau memaksa para pembuat dasar untuk memberikan maklum balas terhadap sesuatu isu yang hangat diperbincangkan oleh media. Kenyataan ini telah dibuktikan dalam kajian Besley dan Burgess (2000) di mana agihan bantuan makanan bagi mengurangkan kebuluran di negara India meningkat seiring dengan peningkatanedaran akhbar di sesebuah negeri. Mereka turut melaporkan bahawa media sememangnya memberikan impak yang kuat terhadap permasalahan sesebuah negeri. Kerajaan negeri cepat mengambil tindakan apabila sesuatu isu itu mendapat liputan meluas oleh media umpamanya laporan tentang kebuluran yang disebabkan oleh kemiskinan dan bencana alam (Besley & Burgess, 2000). Di samping itu, kajian oleh Simon (1997) mendapati liputan media tentang sesuatu bencana alam seperti gempa bumi telah memberi kesan kepada sumbangan derma atau bantuan daripada pihak swasta. Sebaliknya, liputan media tidak mempunyai perkaitan dengan bantuan daripada pihak kerajaan mahupun pihak antarabangsa (Simon, 1997).

Berdasarkan kepada laporan-laporan di atas, timbul persoalan sama ada tekanan sosial mempunyai perkaitan dengan sumbangan, derma dan bantuan yang dihulurkan. Namun, di dalam persekitaran zakat adalah dijangkakan bahawa peruntukan agihan zakat mungkin mempunyai perkaitan dengan tekanan sosial seperti tekanan daripada pihak-pihak

berkepentingan dan juga media. Tekanan-tekanan ini berkemungkinan menyebabkan berlakunya perbezaan agihan zakat di kalangan lapan kategori penerima zakat. Justeru, kajian ini merupakan cubaan yang pertama untuk mencari jawapan sama ada peruntukan agihan zakat mempunyai perkaitan dengan tekanan sosial atau sebaliknya.

2.13 Ideologi Dan Agihan

Kajian-kajian yang lepas telah membuktikan bahawa faktor ideologi berkait rapat dengan peruntukan agihan (Skitka & Tetlock, 1992, 1993; Tetlock & Mitchell, 1993). Ini kerana ideologi pengagih mempunyai kesan terhadap penilaian keadilan agihan di mana pengagih yang dikategorikan sebagai konservatif lebih cenderung untuk mengagih mengikut sumbangan yang diberikan oleh penerima agihan. Malah, kumpulan konservatif dikatakan kurang sensitif terhadap keperluan penerima agihan. Sebaliknya, kumpulan liberal secara umumnya lebih mengutamakan prinsip kesamarataan dari prinsip-prinsip yang lain (Mitchell, Tetlock, Mellers, & Ordóñez, 1993; Mitchell et al., 2003; Tetlock & Mitchell, 1993). Skitka dan Tetlock (1992); Skitka dan Tetlock (1993); dan juga Tetlock dan Mitchell (1993) pula mendapati pengagih yang mempunyai ideologi konservatif lebih menitikberatkan elemen sumbangan berbanding dengan elemen keperluan. Ini turut disokong oleh Scott dan Bornstein (2009) dan Scott et al. (2001) di mana kumpulan liberal lebih sensitif terhadap keperluan berbanding dengan kumpulan konservatif.

Kebanyakan kajian-kajian lalu adalah berkaitan dengan agihan bantuan kemanusiaan di negara Barat. Ini dapat dilihat menerusi kajian oleh Scott dan Bornstein (2009) yang dibuat selepas berlakunya taufan Katrina dan Rita di mana ramai pihak telah mempersoalkan tentang ketidakadilan agihan bantuan kemanusiaan yang berlaku kepada mangsa bencana. Skitka dan Tetlock (1992) pula menilai keutamaan prinsip agihan pihak ketiga di dalam mengagih jenis

barangan yang berbeza. Tiga barangan dimaksudkan adalah organ untuk pemindahan, ubat-ubatan untuk pesakit AIDS dan perumahan untuk golongan miskin.

Situasi ini amat berbeza dengan persekitaran zakat di mana wang zakat hendaklah diperuntukkan kepada lapan kategori penerima dan bukan hanya golongan yang ditimpa bencana atau di dalam kecemasan semata-mata. Tambahan pula, wang zakat perlu diagihkan pada setiap tahun, manakala bantuan kemanusiaan pula adalah berdasarkan keperluan semasa. Selain dari itu, timbul persoalan tentang kewujudan kategori ideologi liberal dan konservatif di kalangan pembuat keputusan agihan zakat. Justeru, kajian ini akan cuba mencari jawapan sama ada wujudnya ideologi yang berbeza di kalangan pengurusan tertinggi institusi zakat dan sekiranya ada, bagaimana perbezaan ideologi boleh mempengaruhi peruntukan agihan zakat.

2.14 Motif Agihan Dan Agihan

Berdasarkan sorotan literatur lalu, motif atau tujuan agihan turut merupakan faktor utama yang menentukan prinsip agihan yang dipilih. Sesuatu agihan dibuat dengan tujuan untuk mencapai motif atau matlamat agihan tersebut. Teori keadilan agihan menyatakan bahawa motif agihan adalah antara faktor yang mempengaruhi peruntukan agihan yang dibuat. Setiap prinsip agihan yang dipilih sama ada prinsip keperluan, prinsip kesamarataan ataupun prinsip sumbangan didapati mempunyai motif tersendiri.

Melalui kajian-kajian yang lepas (Alesina & Angeletos, 2005; Leventhal, 1980; Stake, 1983), prinsip kesamarataan sering kali digunakan dengan tujuan untuk mewujudkan keadaan yang harmoni di kalangan penerima agihan. Apabila penerima agihan mendapat habuan atau pulangan yang sama rata, ini dapat menghindari daripada rasa benci dan iri hati sesama

mereka. Konflik dan persengketaan disebabkan ketidakadilan agihan juga dapat dielakkan (Conlon, Porter, & MacLean Parks, 2004). Hasil kajian oleh Chen (1995) juga turut selaras dengan kajian-kajian yang lepas di mana apabila subjek diminta untuk membuat agihan dengan tujuan mengekalkan keharmonian di kalangan para pekerja, subjek memilih untuk mengagih secara sama rata. Namun, keadaan berlaku sebaliknya apabila subjek ditugaskan untuk mengagih berdasarkan produktiviti seseorang pekerja, mereka beralih kepada prinsip sumbangan. Mereka didapati memberi lebih habuan kepada pekerja yang menunjukkan produktiviti yang tinggi (Stake, 1983). Selain itu, agihan yang berdasarkan prinsip sumbangan juga bertujuan untuk meningkatkan produktiviti pekerja (Leventhal, 1980).

Prinsip keperluan pula sering digunakan dalam agihan di mana sumber-sumber yang hendak diagihkan adalah terhad (Murphy-Berman & Et Al, 1984). Pihak yang benar-benar memerlukan akan diberikan keutamaan di dalam peruntukan agihan. Motif agihan berdasarkan prinsip keperluan ini adalah untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja. Dengan anggapan keperluan dan kebajikan pekerja berkait rapat dengan pencapaian mereka, prinsip keperluan digunakan dalam keputusan peruntukan agihan (Jeewon & Stacey, 2008).

Secara ringkasnya, kajian-kajian yang dibincangkan di atas adalah lebih tertumpu pada motif agihan di dalam sesuatu organisasi dan ianya melibatkan peruntukan agihan ganjaran kepada para pekerja. Ini termasuklah kajian oleh Stake (1983) yang melibatkan pemberian bonus dan kenaikan gaji pekerja-pekerja. Senario ini agak berbeza dengan persekitaran zakat di mana penerima agihan zakat terdiri daripada lebih dari dua atau tiga kumpulan penerima iaitu lapan kumpulan penerima kesemuanya. Tambahan lagi, zakat juga turut diagihkan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk membuat agihan iaitu institusi zakat.

Tujuan atau motif utama zakat diagihkan adalah untuk mengurangkan jurang kemiskinan dan membangunkan ekonomi ummah (Hassan & Khan, 2007; Jehle, 1994; Patmawati, 2008; Qardawi, 1999; Rosbi, Sanep & Hairunnizam, 2008; Shirazi, 2006). Namun, belum ada lagi kajian empirikal yang menunjukkan motif agihan boleh mempengaruhi peruntukan agihan zakat. Oleh itu, kajian ini akan cuba menyelidik sama ada wujud atau tidak hubungan di antara motif agihan dengan peruntukan agihan zakat. Sekiranya terdapat motif di dalam membuat keputusan agihan zakat, kajian ini akan cuba mendalami motif agihan institusi zakat dengan peruntukan agihan yang berbeza-beza di antara penerima-penerima zakat. Selain motif-motif agihan yang dibincangkan di atas, kemungkinan ada motif lain di dalam membuat keputusan peruntukan agihan zakat seperti berdakwah, mengurangkan masalah sosial dan sebagainya.

2.15 Kepimpinan Dan Agihan

Kepimpinan sering kali dibincangkan dan dikaitkan dengan pembuatan keputusan dalam sesebuah organisasi. Ini kerana pemimpin merupakan orang yang bertanggungjawab di dalam membuat sebarang keputusan untuk organisasi di bawah pimpinannya. Tanggungjawab utama seorang pemimpin organisasi merangkumi membuat perancangan, mengawal, dan memastikan matlamat organisasi tercapai. Yukl (2006) mendefinisikan kepimpinan sebagai proses untuk mempengaruhi orang lain bagi memahami dan bersetuju tentang apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya, dan proses memudahkan usaha individu dan kolektif untuk mencapai objektif bersama. Northouse (2007) pula mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses di mana seseorang individu mempengaruhi sekumpulan individu untuk mencapai matlamat bersama. Kim dan Mauborgne (1992) menyatakan kepimpinan adalah keupayaan untuk memberi inspirasi, keyakinan dan sokongan di kalangan ahli kumpulan yang diperlukan untuk mencapai matlamat organisasi. Wehrich, Kannice dan Koontz (2009)

mentakrifkan kepimpinan sebagai seni atau proses mempengaruhi orang lain untuk sentiasa berusaha dengan penuh semangat secara suka rela. Kesimpulannya, kepimpinan merujuk kepada kuasa atau keupayaan mengawal, mengarah dan mempengaruhi orang lain atau orang yang di bawah pimpinannya untuk mengikuti atau bertindak seperti apa yang telah diputuskan oleh pemimpin atau organisasi.

Sesuatu keputusan yang dibuat selalunya berkait rapat dengan gaya kepimpinan seseorang pemimpin. Lazimnya, gaya kepimpinan yang berbeza akan menyebabkan gaya keputusan yang berbeza. Terdapat tiga kategori utama gaya kepimpinan iaitu kepimpinan transformasional, kepimpinan transaksional, dan kepimpinan *laissez-faire* (Avolio, Bass, & Jung, 1999; Bass, 1985). Menurut Burns (1978), pemimpin transformasional berupaya meningkatkan motivasi, keyakinan serta kepuasan para pekerja. Ini dilakukan dengan menyatukan kesemua pekerja dengan misi dan visi yang ingin dicapai. Manakala pemimpin transaksional pula lebih mengutamakan prestasi dengan memberikan ganjaran yang setimpal dengan sumbangan yang diberikan oleh pekerja (Bass, 1985; Burns, 1978). Pemimpin yang mempunyai gaya *laissez-faire* pula sering mengelak untuk membuat keputusan, sebaliknya memberikan kebebasan kepada orang bawahan untuk membuat keputusan dan polisi. Pemimpin kategori ini juga teragak-agak untuk mengambil sesuatu tindakan. Dengan kata lain tidak wujud sifat kepimpinan dalam diri pemimpin sebegini (Antonakis, Avolio, & Sivasubramaniam, 2003; Avolio et al., 1999; Bass, 1985; Burns, 1978; Judge & Piccolo, 2004).

Sebagaimana gaya kepimpinan yang berbeza akan menjurus kepada gaya keputusan yang berbeza, pemimpin yang berbeza juga akan memberikan fokus yang berbeza terhadap keadilan organisasi. Kajian oleh Tatum, Eberlin, Kottraba dan Bradberry (2003)

menunjukkan bahawa pemimpin transformasional lebih menekankan keadilan sosial di dalam organisasi manakala pemimpin transaksional dan laissez-faire pula lebih mengutamakan keadilan struktur. Selain dari itu, gaya kepimpinan juga didapati mempunyai perkaitan dengan persepsi keadilan agihan di kalangan pekerja bawahan. Kajian mendapati gaya kepimpinan transaksional mempunyai perkaitan yang positif dengan keadilan agihan (Azman et al., 2010). Keadilan agihan yang dimaksudkan oleh kajian ini adalah berkaitan dengan keadilan agihan ganjaran dan denda daripada usaha atau kesilapan yang dilakukan. Pemimpin transaksional yang lebih mengutamakan prestasi pekerja akan memilih prinsip sumbangan dalam membuat agihan. Sebaliknya, pemimpin transformasional pula lebih mengutamakan hubungan sosial dengan pekerja dan akan melihat kepada keperluan pekerja di dalam membuat agihan (Azman et al., 2010).

Senario yang sama berkemungkinan turut berlaku di dalam persekitaran agihan zakat di mana keputusan untuk mengagihkan zakat kepada penerima-penerima zakat adalah dibuat oleh kepimpinan institusi zakat. Ketidakserasagaman agihan zakat kepada asnaf di antara negeri-negeri di Malaysia dijangka mempunyai perkaitan dengan kepimpinan institusi zakat setiap negeri. Perbincangan literatur di atas adalah lebih tertumpu pada perkaitan kepimpinan di dalam organisasi syarikat dan agihan kepada pekerja-pekerja bawahannya. Ini agak berbeza dengan kajian ini di mana ia melibatkan institusi zakat di mana institusi zakat sendiri merupakan salah satu kategori penerima zakat. Memandangkan literatur yang berkaitan dengan kepimpinan dan peruntukan agihan sukar ditemui, maka kajian ini akan cuba mengisi jurang dan mengkaji sama ada wujud perkaitan di antara kepimpinan dan peruntukan agihan zakat.

2.16 Ciri-Ciri Pengurusan Tertinggi Dan Agihan

Selain daripada gaya kepimpinan, faktor lain yang dipercayai mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan adalah ciri-ciri pengurusan tertinggi. Peruntukan agihan melibatkan pembuatan keputusan oleh pihak pengurusan tertinggi organisasi. Menurut *Upper Echelon Theory* yang diutarakan oleh Hambrick dan Mason (1984), komposisi ciri-ciri pengurusan tertinggi dipercayai mempunyai perkaitan yang tinggi dengan pembuatan keputusan. Hasil keputusan sebuah organisasi amat bergantung pada komposisi ciri-ciri yang ada pada setiap individu yang terlibat di dalam membuat keputusan. Malah, mereka menyatakan bahawa sesuatu organisasi itu sebenarnya merupakan pantulan atau bayangan daripada ciri-ciri pihak pengurusan tertinggi.

Teori tersebut menjelaskan bahawa terdapat dua pemboleh ubah yang berkaitan dengan pihak pengurusan tertinggi yang dipercayai terlibat dalam mempengaruhi keputusan sesebuah organisasi. Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah asas-asas kognitif dan nilai-nilai yang ada pada setiap kumpulan pengurusan tertinggi (Hambrick & Mason, 1984). Asas-asas kognitif merangkumi pengetahuan atau andaian mengenai masa hadapan. Selain itu, pengetahuan tentang pilihan alternatif dan akibat daripada pilihan alternatif juga termasuk dalam ciri-ciri yang ada dalam asas-asas kognitif. Pemboleh ubah yang kedua pula adalah nilai-nilai pengurusan tertinggi yang terdiri daripada pegangan atau prinsip-prinsip yang patut ada bagi penyusunan pilihan alternatif yang ada (Hambrick & Mason, 1984). Namun, menurut Carpenter, Geletkancz dan Sanders (2004), oleh kerana kedua-dua pemboleh ubah ini tidak dapat diukur, maka adalah mencukupi dengan mengukur ciri-ciri yang ada pada setiap kumpulan pengurusan tertinggi.

Hambrick dan Mason (1984) telah mengenal pasti dan mencadangkan pelbagai ciri pengurusan tertinggi yang boleh diukur. Mereka telah mengkategorikan ciri-ciri tersebut kepada tujuh kumpulan yang berkaitan dengan: (1) usia; (2) tempoh jawatan; (3) pengalaman kerjaya; (4) pendidikan rasmi; (5) latar belakang sosioekonomi; (6) kedudukan kewangan dan (7) kumpulan heterogen.

Ciri-ciri pengurusan tertinggi ini dijangka mempunyai hubungan dengan peruntukan agihan zakat. Seperti mana yang telah dibincangkan di dalam Teori Keadilan Agihan, pemilihan sesuatu prinsip agihan bergantung pada ciri-ciri si pengagih. Dalam konteks agihan zakat, pengagih merujuk kepada kumpulan individu yang terlibat di dalam membuat keputusan peruntukan agihan zakat. Antara ciri-ciri pengurusan tertinggi yang relevan dengan pengurusan tertinggi institusi zakat adalah usia, bidang pendidikan, tahap pendidikan, tempoh jawatan dan pengalaman kerjaya. Komposisi ciri-ciri ini dipercayai mempunyai pengaruh dalam peruntukan agihan zakat sesebuah negeri. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah ini masih belum ditemui di dalam kajian-kajian yang melibatkan institusi-institusi zakat. Justeru, seksyen seterusnya akan membincangkan setiap ciri tersebut dengan lebih terperinci.

2.16.1 Usia

Kajian mengenai kesan usia pengagih dengan peruntukan agihan masih tidak dapat memberikan suatu kesimpulan yang kukuh. Ini disebabkan ada kajian yang menunjukkan usia sememangnya mempengaruhi keputusan peruntukan agihan dan ada pula yang menyatakan sebaliknya. Hook dan Cook (1979) membuktikan usia pengagih memberi kesan terhadap agihan di mana individu yang lebih muda akan memilih konsep agihan yang mudah iaitu prinsip kesamarataan. Manakala bagi individu yang lebih berusia pula, mereka lebih menggemari agihan yang berlandaskan prinsip sumbangan (Hook & Cook, 1979). Hasil

kajian yang berbeza dapat dilihat melalui kajian Arts dan Gelissen (2001), di mana dapatan kajian menunjukkan semakin berusia seseorang itu, semakin cenderung seseorang menggunakan prinsip kesamarataan di dalam agihan berbanding prinsip keperluan dan sumbangan. Ini adalah kerana individu yang berusia lebih mementingkan perpaduan sesama mereka berbanding individu yang lebih muda. Malah, individu muda lebih mementingkan prinsip sumbangan daripada prinsip-prinsip lain (Arts & Gelissen, 2001).

Menurut *Upper Echelon Theory (UET)* pengurus-pengurus muda lebih berminat kepada idea-idea baru dan unik. Mereka lebih berani dalam mengambil risiko berbanding dengan pengurus yang lebih tua (Hambrick & Mason, 1984). Ini mungkin disebabkan oleh semakin berusia seseorang itu, semakin sukar untuk menerima idea-idea baru atau mungkin kerana keupayaan fizikal dan mental yang semakin berkurangan. Di samping itu juga, pengurus yang lebih berusia lebih menggemari status-quo organisasi. Justeru itu, idea-idea baru kurang diminati dan keberatan untuk menanggung risiko. Sebaliknya, mereka lebih menitikberatkan soal kerjaya dan juga kewangan (Hambrick & Mason, 1984). Ini disokong oleh Wiersema dan Bantel (1992) dalam kajian mengenai hubungan di antara ciri-ciri pihak pengurusan tertinggi dengan perubahan strategik korporat. Hasil kajian mendapati bahawa sememangnya usia mempunyai perkaitan dengan perubahan strategik korporat. Organisasi yang diterajui oleh pengurus-pengurus yang lebih muda lebih kerap terlibat dengan perubahan dalam strategi korporat (Wiersema & Bantel, 1992).

Chuang, Nakatani dan Zhou (2009) telah menguji keupayaan *UET* di dalam persekitaran teknologi maklumat. Hasil kajian mendapati bahawa komposisi usia pihak pengurusan tertinggi mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan penggunaan teknologi maklumat. Semakin meningkat umur pihak pengurusan tertinggi, semakin kurang

penggunaan teknologi maklumat di dalam pengurusan perniagaan. Ini selari dengan *UET* yang menyatakan bahawa semakin berusia kumpulan pengurusan tertinggi, semakin kurang minat terhadap perubahan (Hambrick & Mason, 1984).

Walaupun kajian-kajian di atas dibuat dalam persekitaran organisasi yang bermotifkan keuntungan, kemungkinan keadaan yang sama berlaku di dalam institusi zakat. Usia seseorang pembuat keputusan mempunyai perkaitan dengan keputusan yang dibuat termasuk keputusan peruntukan agihan zakat. Namun, sehingga kini sukar untuk mencari bukti empirikal tentang perkaitan usia dengan peruntukan agihan zakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menguji sama ada faktor usia mempunyai hubungan dengan peruntukan agihan zakat yang dibuat.

2.16.2 Bidang Pendidikan

Latar belakang bidang pendidikan seseorang juga didapati mempunyai pengaruh terhadap penilaian keadilan agihan. Faravelli (2007) dalam kajiannya mendapati agihan yang sama rata menjadi keutamaan pelajar dalam bidang sosiologi. Sebaliknya, pelajar ekonomi lebih mengutamakan pihak-pihak yang kurang bernasib baik. Agihan yang lebih diberikan kepada yang amat memerlukan bantuan. Prinsip perbezaan yang telah diutarakan oleh Rawls (1999) dirujuk di mana agihan yang adil tidak semestinya sama rata tetapi harus mengutamakan golongan yang tidak berkemampuan.

Bidang pendidikan pengurusan tertinggi juga didapati menjadi salah satu faktor perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan sesebuah organisasi. Hasil kajian oleh Chaganti dan Sambharya (1987) dan Thomas, Litschert dan Ramaswamy (1991) mendapati bidang pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan perbelanjaan penyelidikan dan

pembangunan. Kumpulan pengurusan yang mempunyai bidang pendidikan yang berkaitan dengan sains dan teknologi lebih gemar berbelanja untuk penyelidikan dan pembangunan.

Kesimpulan yang boleh dibuat dari kajian-kajian di atas adalah bidang pendidikan pembuat keputusan mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan kewangan sesebuah organisasi. Di dalam persekitaran zakat, kebanyakan institusi zakat diterajui oleh golongan yang berpendidikan Islam dan zakat perlu dibelanjakan kepada lapan golongan asnaf. Ini berbeza dengan kajian-kajian di atas lebih tertumpu pada golongan atau perbelanjaan tertentu sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan pemboleh ubah ini bagi menentukan sama ada bidang pendidikan mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan zakat.

2.16.3 Tahap Pendidikan

Selain dari bidang pendidikan, tahap pendidikan juga didapati mempunyai kesan terhadap keadilan agihan. Arts dan Gelissen (2001) mendapati semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, maka lebih cenderung seseorang itu untuk tidak memilih prinsip kesamarataan dan keperluan. Sebaliknya, hasil kajian menunjukkan individu yang memiliki pendidikan peringkat yang lebih tinggi lebih mengutamakan prinsip sumbangan. Manakala individu yang mempunyai pendidikan sekolah menengah dan rendah lebih gemar kepada prinsip kesamarataan dan keperluan (Arts & Gelissen, 2001).

Thomas et al. (1991) mendapati tahap pendidikan pihak pengurusan atasan juga turut mempunyai hubungan dengan keputusan perbelanjaan yang akan dibuat. Kajian menekankan bahawa semakin tinggi tahap pendidikan, semakin kreatif seseorang itu dan semakin bertambah perbelanjaan pemasaran yang lebih berinovatif. Tambahan lagi, pengurus yang berpendidikan tinggi akan lebih terbuka dengan idea-idea baru. Kajian oleh Bantel dan

Jackson (1989) jelas menunjukkan kebanyakan organisasi yang berinovasi diterajui oleh pihak pengurusan yang mempunyai tahap pendidikan tinggi. Barker dan Mueller (2002) pula melaporkan tahap pendidikan yang berbeza-beza memainkan peranan penting dalam membuat keputusan berkaitan perbelanjaan organisasi.

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa tahap pendidikan seseorang mempunyai perkaitan dengan keputusan yang dibuat. Walaupun institusi zakat merupakan sebuah organisasi berkaitan dengan agama Islam, namun terdapat persamaan dari segi bagaimana ia membelanjakan wang zakat yang dikutip. Namun, kesan tahap pendidikan terhadap peruntukan agihan zakat masih sukar ditemui hingga ke hari ini. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan sama ada tahap pendidikan seseorang mampu mempengaruhi peruntukan agihan zakat yang dibuat atau sebaliknya.

2.16.4 Tempoh Jawatan

Selain daripada faktor umur, bidang dan tahap pendidikan, tempoh jawatan juga didapati mempengaruhi keputusan seseorang pemimpin di dalam soal strategi organisasi dan perbelanjaan. Dalam kajian berkaitan perubahan strategi organisasi, tempoh memegang jawatan pihak pengurusan tertinggi mempunyai hubungan yang negatif dengan perubahan strategi yang dilakukan. Menurut *UET* (Hambrick & Mason 1984), semakin lama tempoh jawatan yang dipegang, maka semakin kurang perubahan yang dilakukan. Malah, lebih selesa dengan keadaan *status quo* dan sentiasa bertindak mengikut pengalaman yang lepas.

Ini dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh Hambrick, Geletkanycz dan Fredrickson (1993) di mana tempoh jawatan ketua pegawai eksekutif (CEO) mempunyai perkaitan dengan perubahan yang dilakukan di dalam organisasi. Semakin lama tempoh jawatan yang

dipegang, semakin kurang perubahan yang dilakukan. Dalam kata lain, lebih cenderung untuk berada dalam keadaan *status quo*. Kajian-kajian lain yang dilakukan oleh Hambrick dan Fukutomi (1991); Hambrick et al., (1993); dan Musteen, Barker dan Baeten (2006) juga memberikan hasil yang sama.

Dari segi agihan zakat pula, sekiranya persepsi pembuat keputusan telah lama menumpukan peruntukan kepada asnaf fakir dan miskin, maka semakin lama tempoh jawatan yang dipegang, semakin banyak peruntukan diberikan kepada golongan tersebut. Ini mungkin kerana pembuat keputusan telah selesa dengan keputusan yang dibuat sebelum ini dan enggan menerima idea-idea baru dalam agihan zakat.

Sorotan literatur yang lepas kurang menyentuh tentang hubungan pemboleh ubah ini di dalam organisasi yang unik seperti institusi zakat. Kajian di atas lebih kepada organisasi yang berorientasikan keuntungan dan perbelanjaan yang dilakukan lebih kepada kepentingan organisasi itu sendiri. Keadaan ini langsung tidak selari dengan institusi zakat yang bertindak sebagai pengurus wang zakat yang bertanggungjawab mengagihkan zakat kepada kesemua lapan kategori asnaf. Dalam erti kata lain, zakat lebih menjurus kepada tuntutan agama manakala organisasi yang disebutkan di atas berorientasikan kepada sesuatu yang tiada perkaitan dengan agama. Lantas, kajian ini mencari peluang untuk menyelidik kesan tempoh jawatan seseorang pemimpin dengan peruntukan agihan zakat yang dibuat.

2.16.5 Pengalaman Kerjaya

Di samping tempoh jawatan, pengalaman kerjaya juga diberikan perhatian dalam kajian ini. Berdasarkan kepada *UET*, perspektif seseorang terbentuk dan terbatas kepada pengalaman-pengalaman yang lepas (Hambrick & Mason 1984). Kajian-kajian yang lepas telah

membuktikan bahawa semakin lama pengalaman seseorang ketua pegawai eksekutif (*CEO*) itu dalam sesuatu bidang, semakin tinggi komitmennya terhadap *status quo* (Geletkanycz & Black, 2001). Kajian ini yang melibatkan *CEO* dan eksekutif kanan syarikat mendedahkan bahawa seseorang yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan, kewangan, pemasaran dan perundangan lebih terikat dengan polisi dan strategi yang sedia ada. Sebaliknya, apabila seseorang itu mempunyai pengalaman kerjaya yang berlainan bidang, kecenderungan untuk membuat perubahan adalah tinggi.

Di samping itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan pengalaman kerjaya pegawai eksekutif turut mempengaruhi keputusan perbelanjaan yang dibuat untuk organisasi. Kajian oleh Barker dan Mueller (2002) mendapati bahawa *CEO* yang mempunyai pengalaman kerjaya dalam bidang pemasaran dan kejuruteraan lebih cenderung untuk meningkatkan perbelanjaan pembangunan dan penyelidikan (*R&D*). Sebaliknya, *CEO* yang mempunyai pengalaman dalam bidang kewangan dan perakaunan menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan perbelanjaan *R&D*. Ini menunjukkan pengalaman kerjaya sebagai *CEO* mempengaruhi keputusan perbelanjaan organisasi. Pernyataan ini turut disokong oleh kajian-kajian lain seperti kajian oleh Chaganti dan Sambharya (1987); Hambrick dan Mason (1984); dan Thomas et al., (1991).

Apa yang boleh disimpulkan dari perbincangan di atas adalah sesuatu keputusan sama ada yang melibatkan polisi dan strategi atau pun perbelanjaan organisasi mempunyai hubungan dengan pengalaman kerjaya pembuat keputusan. Begitu juga halnya dengan institusi zakat. Adalah dijangkakan bahawa pengalaman kerjaya pembuat-pembuat keputusan mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan zakat yang dibuat. Oleh yang demikian, pemboleh ubah ini dipilih sebagai salah satu pemboleh ubah bagi menentukan peruntukan agihan zakat.

2.17 Keutamaan Agihan

Keutamaan agihan terhasil daripada keputusan peruntukan agihan yang dibuat. Peruntukan agihan telah digunakan dalam kajian-kajian yang lepas (Collier & Dollar, 2002; Llavador & Roemer, 2001; McGillivray & White, 1993) bagi mengukur agihan yang telah dibuat oleh pihak penderma atau pihak pembuat keputusan. Menurut pengkaji-pengkaji ini, peruntukan agihan dipilih kerana ia lebih sesuai jika dibandingkan dengan agihan sebenar. Ini adalah kerana peruntukan agihan merupakan hasil daripada keputusan untuk membuat agihan dan ia adalah di bawah kawalan pihak yang membuat keputusan (White & McGillivray, 1995). Peruntukan agihan lebih tepat berbanding agihan sebenar kerana peruntukan memberikan gambaran tentang keputusan. Manakala agihan sebenar besar kemungkinan tidak sama dengan peruntukan yang dibuat oleh sebab terdapatnya faktor-faktor di luar kawalan ataupun faktor-faktor yang mempengaruhi proses agihan. Sebagai contoh, faktor-faktor seperti bencana alam, bilangan penerima yang layak dan juga faktor birokrasi semasa proses agihan.

Memandangkan kajian ini akan melihat kepada keputusan agihan zakat kepada setiap asnaf yang dibuat oleh institusi zakat, maka peruntukan agihan zakat akan dijadikan sebagai pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini. Literatur zakat yang menerangkan faktor-faktor penentu peruntukan agihan zakat masih sukar untuk ditemui. Justeru, kajian ini merupakan

kajian yang pertama untuk mengkaji faktor-faktor yang terlibat di dalam membuat sesuatu peruntukan agihan zakat.

2.18 Rumusan

Secara kesimpulannya, literatur-literatur yang lepas menunjukkan beberapa pemboleh ubah yang telah dibincangkan dapat menerangkan peruntukan agihan. Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut telah dikaji dan dibincangkan di dalam pelbagai persekitaran umpamanya, di dalam kajian berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan, perbelanjaan kebajikan, bantuan kemanusiaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati amat sukar untuk menemui literatur-literatur yang membincangkan tentang peruntukan agihan di dalam persekitaran yang unik seperti zakat. Kemungkinan terdapat perbezaan perkaitan pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut di dalam peruntukan agihan zakat. Ini adalah kerana zakat merupakan suatu tuntutan agama dan penerima-penerima adalah mengikut ketetapan Allah S.W.T. Melalui Surah At-Taubah, ayat 60, Allah S.W.T. telah menegaskan bahawa zakat hendaklah diagihkan kepada lapan kategori penerima iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, al-gharimin, al-riqab, fisabilillah dan ibnusabil.

Berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan, didapati peruntukan agihan dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran terdiri daripada faktor status ekonomi, tekanan politik dan tekanan sosial, manakala faktor dalaman pula merangkumi faktor motif agihan, ideologi pengagih, kepimpinan dan juga ciri-ciri pengurusan tertinggi. Setiap faktor ini dirasakan sesuai dengan kajian ini dan dijangka dapat menerangkan ketidakseragaman peruntukan agihan zakat. Oleh yang demikian, faktor-faktor tersebut diberikan tumpuan di dalam kajian ini dalam membentuk kerangka kerja teori bagi keutamaan agihan zakat kepada asnaf.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang metodologi kajian ini. Perbincangan akan bermula dengan kerangka kerja teori, diikuti dengan perbincangan berkaitan pemboleh ubah serta pembentukan hipotesis bagi keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Bahagian seterusnya akan menjelaskan tentang definisi operasi kajian dan pengukuran pemboleh ubah. Seterusnya ia akan membicarakan perihal pengumpulan data dan pensampelan, diikuti dengan instrumen kajian. Bahagian terakhir pula akan membentangkan bagaimana analisis dibuat ke atas data yang telah dikumpulkan.


3.2 Kerangka Kerja Teori

Ketidakteraturan agihan zakat yang berlaku telah menimbulkan pelbagai persoalan terutamanya di kalangan pembayar-pembayar zakat. Mengapakah terdapat perbezaan agihan di kalangan penerima-penerima zakat? Kenapa ada kategori penerima zakat menerima lebih banyak zakat dari kategori lain? Semua persoalan di atas menuntut agar satu kajian dilakukan bagi menjelaskan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat di setiap negeri.

Ini adalah penting kerana selain dari menimbulkan keraguan dan salah tanggapan di kalangan masyarakat Islam, ketidakseragaman agihan zakat juga mampu mengakibatkan masalah yang lebih buruk. Masyarakat Islam akan hilang kepercayaan terhadap institusi zakat dan berkemungkinan tidak akan membayar zakat kepada institusi tersebut. Lebih dikhuatiri lagi jika masyarakat Islam terus tidak mahu menunaikan rukun Islam yang ketiga ini. Justeru, kajian ini akan cuba mengkaji dan memberikan penjelasan tentang faktor-faktor yang terlibat di dalam keputusan peruntukan agihan zakat.

Melalui sorotan literatur yang dibuat, masih belum terdapat lagi model yang mampu menerangkan keutamaan agihan zakat. Berpandukan sorotan literatur yang telah dilakukan di dalam Bab 2, suatu kerangka kerja teori dicadangkan untuk kajian ini. Rajah 3.1 menunjukkan kerangka kerja teori bagi keutamaan agihan zakat.

Sebagaimana yang digambarkan di dalam Rajah 3.1, keutamaan agihan zakat merupakan pemboleh ubah bersandar di dalam kajian ini. Pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas terdiri daripada faktor-faktor yang dipercayai mempunyai perkaitan dengan keputusan peruntukan agihan zakat. Ini terdiri daripada status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, ideologi pengagih, motif agihan, kepimpinan dan ciri-ciri pengurusan tertinggi. Status ekonomi merangkumi dana peruntukan, kadar kemiskinan dan kadar pengangguran. Kepimpinan pula terdiri daripada gaya kepimpinan sama ada kepimpinan transformasional, transaksional ataupun *laissez-faire* manakala ciri-ciri pengurusan tertinggi pula merangkumi usia, tahap pendidikan, bidang pendidikan, tempoh jawatan dan pengalaman kerjaya. Seksyen seterusnya membincangkan faktor-faktor tersebut secara lebih terperinci dengan pembentukan hipotesis.



Rajah 3.1
Kerangka Kerja Teori: Keutamaan Agihan Zakat Kepada Asnaf Oleh Institusi Zakat

3.3 Definisi Operasi

Definisi operasi menyenaraikan definisi setiap pemboleh ubah mengikut takrifan kajian ini.

Berikut merupakan definisi operasi bagi setiap pemboleh ubah:

3.3.1 Status Ekonomi

Keadaan ekonomi sesebuah negeri yang merangkumi keupayaan fiskal dan keperluan ekonomi. Keupayaan fiskal institusi zakat merujuk kepada keupayaan mengagihkan zakat bergantung kepada hasil kutipan zakat. Keperluan ekonomi pula merujuk kepada keadaan ekonomi semasa seperti kadar kemiskinan dan kadar pengangguran.

3.3.2 Tekanan Politik

Tekanan politik merupakan sebarang bentuk pandangan, cadangan atau desakan daripada parti politik yang memerintah atau mentadbir sesebuah negeri ke atas institusi zakat dalam hal berkaitan dengan agihan zakat kepada asnaf-asnaf. Tekanan politik ini boleh datang daripada menteri besar atau ketua menteri atau mana-mana ahli politik.

3.3.3 Tekanan Sosial

Definisi operasi bagi tekanan sosial adalah sebarang bentuk pendapat, cadangan, nasihat, laporan atau pendedahan, desakan atau tuntutan ke atas institusi zakat yang berkaitan dengan agihan zakat kepada asnaf. Tekanan yang dimaksudkan adalah daripada individu atau organisasi di luar institusi.

3.3.4 Ideologi

Ideologi bermaksud pandangan atau kepercayaan seseorang individu yang membentuk gelagat seseorang terhadap sesuatu perkara. Bagi tujuan kajian ini, ideologi dikategorikan kepada dua iaitu konservatif dan liberal. Golongan konservatif merujuk kepada kecenderungan untuk memelihara tradisi yang menjadi ikutan sebelum ini dan menentang sebarang bentuk perubahan atau pembaharuan. Sebaliknya, golongan liberal bersikap lebih

terbuka, sedia menerima teguran, cadangan atau pandangan orang lain. Golongan ini juga gemar mencari idea-idea baru untuk menambah baik sistem yang sedia ada.

3.3.5 Motif Agihan

Motif agihan ditakrifkan sebagai tujuan atau matlamat utama agihan zakat yang ingin dicapai oleh institusi-institusi zakat. Setiap institusi zakat mempunyai tujuan atau matlamat yang mungkin berbeza dengan institusi zakat yang lain.

3.3.6 Kepimpinan

Kepimpinan didefinisikan sebagai gaya kepimpinan yang terdapat pada seseorang individu. Terdapat tiga jenis gaya kepimpinan iaitu kepimpinan transformasional, kepimpinan transaksional dan kepimpinan *laissez-faire*. Kepimpinan transformasional terdiri daripada empat dimensi iaitu karisma, motivasi inspirasi, stimulasi intelektual dan pertimbangan individu. Kepimpinan transaksional pula terdiri daripada tiga komponen iaitu ganjaran tertakluk, pengurusan terkecuali aktif dan pengurusan terkecuali pasif. Seseorang yang tiada langsung ciri-ciri kepimpinan atau kepimpinan pasif terletak di bawah kategori kepimpinan *laissez-faire*.

3.3.7 Ciri-ciri Pengurusan Tertinggi

Ciri-ciri pengurusan tertinggi merujuk kepada ciri-ciri demografi yang terdapat pada seseorang pegawai agihan zakat yang terlibat dengan keputusan agihan zakat. Ciri-ciri ini termasuklah usia, bidang pendidikan, tahap pendidikan, tempoh jawatan dan pengalaman kerjaya.

3.3.8 Keutamaan Agihan Zakat

Keutamaan agihan zakat ditakrifkan sebagai kelebihan atau keutamaan yang diberikan kepada satu kategori asnaf dalam jumlah atau peratus agihan zakat. Sekiranya mana-mana asnaf mendapat jumlah atau peratus agihan zakat melebihi asnaf lain, asnaf tersebut dianggap mendapat keutamaan pihak institusi zakat.

3.4 Pemboleh Ubah Bebas Dan Pembentukan Hipotesis

Setiap pemboleh ubah bebas yang diuji dalam kajian telah dibincangkan di dalam bab sorotan literatur sebelum ini. Seksyen ini membentangkan pembentukan hipotesis bagi setiap pemboleh ubah yang diuji bagi menjawab soalan kajian.

3.4.1 Status Ekonomi Dan Keutamaan Agihan Zakat

Status ekonomi merupakan salah satu faktor luaran yang dipercayai mempunyai perkaitan dengan perbezaan peruntukan agihan zakat kepada asnaf di setiap negeri. Ia dijangka boleh mempengaruhi keutamaan agihan zakat yang diberikan kepada asnaf. Status ekonomi dalam kajian ini merangkumi keupayaan fiskal dan keperluan ekonomi semasa. Keupayaan fiskal institusi zakat merujuk kepada dana peruntukan atau hasil kutipan yang diterima. Keperluan ekonomi pula merangkumi kadar kemiskinan, kadar pengangguran, dan jumlah permohonan zakat yang diterima.

Kajian keutamaan perbelanjaan kebajikan sesebuah kerajaan negeri ataupun program anti kemiskinan telah menunjukkan dana peruntukan atau dana bantuan menjadi salah satu faktor yang menentukan keupayaan sesebuah negeri dalam mencapai objektif mereka (Toiika et al., 2004). Lebih banyak dana, lebih tinggi peruntukan perbelanjaan kebajikan yang boleh dibuat. Dalam kata lain, perbelanjaan kebajikan lebih diutamakan. Hwang dan Gray (1991) dalam

kajian berkaitan penentu polisi awam bagi sesebuah negeri juga mendapati faktor keupayaan fiskal sesebuah negeri mempunyai kesan terhadap perbelanjaan sesebuah negeri.

Kadar kemiskinan merupakan salah satu faktor keperluan ekonomi yang diambil kira di dalam perbelanjaan bagi membasmi kemiskinan. Ini dapat dilihat daripada kajian-kajian lalu, umpamanya oleh Neumayer (2003a, 2003b, 2003c). Negara-negara yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi akan diberikan perhatian dalam peruntukan bantuan wang kebajikan. Ini disebabkan oleh matlamat utama pengagih adalah untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf ekonomi sesebuah negara.

Apabila kadar kemiskinan tinggi, jumlah individu yang layak untuk menerima bantuan juga tinggi. Agihan juga akan meningkat seiring dengan peningkatan kadar kemiskinan. Begitu juga halnya dengan wang agihan zakat. Matlamat utama zakat adalah memerangi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup orang miskin. Malah terdapat kajian-kajian lalu yang menunjukkan zakat mampu mengurangkan kadar kemiskinan (Abu Sufian, 2006; Patmawati, 2008). Oleh yang demikian, kadar kemiskinan yang tinggi akan menyebabkan keutamaan agihan zakat kepada asnaf juga tinggi.

Sebagaimana kadar kemiskinan, kadar pengangguran juga akan menyebabkan bilangan individu yang layak menerima bantuan akan turut meningkat. Mogull (1993) dan Toiika et al. (2004) melaporkan bahawa kadar pengangguran mempunyai hubungan yang positif dengan bantuan wang kebajikan. Malah, lebih tinggi kadar pengangguran, maka lebih tinggi bantuan kebajikan yang diperuntukkan. Fenomena ini dijangka turut juga berlaku di dalam persekitaran zakat.

Adalah dipercayai bahawa kadar pengangguran sesebuah negeri mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Namun setakat pengetahuan penyelidik, belum ada lagi kajian yang menguji faktor status ekonomi dalam kajian keutamaan agihan zakat. Justeru, kajian ini mengambil peluang menguji pemboleh ubah ini dalam keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Hipotesis yang dibentuk daripada perbincangan di atas adalah:

H₁: Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.2 Tekanan Politik Dan Keutamaan Agihan Zakat

Kajian-kajian lalu menunjukkan sememangnya terdapat hubungan yang signifikan di antara parti politik dan perbelanjaan kebajikan sesebuah negeri (Garand, 1985; Painter & Bae, 2001). Sebagaimana yang berlaku di Amerika Syarikat, Parti Demokrat didapati lebih murah dan lebih mengutamakan golongan kurang bernasib baik berbanding Parti Republikan. Justeru itu, negeri-negeri di bawah pemerintahan Parti Demokrat lebih gemar mengutamakan bantuan kebajikan dan pendidikan di mana mereka memperuntukkan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk tujuan kebajikan dan pendidikan. Sebaliknya, perbelanjaan untuk tujuan yang sama adalah lebih sedikit bagi negeri-negeri di bawah pemerintahan Parti Republikan.

Memandangkan urusan pentadbiran dan pengurusan zakat adalah di bawah MAIN dan setiap negeri mempunyai MAIN masing-masing, maka kemungkinan terdapat kesan atau pengaruh daripada parti politik yang mentadbir negeri ke atas institusi zakat dalam menentukan agihan. Setiap parti politik mempunyai ideologi politik yang berbeza-beza. Sebagai contoh, mungkin ada parti yang lebih menekankan tentang kebajikan rakyat dan pembangunan ummah, ada

yang lebih mengutamakan soal dakwah dan masalah sosial. Berdasarkan perbincangan di atas hipotesis perkaitan tekanan politik dan peruntukan agihan zakat adalah seperti berikut:

H₂: Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.3 Tekanan Sosial Dan Keutamaan Agihan Zakat

Pada kebiasaannya, seseorang individu atau kumpulan akan bertindak untuk melakukan sesuatu perkara selepas mendapat tekanan daripada pihak luar. Tindakan yang dilakukan adalah sebagai respons kepada tekanan yang diterima. Kajian-kajian yang lepas mendapati sememangnya wujud perkaitan antara tekanan sosial dengan sesuatu perbuatan atau keputusan yang dibuat. Dalam bidang percukaian, terdapat kajian lalu yang membuktikan tekanan sosial dari ahli keluarga, rakan-rakan, majikan dan pasangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pematuhan cukai (Bobek & Hatfield, 2003; Hanno & Violette, 1996).

Selain itu, tekanan sosial juga berupaya mengubah atau mempengaruhi keputusan yang hendak dibuat. Dohmen (2008) telah membuat kajian ke atas gelagat pengadil bola sepak dan melaporkan bahawa tekanan sosial yang diterima oleh pengadil semasa perlawanan bola sepak berlangsung mempunyai hubungan yang signifikan dengan keputusan yang dibuat. Tekanan sosial seperti pekikan, rungutan dan desakan daripada penonton- penonton di stadium menyebabkan pengadil tertekan dan menyesuaikan keputusan yang dibuat supaya mengikut kehendak penonton. Nevill, Balmer dan Williams (2002) pula mendapati kualiti pengadil terjejas apabila pengadil berasa tertekan dengan gelagat penonton- penonton yang menyaksikan perlawanan bola sepak. Semakin kuat tekanan yang diterima daripada penonton di stadium, semakin banyak kesilapan yang dilakukan oleh pengadil bola sepak. Ini menunjukkan bahawa keputusan yang dibuat adalah dipengaruhi oleh tekanan sosial yang diterima.

Dalam persekitaran lain, umpamanya sumbangan derma yang dibuat oleh individu juga turut dipengaruhi oleh tekanan sosial. Ini dapat dilihat menerusi kajian yang dibuat oleh Vigna, List, dan Malmendier (2009). Beliau mendapati tekanan sosial yang diterima melalui risalah dapat meningkatkan keinginan individu untuk membuat sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan amal. Individu-individu yang mendapat risalah didapati lebih terpenggil untuk menderma berbanding dengan individu yang tidak menerima risalah. Dapatan yang sama didapati oleh Gerber et al. (2008) dalam kajian mereka berkaitan penglibatan para pengundi berdaftar di dalam pilihan raya sesebuah negeri. Tekanan sosial yang diterima oleh para pengundi yang berbentuk risalah yang tertulis “Undilah! Tunaikan Tanggungjawab Anda!” telah berjaya meningkatkan jumlah individu yang keluar mengundi pada hari pilihan raya.

Smith dan McSweeney (2007) pula melaporkan bahawa tekanan sosial yang terdiri daripada ahli keluarga, rakan sekerja, rakan-rakan dan kumpulan keagamaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat dan juga gelagat seseorang untuk menderma. Kajian ini mendapati sekiranya wujud tekanan seperti rangsangan, permintaan atau motivasi daripada kumpulan yang dianggap penting ini, maka semakin kuat niat individu untuk menderma.

Hasil kajian yang lalu berkaitan bantuan kebajikan dan kemanusiaan telah melaporkan bahawa tekanan sosial merupakan salah satu faktor peruntukan agihan bantuan tersebut. Tekanan sosial yang dimaksudkan terdiri daripada pihak yang berkepentingan (Cooray & Shahiduzzaman, 2004; Grogan, 1994; Plotnick & Winters, 1985) dan juga pihak media (Besley & Burgess, 2000; Revelli, 2007; Robinson, 1999; Simon, 1997). Apabila tekanan sosial diterima, ia bakal menimbulkan situasi yang kurang elok kepada seseorang atau kumpulan, maka tindakan yang dibuat seboleh-bolehnya akan menurut kehendak tekanan tersebut.

Institusi zakat juga tidak terkecuali daripada menerima tekanan daripada pihak-pihak luar. Tekanan yang diterima bukan semuanya bersifat mengecam atau komen negatif tetapi lebih kepada pandangan atau nasihat untuk tujuan penambahbaikan institusi zakat. Contohnya, input daripada golongan alim ulama, ahli-ahli akademik yang berkepakaran dalam bidang zakat lebih berbentuk pandangan, nasihat, peringatan atas perkara-perkara kebenaran dan bukannya tekanan yang berbau negatif. Selain daripada kemungkinan mendapat tekanan daripada parti politik yang memerintah, golongan alim ulama, ahli-ahli akademik yang berkepakaran dalam bidang zakat, institusi zakat juga dipercayai mungkin menerima tekanan daripada kerajaan persekutuan, pembayar-pembayar zakat dan juga penerima zakat.

Kebelakangan ini, media sering kali mendedahkan laporan negatif tentang pengurusan agihan zakat oleh institusi zakat. Sebagai contoh, agihan zakat yang tidak menyeluruh, lebihan wang zakat yang gagal diagihkan, kegagalan asnaf fakir dan miskin untuk mendapat wang zakat dan pelbagai laporan yang berbentuk negatif terhadap institusi zakat. Keadaan ini sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada institusi zakat. Nama baik institusi zakat sebagai sebuah organisasi Islam sedikit tercemar dengan pendedahan-pendedahan ini. Justeru, kemungkinan peruntukan agihan zakat yang dibuat mempunyai perkaitan dengan tekanan sosial yang diterima oleh institusi zakat. Oleh yang demikian, hipotesis berikut dibentuk:

H₃: Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.4 Ideologi Dan Keutamaan Agihan Zakat

Faktor ideologi pengagih telah dilaporkan mempunyai perkaitan dengan agihan bantuan kebajikan dan kemanusiaan di negara Barat. Terdapat dua kategori ideologi yang dilaporkan di dalam literatur iaitu ideologi konservatif dan ideologi liberal. Perbezaan kedua-dua

ideologi ini telah mempengaruhi keputusan peruntukan agihan seperti mana yang telah dilaporkan oleh Mitchell et al. (1993; 2003), Scott dan Bornstein (2009), Scott et al. (2001) dan Tetlock dan Mitchell (1993).

Namun begitu, belum ada lagi kajian yang menyentuh tentang perkaitan di antara ideologi dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Malah, sama ada wujudnya ideologi konservatif dan ideologi liberal di kalangan pengurusan tertinggi institusi zakat masih belum diketahui. Maka, hipotesis berikut telah dibentuk:

H₄: Ideologi agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.5 Motif Agihan Dan Keutamaan Agihan Zakat

Literatur berkaitan keadilan agihan memaparkan agihan dibuat berdasarkan kepada motif agihan. Setiap prinsip agihan sama ada prinsip kesamarataan, prinsip sumbangan mahu pun prinsip keperluan mempunyai motif tersendiri. Kajian-kajian lalu telah menunjukkan motif agihan sememangnya mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan yang dibuat.

Ketidakteragaman agihan zakat di kalangan asnaf dipercayai berpunca daripada motif agihan yang berbeza di setiap institusi zakat. Walaupun motif yang paling utama agihan zakat adalah untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang sosioekonomi di kalangan umat Islam, namun masih terdapat negeri yang lebih mengutamakan golongan selain daripada golongan fakir dan miskin dalam agihan zakat (PPZ-MAIWP, 2009). Umpamanya, negeri Johor mengagih lebih banyak zakat kepada golongan fisabilillah berbanding dengan golongan fakir dan miskin. Ini agak berbeza dengan negeri Kelantan dan Terengganu yang lebih cenderung kepada golongan fakir dan miskin. Secara tidak langsung ini menunjukkan motif agihan mempunyai peranan dalam keutamaan agihan zakat di mana motif yang berbeza akan

menyebabkan peruntukan agihan yang berbeza di kalangan asnaf. Oleh itu, hipotesis yang dibentuk adalah seperti berikut:

H₅: Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.6 Kepimpinan Dan Keutamaan Agihan Zakat

Di dalam sesebuah organisasi tidak kira sama ada organisasi awam atau swasta, mahupun organisasi yang berorientasikan keuntungan atau tidak, peranan pemimpin sangat penting dalam menentukan arah tuju sesebuah organisasi. Secara amnya, pihak pengurusan atasan sesebuah organisasi merupakan pemimpin organisasi tersebut. Tanggungjawab utama pemimpin organisasi termasuklah membuat perancangan, mengawal, dan memastikan matlamat organisasi tercapai. Selain itu, pemimpin juga mempunyai kuasa penuh dalam membuat sebarang keputusan dalam organisasi di bawah pimpinannya. Gaya kepimpinan seseorang individu sering kali dilaporkan mempunyai perkaitan terhadap keputusan yang dibuat. Seperti mana yang telah dibincangkan di dalam Bab 2, terdapat tiga gaya kepimpinan yang dipercayai mempunyai kesan terhadap pembuatan keputusan. Tiga gaya kepimpinan yang dimaksudkan itu adalah kepimpinan transaksional, kepimpinan transformasional dan kepimpinan *laissez-faire*.

Ketiga-tiga gaya kepimpinan ini mempunyai perkaitan dengan gaya pembuatan keputusan (Tatum et al., 2003). Pemimpin transformasional menggalakkan orang bawahan melibatkan diri mereka dalam perbincangan mengenai sesuatu perkara mahupun dalam sebarang pembuatan keputusan. Dengan mengambil input daripada orang bawahannya, ianya akan menyebabkan mereka merasa diri mereka lebih dihargai dan kebajikan mereka sentiasa dijaga. Pemimpin kategori ini juga lebih cenderung untuk melakukan perubahan terhadap organisasi yang bersesuaian dengan peredaran masa. Sebaliknya, pemimpin transaksional dan

laissez-faire pula membuat keputusan dengan informasi yang agak terbatas daripada orang bawahannya atau membiarkan orang bawahan membuat keputusan tanpa penglibatan beliau.

Di dalam persekitaran zakat, institusi zakat merupakan organisasi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal zakat. Peranan utama institusi zakat adalah mengutip, mengurus dan mengagihkan zakat kepada semua asnaf yang berhak. Keputusan di dalam peruntukan agihan zakat terletak di tangan kepimpinan institusi zakat yang terdiri daripada ahli jawatankuasa atau lembaga institusi tersebut. Memandangkan institusi zakat adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, maka jelaslah bahawa setiap institusi zakat diterajui oleh pemimpin yang berbeza. Secara tidak langsung, kepelbagaian pemimpin akan menjurus kepada perbezaan dalam gaya pembuatan keputusan. Ini termasuklah membuat keputusan di dalam hal berkaitan peruntukan agihan zakat. Adalah dipercayai bahawa pemimpin institusi zakat yang mempunyai gaya kepimpinan transformasional akan membuat peruntukan agihan zakat secara lebih menyeluruh. Manakala pemimpin transaksional dan *laissez-faire* pula lebih cenderung untuk mengikut corak agihan yang lepas. Oleh yang demikian, perbezaan agihan zakat di antara negeri di Malaysia dijangka mempunyai perkaitan dengan gaya kepimpinan di setiap institusi zakat di setiap negeri. Walau bagaimanapun, kenyataan ini adalah bergantung pada hipotesis berikut:

H₆: Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.7 Ciri-Ciri Pengurusan Tertinggi Dan Keutamaan Agihan Zakat

Ciri-ciri pengurusan tertinggi yang akan diuji dalam kajian ini termasuk usia, bidang pendidikan, tahap pendidikan, tempoh jawatan dan pengalaman kerjaya. Ciri-ciri ini dipercayai mempunyai perkaitan dengan pembuatan keputusan agihan.

3.4.7.1 Usia Pengagih Dan Keutamaan Agihan Zakat

Faktor usia dijangka memberi impak kepada peruntukan agihan zakat. Ini kerana seseorang lebih berusia akan lebih selesa dengan keadaan *status-quo* jika dibandingkan dengan orang yang lebih muda. Golongan yang lebih muda lebih bersemangat untuk melakukan perubahan dan mengikut perkembangan semasa. Ini dibuktikan oleh kajian Barker dan Mueller (2002) dan Hambrick dan Mason (1984) di mana hasil kajian mendapati pengurusan tertinggi organisasi yang lebih berusia menunjukkan sifat konservatif dan kurang minat terhadap perubahan kepada organisasi. Keadaan yang sama turut dijangka berlaku di dalam kepimpinan institusi zakat di mana faktor usia mempunyai hubungan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Maka, hipotesis yang berikut adalah dibentuk:

H_{7a}: Usia mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.7.2 Bidang Pendidikan Dan Keutamaan Agihan Zakat

Peruntukan agihan juga dikaitkan dengan bidang pendidikan pengurusan tertinggi. Berpandukan kepada kajian oleh Faravelli (2007), seseorang yang mempunyai pendidikan di dalam bidang sosiologi lebih menggemari peruntukan agihan yang sama rata. Sebaliknya, seseorang yang berpendidikan ekonomi lebih menekankan prinsip keperluan di dalam membuat peruntukan agihan. Mereka lebih mengutamakan golongan yang kurang berkemampuan dan berusaha mengurangkan jurang pendapatan di antara golongan kaya dan miskin.

Institusi-institusi zakat kebanyakannya diterajui oleh golongan yang berpendidikan Islam, namun ada di antara mereka yang pakar dalam bidang tertentu seperti ekonomi dan perakaunan. Kemungkinan perbezaan bidang pendidikan mempunyai peranan dalam

mempengaruhi keputusan peruntukan agihan zakat kepada asnaf akan terjawab apabila hipotesis di bawah diuji:

H_{7b}: Bidang pendidikan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.7.3 Tahap Pendidikan Dan Keutamaan Agihan Zakat

Selain daripada bidang pendidikan, tahap pendidikan juga memberi kesan kepada peruntukan agihan. Menurut Bantel dan Jackson (1989), seseorang yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi didapati lebih kreatif, inovatif dan lebih terbuka kepada idea-idea baru. Kenyataan ini juga disokong oleh Tyler dan Steensma (1998) di mana mereka mendapati tahap pendidikan yang berbeza menjurus kepada tahap perbelanjaan yang berbeza. Institusi zakat yang telah dikorporatkan kebanyakannya diterajui oleh golongan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, umpamanya sarjana muda, sarjana dan juga doktor falsafah. Adalah dijangkakan bahawa pengurusan tertinggi institusi zakat yang mempunyai pendidikan tinggi akan lebih terbuka di dalam peruntukan agihan zakat. Ini kerana takrifan bagi setiap asnaf diperluaskan lagi dan tidak hanya tertumpu pada takrifan yang asal semata-mata. Pentakrifan semula asnaf pada amnya dibuat mengikut kehendak dan keperluan semasa. Oleh yang demikian, hipotesis berikut telah dibentuk dan diuji:

H_{7c}: Tahap pendidikan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.7.4 Tempoh Jawatan Dan Keutamaan Agihan Zakat

Selain daripada pendidikan, tempoh jawatan juga dijangka mampu mempengaruhi peruntukan agihan. Sebagaimana faktor usia, apabila usia meningkat, maka keselesaan dengan keadaan *status quo* meningkat dan kegemaran pada perubahan berkurangan. Ini menyamai dengan tempoh jawatan di mana lebih lama tempoh jawatan yang dipegang, kegemaran bertindak mengikut pengalaman yang lepas akan meningkat (Finkelstein & Hambrick, 2010; Hambrick & Fukutomi, 1991; Hambrick et al., 1993). Hasil kajian-kajian

tersebut menunjukkan perbelanjaan yang dibuat juga berdasarkan kepada tahun-tahun yang lepas. Keadaan yang sama dijangka berlaku di dalam keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Kemungkinan keputusan yang dibuat dipengaruhi oleh faktor tempoh jawatan yang dipegang. Sekiranya seseorang pemimpin itu telah memegang jawatan dalam tempoh yang agak lama, keutamaan agihan zakat kepada asnaf akan mengikut apa yang telah dilakukan sebelumnya. Maka peruntukan agihannya tidak banyak berbeza di antara satu tahun ke satu tahun yang lain. Justeru, perbincangan di atas membawa kepada hipotesis berikut:

H_{7d}:Tempoh jawatan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.4.7.5 Pengalaman Kerjaya Dan Keutamaan Agihan Zakat

Pemboleh ubah yang terakhir yang akan dikaji dalam kajian ini adalah pengalaman kerjaya. Sebagai manusia, pengalaman yang lepas sering diaplikasikan sebagai rujukan kepada apa yang dilakukan. Begitu juga halnya dengan soal peruntukan perbelanjaan. Menurut Barker dan Mueller (2002), pengalaman kerjaya seseorang ketua pegawai eksekutif boleh mempengaruhi perbelanjaan organisasinya. Contohnya, pengalaman dalam bidang kejuruteraan menyebabkan keputusan lebih cenderung untuk berbelanja bagi meningkatkan inovasi produk dan juga bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan. Sebaliknya, seseorang yang mempunyai pengalaman kerjaya dalam bidang perniagaan atau perakaunan pula lebih mementingkan keuntungan dan mengurangkan kos (Barker & Mueller, 2002).

Dalam hal agihan zakat pula, laporan telah menunjukkan terdapat negeri yang berjaya mengagih sebahagian besar wang zakat yang dikutip kepada asnaf dan ada pula yang sebaliknya. Sekiranya pemimpin institusi zakat mempunyai pengalaman kerjaya dalam bidang pengurusan perniagaan, perakaunan atau ekonomi, kemungkinan urusan pentadbiran kewangan ditangani dengan lebih arif. Namun, keadaan sebaliknya mungkin berlaku

sekiranya pemimpin institusi zakat kurang atau tidak langsung mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan. Oleh yang demikian, faktor pengalaman kerjaya dijangka turut memberi kesan kepada keutamaan agihan zakat kepada asnaf yang dibuat oleh pihak pengurusan tertinggi institusi zakat. Maka, hipotesis berikut wajar diselidiki:

H_{7e} Pengalaman kerjaya mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

3.5 Pengukuran Keutamaan Agihan Zakat

Keutamaan agihan zakat merupakan pemboleh ubah bersandar di dalam kajian ini. Pemilihan keutamaan agihan sebagai pemboleh ubah bersandar berdasarkan kajian-kajian lalu yang menyatakan bahawa keutamaan agihan terhasil daripada keputusan agihan yang dibuat. Oleh yang demikian, ia memberikan gambaran sebenar mengenai peruntukan agihan berbanding dengan agihan sebenar (Berthelemy & Tichit, 2004; McGillivray & White, 1993). Keputusan agihan di sini merujuk kepada keputusan menyalurkan agihan kepada penerima-penerima agihan (Cooray & Shahiduzzaman, 2004). Dalam konteks kajian ini, peruntukan agihan merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh pembuat keputusan agihan di institusi zakat dalam membahagikan wang zakat yang telah dikutip kepada lapan golongan asnaf. Memandangkan terdapat sejumlah lapan golongan penerima agihan zakat, maka pemboleh ubah bersandar ini akan diukur dengan menggunakan peratusan (%). Responden akan diminta untuk membuat agihan dalam bentuk peratusan (%) kepada setiap asnaf bagi melihat kecenderungan pembuat keputusan agihan membuat agihan zakat kepada asnaf-asnaf tertentu. Kajian ini mengadaptasikan pengukuran yang diguna pakai oleh Meindl (1989) di mana gelagat keadilan agihan oleh pihak pengurusan dikaji. Responden iaitu pengurus-pengurus organisasi diminta untuk membuat cadangan peruntukan bonus dalam bentuk peratusan (%) kepada setiap ahli kumpulan kerja mengikut kes seperti yang digambarkan dalam kajian tersebut. Contoh soalan adalah seperti berikut, “Sila nyatakan dalam bentuk

peratusan (%) jumlah agihan zakat yang difikirkan sesuai bagi setiap asnaf berikut. Jumlah keseluruhan peratusan (%) mestilah bersamaan 100%”.

3.6 Pengukuran Pemboleh Ubah Bebas

Pengukuran untuk setiap pemboleh ubah dibangunkan berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu. Seksyen ini membentangkan bagaimana setiap pemboleh ubah bebas diukur.

3.6.1 Status Ekonomi

Status ekonomi dalam kajian ini didefinisikan sebagai keadaan ekonomi sesebuah negeri yang merangkumi keupayaan fiskal dan keperluan ekonomi. Di dalam persoalan peruntukan agihan zakat, keupayaan sesebuah institusi zakat bagi mengagihkan wang zakat kepada asnaf adalah bergantung pada hasil kutipan zakat. Keperluan ekonomi pula bermaksud keadaan ekonomi sesebuah negeri yang memerlukan bantuan wang agihan zakat untuk diberikan kepada asnaf yang terlibat. Kajian ini melihat kepada pandangan responden tentang sama ada agihan zakat dibuat merujuk kepada status ekonomi yang dimaksudkan.

Pemboleh ubah ini akan diukur dengan menggunakan sepuluh item yang terdiri daripada tujuh pernyataan positif dan selebihnya pernyataan negatif. Antara contoh pernyataan positif adalah “Kadar pengangguran diambil kira” manakala pernyataan negatif pula adalah seperti “Bukan amalan rujuk kadar kemiskinan”. Skala Likert 5 mata digunakan untuk mengukur pemboleh ubah ini. Skor 1 diberikan sekiranya responden menjawab “sangat tidak setuju” hingga skor 5 untuk jawapan “sangat setuju”. Skor tertinggi adalah sebanyak 50 (5 x 10 item) dan skor terendah adalah sebanyak 10 (1 x 10 item). Skor tertinggi memberi gambaran responden mengakui status ekonomi terlibat dalam membuat keputusan peruntukan agihan zakat kepada asnaf.

3.6.2 Tekanan Politik

Tekanan politik didefinisikan dalam kajian ini sebagai pandangan, cadangan atau desakan daripada parti politik yang mentadbir negeri ke atas institusi zakat dalam hal berkaitan agihan zakat kepada asnaf. Dalam kajian ini, tekanan politik mungkin boleh terdiri daripada pihak-pihak yang mempunyai unsur-unsur politik seperti menteri besar dan ketua menteri. Setiap parti politik yang berbeza mempunyai pandangan, fahaman dan matlamat yang berbeza. Sebagaimana yang telah diketahui, kesemua institusi zakat terletak di bawah bidang kuasa MAIN. Justeru, secara tidak langsung institusi zakat berkemungkinan akan mendapat tekanan daripada parti politik yang memerintah. Tekanan yang diterima daripada parti politik termasuklah jumlah keseluruhan agihan, keutamaan asnaf, takrifan asnaf dan sebagainya. Namun, sama ada wujudnya tekanan daripada parti politik dan sejauh manakah tekanan politik boleh mempengaruhi peruntukan agihan zakat masih belum diketahui.

Bagi mendapatkan kepastian, kajian ini akan mengukur pemboleh ubah ini dengan menggunakan sepuluh item yang terdiri daripada lima pernyataan positif dan lima pernyataan negatif. Contoh soalan positif adalah “Parti yang memerintah negeri memberi cadangan dalam peruntukan agihan zakat kepada asnaf” manakala contoh soalan negatif pula adalah “Institusi zakat adalah sebuah badan bebas yang tiada kena mengena dengan parti politik yang memerintah”. Kesemua pernyataan tersebut akan diukur dengan menggunakan skala Likert 5 mata yang merangkumi skor 1 bagi jawapan “sangat tidak setuju” hingga skor 5 bagi jawapan “sangat setuju”. Jumlah skor kesemua item ini merupakan ukuran tekanan politik yang diterima oleh institusi zakat dalam membuat keputusan peruntukan agihan zakat. Jumlah skor yang tertinggi adalah 50 (5 x 10 item) menunjukkan wujudnya tekanan daripada parti politik yang memerintah dalam hal agihan zakat. Jumlah skor 10 pula (1 x 10 item) pula mencerminkan tiada tekanan daripada parti politik.

3.6.3 Tekanan Sosial

Definisi operasi bagi pemboleh ubah ini adalah sebarang bentuk pendapat, cadangan, nasihat, laporan atau pendedahan, desakan atau tuntutan ke atas institusi zakat berkaitan dengan pengagihan zakat kepada asnaf. Kajian ini akan melihat kepada tekanan yang diterima terdiri daripada pihak yang berkepentingan dan juga pihak media. Pihak yang berkepentingan merangkumi golongan yang arif tentang zakat termasuklah alim ulama dan ahli akademik, masyarakat sekeliling termasuklah pembayar dan penerima zakat, dan JAWHAR selaku badan pemantau. Tekanan dari pihak media pula terdiri daripada media cetak dan media elektronik. Ini termasuklah laporan akhbar, majalah, siaran radio dan televisyen, blog, e-mel dan sebagainya.

Sama seperti pemboleh ubah tekanan politik, pemboleh ubah ini akan turut diukur dengan menggunakan skala Likert 5 mata. Soalan-soalan adalah berkisar tentang pengaruh tekanan sosial terhadap keputusan pengagihan zakat kepada asnaf. Contoh soalan positif adalah “Peruntukan agihan zakat kepada asnaf mengambil kira pendapat dari pihak berkepentingan” manakala contoh soalan negatif pula “Pihak berkepentingan tidak mempunyai kuasa dalam urusan peruntukan agihan zakat kepada asnaf”. Sekiranya jumlah skor tertinggi diterima iaitu 90 (5 x 18 item), maka wujud tekanan sosial yang tinggi dan sekiranya jumlah skor sebanyak 18 (1 x 18 item), tiada tekanan sosial yang diterima.

3.6.4 Ideologi

Ideologi dalam kajian ini bermaksud pandangan atau kepercayaan seseorang individu yang membentuk gelagat terhadap sesuatu perkara. Bagi tujuan kajian ini, ideologi dikategorikan kepada dua iaitu ideologi konservatif dan ideologi liberal. Definisi operasi bagi konservatif dan liberal dalam kajian ini merupakan pengadaptasian daripada definisi oleh Jost, Glaser,

Kruglanski dan Sulloway (2003). Konservatif merujuk kepada kecenderungan untuk memelihara dan mengikut apa yang telah menjadi ikutan selama ini dan menentang sebarang bentuk perubahan. Golongan konservatif juga menerima keadaan ketidaksamaan di kalangan masyarakat manakala golongan liberal pula didefinisikan sebaliknya.

Bagi mengukur pemboleh ubah ini, kajian ini mengadaptasikan soalan-soalan pengenalanpastian sendiri ideologi oleh Malka dan Lelkes (2010). Pengubahsuaian telah dilakukan agar ia bersesuaian dengan kajian ini dan sebanyak sepuluh item berkaitan dengan penerimaan ketidaksamaan dikemukakan di mana ia terdiri daripada enam pernyataan positif dan empat pernyataan negatif. Contoh soalan positif ialah “Negara ini akan lebih baik sekiranya kita kurang mengambil kisah tentang kesamaan antara kita” manakala contoh soalan positif ialah “Masalah akan berkurangan jika semua orang dilayan sama rata”. Soalan mengenai penentangan perubahan juga diwakili oleh sepuluh item iaitu enam pernyataan positif dan empat pernyataan negatif. Contoh soalan positif adalah “Pada masa kini, gaya hidup alaf baru banyak menyumbang kepada kepincangan masyarakat” manakala contoh soalan negatif pula “Dunia sentiasa berubah dan kita harus menyesuaikan pandangan kita dengan perubahan yang berlaku”. Skala Likert 5 digunakan bagi mengukur setiap item tersebut. Pernyataan negatif diperlukan bagi mengelak responden mengambil jalan mudah atau sambil lewa ketika menjawab soalan. Bagi setiap pernyataan yang positif, skor 1 diberikan kepada jawapan “sangat tidak setuju” sehingga skor 5 bagi “sangat setuju”. Sebaliknya, bagi pernyataan negatif, skor 1 diberikan bagi “sangat setuju” sehingga skor 5 bagi “sangat tidak setuju”.

Skor maksimum bagi pernyataan positif dan negatif adalah sebanyak 50 (5 x 10 item). Jumlah skor akan melambangkan ideologi pengagih sama ada mereka termasuk dalam

golongan konservatif atau liberal. Jika skor pernyataan positif melebihi skor pernyataan negatif, responden dikategorikan sebagai konservatif. Sebaliknya, jika skor pernyataan negatif melebihi skor pernyataan positif, responden akan dikategorikan sebagai seorang liberal.

3.6.5 Motif Agihan

Motif agihan di dalam kajian ini ditakrifkan sebagai tujuan atau matlamat utama agihan zakat oleh institusi-institusi zakat. Memandangkan corak agihan zakat bagi setiap negeri adalah berbeza, besar kemungkinan setiap institusi zakat mempunyai motif agihan yang agak berbeza-beza. Peruntukan agihan zakat yang dibuat kepada asnaf-asnaf adalah bertujuan untuk mencapai motif agihan yang telah ditetapkan.

Bagi mengukur motif agihan institusi zakat, sebanyak sepuluh soalan mengenai motif agihan dikemukakan kepada responden. Keseluruhan item akan diukur menggunakan turutan 1-10 mata. Contoh soalan adalah seperti “Berdakwah, meningkatkan akidah umat Islam dan menegakkan syiar Islam”. Bagi setiap item pernyataan, skor “1” diberikan bagi jawapan paling tidak utama sehingga skor “10” bagi jawapan paling utama. Jumlah skor yang tertinggi bagi motif agihan adalah 100 (10 x 10 item) yang bermaksud banyak motif agihan yang ingin dicapai. Jumlah skor yang terendah pula adalah 10 (1 x 10 item) yang bermaksud kurang motif agihan yang ingin dicapai. Pengiraan skor adalah sama untuk lain-lain motif.

3.6.6 Kepimpinan

Di dalam kajian ini, kepimpinan didefinisikan sebagai gaya kepimpinan yang terdapat pada responden. Secara amnya, terdapat tiga gaya kepimpinan yang utama iaitu kepimpinan transaksional, kepimpinan transformasional dan *laissez-faire*. Setiap gaya kepimpinan ini

terdiri daripada beberapa dimensi. Kepimpinan transformasional terdiri daripada empat dimensi iaitu karisma (*charismatic*), motivasi inspirasi (*inspirational motivation*), stimulasi intelektual (*intellectual stimulation*) dan pertimbangan individu (*individual consideration*) (Antonakis et al., 2003). Terdapat tiga komponen dalam kepimpinan transaksional iaitu ganjaran tertakluk dan pengurusan terkecuali aktif dan pengurusan terkecuali pasif (Bass, 1997; Yukl, 2006). Bagi kepimpinan *laissez-faire* pula, ia hanya terdiri daripada satu dimensi sahaja. Menurut Bass dan Bass (2009), tiada langsung sifat-sifat kepimpinan di dalam *laissez-faire* dan kepimpinan ini digambarkan sebagai kepimpinan pasif yang paling ekstrem atau tiada kepimpinan (*non-leadership*) langsung. Oleh yang demikian, pengukuran kategori gaya kepimpinan akan dibuat berdasarkan dimensi-dimensi yang disebutkan di atas.

Kajian ini mengadaptasi *Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ)* yang dibangunkan oleh Avolio dan Bass (2002) bagi mengukur gaya kepimpinan responden. MLQ merupakan satu soal selidik komprehensif yang mengukur gaya kepimpinan seseorang. Sejumlah 21 item digunakan di mana 12 item mewakili ciri-ciri kepimpinan transformasional. Ciri-ciri tersebut merangkumi pengaruh yang ideal (*idealized influence*), motivasi inspirasi (*inspirational motivation*), stimulasi intelektual (*intellectual stimulation*) dan pertimbangan individu (*individual consideration*). Contoh soalan bagi kepimpinan transformasional ialah “Saya menyatakan secara ringkas tentang apa dan yang patut dibuat”. Bagi kepimpinan transaksional pula, ia diwakili oleh enam item kesemuanya di mana tiga item bagi ganjaran tertakluk (*contingent reward*) dan tiga item bagi mewakili pengurusan terkecuali (*management-by-exception*). Contoh soalan kepimpinan transaksional ialah “Saya memberitahu orang lain tentang apa yang patut dilakukan sekiranya mereka mahukan ganjaran atas kerja mereka”. Tiga item akan digunakan bagi menguji kepimpinan yang

bersifat *laissez-faire*. Contoh soalan kepimpinan *laissez-faire* adalah “Saya tidak meminta lebih dari apa yang perlu daripada orang lain”.

Kesemua dimensi-dimensi tersebut akan diukur dengan menggunakan skala *semantic differential*. Skor akan diberikan mengikut kekerapan berlakunya pernyataan yang dinyatakan di dalam soal selidik. Bagi setiap pernyataan yang diberikan, skor “1” akan diberikan sekiranya jawapan yang diberikan tidak pernah berlaku, “2” untuk jarang-jarang, “3” untuk kadang-kadang, “4” untuk agak kerap dan “5” untuk selalu. Jumlah skor bagi setiap kategori gaya kepimpinan merupakan ukuran gaya kepimpinan responden. Bagi kategori kepimpinan transformasional, jumlah skor skala yang tertinggi adalah 60 (5 x 12 item) dan skor terendah adalah sebanyak 12 (1 x 12 item). Manakala bagi kepimpinan transaksional, skor yang tertinggi adalah 30 (5 x 6 item) dan skor terendah 6 (1 x 6 item). Skor tertinggi bagi kepimpinan *laissez-faire* pula berjumlah 15 (5 x 3item) dan terendah 3 (1 x 3item). Sekiranya jumlah skor yang diterima bagi kepimpinan transformasional lebih tinggi dari dua kategori kepimpinan lain, maka responden akan dikategorikan sebagai pemimpin transformasional. Bagi responden yang mempunyai skor yang rendah untuk item kepimpinan transformasional tetapi mempunyai skor yang tinggi untuk kategori transaksional maka responden tersebut tergolong dalam pemimpin transaksional. Begitu juga halnya bagi kepimpinan *laissez-faire*. Aras kekerapan yang tinggi untuk sesuatu kategori kepimpinan akan mencerminkan kategori kepimpinan tersebut.

3.6.7 Ciri-ciri Pengurusan Tertinggi

Soalan demografi diwujudkan bagi mengukur ciri-ciri pengurusan tertinggi di samping mendapatkan maklumat tentang latar belakang responden. Pemboleh ubah-pemboleh ubah berkaitan ciri-ciri pengurusan tertinggi yang akan diukur di dalam kajian ini terdiri daripada

usia, bidang pendidikan, tahap pendidikan, tempoh jawatan dan pengalaman kerjaya. Kesemua soalan di dalam bahagian ini akan menggunakan skala *ratio* di mana responden dikehendaki memberikan suatu jawapan mutlak untuk setiap soalan yang dikemukakan.

3.7 Pengumpulan Data

Kesemua pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian ini diukur menggunakan soal selidik berstruktur (Lampiran A1). Selepas dibuat temu janji, wakil daripada responden bagi setiap institusi zakat di setiap negeri ditemui. Biasanya, wakil ini terdiri daripada ketua ahli jawatankuasa agihan zakat. Soal selidik berserta dengan surat sokongan (Lampiran A2) daripada pusat pengajian diedarkan kepada responden-responden lain melalui ketua mereka. Teknik ini mempunyai kelebihan berbanding dengan teknik lain kerana arahan mengisi soal selidik dikeluarkan oleh ketua biasanya akan dipatuhi. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kadar respons soal selidik. Di samping itu juga, soalan yang diajukan sudah disusun secara teratur dan sistematik bagi mengelakkan salah tafsiran di pihak responden semasa menjawab (Smith & Albaum, 2005).

Selepas proses kutipan data melalui soal selidik, kaedah temubual secara tidak formal dijalankan dengan pegawai-pegawai agihan di beberapa institusi zakat bagi mendapatkan penjelasan dan sokongan terhadap data kuantitatif yang telah dikumpul dan dianalisis. Maklumat-maklumat tambahan juga dapat diperolehi melalui kaedah ini. Di samping itu, kaedah ini dilakukan bagi mengelakkan salah tafsir dan salah anggap di antara kedua-dua pihak penyelidik dan institusi zakat.

3.8 Populasi dan Persampelan

Unit analisis bagi kajian ini adalah individu yang merangkumi ahli jawatankuasa agihan zakat daripada kesemua 14 institusi zakat di Malaysia. Institusi zakat dijadikan sasaran kajian ini memandangkan ia merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran zakat. Malah institusi zakat bertindak sebagai amil dan dalam masa yang sama sebagai penerima zakat adalah salah satu golongan yang disebut dalam Surah At-Taubah, Ayat 60. Ayat ini sudah cukup jelas menerangkan tentang kepentingan amil dalam agihan zakat. Organisasi ini bertindak sebagai amil dan bidang tugasnya termasuklah hal kutipan dan agihan zakat kepada asnaf. Amil-amil yang terdapat di institusi zakat merupakan amil-amil yang terlatih.

Selain itu, dengan adanya kemudahan ICT dan pangkalan data, mudah untuk institusi mendapatkan maklumat dan rekod asnaf. Berbanding dengan individu yang mengagih secara persendirian, institusi zakat berupaya dan mampu mengagih kepada lapan kategori asnaf. Agihan zakat yang dibuat oleh institusi zakat kepada asnaf tidak memilih, tidak berat sebelah dan tidak dipengaruhi oleh pandangan peribadi. Hal yang demikian dapat menjaga air muka, maruah dan mengelakkan perasaan rendah diri di kalangan asnaf.

Ahli-ahli jawatankuasa terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan berkaitan peruntukan agihan zakat kepada asnaf. Kumpulan ini terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi, pertengahan atau sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dalam keputusan agihan zakat kepada asnaf. Institusi zakat dipilih berbanding amil-amil lain kerana organisasi ini mempunyai maklumat tentang kesemua lapan kategori asnaf zakat. Oleh yang demikian, kesemua ahli jawatankuasa institusi zakat di Malaysia merupakan populasi bagi kajian ini.

Saiz sampel kajian ini ditentukan berdasarkan jumlah bilangan ahli jawatankuasa yang terlibat dengan peruntukan agihan zakat bagi setiap institusi zakat di Malaysia. Maklumat tersebut didapati melalui panggilan telefon yang telah dibuat oleh penyelidik dengan pegawai yang berkaitan. Memandangkan saiz populasi kajian ini hanya berjumlah 137, justeru kesemua populasi responden telah diambil sebagai sampel dalam kajian ini.

3.9 Instrumen Kajian

Soal selidik (Lampiran A1) yang dibina digunakan bagi mendapatkan jawapan daripada responden berkaitan dengan peruntukan agihan zakat. Terdapat lapan bahagian yang dijawab oleh responden. Ianya terdiri daripada:

- (i) Bahagian A- Status Ekonomi
- (ii) Bahagian B- Tekanan Politik
- (iii) Bahagian C- Tekanan Sosial
- (iv) Bahagian D- Motif Agihan
- (v) Bahagian E- Ideologi
- (vi) Bahagian F- Kepimpinan
- (vii) Bahagian G- Keutamaan Agihan Zakat Kepada Asnaf
- (viii) Bahagian H- Demografi/Ciri-ciri Pengurusan Tertinggi

3.10 Analisis Kesahihan

Kesemua pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas kecuali demografi adalah tertakluk kepada ujian kesahihan dan kebolehpercayaan yang dijalankan. Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, motif agihan, ideologi dan kepimpinan. Kesahihan sesuatu pemboleh ubah merujuk kepada keadaan di mana sesuatu pengukuran itu berjaya mengukur apa yang hendak diukur. Dalam kata lain sesuatu

instrumen dianggap sah apabila ia mengukur apa yang hendak diukur (Sekaran, 2003). Kebiasaannya terdapat tiga jenis kesahihan yang diuji iaitu kesahihan kandungan, kesahihan pemboleh ubah dan kesahihan boleh ramal. Namun kajian ini tidak menguji kesahihan boleh ramal kerana kajian ini bukan bertujuan untuk membina peramal.

Apabila item-item yang terdapat dalam sesuatu instrumen merangkumi semua aspek bagi mengukur sesuatu pemboleh ubah, ia dikatakan sah dari segi kesahihan kandungan. Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada kecukupan kandungan domain tertentu dalam sesuatu sampel. Kesahihan kandungan adalah bersifat subjektif di mana ianya tidak dapat ditentukan dengan analisis berangka. Sebaliknya, kesahihan kandungan memerlukan pertimbangan budi bicara. Ia menjurus kepada perkaitan di antara item-item dan bagaimana ia dipersembahkan. Adalah dipercayai instrumen kajian ini mempunyai darjah kesahihan kandungan yang tinggi kerana instrumen dibangunkan berdasarkan sorotan literatur. Selain daripada penelitian yang mendalam terhadap literatur, instrumen ini juga dinilai oleh pakar zakat.

Kesahihan pemboleh ubah adalah keadaan di mana sesuatu pengukur berupaya mengukur pemboleh ubah yang hendak diukur. Pengukuran sesuatu pemboleh ubah dikatakan sah apabila ia dapat menilai *magnitude* dan arah tuju ciri-ciri pemboleh ubah berkenaan. Selain itu, pengukur tersebut harus bersifat bebas daripada ralat dan elemen-elemen pemboleh ubah yang lain. Teknik yang biasa digunakan untuk menguji kesahihan sesuatu pemboleh ubah adalah analisis faktor komponen prinsipal (*principal component analysis*). Selain digunakan bagi menentukan kesahihan dimensi, analisis ini juga digunakan bagi menentukan bilangan dimensi dalam sesuatu konsep. Justeru, kajian ini telah mengaplikasikan teknik analisis faktor komponen prinsipal (*principal component analysis*) bagi tujuan kesahihan untuk kesemua pemboleh ubah yang terlibat.

Sebelum analisis faktor dilakukan, pengukuran nilai *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)* dan ujian *Barlett Test of Sphericity (BTOS)* adalah perlu bagi menentukan sama ada analisis faktor adalah pilihan yang sesuai ataupun tidak. *KMO* merupakan ukuran kecukupan persampelan (*measure of sampling adequacy*) bagi mengukur darjah perkaitan antara item dan kesesuaian penggunaan analisis faktor. Nilai-nilai *KMO* mempunyai makna yang tersendiri. Nilai *KMO* dalam lingkungan 0.90 dianggap sangat baik, 0.80 sebagai membanggakan, 0.70 lebih daripada biasa, 0.60 biasa, 0.50 mendukacitakan dan nilai di bawah 0.50 dianggap tidak boleh diterima (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010). Bagi kajian berbentuk penerokaan, nilai 0.60 dianggap boleh diterima (Hair et al., 2010). Selain itu, ujian *Barlett Test of Sphericity (BTOS)* juga digunakan bagi menentukan kewujudan korelasi antara item. Nilai *BTOS* (p) kurang daripada 0.50 menunjukkan korelasi yang signifikan antara item-item yang diuji.

Bagi menganalisis kesahihan pemboleh ubah, kajian ini menggunakan Analisis Komponen Utama (*Principal Component Analysis*) melalui putaran *Varimax* dengan syarat nilai beban faktor tidak kurang daripada 0.50. Kaedah *Varimax* telah dipilih dalam kajian ini kerana ia adalah pendekatan orthogonal yang paling biasa digunakan (Pallant, 2011). Beban faktor lebih daripada 0.50 dianggap signifikan dan boleh digunakan dalam analisis seterusnya (Hair et al., 2010). Mana-mana item yang mempunyai beban faktor kurang daripada 0.50 akan digugurkan. Hanya item-item yang mempunyai beban loading 0.50 ke atas akan dikekalkan bagi mewakili pemboleh ubah berkenaan. Bagi nilai *eigen* yang melebihi 1.0 dianggap signifikan dan dikekalkan untuk analisis seterusnya manakala nilai *eigen* kurang daripada 1.0 digugurkan (Hair et al., 2010).

Setiap pemboleh ubah dalam kajian ini dinilai kesahihan dengan meneliti setiap item dalam setiap faktor atau komponen yang terbentuk daripada analisis faktor yang dilakukan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu faktor terbentuk daripada sesuatu pemboleh ubah, faktor-faktor tersebut tidak dianggap sebagai dimensi yang terasing dan tidak diberikan nama. Namun, setiap faktor tersebut akan melalui ujian korelasi bukan parametrik *Spearman Rho*. Ujian ini bertujuan bagi menguji korelasi di antara faktor-faktor terbentuk. Sekiranya ujian korelasi menunjukkan nilai yang signifikan, pemboleh ubah berkenaan dikatakan telah memenuhi ciri-ciri kesahihan. Perbandingan juga dibuat dengan pemboleh ubah asal yang dibina bagi menentukan sama ada faktor terbentuk secocok dengan pemboleh ubah asal. Sekiranya secocok, maka kesahihan pemboleh ubah tercapai. Jika sebaliknya, item-item di dalam faktor tersebut akan digugurkan.

3.11 Analisis Kebolehpercayaan

Di samping ujian kesahihan, semua pemboleh ubah yang dinyatakan melalui ujian kebolehpercayaan. Ini penting bagi menentukan sama ada semua item dalam sesuatu pemboleh ubah mempunyai perkaitan rapat antara satu sama lain (Hair et al., 2010). Selain itu, analisis kebolehpercayaan berupaya menentukan sama ada instrumen yang digunakan adalah konsisten dengan konsep yang diukur. Bagi menentukan tahap kebolehpercayaan bagi setiap pemboleh ubah, kajian ini menggunakan kaedah konsistensi dalaman (*internal consistency*). Konsistensi dalaman adalah suatu kaedah bagi mengukur darjah inter korelasi di antara satu item dengan item yang lain yang mengukur konsep yang sama (Sekaran, 2003).

Analisis *Cronbach Alpha* turut digunakan bagi tujuan ini kerana nilai alpha dikatakan dapat memberikan petunjuk yang baik bagi menentukan kebolehpercayaan sesuatu pemboleh ubah (Sekaran, 2003). Secara amnya, nilai alpha 0.80 ke atas disifatkan terbaik, 0.7 dianggap boleh

diterima manakala nilai 0.60 ke bawah adalah dianggap tidak baik. Namun sekiranya sesuatu ukuran itu adalah baru, nilai alpha di antara 0.60 dan 0.70 dianggap baik dan boleh diterima.

3.12 Analisis Keutamaan Agihan Zakat Kepada Asnaf

Bagi mengukur pemboleh ubah bersandar iaitu keutamaan agihan zakat (KA) kepada asnaf, kajian ini menggunakan analisis regresi logistik. Pemboleh ubah bersandar ini diukur secara binari. Kesemua tujuh pemboleh ubah bebas iaitu status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, motif agihan, ideologi, kepimpinan dan demografi bakal dimasukkan dalam model analisis regresi logistik.

Pengukuran keutamaan agihan zakat (KA) sebagai pemboleh ubah bersandar dibuat dengan menggunakan model berikut:

$$\text{Logit (KA)} = \alpha + \beta_1 F1_EKO + \beta_2 F2_POL + \beta_3 F3_SOS + \beta_4 F4_MOT + \beta_5 F5_IDE + \beta_6 F6_PIM + \beta_7 F7_DEMO$$

di mana $\text{logit (KA)} = \ln \left(\frac{KA}{1-KA} \right)$

KA = keutamaan agihan zakat (1= agihan melebihi purata agihan, 0 = kurang daripada purata agihan)

$\beta_1 - \beta_7$ = koefisien pemboleh ubah

EKO = status ekonomi

POL = tekanan politik

SOS = tekanan sosial

MOT = motif agihan

IDE = ideologi

PIM = kepimpinan

DEMO = demografi

α = konstan

Bagi menentukan sama ada setiap pemboleh ubah bebas dapat meramalkan kedudukan pemboleh ubah bersandar, kajian ini merujuk kepada ujian signifikan *Hosmer & Lemeshow*. Walau bagaimanapun, ia tidak digunakan untuk membuat ramalan sebaliknya akan digunakan bagi menerangkan perkaitan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Di samping analisis regresi logistik, analisis deskriptif juga digunakan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Analisis deskriptif adalah untuk menerangkan ciri-ciri asas data kajian seperti nilai minimum, nilai maksimum, sisihan piawai dan purata.

3.13 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bagi menilai tahap kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, ianya dilakukan adalah untuk memastikan kejelasan arahan dan soalan dalam soal selidik. Kajian rintis melibatkan 14 orang responden yang terdiri daripada beberapa orang ahli akademik yang pakar dalam bidang zakat dan juga ahli-ahli jawatankuasa agihan zakat yang berkhidmat di institusi zakat negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Sebanyak 30 soal selidik telah diedarkan semasa pertemuan penyelidikan dengan responden kajian rintis. Daripada jumlah itu, hanya 14 soal selidik yang lengkap dan boleh digunakan untuk tujuan analisis. Semua data yang didapati dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Seterusnya, analisis faktor dan analisis *cronbach alpha* dilaksanakan. Jadual 3.1 mempamerkan ringkasan analisis faktor manakala ringkasan analisis *cronbach alpha* ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.1

Keputusan Analisis Faktor (N=14)

	Bil. Item asal	Bil. Faktor	Nilai KMO	Bil. Item yang digugurkan
Status ekonomi	10	1	0.654	5
Tekanan politik	10	1	0.786	5
Tekanan sosial	18	1	0.713	13
Ideologi	20	1	0.785	15
Motif agihan	10	1	0.702	5
Kepimpinan	21	1	0.811	9

Keputusan analisis faktor menunjukkan nilai KMO mempunyai julat antara 0.654 dan 0.811. Kepimpinan mempunyai nilai KMO tertinggi iaitu sebanyak 0.811 manakala status ekonomi mempunyai nilai KMO yang terendah iaitu 0.654. Setiap pemboleh ubah melebihi ujian matriks beridentiti di mana kedudukan *Barlett's Test of Sphericity* masing-masing adalah signifikan (Sig.= 0.000). Penelitian secara terperinci dibuat ke atas matrik korelasi anti imbasan (*anti-image correlation matrix*) dan komunaliti (*communalities*). Sekiranya terdapat item-item yang tidak melebihi nilai 0.5, item tersebut digugurkan.

Jadual 3.2 menunjukkan keputusan bagi analisis kebolehpercayaan untuk setiap pemboleh ubah. Julat nilai *cronbach alpha* yang diperolehi adalah antara 0.687 dan 0.971. Nilai *cronbach alpha* yang tertinggi terdapat pada pemboleh ubah motif agihan iaitu sebanyak 0.971. Tahap kebolehpercayaan yang terendah pula terdapat pada pemboleh ubah status ekonomi iaitu sebanyak 0.687. Perlarasan dibuat dengan menggugurkan item-item yang mempunyai korelasi yang rendah.

Jadual 3.2

Keputusan Analisis Kebolehpercayaan (N=14)

Pembolehubah bebas	<i>Cronbach Alpha</i>
Status Ekonomi	0.687
Tekanan Politik	0.936
Tekanan Sosial	0.894
Ideologi	0.855
Motif Agihan	0.971

3.14 Rumusan

Bab ini menjelaskan tentang metodologi atau perkaedahan yang diguna pakai dalam kajian ini. Kerangka kerja teori yang dibina adalah berdasarkan sorotan literatur yang dijalankan dan berasaskan kepada teori keadilan agihan. Hipotesis bagi setiap pemboleh ubah dibangunkan bagi melihat kesemua pemboleh ubah yang terdapat dalam kerangka kerja teori dalam persekitaran agihan zakat. Seksyen seterusnya membincangkan tentang pengukuran setiap pemboleh ubah, diikuti dengan pengumpulan data yang merangkumi hal-hal berkaitan populasi, persampelan dan instrumen kajian. Bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen, analisis yang diaplikasikan adalah analisis faktor dan analisis kebolehpercayaan. Perbincangan seterusnya berkaitan model persamaan hubungan antara kesemua pemboleh ubah yang diuji dengan pemboleh ubah bersandar iaitu keutamaan agihan zakat. Pada seksyen yang terakhir telah dipersembahkan kajian rintis untuk kajian ini.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan melaporkan secara terperinci tentang analisis data dan keputusan kajian hasil daripada respons soal selidik yang diedarkan. Bab ini terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama menerangkan profil sampel dan responden yang terlibat dalam kajian ini. Bahagian kedua adalah berkenaan dengan analisis kesahihan dan kebolehpercayaan untuk setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Seterusnya, bahagian ketiga membentangkan analisis deskriptif bagi setiap pemboleh ubah dalam kajian. Akhir sekali, bahagian keempat membincangkan tentang analisis regresi logistik dan keputusan ujian hipotesis bagi setiap model keutamaan agihan zakat bagi setiap asnaf.

4.2 Profil Sampel

Dalam Bab 3, telah dibincangkan tentang pensampelan kajian ini di mana saiz sampel adalah saiz populasi kajian. Sebanyak 137 soal selidik telah diedarkan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat dengan peruntukan agihan zakat di semua institusi zakat di Malaysia. Sampul surat berselem yang beralamat penyelidik juga dikepilkan bersama soal selidik tersebut. Ini bagi memudahkan responden mengembalikan semula soal selidik yang telah dijawab. Selepas tempoh dua minggu dari tarikh soal selidik diedarkan, sekiranya soal selidik masih belum dikembalikan, satu surat peringatan telah dihantar kepada institusi zakat yang terlibat. Tindakan susulan seterusnya dibuat sekiranya selepas dua minggu surat peringatan pertama dihantar namun masih tiada jawapan. Surat kedua pula dihantar sebagai peringatan.

Selepas sebulan, sebanyak 85 soal selidik telah dikembalikan oleh responden. Daripada jumlah ini, sebanyak 70 soal selidik yang lengkap dan boleh digunakan untuk analisis kajian. Berikut adalah pecahan soal selidik yang diterima dan soal selidik yang lengkap bagi setiap institusi zakat setiap negeri.

Jadual 4.1
Pecahan Soal Selidik Mengikut Negeri

	Soal Selidik Diagihkan	Soal Selidik Dikembalikan	Soal Selidik Lengkap
W. Persekutuan	10	7	5
Selangor	14	4	11
N. Sembilan	10	9	0
Melaka	10	10	9
Perak	10	3	2
Kedah	10	0	0
P. Pinang	10	8	5
Kelantan	10	10	7
Terengganu	6	5	5
Perlis	10	0	0
Johor	10	10	9
Sabah	7	5	5
Sarawak	10	9	7
Pahang	10	5	5
Jumlah	137	85	70
Peratus (%)	100	62	51

Jadual 4.1 di atas menunjukkan responden daripada dua negeri iaitu Kedah dan Perlis langsung tidak mengembalikan soal selidik yang diedarkan walaupun tindakan susulan telah diambil. Bagi responden daripada Negeri Sembilan pula, walaupun terdapat sembilan soal selidik yang dikembalikan, tiada satu pun soal selidik yang lengkap dan boleh digunakan untuk tujuan analisis. Secara keseluruhannya, kadar respons kajian ini boleh dianggap tinggi iaitu sebanyak 62%. Namun bagi tujuan analisis data, peratusan soal selidik yang boleh digunakan adalah 51%. Peratusan ini boleh diterima berdasarkan saiz minimum yang

diperlukan bagi sesuatu kajian adalah lima kali ganda daripada bilangan pemboleh ubah bebas (Coakes, 2011). Roscoe (dalam nukilan Sekaran, 2003) pula berpendapat bilangan responden yang diperlukan bagi analisis kajian adalah sebanyak 10 atau lebih daripada bilangan pemboleh ubah bebas yang terlibat dalam kajian. Kajian ini mempunyai tujuh pemboleh ubah bebas, maka saiz sampel kajian ini $N=70$ adalah dianggap sesuai dan mencukupi kerana melebihi saiz minimum 35 (7 pemboleh ubah bebas x 5) dan mematuhi cadangan Roscoe (dalam nukilan Sekaran, 2003), iaitu 70 (7 pemboleh ubah bebas x 10).

4.3 Profil Responden

Seksyen ini akan membentangkan keputusan profil responden yang terdiri daripada usia, jawatan, tempoh jawatan, bidang pendidikan dan tahap pendidikan.

4.3.1 Usia Responden

Jadual 4.2 di bawah mempamerkan kedudukan statistik demografi responden. Purata usia responden kajian ini adalah 36 tahun. Responden yang termuda berusia 23 tahun dan yang paling tua berusia 52 tahun.

Jadual 4.2
Statistik Deskriptif Bagi Demografi

	Purata	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum
Usia	36.00	8.208	23	52
Tempoh Jawatan	5.39	5.018	1	26

Jadual 4.3 di bawah pula menunjukkan peratus responden yang berusia dalam lingkungan 18 hingga 31 tahun adalah sebanyak 30%, 32 hingga 41 tahun sebanyak 26% dan 42 tahun ke atas adalah 24%.

Jadual 4.3
Usia Responden

Kategori Usia	Kekerapan	Peratus
18- 31 tahun	21	30.0
32 – 41 tahun	18	25.7
42 tahun ke atas	17	24.3
Jumlah	56	80.0
<i>Tiada maklumat</i>	14	20.0
Jumlah	70	100.0

4.3.2 Jawatan Responden

Responden yang terlibat dengan peruntukan agihan zakat terdiri daripada pelbagai jawatan. Antara jawatan yang mencatatkan peratusan yang tertinggi ialah Penolong Setiausaha (8.6%), Ketua Unit (4.3%) dan Penolong Akauntan (4.3%). Jawatan-jawatan lain yang terlibat dengan peruntukan agihan zakat adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 4-4 di bawah.

Jadual 4.4
Jawatan Responden

	Kekerapan	Peratus
Akauntan	1	1.4
CEO	1	1.4
Eks. Khidmat Pengurusan	1	1.4
Eksekutif	2	2.9
Eksekutif Zakat	2	2.9
Ketua Bahagian	2	2.9
Ketua Pembantu Tadbir	1	1.4
Ketua Pen Setiausaha	1	1.4
Ketua Penolong Pengarah	1	1.4
Ketua Penolong Setiausaha	1	1.4
Ketua Sektor	2	2.9
Ketua Sektor Pembangunan & Harta	1	1.4
Ketua Unit	3	4.3
Ketua Unit Pentadbiran	1	1.4
Peg Hal Ehwal Islam	1	1.4
Pegawai	2	2.9
Pegawai Hal Ehwal Islam	2	2.9
Pegawai Kewangan	1	1.4
Pembantu Hal Ehwal Islam	2	2.9
Pembantu Tadbir	1	1.4
Pembantu Zakat	1	1.4
Pen Peg Hal Ehwal Islam	1	1.4
Pen Pegawai	2	2.9
Pengurus Besar	1	1.4
Pengurus Jabatan	1	1.4
Pengurus Kanan	1	1.4
Penolong Akauntan	3	4.3
Penolong Ketua Unit Kanan Agihan	1	1.4
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	2	2.9
Penolong Pengarah	2	2.9
Penolong Pengurus	2	2.9
Penolong Setiausaha	6	8.6
Penolong Setiausaha Zakat	1	1.4
Sukarelawan Dakwah	1	1.4
Timbalan Pengurus Baitulmal	1	1.4
Timbalan Pengurus Besar	1	1.4
Jumlah	56	80.0
<i>Tiada maklumat</i>	14	20.0
Jumlah	70	100.0

4.3.3 Tempoh Jawatan Responden

Jadual 4.5 menyaksikan kebanyakan responden memegang jawatan kurang daripada tiga tahun dengan peratusan sebanyak 34.3%. Tempoh jawatan yang kedua terbanyak adalah di kalangan responden yang memegang jawatan melebihi tujuh tahun. Kedudukan terperinci tempoh jawatan responden adalah seperti dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5
Tempoh Jawatan Responden

	Kekerapan	Peratus
Kurang dari 3 tahun	24	34.3
3 hingga 6 tahun	15	21.4
7 tahun ke atas	19	27.1
Jumlah	58	82.9
<i>Tiada maklumat</i>	12	17.1
Jumlah	70	100.0

4.3.4 Bidang Pendidikan Responden

Daripada Jadual 4.6, didapati majoriti responden adalah terdiri daripada kalangan individu yang mempunyai pendidikan yang berlatar belakang pendidikan Islam (37.1%). Namun, ada juga responden yang berpendidikan profesional seperti perakaunan, pengurusan dan undang-undang.

Jadual 4.6
Bidang Pendidikan Responden

	Kekerapan	Peratus
Pengajian Islam	26	37.1
Perakaunan	10	14.3
Pengurusan	9	12.9
Undang-undang	3	4.3
Lain-lain	4	5.7
Jumlah	52	74.3
<i>Tiada maklumat</i>	18	25.7
Jumlah	70	100.0

4.3.5 Tahap Pendidikan Responden

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah lepasan universiti dengan kelayakan ijazah sarjana muda (68.6%). Walau bagaimanapun, agak memeranjatkan apabila ada juga responden yang hanya mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun, peratusannya adalah sangat kecil (1.4%). Jadual 4.7 menunjukkan peratusan bagi setiap tahap pendidikan responden.

Jadual 4.7
Tahap Pendidikan Responden

	Kekerapan	Peratus
Sarjana	1	1.4
Sarjana Muda	48	68.6
Diploma	7	10.0
STPM	4	5.7
SPM	1	1.4
Jumlah	61	87.1
<i>Tiada maklumat</i>	9	12.9
Jumlah	70	100.0

4.4 Analisis Kesahihan

Seperti yang telah dilaporkan dalam Bab 3, terdapat enam pemboleh ubah bebas yang ditentukan kesahihannya. Pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan. Bagi ciri-ciri pengurusan tertinggi (demografi), pemboleh ubah bebas ini tidak dapat ditentukan kesahihannya dan digugurkan daripada analisis seterusnya kerana ramai responden tidak menjawab bahagian ini seperti yang dikehendaki. Analisis kesahihan dijalankan adalah bagi menentukan kebagusan data. Prosedur ujian kesahihan adalah penting untuk mengukur sejauh mana instrumen yang digunakan dalam kajian dapat mengukur apa yang hendak diukur. Di samping itu, ujian kesahihan dapat mengkaji sama ada sesuatu pengukuran itu bebas daripada

ralat sistematik (*systematic error*) atau ralat bukan rawak (*non-random error*) (Hair et al., 2010).

Jadual 4.8 menunjukkan ringkasan ujian kesahihan bagi status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan. Kesemua pemboleh ubah melepasi ujian matriks beridentiti dengan kedudukan ujian *Barlett Test of Sphericity (BTOS)* masing-masing adalah signifikan (Sig.= 0.000). Item yang digugurkan dalam setiap pemboleh ubah adalah selepas penelitian terperinci dibuat ke atas matrik korelasi anti imbasan (*anti-image correlation matrix*) dan komunaliti (*communalities*). Mana-mana item yang tidak mencapai nilai 0.5 ke atas digugurkan. Nilai *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)* yang tertinggi dicatat oleh pemboleh ubah kepimpinan dengan nilai KMO 0.825 dan nilai KMO terendah pula adalah milik pemboleh ubah status ekonomi dengan nilai KMO 0.647. Keputusan analisis ujian kesahihan adalah sesuai dan ukuran kecukupan sampel adalah munasabah.

Jadual 4.8
Keputusan Analisis Ujian Kesahihan

	Bil. Item	Bil. Faktor	Nilai KMO
Status ekonomi	5	1	0.647
Tekanan politik	5	1	0.739
Tekanan sosial	5	1	0.759
Ideologi	5	1	0.699
Motif agihan	5	1	0.713
Kepimpinan	12	1	0.825

4.5 Analisis Kebolehpercayaan

Selepas melalui ujian kesahihan, ujian kepercayaan pula dijalankan. Ujian kebolehpercayaan dilakukan untuk memastikan item-item dalam soal selidik boleh dipercayai dan tepat. Sesuatu pengukuran itu haruslah bebas ralat rawak (*free from random error*) dan diyakini konsisten setiap kali pengukuran dilakukan (Sekaran, 2003). Dalam memastikan

kebolehpercayaan setiap item dalam soal selidik, pengukuran konsistensi dalaman (*internal consistency*) telah digunakan. Bagi mengukur darjah konsistensi sesuatu pemboleh ubah, kaedah yang selalu diguna pakai adalah *Cronbach Alpha*. Koefisien kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* menunjukkan bagaimana item-item dalam kumpulan berkorelasi secara positif di antara satu sama lain (Sekaran, 2003). Secara amnya, nilai *Cronbach Alpha* 0.7 ke atas menunjukkan sesuatu skala itu boleh dipercayai dan konsisten (Coakes, 2011). Namun, nilai yang menghampiri 1.0 adalah lebih baik kerana ia mencerminkan nilai konsistensi dalaman dan kebolehpercayaan sesuatu pemboleh ubah. Dalam kata lain, lebih tinggi nilai *Cronbach Alpha*, lebih tinggi indeks konsistensi (Sekaran, 2003).

Jadual 4.9 menunjukkan ringkasan analisis *Cronbach Alpha* bagi keenam-enam pemboleh ubah tersebut dan perbandingannya dengan keputusan dalam kajian rintis. Nilai *Cronbach Alpha* tertinggi terdapat pada pemboleh ubah kepimpinan, dengan nilai 0.914. Ini menunjukkan pemboleh ubah kepimpinan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tertinggi. Ia diikuti oleh pemboleh ubah motif agihan (0.903), tekanan politik (0.889), tekanan sosial (0.842), ideologi (0.787) dan status ekonomi (0.615).

Jadual 4.9
Keputusan Ujian Kebolehpercayaan

	<i>Cronbach Alpha</i> (Kajian Sebenar)	<i>Cronbach Alpha</i> (Kajian Rintis)
Status Ekonomi	0.615	0.687
Tekanan Politik	0.889	0.936
Tekanan Sosial	0.842	0.894
Ideologi	0.787	0.855
Motif Agihan	0.903	0.971
Kepimpinan	0.914	0.969

4.6 Analisis Deskriptif

Bagi setiap pemboleh ubah status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan, skor purata dikira bagi melihat sejauh mana pemboleh ubah-pemboleh ubah ini mempengaruhi responden dalam membuat peruntukan agihan zakat kepada asnaf. Setiap item diukur dengan menggunakan skala Likert di mana skor 1 mewakili sangat tidak setuju dan skor 5 mewakili sangat setuju. Skor purata yang tinggi menunjukkan respons positif daripada responden tentang sesuatu item dalam pemboleh ubah.

Jadual 4.10 menunjukkan statistik deskriptif bagi pemboleh ubah status ekonomi. Majoriti responden didapati bersetuju dengan kelima-lima item dalam pemboleh ubah status ekonomi. Item “kadar kemiskinan” mempunyai purata yang tertinggi iaitu sebanyak 4.54. Skor yang terendah pula diperolehi oleh item “kadar pengangguran” iaitu sebanyak 3.04.

Jadual 4.10
Statistik Deskriptif Bagi Status Ekonomi

	+/-	Respons Positif	%	Purata	Sisihan piawai
Ekonomi semasa	+	56	80.0	4.14	0.889
Kadar kemiskinan	+	64	91.5	4.54	0.652
Kadar pengangguran	+	20	28.6	3.04	0.999
Jumlah kutipan	+	63	90.0	4.47	0.717
Rujuk tahun lepas	+	55	78.5	4.16	0.879

Jadual 4.11 menunjukkan statistik deskriptif bagi pemboleh ubah tekanan politik. Skor purata kurang daripada 3.00 menggambarkan bahawa kesemua responden kurang bersetuju dengan kelima-lima item dalam pemboleh ubah tekanan politik. Skor purata yang tertinggi diperolehi oleh item “campur tangan daripada kerajaan negeri” dengan nilai purata sebanyak 2.49. Item “kemahuan daripada kerajaan negeri” pula merekodkan nilai purata terendah iaitu 1.97.

Jadual 4.11

Statistik Deskriptif Bagi Tekanan Politik

	+/-	Respons Positif	%	Purata	Sisihan piawai
Arahan	-	7	10.0	2.07	1.068
Desakan	-	7	10.0	2.13	1.089
Kemahuan	-	7	10.0	1.97	1.049
Cadangan	-	11	15.8	2.44	1.150
Campur tangan	-	17	24.3	2.49	1.294

Terdapat lima item dalam pemboleh ubah tekanan sosial selepas prosedur kesahihan dan kebolehpercayaan dilaksanakan. Tiga item mendapat respons positif dan dua item mendapat respons negatif. Item “pengkaji zakat beri cadangan” merekodkan skor purata tertinggi sebanyak 3.70. Skor purata bagi item “ambil berat pengkaji zakat” dan “ambil berat institusi zakat lain” masing-masing sebanyak 3.40 dan 3.19. Dua item merekodkan skor purata kurang daripada 3.00. Item-item tersebut adalah berkaitan dengan pihak JAWHAR. Responden kurang bersetuju dengan pernyataan bahawa “JAWHAR beri nasihat” dan “ambil berat JAWHAR” dalam membuat peruntukan agihan zakat kepada asnaf. Skor purata terendah sebanyak 2.83 dicatatkan oleh item “ambil berat JAWHAR”. Ini ditunjukkan dalam Jadual 4.12 di bawah.

Jadual 4.12

Statistik Deskriptif Bagi Tekanan Sosial

	+/-	Respons Positif	%	Purata	Sisihan piawai
JAWHAR beri nasihat	-	24	34.3	2.97	1.239
Ambil berat JAWHAR	-	17	24.3	2.83	1.103
Pengkaji zakat beri cadangan	+	43	61.4	3.70	1.012
Ambil berat pengkaji zakat	+	37	52.9	3.40	1.134
Ambil berat inst. zakat lain	+	22	31.4	3.19	0.873

Pemboleh ubah ketiga iaitu ideologi mendapat respons positif daripada semua responden. Kesemua item dalam pemboleh ubah ini menyaksikan skor purata melebihi 3.00 dengan item “kurang masalah jika cara Islam” merekodkan skor purata tertinggi 4.46. Jadual 4.13

mempamerkan skor purata bagi setiap item dalam pemboleh ubah ideologi. Item “perubahan institusi zakat” mencatatkan skor purata yang terendah sebanyak 4.16.

Jadual 4.13
Statistik Deskriptif Bagi Ideologi

	+/-	Respons Positif	%	Purata	Sisihan piawai
Utamakan fakir miskin	+	59	84.3	4.34	0.814
Sesuaikan dengan perubahan	+	61	87.1	4.26	0.716
Kurang masalah jika cara Islam	+	65	92.9	4.46	0.630
Perubahan inst. zakat	+	56	80.0	4.16	0.773

Pemboleh ubah motif agihan diukur dengan menggunakan skala Likert 1 hingga 10. Skor 1 mewakili paling tidak utama dan skor 10 mewakili paling utama. Kesemua responden memberikan respons positif bagi semua item dalam pemboleh motif agihan. Jadual 4.14 menunjukkan skor purata tertinggi sebanyak 7.61 dicatatkan oleh “keperluan asnaf diperolehi”. Skor terendah pula direkodkan oleh item “dakwah, tingkat akidah” dengan nilai purata 7.04.

Jadual 4.14
Statistik Deskriptif Bagi Motif Agihan

	+/-	Respons Positif	%	Purata	Sisihan piawai
Keperluan asnaf dipenuhi	+	55	78.6	7.61	2.975
Pendidikan dan modal insan	+	55	78.6	7.51	2.592
Tingkat hidup orang miskin	+	57	81.4	7.56	2.701
Dakwah, tingkat akidah	+	50	71.4	7.04	2.851

Pemboleh ubah kepimpinan diukur dengan mengukur kekerapan pernyataan-pernyataan yang diberikan sesuai dengan diri responden. Skor 1 mewakili jawapan tidak pernah, skor 2 mewakili jarang-jarang, skor 3 kadang-kadang, skor 4 sering kali dan skor 5 selalu. Jadual

4.15 di bawah menunjukkan kesemua item dalam pemboleh ubah kepimpinan mendapat respons yang positif daripada responden. Ini menunjukkan kesemua responden mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang aktif. Item “beritahu apa boleh dilakukan” mencatatkan skor purata tertinggi sebanyak 3.94 manakala skor purata terendah 3.00 direkodkan oleh item “orang lain bangga dikaitkan dengan saya”.

Jadual 4.15
Statistik Deskriptif Bagi Kepimpinan

	+/-	Respons Positif	%	Purata	Sisihan piawai
Sedia cara baru	+	39	55.7	3.66	0.740
Bantu orang lain bangun diri	+	47	67.1	3.84	0.845
Buat orang lain fikir cara baru	+	47	67.1	3.80	0.773
Orang bangga dengan saya	+	18	25.7	3.00	0.885
Bantu orang lain cari nilai	+	40	57.1	3.63	0.920
Beritahu apa patut buat	+	36	51.4	3.44	0.973
Beritahu apa boleh dilakukan	+	52	74.3	3.94	0.679
Maklum pandangan saya	+	45	64.3	3.70	0.667
Apa dapat bila capai	+	28	40.0	3.34	0.740
Iktiraf, ganjaran bila capai matlamat	+	28	40.0	3.26	0.973
Beri orang fikir idea baru	+	31	44.3	3.30	0.874
Perhatian peribadi	+	29	41.4	3.30	0.857

4.7 Andaian Regresi Logistik

Sebelum analisis regresi logistik diaplikasikan, adalah penting untuk memastikan bahawa *multicollinearity* tidak wujud di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas. Setiap pemboleh ubah mestilah bebas dan tidak bergantung antara satu sama lain. *Multicollinearity* wujud apabila terdapat satu pemboleh ubah bebas mempunyai korelasi yang kuat dengan satu atau lebih pemboleh ubah bebas yang lain ($r > 0.90$) (Tabachnick & Fidell, 2007). Jadual 4.16 menunjukkan keputusan *multicollinearity* menggunakan Korelasi *Spearman-Rho* (*Spearman-Rho Correlation*). Koefisien korelasi (r) yang tertinggi adalah 0.511 iaitu di antara pemboleh ubah tekanan politik dan tekanan sosial. Manakala koefisien korelasi (r) yang terendah adalah

0.037 di antara pemboleh ubah status ekonomi dan ideologi. Keputusan ini menunjukkan tidak wujud masalah *multicollinearity* yang serius di antara pemboleh ubah- pemboleh ubah bebas.



Jadual 4.16

Koefisien Korelasi Spearman- Rho (N=70)

Pemboleh Ubah		Status Ekonomi	Tekanan Politik	Tekanan Sosial	Ideologi	Motif Agihan	Kepimpinan
Status	r	1.000					
Ekonomi	Sig. (2-tailed)						
Tekanan	r	0.050	1.000				
Politik	Sig. (2-tailed)	0.680					
Tekanan	r	0.235*	0.511**	1.000			
Sosial	Sig. (2-tailed)	0.050	0.000				
Ideologi	r	0.213*	-0.325**	0.078	1.000		
	Sig. (2-tailed)	0.076	0.006	0.523			
Motif	r	-0.037	0.121	0.055	0.076	1.000	
Agihan	Sig. (2-tailed)	0.764	0.319	0.652	0.531		
Kepimpinan	r	0.070	-0.069	0.070	0.116	-0.198*	1.000
	Sig. (2-tailed)	0.564	0.569	0.566	0.338	0.100	

**Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

*Korelasi signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed).

4.8 Analisis Regresi Logistik

Kajian ini mengaplikasikan analisis regresi logistik bagi menentukan hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang telah dikenal pasti dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Justeru, enam pemboleh ubah iaitu status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan merupakan pemboleh ubah bebas yang digunakan dalam regresi logistik.

Pemboleh ubah bersandar yang digunakan adalah keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Pada dasarnya, pengukuran pemboleh ubah bersandar iaitu keutamaan agihan zakat adalah melalui jawapan yang diberikan oleh responden di dalam soal selidik. Walau bagaimanapun, memandangkan kebanyakan jawapan yang dibekalkan oleh responden adalah tidak tetap dan tidak lengkap, maka pengukuran pemboleh ubah bersandar dibuat dengan merujuk kepada statistik agihan zakat kepada asnaf pada tahun 2011. Sekiranya peratus agihan zakat kepada sesuatu kategori asnaf melebihi purata peratusan agihan keseluruhan bagi asnaf tersebut, kod 1 akan diberikan. Sebaliknya, jika peratusan agihan kepada asnaf tersebut kurang daripada purata peratusan agihan keseluruhan, kod 0 diberikan. Sebagai contoh, pada tahun 2011, purata peratusan agihan setiap negeri bagi asnaf fakir ialah 27.19%. Negeri Johor hanya mengagihkan sebanyak 9.05% kepada asnaf fakir daripada keseluruhan agihan. Oleh itu, kesemua respons daripada negeri Johor diberikan kod 0 untuk keutamaan agihan zakat bagi asnaf fakir. Purata agihan zakat kepada setiap asnaf dan kod pemboleh ubah bersandar bagi setiap negeri adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.17 di bawah.

Jadual 4.17

Peratusan Keutamaan Agihan Zakat Kepada Setiap Asnaf Dan Kod Pemboleh Ubah Bersandar (DV) Bagi Tahun 2011

Negeri	Peratus (%)															
	Fakir	DV	Miskin	DV	Amil	DV	Mualaf	DV	Al-riqab	DV	Al-gharimin	DV	Ibnusabil	DV	Fisabilillah	DV
Johor	9.05	0	21.21	1	9.53	1	5.60	1	0.00	0	2.42	0	0.08	0	52.11	1
Kelantan	68.78	1	0.00	0	13.67	1	1.17	0	0.01	0	0.00	0	0.04	0	16.45	0
Melaka	16.66	0	5.39	0	9.23	0	2.97	0	0.00	0	49.12	1	0.01	0	16.62	0
P.Pinang	6.01	0	44.35	1	9.28	0	1.77	0	0.00	0	2.58	0	0.40	0	35.60	1
Pahang	15.91	0	11.75	0	16.72	1	5.70	1	0.00	0	0.21	0	0.72	0	49.00	1
Perak	60.23	1	0.00	0	2.27	0	3.58	1	0.00	0	1.01	0	1.30	1	31.60	0
Sabah	42.10	1	18.59	1	11.39	1	5.82	1	0.00	0	0.01	0	6.32	1	15.76	0
Sarawak	21.79	1	11.55	0	15.45	1	2.51	0	0.00	0	0.01	0	0.01	0	48.66	1
Selangor	9.56	0	20.18	1	13.23	1	4.17	1	2.09	1	8.45	1	0.33	0	42.00	1
Terengganu	19.21	0	32.54	1	14.63	1	3.51	0	0.04	0	0.09	0	0.30	0	29.69	0
W.Persekutuan	29.82	1	27.02	1	0.50	0	3.46	0	0.00	0	2.07	0	1.12	1	36.02	1
Jumlah	299.12		192.58		115.90		40.26		2.14		65.97		10.63		373.51	
Purata	27.19		17.51		10.54		3.66		0.19		6.00		0.97		33.96	

Universiti Utara Malaysia

Analisis regresi logistik dilakukan terhadap keutamaan agihan zakat bagi setiap asnaf kecuali bagi asnaf al-riqab. Ini adalah kerana peratusan agihan zakat bagi asnaf ini amat kecil sekali iaitu sebanyak 0.19%. Selain itu, hanya tiga negeri yang mengagihkan zakat kepada asnaf ini. Negeri-negeri tersebut adalah Kelantan, Selangor dan Terengganu dengan peratusan agihan zakat masing-masing sebanyak 0.01%, 2.09% dan 0.04%.

Kesemua enam pemboleh ubah bebas iaitu status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan dimasukkan dalam model analisis regresi logistik bagi setiap kategori asnaf. Pengukuran keutamaan agihan zakat (KA) sebagai pemboleh ubah bersandar dibuat dengan menggunakan model berikut:

$$\text{Logit (KA)} = \alpha + \beta_1\text{EKO} + \beta_2\text{POL} + \beta_3\text{SOS} + \beta_4\text{IDE} + \beta_5\text{MOT} + \beta_6\text{PIM}$$

di mana $\text{logit (KA)} = \frac{\text{KA}}{1-\text{KA}}$

KA = keutamaan agihan zakat (1= agihan melebihi purata agihan, 0 = agihan kurang daripada purata agihan)

$\beta_1 - \beta_6$ = koefisien pemboleh ubah

EKO = status ekonomi

POL = tekanan politik

SOS = tekanan sosial

IDE = ideologi

MOT= motif agihan

PIM = kepimpinan

α = konstan

Model analisis regresi logistik bagi setiap asnaf (fakir, miskin, amil, mualaf, al-gharimin, ibnusabil dan fisabilillah) dibincangkan secara berasingan di dalam bahagian seterusnya. Perbincangan turut menekankan tentang model pengukuran keutamaan agihan zakat.

4.9 Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir

Kebagusan padanan model (*Goodness of Fit Model*) dengan data diukur dengan menggunakan ujian *Hosmer & Lemeshow* (Field, 2009). Sekiranya nilai *chi-square* didapati tidak signifikan, model tersebut dianggap berpadanan dengan data. Namun, sekiranya ujian menunjukkan nilai yang signifikan, model tersebut tidak berpadanan dengan data. Ujian *Hosmer & Lemeshow* dalam Jadual 4.18 menunjukkan nilai *chi-square* 8.967 dengan darjah kebebasan 8 mempunyai nilai yang tidak signifikan iaitu 0.345. Justeru kedudukan model ini mencapai kebagusan padanan dengan data.

Jadual klasifikasi dalam Jadual 4.18 menunjukkan model yang diuji dapat memberikan ramalan keutamaan agihan zakat kepada asnaf fakir pada kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 68.6%. Bilangan responden yang mengagihkan zakat dengan memberikan keutamaan kepada asnaf fakir adalah sebanyak 18 orang, sedangkan bilangan yang sebenarnya adalah 11. Sebaliknya, bilangan mereka yang mengutamakan asnaf lain diramalkan sebanyak 52 orang, tetapi bilangan sebenarnya adalah 37 orang yang menepati ramalan.

Nilai R^2 *Cox & Snell* dan *Nagelkerke* dalam ringkasan model (Jadual 4.18) menunjukkan perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas berada pada tahap yang agak sederhana dengan masing-masing bernilai 0.150 dan 0.204.

Jadual 4.18

Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir

Ringkasan Model					
<u>Langkah</u>	<u>-2 Log Likelihood</u>		<u>R² Cox & Snell</u>	<u>R² Nagelkerke</u>	
1	81.020		0.150	0.204	
Ujian Hosmer & Lemeshow					
<u>Langkah</u>	<u>Chi-square</u>		<u>dk</u>	<u>signifikan</u>	
1	8.967		8	0.345	
Jadual Klasifikasi^a					
			Diramalkan		
			Keutamaan Agihan		Peratusan Betul
	Ditinjau		Asnaf lain	Fakir	
Langkah	Keutamaan	Asnaf lain	37	7	84.1
1	Agihan	Fakir	15	11	42.3
		Peratusan Keseluruhan			68.6

^a. Nilai batasan ialah= 0.500.

Jadual 4.19 mempamerkan koefisien dan statistik bagi pemboleh ubah bebas yang dimasukkan dalam model. Nilai B mewakili perubahan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat berkait dengan satu unit pertambahan dalam pemboleh ubah bebas. Nilai koefisien (B) sering kali dikaitkan dengan ralat standard (*standard error (S.E)*) di mana makin besar koefisien, makin besar S.E. Sekiranya S.E melebihi 2.0, ini menunjukkan ada masalah numerik di dalam statistik. Berdasarkan keputusan dalam Jadual 4.19, nilai B dan S.E. tidak melebihi 2.0. Justeru, analisis ini bebas daripada S.E. Tanda positif dan negatif koefisien B menerangkan arah perkaitan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar.

Jadual 4.19

Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir

	B	S.E.	Wald	dk	Sig.	Exp (B)
EKO	-0.098	0.096	1.045	1	0.307	0.906
POL	-0.058	0.079	0.534	1	0.465	0.944
SOS	-0.073	0.081	0.812	1	0.367	0.930
IDE	0.151	0.144	1.100	1	0.294	1.163
MOT	0.054	0.031	3.036	1	0.081	1.055
PIM	0.077	0.043	3.111	1	0.078	1.080
Konstan	-3.882	3.324	1.364	1	0.243	0.021

Tanda negatif koefisien bagi pemboleh ubah bebas status ekonomi, tekanan politik dan tekanan sosial menunjukkan arah perkaitan songsang di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan penurunan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar. Dalam kes ini pemboleh ubah bersandar adalah keutamaan agihan kepada asnaf fakir. Pemboleh ubah ideologi, motif agihan dan kepimpinan mempunyai tanda arah positif. Tanda positif membawa maksud perkaitan secara langsung dengan pemboleh ubah bersandar iaitu keutamaan agihan zakat. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan pertambahan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat kepada asnaf fakir.

Berdasarkan keputusan analisis regresi logistik, berikut adalah persamaan bagi model keutamaan agihan zakat bagi asnaf fakir:

$$\text{Log} [KA/1-KA] = \text{Logit} (KA) = - 3.882 - 0.098 \text{ EKO} - 0.058 \text{ POL} - 0.073 \text{ SOS} + \\ 0.151 \text{ IDE} + 0.054 \text{ MOT} + 0.077 \text{ PIM}$$

Jalur bertajuk Sig. (Jadual 4.19) menunjukkan sama ada pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai signifikan ($p < 0.05$), ini bererti terdapat perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan kesemua enam pemboleh ubah bebas yang diuji didapati mempunyai perkaitan yang tidak signifikan.

4.9.1 Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir

Jadual 4.20 merekodkan ringkasan keputusan analisis regresi logistik keutamaan agihan zakat kepada asnaf fakir. Tiga daripada enam pemboleh ubah mencatatkan tanda arah negatif. Pemboleh ubah yang bertanda negatif adalah status ekonomi, tekanan politik dan tekanan sosial. Walau bagaimanapun, keenam-enam pemboleh ubah mempunyai kedudukan yang tidak signifikan ($p > 0.05$). Perbincangan selanjutnya mengenai ujian hipotesis menyusul di bawah.

Jadual 4.20

Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fakir

Pemboleh ubah Bebas	Tanda Arah (+/-)	Kedudukan Signifikan ($p < 0.05$)
EKO	-	Tidak
POL	-	Tidak
SOS	-	Tidak
IDE	+	Tidak
MOT	+	Tidak
PIM	+	Tidak

Status Ekonomi dan Keutamaan Agihan Zakat

Pemboleh ubah status ekonomi merupakan pemboleh ubah bebas yang pertama yang dimasukkan ke dalam model regresi logistik keutamaan agihan zakat. Status ekonomi pada awalnya diramalkan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Namun, keputusan regresi logistik menunjukkan sebaliknya. Status ekonomi mempunyai

perkaitan yang songsang dengan keutamaan agihan zakat. Ini ditunjukkan oleh tanda negatif pada nilai koefisien B sebanyak -0.098 dan Exp (B) sebanyak 0.906 (Jadual 4.19). Perkaitan songsang ini membawa maksud pertambahan dalam satu unit skor status ekonomi berkait dengan pengurangan kebarangkalian sebanyak 0.906 log nisbah keutamaan agihan zakat kepada asnaf fakir. Dalam bentuk peratusannya sebanyak 9.4% (1-0.906), dengan andaian lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Nilai p yang ditunjukkan adalah tidak signifikan iaitu sebanyak 0.307 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Kedudukan koefisien yang negatif adalah bertentangan dengan jangkaan awal penyelidikan. Justeru, hipotesis H_1 tidak dapat disokong dari segi tanda arah perkaitan. Di samping itu, hipotesis H_1 gagal melepasi ujian signifikan. Ini menjadikan kajian ini tidak mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menyokong hipotesis H_1 . Oleh yang demikian, hipotesis null tidak dapat ditolak.

Tekanan Politik dan Keutamaan Agihan Zakat

Koefisien B dan Exp (B) bagi pemboleh ubah tekanan politik adalah bernilai -0.058 dan 0.944 (Jadual 4.19). Perkaitan yang negatif ini merujuk kepada setiap pertambahan satu unit pada skor tekanan politik boleh dikaitkan dengan pengurangan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.944. Dengan andaian pemboleh ubah bebas yang lain adalah tetap (*ceteris paribus*), setiap pertambahan skor dalam pemboleh ubah tekanan politik akan menyebabkan pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 5.6% (1-0.944). Nilai p sebanyak 0.465 iaitu lebih tinggi daripada 0.05 menunjukkan kedudukan yang tidak signifikan.

Keputusan di atas tidak dapat menyokong hipotesis H_2 dari segi arah perkaitan. Di samping itu, hipotesis H_2 gagal melepasi ujian signifikan. Ini menjadikan kajian ini tidak mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menyokong hipotesis H_2 . Maka, hipotesis null tidak dapat ditolak.

Tekanan Sosial dan Keutamaan Agihan Zakat

Menurut hipotesis H_3 , perkaitan di antara tekanan sosial dan keutamaan agihan zakat adalah positif. Keputusan dalam Jadual 4.19 di atas tidak menyokong hipotesis H_3 dari segi tanda arah perkaitan. Nilai koefisien B dan Exp (B) sebanyak -0.073 dan 0.930 boleh ditafsirkan sebagai setiap unit pertambahan skor tekanan sosial berkait dengan pengurangan 0.930 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Dalam kata lain, setiap pertambahan pada pemboleh ubah tekanan sosial berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat 7% ($1-0.930$). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai yang tercatat adalah 0.367 ($p>0.05$).

Berdasarkan keputusan di atas, keterangan yang ada tidak dapat menyokong hipotesis H_3 . Ramalan awal penyelidik bahawa tekanan sosial berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat adalah tidak tepat. Justeru itu, hipotesis null tidak dapat ditolak pada paras $p < 0.05$.

Ideologi dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis H_4 menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Jadual 4.19 mencatatkan nilai B sebanyak 0.151 berserta dengan nilai Exp (B) 0.163. Setiap unit pertambahan skor dalam ideologi berkait dengan pertambahan 0.163 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat. Ini juga bermaksud

setiap pertambahan ideologi berkait dengan pertambahan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 16.3% (1-1.163), lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Kiraan signifikan bagi koefisien ini menunjukkan ia tidak signifikan dengan nilai p sebanyak 0.294 ($p > 0.05$).

Arah perkaitan di antara pemboleh ubah ideologi dan keutamaan agihan zakat adalah selari dengan apa yang telah dijangkakan oleh penyelidik. Keputusan ini, selari dengan jangkaan awal penyelidik di mana hipotesis H_4 adalah positif, namun perkaitannya didapati tidak signifikan ($p = 0.294$). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa keterangan yang ada belum cukup untuk menyatakan terdapatnya perkaitan di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Hipotesis null tidak boleh ditolak.

Motif Agihan dan Keutamaan Agihan Zakat

Dalam Bab 3, motif agihan telah dihipotesiskan sebagai berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan analisis regresi logistik didapati menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan di mana nilai B adalah 0.054 dan nilai Exp (B) pula sebanyak 1.055 (Jadual 4.19). Setiap pertambahan motif agihan berkait dengan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.055, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Ini bererti setiap peningkatan motif agihan berkait dengan pertambahan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 94.5% (1-0.055). Kedudukan ini adalah tidak signifikan dengan nilai Sig. = 0.081, iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Walaupun keputusan ini dapat menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan, namun tidak mempunyai keterangan yang memadai untuk menyokong hipotesis H_5 . Justeru, kajian ini tidak dapat menolak hipotesis null pada tahap $p < 0.05$.

Kepimpinan dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis ini menjangkakan bahawa terdapat perkaitan positif di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat. Koefisien B dan Exp (B) yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19 adalah masing-masing sebanyak 0.077 dan 1.080. Koefisien ini menerangkan bahawa setiap pertambahan skor kepimpinan boleh menambahkan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.080 atau pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 92% ($1 - 0.080$). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai Sig. = 0.078 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Walaupun keputusan ini menepati jangkaan awal penyelidik dari segi tanda arah hipotesis H_6 , namun kedudukan koefisien adalah tidak signifikan di mana nilai $p = 0.078$, sekali gus menunjukkan penemuan ini mempunyai tidak cukup keterangan untuk menyokong hipotesis H_6 . Justeru itu, hipotesis null yang menyatakan tiada perkaitan di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat tidak boleh ditolak. Ringkasan keputusan ujian hipotesis bagi model keutamaan agihan zakat kepada asnaf fakir adalah seperti yang dibentangkan dalam Jadual 4.21 di bawah.

Jadual 4.21

Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Fakir

Hipotesis	Keputusan
H ₁ : Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₂ : Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₃ : Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₄ : Ideologi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₅ : Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₆ : Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak

dengan keutamaan agihan zakat.

4.10 Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin

Kebagusan padanan model (*Goodness of Fit Model*) dengan data diukur dengan menggunakan ujian *Hosmer & Lemeshow* (Field, 2009). Sekiranya nilai *chi-square* didapati tidak signifikan, model tersebut dianggap berpadanan dengan data. Namun, sekiranya ujian menunjukkan nilai yang signifikan, model tersebut tidak berpadanan dengan data. Ujian *Hosmer & Lemeshow* dalam Jadual 4.22 menunjukkan nilai *chi-square* 2.355 dengan darjah kebebasan 8 mempunyai nilai yang tidak signifikan iaitu 0.968. Justeru kedudukan model ini mencapai kebagusan padanan dengan data.

Jadual klasifikasi dalam Jadual 4.22 menunjukkan model yang diuji dapat memberikan ramalan keutamaan agihan zakat kepada asnaf miskin pada kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 68.6%. Bilangan responden yang mengagihkan zakat dengan memberikan keutamaan kepada asnaf miskin adalah sebanyak 46 orang, sedangkan bilangan yang sebenarnya adalah 40 orang. Sebaliknya, bilangan yang mengutamakan asnaf lain diramalkan sebanyak 24 orang, tetapi bilangan sebenar adalah 30 orang.

Nilai R^2 *Cox & Snell* dan *Nagelkerke* dalam ringkasan model (Jadual 4.22) menunjukkan perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas berada pada tahap yang agak sederhana dengan masing-masing bernilai 0.100 dan 0.134.

Jadual 4.22

Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin

Ringkasan Model				
<u>Langkah</u>	<u>-2 Log Likelihood</u>		<u>R² Cox & Snell</u>	<u>R² Nagelkerke</u>
1	88.267		0.100	0.134
Ujian Hosmer & Lemeshow				
<u>Langkah</u>	<u>Chi-square</u>		<u>dk</u>	<u>signifikan</u>
1	2.355		8	0.968
Jadual Klasifikasi^a				
		Diramalkan		
		Keutamaan Agihan		Peratusan
Ditinjau		Asnaf lain	Miskin	Betul
Langkah	Keutamaan Agihan			
1	Asnaf lain	16	14	53.3
	Miskin	8	32	80.0
	Peratusan Keseluruhan			68.6

^a. Nilai batasan ialah= 0.500.

Jadual 4.23 mempamerkan koefisien dan statistik bagi pemboleh ubah bebas yang dimasukkan dalam model. Nilai B mewakili perubahan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat berkait dengan satu unit pertambahan dalam pemboleh ubah bebas. Nilai koefisien B seringkali dikaitkan dengan S.E. di mana makin besar koefisien, makin besar S.E.. Sekiranya S.E. melebihi 2.0 ini menunjukkan ada masalah numerik di dalam statistik. Berdasarkan keputusan dalam Jadual 4.23, nilai B dan S.E. tidak melebihi 2.0. Justeru analisis ini bebas daripada S.E.. Tanda positif dan negatif koefisien B menerangkan arah perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Jadual 4.23

Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin

	B	S.E.	Wald	dk	Sig.	Exp (B)
EKO	0.167	0.092	3.310	1	0.069	1.181
POL	-0.041	0.071	0.335	1	0.563	0.960
SOS	0.041	0.076	0.036	1	0.850	1.015
IDE	-0.154	0.132	1.375	1	0.241	0.857
MOT	0.044	0.027	2.541	1	0.111	1.045
PIM	-0.030	0.038	0.619	1	0.431	0.971
Konstan	-0.876	2.961	0.088	1	0.767	0.416

Tanda negatif koefisien bagi pemboleh ubah bebas tekanan politik, ideologi dan kepimpinan menunjukkan arah perkaitan songsang di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan penurunan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar. Dalam kes ini pemboleh ubah bersandar adalah keutamaan agihan zakat kepada asnaf miskin. Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang mempunyai tanda arah positif pula adalah status ekonomi, tekanan sosial dan motif agihan. Tanda positif membawa maksud perkaitan secara langsung dengan pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan pertambahan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat kepada asnaf miskin.

Berdasarkan keputusan analisis regresi logistik, berikut adalah persamaan bagi model keutamaan agihan zakat bagi asnaf miskin:

$$\text{Log} [KA/1-KA] = \text{Logit} (KA) = - 0.876 + 0.167 \text{ EKO} - 0.041 \text{ POL} + 0.014 \text{ SOS} \\ - 0.154 \text{ IDE} + 0.044 \text{ MOT} - 0.030 \text{ PIM}$$

Jalur bertajuk Sig. menunjukkan sama ada pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai $p < 0.05$, ini bererti terdapat

perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan kesemua pemboleh ubah bebas yang diuji didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan.

4.10.1 Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin

Jadual 4.24 merekodkan ringkasan keputusan analisis regresi logistik keutamaan agihan zakat kepada asnaf miskin. Tiga daripada enam pemboleh ubah mencatatkan tanda arah negatif. Pemboleh ubah yang bertanda negatif adalah tekanan politik, ideologi dan kepimpinan. Pemboleh ubah yang mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat adalah status ekonomi, tekanan sosial dan motif agihan. Walau bagaimanapun, kesemua pemboleh ubah tidak mempunyai kedudukan yang signifikan ($p > 0.05$). Perbincangan selanjutnya mengenai ujian hipotesis menyusul di bawah.

Jadual 4.24

Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Miskin

Pemboleh ubah Bebas	Tanda Arah (+/-)	Kedudukan Signifikan ($p < 0.05$)
EKO	+	Tidak
POL	-	Tidak
SOS	+	Tidak
IDE	-	Tidak
MOT	+	Tidak
PIM	-	Tidak

Status Ekonomi dan Keutamaan Agihan Zakat

Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat pada nilai koefisien B sebanyak 0.167 dan Exp (B) sebanyak 1.181 (Jadual 4.23). Perkaitan ini membawa maksud pertambahan dalam satu unit skor status ekonomi berkait dengan pertambahan kebarangkalian sebanyak 0.181 log nisbah keutamaan agihan zakat kepada

asnaf miskin. Dalam bentuk peratusannya sebanyak 81.9% (1-0.181), dengan andaian lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Nilai p yang ditunjukkan adalah tidak signifikan iaitu sebanyak 0.069 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Walaupun kedudukan koefisien yang positif menepati jangkaan awal penyelidikan, namun nilai p yang tidak signifikan ($p > 0.05$) tidak dapat menolak hipotesis null yang menyatakan bahawa tiada perkaitan di antara status ekonomi dan keutamaan agihan zakat. Keterangan yang ada belum mencukupi untuk menyokong H_1 yang menyatakan status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

Tekanan Politik dan Keutamaan Agihan Zakat

Koefisien B dan Exp (B) bagi pemboleh ubah tekanan politik adalah bernilai -0.041 dan 0.960 (Jadual 4.23). Perkaitan yang negatif ini merujuk kepada setiap pertambahan satu unit pada skor tekanan politik boleh dikaitkan dengan pengurangan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.960. Dengan andaian pemboleh ubah bebas yang lain adalah tetap (*ceteris paribus*), setiap pertambahan skor dalam pemboleh ubah tekanan politik akan menyebabkan pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 4% (1-0.960). Nilai p sebanyak 0.563 iaitu lebih tinggi daripada 0.05 menunjukkan kedudukan yang tidak signifikan.

Keputusan di atas tidak dapat menyokong hipotesis H_2 dari segi arah perkaitan. Di samping itu, hipotesis H_2 gagal melepasi ujian signifikan. Ini sekali gus menjadikan kajian ini tidak mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menolak hipotesis H_2 . Lantas, hipotesis null tidak dapat ditolak.

Tekanan Sosial dan Keutamaan Agihan Zakat

Menurut hipotesis H₃, perkaitan di antara tekanan sosial dan keutamaan agihan zakat adalah positif. Keputusan dalam Jadual 4.23 di atas menyokong hipotesis H₃ dari segi tanda arah perkaitan. Nilai koefisien B dan Exp (B) sebanyak 0.041 dan 1.015 boleh ditafsirkan sebagai setiap unit pertambahan skor tekanan sosial berkait dengan pertambahan 0.015 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Dalam kata lain, setiap pertambahan pada pemboleh ubah tekanan sosial berkait dengan pertambahan kebarangkalian keutamaan agihan zakat 98.5% (1-0.015). Kedudukan koefisien ini adalah signifikan di mana nilai yang tercatat adalah 0.850 ($p > 0.05$).

Berdasarkan keputusan di atas, keterangan yang ada tidak cukup untuk menyokong hipotesis H₃. Ramalan awal penyelidik bahawa tekanan sosial berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat adalah tidak tepat. Justeru itu, hipotesis null tidak dapat ditolak pada paras $p < 0.05$.

Ideologi dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis H₄ menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Namun keputusan di atas menunjukkan sebaliknya. Nilai koefisien B didapati negatif. Jadual 4.23 mencatatkan nilai B sebanyak -0.154 berserta dengan nilai Exp (B) 0.857. Setiap unit pertambahan skor dalam ideologi berkait dengan pengurangan 0.857 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat. Ini juga bermaksud setiap pertambahan ideologi berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 14.3% (1-0.857), lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Kiraan

signifikan bagi koefisien ini menunjukkan ia tidak signifikan dengan nilai p sebanyak 0.241 ($p > 0.05$).

Arah perkaitan di antara pemboleh ubah ideologi dan keutamaan agihan zakat adalah berlawanan dengan apa yang telah dijangkakan oleh penyelidik. Keputusan ini, walaupun bertentangan dengan jangkaan awal penyelidik di mana hipotesis H_4 adalah positif, namun perkaitannya didapati tidak signifikan ($p = 0.597$). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa keterangan yang ada belum cukup untuk menyatakan terdapatnya perkaitan di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Hipotesis null tidak boleh ditolak.

Motif Agihan dan Keutamaan Agihan Zakat

Dalam Bab 3, motif agihan telah dihipotesiskan sebagai berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan analisis regresi logistik didapati menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan di mana nilai B adalah 0.044 dan nilai $\text{Exp}(B)$ pula sebanyak 1.045 (Jadual 4.23). Setiap pertambahan motif agihan berkait dengan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.045, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Ini bererti setiap peningkatan motif agihan berkait dengan pertambahan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 95.5% ($1 - 0.045$). Kedudukan ini adalah tidak signifikan dengan nilai $\text{Sig.} = 0.111$, iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Walaupun keputusan ini menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan, namun tidak mempunyai keterangan yang memadai untuk menyokong hipotesis H_5 . Justeru, kajian ini tidak dapat menolak hipotesis null pada tahap $p < 0.05$.

Kepimpinan dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis ini menjangkakan bahawa terdapat perkaitan positif di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat. Koefisien B dan Exp (B) yang ditunjukkan dalam Jadual 4.23 adalah masing-masing sebanyak -0.030 dan 0.971. Koefisien ini menerangkan bahawa setiap pertambahan skor kepimpinan boleh mengurangkan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.971 atau pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 2.9% (1-0.971). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai Sig. = 0.431 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini tidak menepati jangkaan awal penyelidik dari segi tanda arah hipotesis H₆. Malah, kedudukan koefisien adalah tidak signifikan (Sig.= 0.431), sekali gus menunjukkan penemuan ini tidak mempunyai cukup keterangan untuk menyokong hipotesis H₆. Justeru itu, hipotesis null yang menyatakan tiada perkaitan di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat tidak dapat ditolak. Ringkasan keputusan ujian hipotesis bagi model keutamaan agihan zakat kepada asnaf miskin adalah seperti yang dibentangkan dalam Jadual 4.25 di bawah.

Jadual 4.25
Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Miskin

Hipotesis	Keputusan
H ₁ : Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₂ : Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₃ : Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₄ : Ideologi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₅ : Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₆ : Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak

4.11 Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil

Kebagusan padanan model (*Goodness of Fit Model*) dengan data diukur dengan menggunakan ujian *Hosmer & Lemeshow* (Field, 2009). Sekiranya nilai *chi-square* didapati tidak signifikan, model tersebut dianggap berpadanan dengan data. Namun, sekiranya ujian menunjukkan nilai yang signifikan, model tersebut tidak berpadanan dengan data. Ujian *Hosmer & Lemeshow* dalam Jadual 4.26 menunjukkan nilai *chi-square* 3.972 dengan darjah kebebasan 8 mempunyai nilai yang tidak signifikan iaitu 0.860. Justeru kedudukan model ini mencapai kebagusan padanan dengan data.

Jadual klasifikasi dalam Jadual 4.26 menunjukkan model yang diuji dapat memberikan ramalan keutamaan agihan zakat kepada asnaf amil pada kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 74.3%. Bilangan responden yang diramal mengagihkan zakat kepada asnaf amil dengan memberikan keutamaan kepada asnaf amil adalah sebanyak 61 orang, sedangkan bilangan yang sebenarnya adalah 49 orang. Sebaliknya, bilangan yang mengutamakan asnaf lain diramalkan sebanyak 9 orang, tetapi jumlah yang sebenar adalah 21 orang. Nilai R^2 *Cox & Snell* dan *Nagelkerke* dalam ringkasan model (Jadual 4.26) menunjukkan perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas berada pada tahap yang agak sederhana dengan masing-masing bernilai 0.156 dan 0.222.

Jadual 4.26

Kedudukan Model Keutamaan Agihan Bagi Asnaf Amil

Ringkasan Model			
Langkah	<i>-2 Log Likelihood</i>	R^2 <i>Cox & Snell</i>	R^2 <i>Nagelkerke</i>
1	73.628	0.156	0.222
Ujian <i>Hosmer & Lemeshow</i>			
Langkah	<i>Chi-square</i>	dk	signifikan
1	3.972	8	0.860
Jadual Klasifikasi ^a			
Ditinjau	Diramalkan		Peratusan Betul
	Keutamaan Agihan Asnaf lain	Amil	

Langkah 1	Keutamaan Agihan	Asnaf lain	6	15	28.6
		Amil	3	46	93.9
		Peratusan Keseluruhan			74.3

^a. Nilai batasan ialah= 0.500.

Jadual 4.27 mempamerkan koefisien dan statistik bagi pemboleh ubah bebas yang dimasukkan dalam model. Nilai B mewakili perubahan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat berkait dengan satu unit pertambahan dalam pemboleh ubah bebas. Nilai koefisien B sering kali dikaitkan dengan S.E. di mana makin besar koefisien, makin besar S.E.. Sekiranya S.E. melebihi 2.0 ini menunjukkan ada masalah numerik di dalam statistik. Berdasarkan keputusan dalam Jadual 4.27, nilai B dan S.E. tidak melebihi 2.0. Justeru analisis ini bebas daripada S.E.. Tanda positif dan negatif koefisien B menerangkan arah perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Jadual 4.27

Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil

	B	S.E.	Wald	dk	Sig.	Exp (B)
EKO	0.084	0.101	0.693	1	0.405	1.087
POL	-0.193	0.090	4.579	1	0.032*	0.825
SOS	-0.008	0.086	0.008	1	0.928	0.992
IDE	-0.269	0.153	3.086	1	0.505	0.978
MOT	-0.022	0.033	0.445	1	0.079	0.764
PIM	-0.049	0.045	1.167	1	0.280	0.952
Konstan	8.564	3.988	4.612	1	0.032	5238.505

*p<0.05

Tanda negatif koefisien bagi pemboleh ubah bebas tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan menunjukkan arah perkaitan songsang di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan penurunan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah

bersandar. Dalam kes ini, keutamaan agihan zakat adalah kepada asnaf amil. Status ekonomi merupakan satu-satunya pemboleh ubah yang mempunyai perkaitan positif dengan pemboleh ubah bersandar. Tanda positif membawa maksud perkaitan secara langsung dengan pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan pertambahan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat kepada asnaf amil.

Berdasarkan keputusan analisis regresi logistik, berikut adalah persamaan bagi model keutamaan agihan zakat bagi asnaf amil:

$$\begin{aligned} \text{Log} [\text{KA}/1-\text{KA}] = \text{Logit} (\text{KA}) = & 8.564 + 0.084 \text{ EKO} - 0.193 \text{ POL} - 0.008 \text{ SOS} \\ & - 0.269 \text{ IDE} - 0.022 \text{ MOT} - 0.049 \text{ PIM} \end{aligned}$$

Jalur bertajuk Sig. menunjukkan sama ada pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai $p < 0.05$, ini bererti terdapat perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan hanya satu daripada enam pemboleh ubah bebas yang diuji didapati mempunyai perkaitan yang signifikan. Pemboleh ubah tersebut adalah tekanan politik.

4.11.1 Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil

Jadual 4.28 merekodkan ringkasan keputusan analisis regresi logistik keutamaan agihan zakat kepada asnaf amil. Lima daripada enam pemboleh ubah mencatatkan tanda arah negatif. Pemboleh ubah yang bertanda negatif adalah tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan. Pemboleh ubah tunggal yang menepati jangkaan awal penyelidik yang mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat adalah status

ekonomi. Walau bagaimanapun, hanya satu pemboleh ubah yang mempunyai kedudukan yang signifikan ($p < 0.05$), iaitu tekanan politik. Perbincangan selanjutnya mengenai ujian hipotesis menyusul di bawah.

Jadual 4.28

Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Amil

Pemboleh ubah Bebas	Tanda Arah (+/-)	Kedudukan Signifikan ($p < 0.05$)
EKO	+	Tidak
POL	-	Ya ($p = 0.032$)
SOS	-	Tidak
IDE	-	Tidak
MOT	-	Tidak
PIM	-	Tidak

Status Ekonomi dan Keutamaan Agihan Zakat

Pemboleh ubah status ekonomi merupakan pemboleh ubah bebas yang pertama yang dimasukkan ke dalam model regresi logistik keutamaan agihan zakat. Status ekonomi pada awalnya diramalkan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan regresi logistik menunjukkan ramalan tersebut boleh disokong. Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Ini ditunjukkan oleh tanda positif pada nilai koefisien B sebanyak 0.084 dan Exp (B) sebanyak 1.087 (Jadual 4.27). Perkaitan positif ini membawa maksud pertambahan dalam satu unit skor status ekonomi berkait dengan pertambahan kebarangkalian sebanyak 0.087 log nisbah keutamaan agihan zakat kepada asnaf amil. Dalam bentuk peratusannya sebanyak 91.3% ($1 - 0.087$), dengan andaian lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Nilai p yang ditunjukkan adalah tidak signifikan iaitu sebanyak 0.405 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Kedudukan koefisien yang positif adalah menepati jangkaan awal penyelidik. Justeru, hipotesis H_1 dapat disokong dari segi tanda arah perkaitan. Walau bagaimanapun, nilai p yang tidak signifikan ($p < 0.05$) tidak dapat menolak hipotesis null yang menyatakan bahawa tiada perkaitan di antara status ekonomi dan keutamaan agihan zakat.

Tekanan Politik dan Keutamaan Agihan Zakat

Koefisien B dan $\text{Exp}(B)$ bagi pemboleh ubah tekanan politik adalah bernilai -0.193 dan 0.825 (Jadual 4.27). Perkaitan yang negatif ini merujuk kepada setiap pertambahan satu unit pada skor tekanan politik boleh dikaitkan dengan pengurangan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.825 . Dengan andaian pemboleh ubah bebas yang lain adalah tetap (*ceteris paribus*), setiap pertambahan skor dalam pemboleh ubah tekanan politik akan menyebabkan pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 17.5% ($1 - 0.825$). Nilai p sebanyak 0.032 iaitu lebih rendah daripada 0.05 menunjukkan kedudukan yang signifikan.

Keputusan di atas tidak dapat menyokong hipotesis H_2 dari segi arah perkaitan. Namun begitu, hipotesis H_2 berjaya melepasi ujian signifikan. Ini sekali gus menjadikan kajian ini mempunyai keterangan yang mencukupi untuk tidak menolak hipotesis H_2 . Lantas, hipotesis null dapat ditolak.

Tekanan Sosial dan Keutamaan Agihan Zakat

Menurut hipotesis H_3 , perkaitan di antara tekanan sosial dan keutamaan agihan zakat adalah positif. Keputusan dalam Jadual 4.27 di atas tidak menyokong hipotesis H_3 dari segi tanda arah perkaitan. Nilai koefisien B dan $\text{Exp}(B)$ sebanyak -0.008 dan 0.992 boleh ditafsirkan sebagai setiap unit pertambahan skor tekanan sosial berkait dengan pengurangan 0.992 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris*

paribus). Dalam kata lain, setiap pertambahan pada pemboleh ubah tekanan sosial berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat 0.8% (1-0.992). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai yang tercatat adalah 0.928 ($p > 0.05$).

Berdasarkan keputusan di atas, keterangan yang ada tidak memadai untuk menyokong hipotesis H₃. Ramalan awal penyelidik bahawa tekanan sosial berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat adalah tidak tepat. Justeru itu, hipotesis null tidak dapat ditolak pada paras $p < 0.05$.

Ideologi dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis H₄ menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Namun keputusan di atas menunjukkan sebaliknya. Nilai koefisien B didapati negatif. Jadual 4.27 mencatatkan nilai B sebanyak -0.269 berserta dengan nilai Exp (B) 0.978. Setiap unit pertambahan skor dalam ideologi berkait dengan pengurangan 0.978 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat. Ini juga bermaksud setiap pertambahan ideologi berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 2.2% (1-0.978), lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Kiraan signifikan bagi koefisien ini menunjukkan ia tidak signifikan dengan nilai p sebanyak 0.505 ($p > 0.05$).

Arah perkaitan di antara pemboleh ubah ideologi dan keutamaan agihan adalah berlawanan dengan apa yang telah dijangkakan oleh penyelidik. Di samping itu, perkaitan yang didapati tidak signifikan ($p = 0.505$). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa keterangan yang ada belum cukup untuk menyatakan terdapatnya perkaitan di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Hipotesis null tidak boleh ditolak.

Motif Agihan dan Keutamaan Agihan Zakat

Dalam Bab 3, motif agihan telah dihipotesiskan sebagai berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan analisis regresi logistik didapati tidak dapat menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan di mana nilai B adalah -0.022 dan nilai Exp (B) pula sebanyak 0.764 (Jadual 4.27). Setiap pertambahan motif agihan berkait dengan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.764, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Ini bererti setiap peningkatan motif agihan berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 23.6% (1-0.764). Kedudukan ini adalah tidak signifikan dengan nilai Sig. = 0.079, iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini tidak dapat menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan, malah tidak mempunyai keterangan yang memadai untuk menyokong hipotesis H_5 . Justeru, kajian ini tidak dapat menolak hipotesis null pada tahap $p < 0.05$.

Kepimpinan dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis ini menjangkakan bahawa terdapat perkaitan positif di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat. Koefisien B dan Exp (B) yang ditunjukkan dalam Jadual 4.27 adalah masing-masing sebanyak -0.049 dan 0.952. Koefisien ini menerangkan bahawa setiap pertambahan skor kepimpinan boleh mengurangkan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.952 atau pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 4.8% (1-0.952). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai Sig. = 0.280 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini tidak menepati jangkaan awal penyelidik dari segi tanda arah hipotesis H_6 . Malah kedudukan koefisien adalah tidak signifikan (Sig.= 0.280), sekali gus menunjukkan penemuan ini tidak mempunyai cukup keterangan untuk menyokong hipotesis H_6 . Justeru itu, hipotesis null yang menyatakan tiada perkaitan di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat tidak dapat ditolak.

Ringkasan keputusan ujian hipotesis bagi model keutamaan agihan zakat kepada asnaf amil adalah seperti yang dibentangkan dalam Jadual 4.29 di bawah.

Jadual 4.29
Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Amil

Hipotesis	Keputusan
H ₁ : Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₂ : Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Gagal Ditolak
H ₃ : Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₄ : Ideologi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₅ : Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₆ : Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak

4.12 Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Muallaf

Kebagusan padanan model (*Goodness of Fit Model*) dengan data diukur dengan menggunakan ujian *Hosmer & Lemeshow* (Field, 2009). Sekiranya nilai *chi-square* didapati tidak signifikan, model tersebut dianggap berpadanan dengan data. Namun, sekiranya ujian menunjukkan nilai yang signifikan, model tersebut tidak berpadanan dengan data. Ujian *Hosmer & Lemeshow* dalam Jadual 4.30 menunjukkan nilai *chi-square* 10.098 dengan darjah kebebasan 8 mempunyai nilai yang tidak signifikan iaitu 0.258. Justeru kedudukan model ini mencapai kebagusan padanan dengan data.

Jadual klasifikasi dalam Jadual 4.30 menunjukkan model yang diuji dapat memberikan ramalan keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf pada kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 61.4%. Bilangan responden yang diramal mengagihkan zakat dengan memberikan keutamaan kepada asnaf mualaf adalah sebanyak 29 orang, sedangkan bilangan yang sebenarnya adalah 32 orang. Sebaliknya, bilangan mereka yang mengutamakan asnaf lain diramalkan sebanyak 41 orang, tetapi seramai 38 orang yang menepati ramalan.

Nilai R^2 *Cox & Snell* dan *Nagelkerke* dalam ringkasan model (Jadual 4.30) menunjukkan perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas berada pada tahap yang agak sederhana dengan masing-masing bernilai 0.131 dan 0.175.

Jadual 4.30

Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf

Ringkasan Model			
<u>Langkah</u>	<u>-2 Log Likelihood</u>	<u>R^2 Cox & Snell</u>	<u>R^2 Nagelkerke</u>
1	86.722	0.131	0.175
Ujian Hosmer & Lemeshow			
<u>Langkah</u>	<u>Chi-square</u>	<u>dk</u>	<u>signifikan</u>
1	10.098	8	0.258

Jadual Klasifikasi^a

Langkah	Ditinjau	Keutamaan Agihan	Diramalkan		Peratusan Betul
			Keutamaan Agihan		
			Asnaf lain	Mualaf	
1	Keutamaan Agihan	Asnaf lain	26	12	68.4
		Mualaf	15	17	53.1
		Peratusan Keseluruhan			61.4

^a. Nilai batasan ialah= 0.500.

Jadual 4.31 mempamerkan koefisien dan statistik bagi pemboleh ubah bebas yang dimasukkan dalam model. Nilai B mewakili perubahan log nisbah kebarangkalian keutamaan

agihan zakat berkait dengan satu unit pertambahan dalam pemboleh ubah bebas. Nilai koefisien B sering kali dikaitkan dengan S.E. di mana makin besar koefisien, makin besar S.E.. Sekiranya S.E. melebihi 2.0 ini menunjukkan ada masalah numerik di dalam statistik. Berdasarkan keputusan dalam Jadual 4.31, nilai B dan S.E. tidak melebihi 2.0. Justeru analisis ini bebas daripada S.E.. Tanda positif dan negatif koefisien B menerangkan arah perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Jadual 4.31

Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf

	B	S.E.	Wald	dk	Sig.	Exp (B)
EKO	0.226	0.102	4.942	1	0.026*	1.254
POL	-0.104	0.079	1.754	1	0.185	0.901
SOS	0.040	0.079	0.263	1	0.608	1.041
IDE	-0.145	0.141	1.060	1	0.303	0.865
MOT	-0.050	0.029	3.009	1	0.083	0.951
PIM	-0.028	0.037	0.565	1	0.452	0.972
Konstan	0.022	3.031	0.000	1	0.994	1.023

*p<0.05

Tanda negatif koefisien bagi pemboleh ubah bebas tekanan politik, ideologi, motif agihan dan kepimpinan menunjukkan arah perkaitan songsang di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan penurunan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar. Dalam kes ini keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf. Pemboleh ubah status ekonomi dan tekanan sosial merupakan pemboleh ubah yang mempunyai tanda arah positif. Tanda positif membawa maksud perkaitan secara langsung dengan pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan pertambahan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf.

Berdasarkan keputusan analisis regresi logistik, berikut adalah persamaan bagi model keutamaan agihan zakat bagi asnaf mualaf:

$$\text{Log} [KA/1-KA] = \text{Logit} (KA) = 0.022 + 0.226 \text{ EKO} - 0.104 \text{ POL} + 0.040 \text{ SOS} \\ - 0.0145 \text{ IDE} - 0.050 \text{ MOT} - 0.028 \text{ PIM}$$

Jalur bertajuk Sig. menunjukkan sama ada pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai $p < 0.05$, ini bererti terdapat perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan hanya satu daripada enam pemboleh ubah bebas yang diuji didapati mempunyai perkaitan yang signifikan, iaitu pemboleh ubah status ekonomi.

4.12.1 Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf

Jadual 4.32 merekodkan ringkasan keputusan analisis regresi logistik keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf. Empat daripada enam pemboleh ubah mencatatkan tanda arah negatif. Pemboleh ubah yang bertanda negatif adalah tekanan politik, ideologi, motif agihan dan kepimpinan. Dua pemboleh ubah yang menepati jangkaan awal penyelidik yang mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat adalah status ekonomi dan tekanan sosial. Walau bagaimanapun, cuma satu pemboleh ubah yang mempunyai kedudukan yang signifikan ($p < 0.05$), iaitu status ekonomi. Perbincangan selanjutnya mengenai ujian hipotesis menyusul di bawah.

Jadual 4.32

Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Mualaf

Pemboleh ubah Bebas	Tanda Arah (+/-)	Kedudukan Signifikan ($p < 0.05$)
EKO	+	Ya ($p = 0.026$)
POL	-	Tidak

SOS	+	Tidak
IDE	-	Tidak
MOT	-	Tidak
PIM	-	Tidak

Status Ekonomi dan Keutamaan Agihan Zakat

Pemboleh ubah status ekonomi merupakan pemboleh ubah bebas yang pertama yang dimasukkan ke dalam model regresi logistik keutamaan agihan zakat. Status ekonomi telah diramalkan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Ramalan ini disokong dengan keputusan regresi logistik yang menunjukkan status ekonomi sememangnya mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Ini ditunjukkan oleh tanda positif pada nilai koefisien B sebanyak 0.226 dan Exp (B) sebanyak 1.254 (Jadual 4.31). Perkaitan positif ini membawa maksud pertambahan dalam satu unit skor status ekonomi berkait dengan pertambahan kebarangkalian sebanyak 0.254 log nisbah keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf. Dalam bentuk peratusannya sebanyak 74.6% (1-0.254), dengan andaian lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Nilai p yang ditunjukkan adalah signifikan iaitu sebanyak 0.026 iaitu lebih rendah daripada 0.05.

Kedudukan koefisien yang positif adalah menepati jangkaan awal penyelidik. Justeru, hipotesis H_1 dapat disokong dari segi tanda arah perkaitan. Di samping itu, nilai p yang signifikan ($p < 0.05$) menolak hipotesis null yang menyatakan bahawa tiada perkaitan di antara status ekonomi dan keutamaan agihan zakat. Sebaliknya, kajian ini mempunyai keterangan yang cukup untuk menegaskan bahawa status ekonomi mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat. Lebih tinggi skor status ekonomi, lebih tinggi kebarangkalian keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf.

Tekanan Politik dan Keutamaan Agihan Zakat

Koefisien B dan Exp (B) bagi pemboleh ubah tekanan politik adalah bernilai -0.104 dan 0.901 (Jadual 4.31). Perkaitan yang negatif ini merujuk kepada setiap pertambahan satu unit pada skor tekanan politik boleh dikaitkan dengan pengurangan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.901. Dengan andaian pemboleh ubah bebas yang lain adalah tetap (*ceteris paribus*), setiap pertambahan skor dalam pemboleh ubah tekanan politik akan menyebabkan pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 9.9% (1-0.901). Nilai p sebanyak 0.185 iaitu lebih tinggi daripada 0.05 menunjukkan kedudukan yang tidak signifikan.

Keputusan di atas tidak dapat menyokong hipotesis H₂ dari segi arah perkaitan. Di samping itu, hipotesis H₂ gagal melepasi ujian signifikan. Ini sekali gus menjadikan kajian ini tidak mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menolak hipotesis H₂. Lantas, hipotesis null tidak dapat ditolak.

Tekanan Sosial dan Keutamaan Agihan Zakat

Menurut hipotesis H₃, perkaitan di antara tekanan sosial dan keutamaan agihan zakat adalah positif. Keputusan dalam Jadual 4.31 di atas menyokong hipotesis H₃ dari segi tanda arah perkaitan. Nilai koefisien B dan Exp (B) sebanyak 0.040 dan 1.041 boleh ditafsirkan sebagai setiap unit pertambahan skor tekanan sosial berkait dengan pertambahan 0.041 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Dalam kata lain, setiap pertambahan pada pemboleh ubah tekanan sosial berkait dengan pertambahan kebarangkalian keutamaan agihan zakat 95.9% (1-0.041). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai yang tercatat adalah 0.608 ($p > 0.05$).

Berdasarkan keputusan di atas, keterangan yang ada tidak cukup untuk menyokong hipotesis H_3 . Ramalan awal penyelidik bahawa tekanan sosial berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat adalah tidak tepat. Justeru itu, hipotesis null tidak dapat ditolak pada paras $p < 0.05$.

Ideologi dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis H_4 menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Namun keputusan di atas menunjukkan sebaliknya. Nilai koefisien B didapati negatif. Jadual 4.31 mencatatkan nilai B sebanyak -0.145 berserta dengan nilai $\text{Exp}(B)$ 0.865. Setiap unit pertambahan skor dalam ideologi berkait dengan pengurangan 0.865 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat. Ini juga bermaksud setiap pertambahan ideologi berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 13.5% ($1 - 0.865$), lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Kiraan signifikan bagi koefisien ini menunjukkan ia tidak signifikan dengan nilai p sebanyak 0.303 ($p > 0.05$).

Arah perkaitan di antara pemboleh ubah ideologi dan keutamaan agihan adalah berlawanan dengan apa yang telah dijangkakan oleh penyelidik. Selain itu, perkaitannya didapati tidak signifikan ($p = 0.303$). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa keterangan yang ada belum cukup untuk menyatakan terdapatnya perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Hipotesis null tidak boleh ditolak.

Motif Agihan dan Keutamaan Agihan Zakat

Dalam Bab 3, motif agihan telah dihipotesiskan sebagai berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan analisis regresi logistik didapati tidak dapat menyokong

hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan di mana nilai B adalah -0.050 dan nilai Exp (B) pula sebanyak 0.951 (Jadual 4.31). Setiap pertambahan motif agihan berkait dengan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.951, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Ini bererti setiap peningkatan motif agihan berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 4.9% (1-0.951). Kedudukan ini adalah tidak signifikan dengan nilai Sig. = 0.083, iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini tidak dapat menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan, malah tidak mempunyai keterangan yang memadai untuk menyokong hipotesis H_5 . Justeru, kajian ini tidak dapat menolak hipotesis null pada tahap $p < 0.05$.

Kepimpinan dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis ini menjangkakan bahawa terdapat perkaitan positif di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat. Koefisien B dan Exp (B) yang ditunjukkan dalam Jadual 4.31 adalah masing-masing sebanyak -0.028 dan 0.972. Koefisien ini menerangkan bahawa setiap pertambahan skor kepimpinan boleh mengurangkan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.972 atau pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 2.8% (1-0.972). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai $p = 0.452$ iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini tidak menepati jangkaan awal penyelidik dari segi tanda arah hipotesis H_6 . Selain itu, kedudukan koefisien adalah tidak signifikan (Sig.= 0.452), sekali gus menunjukkan penemuan ini tidak mempunyai cukup keterangan untuk menyokong hipotesis H_6 . Justeru itu, hipotesis null yang menyatakan tiada perkaitan di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat tidak dapat ditolak.

Ringkasan keputusan ujian hipotesis bagi model keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf adalah seperti yang dibentangkan dalam Jadual 4.33 di bawah.

Jadual 4.33

Keputusan Ujian Hipotesis

Hipotesis	Keputusan
H ₁ : Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Gagal Ditolak
H ₂ : Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₃ : Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₄ : Ideologi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₅ : Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₆ : Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak

4.13 Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin

Kebagusan padanan model (*Goodness of Fit Model*) dengan data diukur dengan menggunakan ujian *Hosmer & Lemeshow* (Field, 2009). Sekiranya nilai *chi-square* didapati tidak signifikan, model tersebut dianggap berpadanan dengan data. Namun, sekiranya ujian menunjukkan nilai yang signifikan, model tersebut tidak berpadanan dengan data. Ujian *Hosmer & Lemeshow* dalam Jadual 4.34 menunjukkan nilai *chi-square* 12.017 dengan darjah kebebasan 8 mempunyai nilai yang tidak signifikan iaitu 0.105. Justeru kedudukan model ini mencapai kebagusan padanan dengan data.

Jadual klasifikasi dalam Jadual 4.34 menunjukkan model yang diuji dapat memberikan ramalan keutamaan agihan zakat kepada asnaf al-gharimin pada kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 84.3%. Bilangan responden yang diramal mengagihkan zakat dengan memberikan keutamaan kepada asnaf al-gharimin adalah sebanyak 15 orang, sedangkan bilangan yang sebenarnya adalah 20. Sebaliknya, bilangan yang mengutamakan asnaf lain diramalkan sebanyak 55 orang, tetapi 70 orang menepati ramalan.

Nilai R^2 *Cox & Snell* dan *Nagelkerke* dalam ringkasan model (Jadual 4.34) menunjukkan perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas berada pada tahap yang agak sederhana dengan masing-masing bernilai 0.274 dan 0.393.

Jadual 4.34
Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin

Ringkasan Model			
Langkah	<i>-2 Log Likelihood</i>	R^2 <i>Cox & Snell</i>	R^2 <i>Nagelkerke</i>
1	61.327	0.274	0.393
Ujian <i>Hosmer & Lemeshow</i>			
Langkah	<i>Chi-square</i>	dk	signifikan
1	12.017	8	0.105

Jadual Klasifikasi^a

Langkah	Ditinjau Keutamaan Agihan	Diramalkan			
		Asnaf lain	Keutamaan Agihan		Peratusan Betul
			Al-gharimin	Asnaf lain	
1		Asnaf lain	47	3	94.0
		Al-gharimin	8	12	60.0
		Peratusan Keseluruhan			84.3

^a Nilai batasan ialah= 0.500.

Jadual 4.35 mempamerkan koefisien dan statistik bagi pemboleh ubah bebas yang dimasukkan dalam model. Nilai B mewakili perubahan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat berkait dengan satu unit pertambahan dalam pemboleh ubah bebas. Nilai

koefisien B sering kali dikaitkan dengan ralat S.E. di mana makin besar koefisien, makin besar S.E.. Sekiranya S.E. melebihi 2.0 ini menunjukkan ada masalah numerik di dalam statistik. Berdasarkan keputusan dalam Jadual 5-35, nilai B dan S.E. tidak melebihi 2.0. Justeru analisis ini bebas daripada S.E.. Tanda positif dan negatif koefisien B menerangkan arah perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Jadual 4.35

Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin

	B	S.E.	Wald	dk	Sig.	Exp (B)
EKO	-0.025	0.110	0.050	1	0.823	0.976
POL	0.214	0.103	4.289	1	0.038*	1.238
SOS	0.184	0.104	3.167	1	0.075	1.202
IDE	0.112	0.153	0.540	1	0.462	1.119
MOT	-0.062	0.034	3.284	1	0.070	0.940
PIM	-0.053	0.049	1.190	1	0.275	0.948
Konstan	-3.894	3.920	0.986	1	0.321	0.020

*p<0.05

Tanda negatif koefisien bagi pemboleh ubah bebas status ekonomi, motif agihan dan kepimpinan menunjukkan arah perkaitan songsang di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan penurunan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar. Dalam kes ini keutamaan agihan zakat kepada asnaf al-gharimin. Tiga pemboleh ubah yang mempunyai tanda arah positif adalah tekanan politik, tekanan sosial dan ideologi. Tanda positif membawa maksud perkaitan secara langsung dengan pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan pertambahan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat kepada asnaf al-gharimin.

Berdasarkan keputusan analisis regresi logistik, berikut adalah persamaan bagi model keutamaan agihan zakat bagi asnaf al-gharimin:

$$\text{Log} [KA/1-KA] = \text{Logit} (KA) = - 3.894 - 0.025 \text{ EKO} + 0.214 \text{ POL} + 0.184 \text{ SOS} \\ + 0.112 \text{ IDE} - 0.062 \text{ MOT} - 0.053 \text{ PIM}$$

Jalur bertajuk Sig. menunjukkan sama ada pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai $p < 0.05$, ini bererti terdapat perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan hanya satu daripada enam pemboleh ubah bebas yang diuji didapati mempunyai perkaitan yang signifikan. Pemboleh ubah tersebut adalah tekanan politik.

4.13.1 Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin

Jadual 4.36 di bawah merekodkan ringkasan keputusan analisis regresi logistik keutamaan agihan zakat kepada asnaf al-gharimin. Tiga daripada enam pemboleh ubah mencatatkan tanda arah negatif. Pemboleh ubah yang bertanda negatif adalah status ekonomi, motif agihan dan kepimpinan. Tiga pemboleh ubah yang menepati jangkaan awal penyelidik yang mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat adalah tekanan politik, tekanan sosial dan ideologi. Walau bagaimanapun, hanya satu pemboleh ubah yang mempunyai kedudukan yang signifikan ($p < 0.05$) iaitu tekanan politik. Perbincangan selanjutnya mengenai ujian hipotesis menyusul di bawah.

Jadual 4.36

Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Al-Gharimin

Pemboleh ubah Bebas	Tanda Arah (+/-)	Kedudukan Signifikan ($p < 0.05$)
EKO	-	Tidak

POL	+	Ya (p=0.038)
SOS	+	Tidak
IDE	+	Tidak
MOT	-	Tidak
PIM	-	Tidak

Status Ekonomi dan Keutamaan Agihan Zakat

Pemboleh ubah status ekonomi merupakan pemboleh ubah bebas yang pertama yang dimasukkan ke dalam model regresi logistik keutamaan agihan zakat. Status ekonomi pada awalnya diramalkan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Namun, keputusan regresi logistik menunjukkan sebaliknya. Status ekonomi mempunyai perkaitan yang songsang dengan keutamaan agihan zakat. Ini ditunjukkan oleh tanda negatif pada nilai koefisien B sebanyak -0.025 dan Exp (B) sebanyak 0.976. (Jadual 4.35) Perkaitan songsang ini membawa maksud pertambahan dalam satu unit skor status ekonomi berkait dengan pengurangan kebarangkalian sebanyak 0.976 log nisbah keutamaan agihan zakat kepada asnaf al-gharimin. Dalam bentuk peratusannya sebanyak 2.4% (1-0.976), dengan andaian lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Nilai p yang ditunjukkan adalah tidak signifikan iaitu sebanyak 0.823 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Kedudukan koefisien yang negatif adalah bertentangan dengan jangkaan awal penyelidik. Justeru, hipotesis H_1 tidak dapat disokong dari segi tanda arah perkaitan. Nilai p yang tidak signifikan ($p > 0.05$) tidak dapat menyokong hipotesis H_1 yang menyatakan bahawa status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Sebaliknya, keterangan yang ada menyebabkan tidak dapat menolak hipotesis null pada tahap $p < 0.05$.

Tekanan Politik dan Keutamaan Agihan Zakat

Koefisien B dan Exp (B) bagi pemboleh ubah tekanan politik adalah bernilai 0.214 dan 1.238 (Jadual 4.35). Perkaitan yang positif ini merujuk kepada setiap pertambahan satu unit pada skor tekanan politik boleh dikaitkan dengan pertambahan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.238. Dengan andaian pemboleh ubah bebas yang lain adalah tetap (*ceteris paribus*), setiap pertambahan skor dalam pemboleh ubah tekanan politik akan menyebabkan peningkatan keutamaan agihan zakat sebanyak 76.2% ($1-0.238$). Nilai p sebanyak 0.038 iaitu lebih rendah daripada 0.05 menunjukkan kedudukan yang signifikan.

Keputusan di atas menyokong hipotesis H_2 dari segi arah perkaitan. Di samping itu, hipotesis H_2 juga melepasi ujian signifikan. Ini sekali gus menjadikan kajian ini mempunyai keterangan yang mencukupi untuk tidak menolak hipotesis H_2 . Lantas, hipotesis null ditolak.

Tekanan Sosial dan Keutamaan Agihan Zakat

Menurut hipotesis H_3 , perkaitan di antara tekanan sosial dan keutamaan agihan zakat adalah positif. Keputusan dalam Jadual 4.35 di atas menyokong hipotesis H_3 dari segi tanda arah perkaitan. Nilai koefisien B dan Exp (B) sebanyak 0.184 dan 1.202 boleh ditafsirkan sebagai setiap unit pertambahan skor tekanan sosial berkait dengan pertambahan 0.202 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Dalam kata lain, setiap pertambahan pada pemboleh ubah tekanan sosial berkait dengan pertambahan kebarangkalian keutamaan agihan zakat 79.8% ($1-0.202$). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai yang tercatat adalah 0.075 ($p>0.05$).

Berdasarkan keputusan di atas, keterangan yang ada tidak cukup untuk menyokong hipotesis H_3 . Ramalan awal penyelidik bahawa tekanan sosial berkait secara positif dengan keutamaan

agihan zakat adalah tidak tepat. Justeru itu, hipotesis null tidak dapat ditolak pada paras $p < 0.05$.

Ideologi dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis H_4 menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Keputusan di atas menunjukkan nilai koefisien B positif. Jadual 4.35 mencatatkan nilai B sebanyak 0.112 berserta dengan nilai Exp (B) 1.119. Setiap unit pertambahan skor dalam ideologi berkait dengan pengurangan 0.119 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat. Ini juga bermaksud setiap pertambahan ideologi berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 88.1% (1-0.119), lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Kiraan signifikan bagi koefisien ini menunjukkan ia tidak signifikan dengan nilai p sebanyak 0.462 ($p > 0.05$).

Arah perkaitan di antara pemboleh ubah ideologi dan keutamaan agihan adalah bertepatan dengan apa yang telah dijangkakan oleh penyelidik. Namun begitu, perkaitannya didapati tidak signifikan ($p=0.462$). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa keterangan yang ada belum cukup untuk menyatakan terdapatnya perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Hipotesis null tidak boleh ditolak.

Motif Agihan dan Keutamaan Agihan Zakat

Dalam Bab 3, motif agihan telah dihipotesiskan sebagai berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan analisis regresi logistik didapati tidak dapat menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan di mana nilai B adalah -0.062 dan nilai Exp (B) pula sebanyak 0.940 (Jadual 4.35). Setiap pertambahan motif agihan berkait dengan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.062, lain-lain pemboleh ubah adalah

tetap (*ceteris paribus*). Ini bererti setiap peningkatan motif agihan berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 6% (1-0.940). Kedudukan ini adalah tidak signifikan dengan nilai Sig. = 0.070, iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini tidak dapat menyokong hipotesis H₅ dari segi arah perkaitan, malah tidak mempunyai keterangan yang memadai untuk menyokong hipotesis H₅. Justeru, kajian ini tidak dapat menolak hipotesis null pada tahap $p < 0.05$.

Kepimpinan dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis H₆ menjangkakan bahawa terdapat perkaitan positif di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat. Koefisien B dan Exp (B) yang ditunjukkan dalam Jadual 4.35 adalah masing-masing sebanyak -0.053 dan 0.948. Koefisien ini menerangkan bahawa setiap pertambahan skor kepimpinan boleh mengurangkan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.948 atau pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 5.2% (1-0.948). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai Sig. = 0.275 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini tidak menepati jangkaan awal penyelidik dari segi tanda arah hipotesis H₆. Di samping itu, kedudukan koefisien adalah tidak signifikan (Sig.=0.462), sekali gus menunjukkan penemuan ini tidak mempunyai cukup keterangan untuk menyokong hipotesis H₆. Justeru itu, hipotesis null yang menyatakan tiada perkaitan di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat tidak dapat ditolak. Ringkasan keputusan ujian hipotesis bagi model keutamaan agihan zakat kepada al-gharimin adalah seperti yang dibentangkan dalam Jadual 4.37 di bawah.

Jadual 4.37

Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Al-Gharimin

Hipotesis	Keputusan
H ₁ : Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₂ : Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Gagal Ditolak
H ₃ : Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₄ : Ideologi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₅ : Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₆ : Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak

4.14 Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnuabil

Kebagusan padanan model (*Goodness of Fit Model*) dengan data diukur dengan menggunakan ujian *Hosmer & Lemeshow* (Field, 2009). Sekiranya nilai *chi-square* didapati tidak signifikan, model tersebut dianggap berpadanan dengan data. Namun, sekiranya ujian menunjukkan nilai yang signifikan, model tersebut tidak berpadanan dengan data. Ujian *Hosmer & Lemeshow* dalam Jadual 4.38 menunjukkan nilai *chi-square* 10.044 dengan darjah kebebasan 8 mempunyai nilai yang tidak signifikan iaitu 0.262. Justeru kedudukan model ini mencapai kebagusan padanan dengan data.

Jadual klasifikasi dalam Jadual 4.38 menunjukkan model yang diuji dapat memberikan ramalan keutamaan agihan zakat kepada asnaf al-gharimin pada kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 85.7%. Bilangan responden yang diramal mengagihkan zakat dengan memberikan keutamaan kepada asnaf al-gharimin adalah sebanyak 4 orang, sedangkan bilangan yang sebenarnya adalah 12 orang. Sebaliknya, bilangan yang mengutamakan asnaf lain diramalkan sebanyak 66 orang, tetapi 58 orang yang menepati ramalan.

Nilai R^2 *Cox & Snell* dan *Nagelkerke* dalam ringkasan model (Jadual 4.38) menunjukkan perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas berada pada tahap yang agak sederhana dengan masing-masing bernilai 0.155 dan 0.258.

Jadual 4.38

Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnuabil

Ringkasan Model			
<u>Langkah</u>	<u>-2 Log Likelihood</u>	<u>R^2 Cox & Snell</u>	<u>R^2 Nagelkerke</u>
1	52.361	0.155	0.258
Ujian Hosmer & Lemeshow			
<u>Langkah</u>	<u>Chi-square</u>	<u>dk</u>	<u>signifikan</u>
1	10.044	8	0.262

Jadual Klasifikasi^a

Langkah	Ditinjau	Keutamaan Agihan	Diramalkan		Peratusan Betul
			Keutamaan Agihan		
			Asnaf lain	Ibnusabil	
1	Keutamaan Agihan	Asnaf lain	57	1	98.3
		Ibnusabil	9	3	25.0
		Peratusan Keseluruhan			85.7

^a. Nilai batasan ialah= 0.500.

Jadual 4.39 mempamerkan koefisien dan statistik bagi pemboleh ubah bebas yang dimasukkan dalam model. Nilai B mewakili perubahan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat berkait dengan satu unit pertambahan dalam pemboleh ubah bebas. Nilai koefisien B sering kali dikaitkan dengan S.E. di mana makin besar koefisien, makin besar S.E.. Sekiranya S.E. melebihi 2.0 ini menunjukkan ada masalah numerik di dalam statistik.

Berdasarkan keputusan dalam Jadual 5-39, nilai B dan S.E. tidak melebihi 2.0. Justeru analisis ini bebas daripada S.E.. Tanda positif dan negatif koefisien B menerangkan arah perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Jadual 4.39

Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnu Sabil

	B	S.E.	Wald	dk	Sig.	Exp (B)
EKO	0.150	0.129	1.364	1	0.243	1.162
POL	-0.008	0.101	0.007	1	0.934	0.992
SOS	-0.056	0.121	0.218	1	0.641	0.945
IDE	0.230	0.058	1.163	1	0.281	1.259
MOT	0.109	0.213	3.579	1	0.059	1.115
PIM	0.089	0.059	2.319	1	0.128	1.093
Konstan	-15.694	5.573	7.929	1	0.005	0.000

Tanda negatif koefisien bagi pemboleh ubah bebas tekanan politik dan tekanan sosial menunjukkan arah perkaitan songsang di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan penurunan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar. Dalam kes ini keutamaan agihan zakat kepada asnaf ibnusabil. Pemboleh ubah status ekonomi, ideologi, motif agihan dan kepimpinan merupakan pemboleh ubah yang mempunyai tanda arah positif. Tanda positif membawa maksud perkaitan secara langsung dengan pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan pertambahan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat kepada asnaf ibnusabil.

Berdasarkan keputusan analisis regresi logistik, berikut adalah persamaan bagi model keutamaan agihan zakat bagi asnaf ibnusabil:

$$\text{Log} [KA/1-KA] = \text{Logit} (KA) = -15.694 + 0.150 \text{ EKO} - 0.008 \text{ POL} - 0.056 \text{ SOS} + \\ 0.230 \text{ IDE} + 0.109 \text{ MOT} + 0.089 \text{ PIM}$$

Jalur bertajuk Sig. menunjukkan sama ada pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai $p < 0.05$, ini bererti terdapat perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan tidak ada pemboleh ubah bebas yang diuji didapati mempunyai perkaitan yang signifikan.

4.14.1 Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnu Sabil

Jadual 4.40 merekodkan ringkasan keputusan analisis regresi logistik keutamaan agihan zakat kepada asnaf Ibnu Sabil. Dua daripada enam pemboleh ubah mencatatkan tanda arah negatif. Pemboleh ubah yang bertanda negatif adalah tekanan politik dan tekanan sosial. Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang mempunyai tanda positif adalah status ekonomi, ideologi, motif agihan dan kepimpinan. Walau bagaimanapun, tiada pemboleh ubah yang mempunyai kedudukan yang signifikan ($p < 0.05$). Perbincangan selanjutnya mengenai ujian hipotesis menyusul di bawah.

Jadual 4.40

Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Ibnu Sabil

Pemboleh ubah Bebas	Tanda Arah (+/-)	Kedudukan Signifikan ($p < 0.05$)
EKO	+	Tidak
POL	-	Tidak
SOS	-	Tidak
IDE	+	Tidak
MOT	+	Tidak
PIM	+	Tidak

Status Ekonomi dan Keutamaan Agihan Zakat

Pemboleh ubah status ekonomi merupakan pemboleh ubah bebas yang pertama yang dimasukkan ke dalam model regresi logistik keutamaan agihan zakat. Status ekonomi pada awalnya diramalkan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan regresi logistik menyokong ramalan asal dari segi perkaitan dengan menunjukkan status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Ini ditunjukkan oleh nilai koefisien B sebanyak 0.150 dan Exp (B) sebanyak 1.162 (Jadual 4.39). Perkaitan positif ini membawa maksud pertambahan dalam satu unit skor status ekonomi berkait dengan pertambahan kebarangkalian sebanyak 0.162 log nisbah keutamaan agihan zakat kepada asnaf ibnusabil. Dalam bentuk peratusannya sebanyak 83.8% (1-0.162), dengan andaian lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Nilai p yang ditunjukkan adalah tidak signifikan iaitu sebanyak 0.243 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Kedudukan koefisien yang positif adalah bertepatan dengan jangkaan awal penyelidikan. Justeru, hipotesis H_1 dapat disokong dari segi tanda arah perkaitan. Walau bagaimanapun, nilai p yang tidak signifikan ($p > 0.05$) tidak dapat menolak hipotesis null yang menyatakan bahawa tiada perkaitan di antara status ekonomi dan keutamaan agihan zakat.

Tekanan Politik dan Keutamaan Agihan Zakat

Koefisien B dan Exp (B) bagi pemboleh ubah tekanan politik adalah bernilai -0.008 dan 0.992 (Jadual 4.39). Perkaitan yang negatif ini merujuk kepada setiap pertambahan satu unit pada skor tekanan politik boleh dikaitkan dengan pengurangan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.992. Dengan andaian pemboleh ubah bebas yang lain adalah tetap (*ceteris paribus*), setiap pertambahan skor dalam pemboleh ubah tekanan politik akan menyebabkan pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 0.8% (1-0.992). Nilai p sebanyak 0.934 iaitu lebih tinggi daripada 0.05 menunjukkan kedudukan yang tidak signifikan.

Keputusan di atas tidak dapat menyokong hipotesis H₂ dari segi arah perkaitan. Di samping itu, hipotesis H₂ gagal melepasi ujian signifikan. Ini sekali gus menjadikan kajian ini mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menolak hipotesis H₂. Lantas, hipotesis null tidak dapat ditolak.

Tekanan Sosial dan Keutamaan Agihan Zakat

Menurut hipotesis H₃, perkaitan di antara tekanan sosial dan keutamaan agihan zakat adalah positif. Keputusan dalam Jadual 5-39 di atas tidak dapat menyokong hipotesis H₃ dari segi tanda arah perkaitan. Nilai koefisien B dan Exp (B) sebanyak -0.056 dan 0.945 boleh ditafsirkan sebagai setiap unit pertambahan skor tekanan sosial berkait dengan pengurangan 0.945 nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Dalam kata lain, setiap pertambahan pada pemboleh ubah tekanan sosial berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat 5.5% (1-0.945). Kedudukan koefisien ini adalah signifikan di mana nilai yang tercatat adalah 0.641 ($p > 0.05$).

Berdasarkan keputusan di atas, keterangan yang ada tidak memadai untuk menyokong hipotesis H₃. Ramalan awal penyelidik bahawa tekanan sosial berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat adalah tidak tepat. Justeru itu, hipotesis null tidak dapat ditolak pada paras $p < 0.05$.

Ideologi dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis H₄ menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Keputusan di atas menunjukkan nilai koefisien B sebanyak 0.230 berserta dengan nilai Exp (B) 1.259 (Jadual 4.39). Setiap unit pertambahan skor dalam

ideologi berkait dengan pertambahan 0.259 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat. Ini juga bermaksud setiap pertambahan ideologi berkait dengan pertambahan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 74.1% ($1-0.259$), lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Kiraan signifikan bagi koefisien ini menunjukkan ia tidak signifikan dengan nilai p sebanyak 0.281 ($p>0.05$).

Walaupun arah perkaitan di antara pemboleh ubah ideologi dan keutamaan agihan zakat adalah positif, namun perkaitannya didapati tidak signifikan ($p=0.281$). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa keterangan yang ada belum cukup untuk menyatakan terdapatnya perkaitan di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Hipotesis null tidak boleh ditolak.

Motif Agihan dan Keutamaan Agihan Zakat

Dalam Bab 3, motif agihan telah dihipotesiskan sebagai berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan analisis regresi logistik mencatatkan nilai B adalah 0.109 dan nilai Exp (B) pula sebanyak 1.115 (Jadual 4.39). Setiap pertambahan motif agihan berkait dengan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.115, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Ini bererti setiap peningkatan motif agihan berkait dengan pertambahan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 88.5% ($1-0.115$). Kedudukan ini adalah tidak signifikan dengan nilai Sig. = 0.059, iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Walaupun keputusan ini menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan, tetapi tidak mempunyai keterangan yang memadai untuk menyokong hipotesis H_5 . Justeru, kajian ini tidak dapat menolak hipotesis null pada tahap $p<0.05$.

Kepimpinan dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis ini menjangkakan bahawa terdapat perkaitan positif di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat. Koefisien B dan Exp (B) yang ditunjukkan dalam Jadual 4.39 adalah masing-masing sebanyak 0.089 dan 1.093. Koefisien ini menerangkan bahawa setiap pertambahan skor kepimpinan boleh menambahkan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.093 atau pertambahan keutamaan agihan zakat sebanyak 90.7% (1-0.093). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai Sig. = 0.128 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini walaupun didapati menepati jangkaan awal penyelidik dari segi tanda arah hipotesis H₅. Namun, kedudukan koefisien adalah tidak signifikan (Sig.= 0.128), sekali gus menunjukkan penemuan ini tidak mempunyai cukup keterangan untuk menyokong hipotesis H₆. Justeru itu, hipotesis null yang menyatakan tiada perkaitan di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat tidak dapat ditolak. Ringkasan keputusan ujian hipotesis bagi model keutamaan agihan zakat kepada asnaf ibnusabil adalah seperti yang dibentangkan dalam Jadual 4.41 di bawah.

Jadual 4.41

Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Ibnuabil

Hipotesis	Keputusan
H ₁ : Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₂ : Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₃ : Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₄ : Ideologi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₅ : Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₆ : Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif	Ditolak

dengan keutamaan agihan zakat.

4.15 Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah

Kebagusan padanan model (*Goodness of Fit Model*) dengan data diukur dengan menggunakan ujian *Hosmer & Lemeshow* (Field, 2009). Sekiranya nilai *chi-square* didapati tidak signifikan, model tersebut dianggap berpadanan dengan data. Namun, sekiranya ujian menunjukkan nilai yang signifikan, model tersebut tidak berpadanan dengan data. Ujian *Hosmer & Lemeshow* dalam Jadual 4.42 menunjukkan nilai *chi-square* 9.908 dengan darjah kebebasan 8 mempunyai nilai yang tidak signifikan iaitu 0.272. Justeru kedudukan model ini mencapai kebagusan padanan dengan data.

Jadual klasifikasi dalam Jadual 4.42 menunjukkan model yang diuji dapat memberikan ramalan keutamaan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah pada kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 64.3%. Bilangan responden yang diramal mengagihkan zakat dengan memberikan keutamaan kepada asnaf fisabilillah adalah sebanyak 49 orang, sedangkan bilangan yang sebenarnya adalah 42 orang. Sebaliknya, bilangan mereka yang mengutamakan asnaf lain diramalkan sebanyak 21 orang, tetapi 28 orang yang menepati ramalan.

Nilai R^2 *Cox & Snell* dan *Nagelkerke* dalam ringkasan model (Jadual 4.42) menunjukkan perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas berada pada tahap yang agak sederhana dengan masing-masing bernilai 0.147 dan 0.198.

Jadual 4.42

Kedudukan Model Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah

Ringkasan Model			
Langkah	<u>-2 Log Likelihood</u>	R^2 <i>Cox & Snell</i>	R^2 <i>Nagelkerke</i>
1	83.122	0.147	0.198

Ujian Hosmer & Lemeshow			
Langkah	Chi-square	dk	signifikan
1	9.908	8	0.272

Jadual Klasifikasi^a

Langkah	Ditinjau	Diramalkan			Peratusan Betul
		Keutamaan Agihan	Keutamaan Agihan		
			Asnaf lain	Fisabilillah	
1	Keutamaan Agihan	Asnaf lain	12	16	42.9
		Fisabilillah	9	33	78.6
		Peratusan Keseluruhan			64.3

^a. Nilai batasan ialah= 0.500.

Jadual 4.43 mempamerkan koefisien dan statistik bagi pemboleh ubah bebas yang dimasukkan dalam model. Nilai B mewakili perubahan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat berkait dengan satu unit pertambahan dalam pemboleh ubah bebas. Nilai koefisien B sering kali dikaitkan dengan S.E. di mana makin besar koefisien, makin besar S.E.. Sekiranya S.E. melebihi 2.0 ini menunjukkan ada masalah numerik di dalam statistik. Berdasarkan keputusan dalam Jadual 5-43, nilai B dan S.E. tidak melebihi 2.0. Justeru analisis ini bebas daripada S.E.. Tanda positif dan negatif koefisien B menerangkan arah perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Jadual 4.43

Analisis Regresi Logistik Bagi Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah

	B	S.E.	Wald	dk	Sig.	Exp (B)
EKO	0.173	0.098	3.158	1	0.076	1.189
POL	-0.102	0.078	1.717	1	0.190	0.903
SOS	-0.095	0.084	1.283	1	0.257	0.909
IDE	-0.108	0.138	0.612	1	0.434	0.898
MOT	-0.036	0.030	1.445	1	0.229	0.965
PIM	-0.011	0.039	0.083	1	0.773	0.989
Konstan	2.358	3.083	0.585	1	0.444	10.569

Tanda negatif koefisien bagi pemboleh ubah bebas tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan menunjukkan arah perkaitan songsang di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan penurunan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar. Dalam kes ini keutamaan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah. Pemboleh ubah status ekonomi adalah satu-satunya pemboleh ubah yang mempunyai tanda arah positif. Tanda positif membawa maksud perkaitan secara langsung dengan pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat. Pertambahan dalam pemboleh ubah bebas akan menyebabkan pertambahan kebarangkalian untuk merekodkan 1 dalam pemboleh ubah bersandar, keutamaan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah.

Berdasarkan keputusan analisis regresi logistik, berikut adalah persamaan bagi model keutamaan agihan zakat bagi asnaf fisabilillah:

$$\text{Log} [KA/1-KA] = \text{Logit} (KA) = 2.358 + 0.173 \text{ EKO} - 0.102 \text{ POL} - 0.095 \text{ SOS} \\ - 0.108 \text{ IDE} - 0.036 \text{ MOT} - 0.011 \text{ PIM}$$

Jalur bertajuk Sig. menunjukkan sama ada pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar. Sekiranya nilai $p < 0.05$, ini bererti terdapat perkaitan yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan keenam-enam pemboleh ubah bebas yang diuji didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan.

4.15.1 Ujian Hipotesis Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah

Jadual 4.44 merekodkan ringkasan keputusan analisis regresi logistik keutamaan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah. Lima daripada enam pemboleh ubah mencatatkan tanda arah negatif. Pemboleh ubah yang bertanda negatif adalah tekanan politik, tekanan sosial,

ideologi, motif agihan dan kepimpinan. Pemboleh ubah tunggal yang menepati jangkaan awal penyelidik yang mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat adalah status ekonomi. Walau bagaimanapun, tiada pemboleh ubah yang mempunyai kedudukan yang signifikan ($p < 0.05$). Perbincangan selanjutnya mengenai ujian hipotesis menyusul di bawah.

Jadual 4.44

Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah

Pemboleh ubah Bebas	Tanda Arah (+/-)	Kedudukan Signifikan ($p < 0.05$)
EKO	+	Tidak
POL	-	Tidak
SOS	-	Tidak
IDE	-	Tidak
MOT	-	Tidak
PIM	-	Tidak

Status Ekonomi dan Keutamaan Agihan Zakat

Pemboleh ubah status ekonomi merupakan pemboleh ubah bebas yang pertama yang dimasukkan ke dalam model regresi logistik keutamaan agihan zakat. Status ekonomi didapati mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Ini ditunjukkan oleh tanda positif pada nilai koefisien B sebanyak 0.173 dan Exp (B) sebanyak 1.189 (Jadual 4.43). Perkaitan positif ini membawa maksud pertambahan dalam satu unit skor status ekonomi berkait dengan pertambahan kebarangkalian sebanyak 0.189 log nisbah keutamaan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah. Dalam bentuk peratusannya sebanyak 81.1% ($1 - 0.189$), dengan andaian lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Nilai p yang ditunjukkan adalah signifikan iaitu sebanyak 0.076 iaitu lebih tinggi daripada 0.05

Kedudukan koefisien yang positif adalah selari dengan jangkaan awal penyelidik. Justeru, hipotesis H_1 dapat disokong dari segi tanda arah perkaitan. Walau bagaimanapun, nilai p yang tidak signifikan ($p > 0.05$) tidak dapat menolak hipotesis null yang menyatakan bahawa tiada perkaitan di antara status ekonomi dan keutamaan agihan zakat.

Tekanan Politik dan Keutamaan Agihan Zakat

Koefisien B dan $\text{Exp}(B)$ bagi pemboleh ubah tekanan politik adalah bernilai -0.102 dan 0.903 (Jadual 4.43). Perkaitan yang negatif ini merujuk kepada setiap pertambahan satu unit pada skor tekanan politik boleh dikaitkan dengan pengurangan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.903 . Dengan andaian pemboleh ubah bebas yang lain adalah tetap (*ceteris paribus*), setiap pertambahan skor dalam pemboleh ubah tekanan politik akan menyebabkan pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 9.7% ($1 - 0.903$). Nilai p sebanyak 0.190 iaitu lebih tinggi daripada 0.05 menunjukkan kedudukan yang tidak signifikan.

Keputusan di atas tidak dapat menyokong hipotesis H_2 dari segi arah perkaitan. Di samping itu, hipotesis H_2 gagal melepasi ujian signifikan. Ini sekaligus menjadikan kajian ini mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menolak hipotesis H_2 . Lantas, hipotesis null tidak dapat ditolak.

Tekanan Sosial dan Keutamaan Agihan Zakat

Menurut hipotesis H_3 , perkaitan di antara tekanan sosial dan keutamaan agihan zakat adalah positif. Keputusan dalam Jadual 4.43 di atas tidak dapat menyokong hipotesis H_3 dari segi tanda arah perkaitan. Nilai koefisien B dan $\text{Exp}(B)$ sebanyak -0.095 dan 0.909 boleh ditafsirkan sebagai setiap unit pertambahan skor tekanan sosial berkait dengan pengurangan

0.909 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Dalam kata lain, setiap pertambahan pada pemboleh ubah tekanan sosial berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat 9.1% (1-0.909). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai yang tercatat adalah 0.257 ($p > 0.05$).

Berdasarkan keputusan di atas, keterangan yang ada tidak memadai untuk menyokong hipotesis H₃. Ramalan awal penyelidik bahawa tekanan sosial berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat adalah tidak tepat. Justeru itu, hipotesis null tidak dapat ditolak pada paras $p < 0.05$.

Ideologi dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis H₄ menyatakan bahawa terdapat perkaitan yang positif di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Namun keputusan di atas menunjukkan sebaliknya. Nilai koefisien B didapati negatif. Jadual 4.43 mencatatkan nilai B sebanyak -0.108 berserta dengan nilai $\text{Exp}(B)$ 0.898. Setiap unit pertambahan skor dalam ideologi berkait dengan pengurangan 0.898 log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat. Ini juga bermaksud setiap pertambahan ideologi berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 10.2% (1-0.898), lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Kiraan signifikan bagi koefisien ini menunjukkan ia tidak signifikan dengan nilai p sebanyak 0.434 ($p > 0.05$).

Arah perkaitan di antara pemboleh ubah ideologi dan keutamaan agihan adalah berlawanan dengan apa yang telah dijangkakan oleh penyelidik. Keputusan ini, selain bertentangan dengan jangkaan awal penyelidik di mana hipotesis H₄ adalah positif, perkaitannya juga didapati tidak signifikan ($p = 0.434$). Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa

keterangan yang ada belum cukup untuk menyatakan terdapatnya perkaitan di antara ideologi dan keutamaan agihan zakat. Hipotesis null tidak boleh ditolak.

Motif Agihan dan Keutamaan Agihan Zakat

Dalam Bab 3, motif agihan telah dihipotesiskan sebagai berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat. Keputusan analisis regresi logistik didapati tidak dapat menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan di mana nilai B adalah -0.036 dan nilai Exp (B) pula sebanyak 0.965 (Jadual 4.43). Setiap pertambahan motif agihan berkait dengan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.965, lain-lain pemboleh ubah adalah tetap (*ceteris paribus*). Ini bererti setiap peningkatan motif agihan berkait dengan pengurangan kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 3.5% (1-0.965). Kedudukan ini adalah tidak signifikan dengan nilai Sig. = 0.229, iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini tidak dapat menyokong hipotesis H_5 dari segi arah perkaitan, malah tidak mempunyai keterangan yang memadai untuk menyokong hipotesis H_5 . Justeru, kajian ini tidak dapat menolak hipotesis null pada tahap $p < 0.05$.

Kepimpinan dan Keutamaan Agihan Zakat

Hipotesis ini menjangkakan bahawa terdapat perkaitan positif di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat. Koefisien B dan Exp (B) yang ditunjukkan dalam Jadual 4.43 adalah masing-masing sebanyak -0.011 dan 0.989. Koefisien ini menerangkan bahawa setiap pertambahan skor kepimpinan boleh mengurangkan log nisbah kebarangkalian keutamaan agihan zakat sebanyak 0.989 atau pengurangan keutamaan agihan zakat sebanyak 1.1% (1-

0.989). Kedudukan koefisien ini adalah tidak signifikan di mana nilai Sig. = 0.773 iaitu lebih tinggi daripada 0.05.

Keputusan ini bukan sahaja tidak menepati jangkaan awal penyelidik dari segi tanda arah hipotesis H₆, malah kedudukan koefisien adalah tidak signifikan (Sig.= 0.773). Sekaligus menunjukkan penemuan ini mempunyai cukup keterangan untuk tidak menyokong hipotesis H₆. Justeru itu, hipotesis null yang menyatakan tiada perkaitan di antara kepimpinan dan keutamaan agihan zakat tidak dapat ditolak. Ringkasan keputusan ujian hipotesis bagi model keutamaan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah adalah seperti yang dibentangkan dalam Jadual 4.45 di bawah.

Jadual 4.45
Keputusan Ujian Hipotesis Bagi Asnaf Fisabilillah

Hipotesis	Keputusan
H ₁ : Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₂ : Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₃ : Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₄ : Ideologi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₅ : Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak
H ₆ : Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.	Ditolak

4.16 Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat

Sebagai rumusan, terdapat dua pemboleh ubah bebas yang mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf, iaitu status ekonomi dan tekanan politik. Status ekonomi menunjukkan perkaitan yang positif di dalam model keutamaan agihan zakat bagi asnaf mualaf. Tekanan politik menyaksikan perkaitan yang positif di dalam

model keutamaan agihan zakat bagi asnaf al-gharimin. Sebaliknya, pemboleh ubah bebas ini mempunyai perkaitan yang negatif di dalam model keutamaan agihan zakat bagi asnaf amil. Jadual 4.46 merupakan ringkasan keputusan analisis regresi logistik keutamaan agihan zakat. Perbincangan dan kesimpulan berdasarkan keputusan kajian akan dibincangkan dalam bab selanjutnya iaitu Bab 5.

Jadual 4.46

Ringkasan Keputusan Analisis Regresi Logistik Keutamaan Agihan Zakat

IV	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Al-gharimin	Ibnusabil	Fisabilillah
EKO	TS	TS	TS	S/+VE	TS	TS	TS
POL	TS	TS	S/-VE	TS	S/+VE	TS	TS
SOS	TS	TS	TS	TS	TS	TS	TS
MOT	TS	TS	TS	TS	TS	TS	TS
IDE	TS	TS	TS	TS	TS	TS	TS
PIM	TS	TS	TS	TS	TS	TS	TS

S= Signifikan, TS= Tidak Signifikan, +VE= Positif, -VE= Negatif



BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Analisis data dan penemuan kajian serta ujian hipotesis telah dilaporkan dalam Bab 4 sebelum ini. Seterusnya, bab ini akan membentangkan perbincangan secara terperinci tentang penemuan kajian ini. Bab ini akan dimulakan dengan mengimbas kembali latar belakang kajian di bawah tajuk ringkasan latar belakang kajian. Ia akan memberikan gambaran ringkas latar belakang kajian ini. Kemudian, perbincangan dan rumusan tentang hasil kajian akan dibentangkan. Perbincangan akan berkisar tentang setiap pemboleh ubah yang diuji serta teori yang berkaitan. Justeru itu, secara tidak langsung akan menjawab persoalan kajian ini. Rumusan terhadap setiap hipotesis akan dibuat dan model keutamaan agihan zakat kepada asnaf dibentangkan. Ini disusuli dengan perbincangan berkaitan dengan implikasi teori dan implikasi pengurusan yang bersesuaian dengan dapatan kajian ini. Selain itu, limitasi kajian dan cadangan kajian masa hadapan turut dibincangkan.

5.2 Ringkasan Latar Belakang Kajian

Seksyen ini akan memberikan gambaran keseluruhan tentang latar belakang kajian ini. Bagi memulakan perbincangan, pernyataan masalah akan dibentangkan, disusuli dengan objektif dan hipotesis kajian. Seterusnya, ia akan menerangkan perihal data dan analisis kajian berserta dengan penemuan kajian.

5.2.1 Pernyataan Masalah

Agihan zakat kepada lapan asnaf didapati tidak seragam. Ada institusi zakat yang lebih mengutamakan golongan asnaf lain selain daripada asnaf fakir dan miskin. Walaupun

golongan asnaf fakir dan miskin yang sepatutnya diberikan lebih keutamaan berbanding dengan asnaf lain, tetapi keadaan ini tidak berlaku. Berdasarkan Statistik Pengurusan Agihan Zakat Mengikut Negeri yang dikeluarkan oleh pihak Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia, JAWHAR, golongan asnaf yang selalu mendapat peratus agihan zakat tertinggi di kalangan institusi-institusi zakat negeri adalah asnaf fisabilillah. Sering kali agihan zakat kepada golongan asnaf fisabilillah melebihi agihan zakat yang diberikan kepada golongan asnaf fakir dan miskin (Lampiran B). Malah, agihan zakat di kalangan asnaf juga didapati tidak seragam. Ada asnaf yang mendapat peruntukan agihan yang tinggi dan ada pula mendapat agihan yang agak sedikit. Perbezaan ini bukan sahaja terjadi di kalangan asnaf di setiap institusi zakat, malah ia turut berlaku di antara tahun. Sehingga kini, pada pengetahuan penyelidik belum ada lagi kajian dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang terlibat dengan peruntukan agihan zakat dan seterusnya menentukan perkaitan di antara faktor-faktor tersebut dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf.

5.2.2 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif utama untuk dicapai. Pertama adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang terlibat dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Objektif yang kedua adalah untuk menentukan perkaitan di antara faktor-faktor tersebut dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Faktor-faktor tersebut adalah status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan.

5.2.3 Hipotesis Kajian

Terdapat enam hipotesis kajian yang diuji. Semua faktor yang disebutkan di atas dihipotesiskan sebagai mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat. Hipotesis-hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

H₁: Status ekonomi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

H₂: Tekanan politik mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

H₃: Tekanan sosial mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

H₄: Ideologi mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

H₅: Motif agihan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat.

H₆: Kepimpinan mempunyai perkaitan yang positif dengan keutamaan agihan zakat

5.2.4 Data dan Analisis Kajian

Kajian ini menggunakan data primer bagi tujuan pengumpulan data. Pengukuran setiap pemboleh ubah dibuat melalui soal selidik berstruktur yang dibangunkan oleh penyelidik. Soal selidik ini dibangunkan berdasarkan sorotan literatur yang dibuat dan kajian rintis telah dijalankan yang melibatkan beberapa orang ahli akademik dan ahli jawatankuasa agihan zakat. Ini bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen kajian sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Sampel kajian ini merangkumi seluruh populasi kajian. Unit analisis yang terlibat dalam kajian ini merangkumi semua ahli jawatankuasa yang terlibat dengan peruntukan agihan zakat di seluruh Malaysia. Setiap institusi zakat telah dilawati oleh penyelidik setelah temu janji dibuat dengan wakil institusi zakat di setiap negeri. Soal selidik diedarkan melalui wakil institusi zakat tersebut.

Sebanyak 137 soal selidik telah diedarkan dan peratus respons kajian ini adalah agak tinggi iaitu sebanyak 62 peratus. Analisis data telah dijalankan dalam beberapa fasa. Fasa pertama iaitu analisis kesahihan telah dilaksanakan melalui analisis faktor prinsipal (*principal component analysis*) dilaksanakan ke atas semua pemboleh ubah bebas. Ini bertujuan bagi menguji kesahihan data. Seterusnya, ujian kebolehpercayaan iaitu *Cronbach Alpha* dijalankan ke atas semua pemboleh ubah bebas. Setelah itu, fasa kedua yang melibatkan

analisis regresi logistik dijalankan. Semua pemboleh ubah bebas dimasukkan secara serentak di dalam model yang dinamakan sebagai model keutamaan agihan zakat bagi setiap kategori asnaf. Pemboleh ubah bersandar bagi model ini adalah keutamaan agihan zakat bagi asnaf yang diuji. Pemboleh ubah ini diukur secara dikotomis di mana kod 1 diberikan sekiranya peratus agihan zakat kepada asnaf tertentu melebihi purata peratus agihan keseluruhan bagi asnaf tersebut. Sebaliknya, kod 0 diberikan sekiranya peratus agihan zakat kepada asnaf tertentu kurang daripada purata peratus agihan keseluruhan bagi asnaf tersebut.

5.2.5 Penemuan Kajian

Seksyen ini akan memberikan ringkasan tentang penemuan kajian di mana ia akan merangkumi profil sampel dan responden, analisis kesahihan dan kebolehpercayaan, analisis deskriptif, andaian dan analisis regresi logistik.

5.2.5.1 Profil Sampel dan Responden

70 responden kajian terdiri daripada responden dari semua institusi zakat setiap negeri kecuali negeri Kedah dan Perlis. Responden yang termuda berusia 23 tahun, manakala yang paling tua adalah 53 tahun. Purata usia responden adalah 36 tahun. Bagi tempoh jawatan pula, tempoh jawatan yang paling singkat adalah 1 tahun dan tempoh yang paling lama pula adalah 29 tahun. Majoriti daripada responden mempunyai pendidikan yang berlatar belakangkan pengajian Islam iaitu sebanyak 50.6 peratus. Kebanyakan mereka adalah golongan lepasan universiti. Lebih separuh (71.8%) daripada responden terdiri daripada mereka yang memiliki ijazah sarjana muda. Dari segi pengalaman kerjaya pula, 73 peratus daripada mereka mempunyai pengalaman kerjaya yang tidak bersangkutan dengan keagamaan Islam.

5.2.5.2 Analisis Kesahihan dan Kebolehpercayaan

Kesemua pemboleh ubah telah melalui analisis faktor dan melepasi ujian kebagusan data dan ujian kesferaan Bartlet (*Bartlet test of Sphericity*) dengan nilai Sig. 0.000. Nilai KMO bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah adalah berjulat di antara 0.699 hingga 0.825. Nilai KMO ini dikira sebagai memuaskan memandangkan kajian ini menggunakan pemboleh ubah yang dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan sorotan literatur. Tambahan pula, kajian ini merupakan kajian berbentuk penerokaan. Nilai *Cronbach Alpha* yang didapati dalam analisis kebolehpercayaan bagi semua pemboleh ubah pula melebihi 0.70 kecuali bagi pemboleh ubah ekonomi ($\alpha = 0.584$).

5.2.5.3 Analisis Deskriptif

Setelah analisis kesahihan dan kebolehpercayaan dilakukan, item-item dalam setiap pemboleh ubah telah berkurangan. Ini kerana terdapat item yang digugurkan semasa analisis kesahihan dilaksanakan. Item-item yang tidak mencapai nilai 0.50 ke atas dalam matriks korelasi anti-imbasan (*anti-image correlation matrix*) dan komunaliti (*communalities*) telah digugurkan. Dalam analisis kebolehpercayaan pula, item-item yang mempunyai korelasi yang rendah digugurkan. Setelah itu, analisis deskriptif dijalankan ke atas item-item yang kekal di dalam setiap pemboleh ubah selepas pelarasan dibuat.

Status Ekonomi. Lima item dalam pemboleh ubah status ekonomi mendapat respons yang positif daripada responden. Item “utamakan fakir miskin bila kadar kemiskinan meningkat” memperoleh skor purata yang tertinggi iaitu 4.54. Skor purata terendah pula dicatatkan oleh item “kadar pengangguran diambil kira”.

Tekanan Politik. Kelima-lima item dalam pemboleh ubah tekanan politik mendapat respons yang negatif daripada responden. Skor purata item-item dalam pemboleh ubah tekanan politik berjulat di antara 1.97 hingga 2.49. Item “mengikut kemahuan kerajaan negeri” merupakan item yang paling tidak dipersetujui oleh responden dengan skor purata terendah 1.97.

Tekanan Sosial. Terdapat lima item di dalam pemboleh ubah tekanan sosial, dua item adalah bersangkutan dengan JAWHAR mendapat respons yang negatif. Item “ambil berat JAWHAR” merekodkan skor purata 2.83. Skor purata yang tertinggi pula adalah milik item “pengkaji zakat beri cadangan”.

Ideologi. Kesemua empat item dalam pemboleh ubah ideologi mendapat respons yang positif daripada responden. Skor purata tertinggi sebanyak 4.46 diperolehi oleh item “kurang masalah jika ikut cara Islam” manakala skor purata terendah ditunjukkan oleh item “perubahan institusi zakat”.

Motif Agihan. Pemboleh ubah motif agihan diwakili oleh empat item. Kesemua item memperoleh skor purata 7.0 ke atas. Item “keperluan asnaf dipenuhi” berada di tempat pertama dengan skor purata 7.61 dan tempat tercorot kepunyaan item “berdakwah, tingkat akidah” dengan skor purata 7.04.

Kepimpinan. Pemboleh ubah kepimpinan diukur dengan menyatakan kekerapan sejauh mana pernyataan-pernyataan yang diberikan sesuai dengan responden. Terdapat 12 item di dalam pemboleh ubah kepimpinan dan semua item tersebut mendapat respons yang positif. Julat skor purata item-item dalam pemboleh ubah adalah di antara 3.00 hingga 3.94. Skor

purata yang tertinggi (3.94) dicapai oleh item “beritahu apa boleh dilakukan”, manakala item “orang lain bangga dikaitkan dengan saya” memperoleh skor purata terendah (3.00).

5.2.5.4 Andaian Regresi Logistik

Bagi memeriksa sama ada terdapat hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas analisis korelasi *Spearman-Rho* diteliti terlebih dahulu. Analisis ini membantu penyelidik memastikan sekiranya wujud korelasi yang tinggi di kalangan pemboleh ubah bebas. Korelasi yang tinggi menyebabkan *multicollinearity* yang serius dan akan menjejaskan kedudukan koefisien pemboleh ubah yang terlibat. Korelasi *Spearman-Rho* yang dijalankan ke atas semua pemboleh ubah mendapati semua pemboleh ubah bebas daripada masalah *multicollinearity*. Sekali gus menyokong ketidakwujudan masalah *multicollinearity* di antara pemboleh ubah bebas.

5.2.5.5 Analisis Regresi Logistik

Kesemua pemboleh ubah bebas kemudiannya diuji dalam regresi logistik. Model yang dinamakan keutamaan agihan zakat kepada asnaf adalah berdasarkan kepada teori keadilan agihan. Teori ini mengatakan bahawa agihan dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor dalaman dan juga luaran. Ujian *Hosmer & Lemeshow* menunjukkan model ini telah mencapai kebagusan padanan data (*Goodness of Fit Model*). Model ini dijangka dapat meramalkan keutamaan agihan zakat kepada asnaf-asnaf pada kadar ketetapan di antara 61.4% dan 85.7%.

Analisis regresi menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas status ekonomi berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf dan signifikan di mana nilai $p < 0.05$. Status ekonomi didapati tidak signifikan dengan keutamaan agihan zakat bagi asnaf fakir, miskin, amil, al-gharimin, ibnusabil dan fisabilillah. Koefisien yang menunjukkan arah

positif adalah bagi asnaf fakir, miskin, amil, ibnusabil dan fisabilillah. Asnaf al-gharimin pula memberikan koefisien yang negatif. Namun, perkaitannya didapati tidak signifikan.

Satu lagi pemboleh ubah yang mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat adalah pemboleh ubah tekanan politik. Walau bagaimanapun, tekanan politik didapati mempunyai perkaitan yang signifikan pada tahap nilai $p < 0.05$ dengan keutamaan agihan zakat bagi asnaf amil dan al-gharimin sahaja. Bagi asnaf al-gharimin, koefisiennya adalah bertanda positif. Namun, bagi asnaf amil, koefisiennya menunjukkan perkaitan yang negatif. Tekanan politik didapati tidak berkait secara signifikan dengan keutamaan agihan zakat bagi asnaf fakir, miskin, mualaf, ibnusabil dan fisabilillah. Koefisien bagi tekanan politik bagi asnaf-asnaf tersebut menunjukkan perkaitan yang negatif.

Empat pemboleh ubah bebas yang didapati menunjukkan perkaitan yang tidak signifikan dengan keutamaan agihan zakat adalah tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan. Perkaitan yang tidak signifikan ini ditunjukkan dalam semua model asnaf yang diuji iaitu asnaf fakir, miskin, amil, mualaf, al-gharimin, ibnusabil dan fisabilillah. Arah perkaitannya pula adalah bercampur di kalangan asnaf. Ada yang positif dan ada yang menunjukkan arah yang bertentangan.

5.3 Perbincangan

Pada peringkat permulaan kajian dijalankan, penyelidikan perpustakaan (*library research*) telah dilaksanakan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang dijangka mempunyai perkaitan dengan peruntukan agihan secara amnya. Bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menjurus kepada keutamaan agihan zakat kepada asnaf secara khususnya, beberapa siri temu bual tidak formal telah dijalankan dengan beberapa orang panel yang merangkumi ahli akademik

yang pakar dalam bidang zakat dan pegawai institusi zakat yang terlibat secara khusus dalam peruntukan agihan zakat. Selepas melalui teknik analisis faktor, enam faktor telah pun dikenal pasti yang mempunyai perkaitan dengan keutamaan agihan zakat iaitu status ekonomi, tekanan politik, tekanan sosial, motif agihan, ideologi agihan dan kepimpinan. Ini sekali gus menunjukkan bahawa objektif kajian pertama telah tercapai.

Bagi mencapai objektif kajian kedua iaitu menentukan bagaimana faktor-faktor yang berkenaan mempengaruhi keutamaan agihan zakat, analisis regresi logistik dilaksanakan. Terdapat enam faktor yang diuji dalam analisis regresi logistik. Model regresi logistik keutamaan agihan zakat diasaskan daripada teori keadilan agihan. Teori ini telah diuji dalam kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bantuan kemanusiaan, bantuan kewangan, program kebajikan, bencana alam dan sebagainya. Faktor dalaman dan faktor luaran dipercayai mempengaruhi peruntukan agihan seseorang individu. Dalam kajian ini, tiga faktor luaran yang diuji adalah status ekonomi, tekanan politik dan tekanan sosial. Ideologi, motif agihan dan kepimpinan pula merupakan faktor dalaman. Walau bagaimanapun, hanya faktor luaran yang mempunyai perkaitan yang signifikan kepada keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Faktor-faktor tersebut adalah status ekonomi dan tekanan politik. Faktor dalaman pula didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Seksyen seterusnya akan membincangkan secara terperinci dan merumuskan keputusan setiap faktor yang diuji dalam analisis regresi logistik.

5.3.1 Status Ekonomi

Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan status ekonomi tidak mempunyai perkaitan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Ini dapat dilihat daripada hasil keputusan setiap model keutamaan agihan bagi setiap asnaf. Malah, insentif atau usaha

kerajaan, badan bukan kerajaan serta organisasi awam dalam menangani kemiskinan dan mengurangkan beban rakyat dalam menghadapi kos sara hidup yang tinggi telah menyebabkan status ekonomi tidak memberi kesan kepada semua asnaf kecuali asnaf muafak.

5.3.1.1 Program Pembasmi Kemiskinan Mengurangkan Bebanan Asnaf Fakir dan Miskin

Penyelidik menyasarkan kemungkinan status ekonomi mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat setidak-tidaknya bagi asnaf fakir dan miskin. Namun, sebaliknya yang berlaku di mana faktor ini langsung tidak mempengaruhi keutamaan agihan zakat. Ini disebabkan oleh terdapatnya pelbagai program pembasmian kemiskinan oleh agensi-agensi kerajaan sama ada di pihak kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri. Ini selaras dengan dasar-dasar kerajaan bagi membendung kemiskinan dan menuju kemiskinan sifar. Terdapat banyak dasar-dasar kerajaan bagi tujuan tersebut seperti Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia ke Sembilan dan Sepuluh dan yang terkini Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Area*) (NKRA). Terdapat enam teras NKRA yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 27 Julai 2009. Salah satu teras NKRA adalah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan tegar. Pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan bagi menangani kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah seperti 1AZAM- Akhiri Zaman Miskin, BRIM, Baucar Buku 1M, Klinik 1M dan sebagainya. Kementerian yang bertanggungjawab bagi menerajui teras ini adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Bersama-sama dengan sokongan dan bantuan dari sektor swasta dan badan-badan tertentu seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), usaha dan

inisiatif kerajaan telah menampakkan hasil di mana kadar kemiskinan dan kadar kemiskinan tegar telah menurun masing-masing sebanyak 2.1% dan 0.5%. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, kadar kemiskinan pada tahun 2012 adalah pada paras 1.7% berbanding dengan 3.8% pada tahun 2009 (Lampiran D1). Bagi kemiskinan tegar pula, kadarnya menurun daripada 0.7% dalam tahun 2009 kepada 0.2% dalam tahun 2012 (Lampiran D1). Melihat kepada statistik ini, keutamaan agihan zakat kepada golongan asnaf fakir dan miskin tidak bergantung kepada kadar kemiskinan kerana kadar kemiskinan berjaya dikurangkan atas usaha dan inisiatif kerajaan.

Selain daripada itu, pelbagai program transformasi berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seperti Dasar Transformasi Negara (GTP), Model Ekonomi Baru (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Luar Bandar. Komitmen kerajaan dalam meningkatkan taraf pendapatan dilihat dengan penurunan kadar pengangguran daripada 3.7% dalam tahun 2009 ke 3.1% dalam tahun 2011 (Lampiran D2). Ini membuktikan kerajaan telah berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya mengurangkan jumlah rakyat yang menganggur. Oleh yang demikian, bukanlah menjadi satu tanggungjawab kepada institusi-institusi zakat bagi menangani kadar pengangguran kerana kadar pengangguran dilihat telah menurun. Peruntukan agihan zakat di sesetengah negeri bagi golongan asnaf fakir dan miskin tidak menjadi keutamaan disebabkan berkurangnya bilangan golongan yang memerlukan.

Hal ini turut diakui oleh seorang penolong pengurus besar di Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang di mana beliau menyatakan agihan zakat yang dibuat oleh pihaknya langsung tidak merujuk kepada kadar kemiskinan mahupun kadar pengangguran. Sebaliknya,

anggaran kutipan zakat yang bakal diperoleh dan keperluan semasa serta skim bantuan yang tersedia untuk asnaf miskin yang diambil kira. Manakala bagi asnaf fakir, peruntukan agihan adalah agak kurang untuk golongan tersebut kerana mengambil kira faktor usia penerima. Maklumat yang diperoleh secara tidak langsung daripada pegawai-pegawai agihan zakat semasa kutipan data mendedahkan bahawa agihan zakat kepada golongan asnaf fakir diberikan kepada penerima-penerima yang berusia lebih daripada 50 tahun dan mempunyai pendapatan kurang daripada 50% daripada keperluan. Kenyataan ini dilihat selari dengan dapatan kajian yang mana status ekonomi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin.

5.3.1.2 Bilangan Amil Yang Berkhidmat Menentukan Peruntukan Agihan Zakat Kepada Asnaf Amil

Status ekonomi juga didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada amil. Keputusan ini dapat menyangkal dakwaan setengah-setengah pihak yang mendakwa wang zakat banyak dihabiskan oleh amil untuk bermewah-mewah seperti bergaya dengan kenderaan mewah atau urusan peribadi yang lain. Keputusan ini membuka mata bahawa sesungguhnya amil juga berhak menerima sebahagian wang zakat seperti yang telah ditetapkan dalam Al-Quran. Namun, bahagian yang diterima tidaklah sehingga menjejaskan atau melebihi agihan kepada asnaf lain yang memerlukan. Daripada temu bual secara santai dengan seorang pegawai zakat di Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, beliau menjelaskan bahawa bahagian zakat untuk para amil telah diputuskan dalam mesyuarat tertinggi jabatan zakat dengan mengambil kira bilangan amil yang berkhidmat. Sekiranya kutipan yang diterima lebih tinggi daripada jangkaan dan tidak dapat diagihkan kepada asnaf-asnaf yang lain, lebih zakat ini akan dibawa ke tahun hadapan.

5.3.1.3 Usaha Pembendungan Kes-Kes Murtad Dan Pengukuhan Pegangan Agama Islam

Status ekonomi merupakan satu-satunya faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf. Dapatan ini didapati konsisten dengan kajian-kajian yang lepas di mana status ekonomi merupakan faktor yang penting dan utama dalam peruntukan agihan sama ada dari segi bantuan kemanusiaan, program sosial mahupun perbelanjaan sesebuah negeri. Keputusan deskriptif juga menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa kadar kemiskinan, kadar pengangguran, jumlah kutipan, keadaan ekonomi semasa dan agihan zakat tahun-tahun lepas memainkan peranan dalam keutamaan agihan zakat kepada asnaf.

Salah satu sebab mengapa status ekonomi mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf adalah kerana kebimbangan kerajaan terhadap kes-kes murtad yang semakin meningkat. Terdapat banyak laporan atau kes-kes murtad yang didedahkan di dada-dada akhbar. Selain itu, menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom turut memberitahu Dewan Rakyat bahawa permohonan menukar status agama oleh orang Islam dari tahun 2000 hingga 2010 adalah sebanyak 863 kes. Ini membawa kesan skeptikal terhadap institusi zakat dalam usaha untuk membantu asnaf mualaf.

Di samping itu juga, peristiwa bersejarah yang berlaku pada 11 September 2003 juga telah banyak menimbulkan salah faham dan stereotaip terhadap orang-orang Islam serta mengaitkan mereka sebagai pengganas. Keadaan ini sangat mencabar bagi orang Islam terutamanya golongan mualaf. Ini kerana akidah mereka yang masih kurang kukuh dan rapuh untuk memahami Islam dan keyakinan yang belum mantap terhadap keputusan pertukaran agama daripada agama asal kepada agama Islam. Terdapat banyak cabaran dan dugaan yang terpaksa dilalui oleh golongan mualaf. Ini termasuk keadaan di mana mereka terpaksa

berhadapan dengan perubahan sikap keluarga dan rakan-rakan yang kurang bersetuju dengan keputusan memeluk agama Islam. Tidak dinafikan, ada yang berhadapan dengan keadaan dibuang keluarga, disisihkan kawan-kawan, diberhentikan kerja sehingga menjejaskan ekonomi diri sendiri. Kekurangan nilai keagamaan dalam diri akan mengganggu-gugat pegangan akidah dan menjejaskan amalan ibadah. Ancaman-ancaman ini pula seterusnya akan membawa kepada tekanan psikologi yang akan dihadapi oleh golongan asnaf mualaf. Sekiranya tidak dapat dikawal ia boleh menjurus kepada gejala murtad.

Oleh hal yang demikian, golongan asnaf mualaf ini seharusnya diberikan keutamaan dalam peruntukan agihan zakat. Dana zakat yang diberikan kepada golongan asnaf mualaf bertujuan untuk membantu mereka dalam kesusahan semasa fasa-fasa permulaan mereka sebagai seorang Islam. Selain itu, tujuan utama dana zakat diberikan kepada golongan ini adalah atas dasar berdakwah. Dana zakat yang diperuntukkan kepada golongan ini diharapkan dapat menguatkan iman mereka dan mewujudkan rasa penerimaan di kalangan umat Islam yang lain. Keputusan memeluk Islam merupakan keputusan yang paling besar dalam hidup. Sering kali wujud rasa ketidakselesaan dengan persekitaran selepas bergelar seorang Islam. Institusi zakat berperanan menangani gejala murtad yang semakin meningkat di kalangan mualaf. Adalah menjadi tanggungjawab institusi zakat untuk membantu bukan sahaja dari segi bantuan wang ringgit, tetapi juga sokongan moral yang lain. Kegagalan institusi zakat menangani isu murtad menyebabkan maruah institusi zakat dan agama Islam tercemar. Kemungkinan pihak-pihak lain pula seperti pihak gereja akan mengambil kesempatan sekiranya isu murtad ini tidak dapat ditangani.

Sebagai kesimpulannya, status ekonomi sememangnya mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf mualaf dan perkaitannya adalah bersifat positif.

Semakin tinggi status ekonomi, maka semakin tinggi keutamaan agihan zakat dibuat kepada golongan ini.

5.3.1.4 Alternatif Pinjaman Kewangan Yang Lain

Keputusan analisis menunjukkan status ekonomi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat bagi golongan asnaf al-gharimin dan ibnusabil. Jika dilihat dari segi peratusan agihan zakat bagi golongan asnaf al-gharimin dan ibnusabil, kedua-dua golongan asnaf ini mempunyai peratusan agihan zakat yang paling sedikit. Ini menunjukkan golongan ini kurang mendapat perhatian daripada institusi zakat. Memandangkan peruntukan agihan zakat yang dibuat berdasarkan permohonan-permohonan zakat tahun-tahun lepas dan permohonan daripada golongan-golongan ini adalah minoriti, besar kemungkinan agihan yang dibuat juga sedikit. Ini mungkin disebabkan oleh perasaan malu dan segan oleh golongan ini untuk tampil ke pejabat zakat untuk membuat permohonan zakat. Selain itu juga, terdapat saluran-saluran lain yang sedia ada bagi membantu golongan ini yang kebanyakannya mengalami masalah kewangan. Kemungkinan mereka lebih cenderung meminta bantuan keluarga, rakan-rakan atau melalui agensi-agensi kewangan. Justeru, status ekonomi tidak mempunyai kesan terhadap keutamaan agihan zakat kepada golongan ini.

5.3.1.5 Definisi Asnaf Fisabilillah Semakin Luas Dan Bantuan Pendidikan Yang Berterusan

Golongan fisabilillah adalah antara golongan yang mendapat perhatian pihak institusi zakat. Merujuk kepada statistik agihan zakat, di antara lapan golongan asnaf, golongan ini merupakan salah satu golongan yang mendapat agihan tertinggi selain asnaf fakir dan miskin. Status ekonomi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan golongan asnaf ini disebabkan isu definisi asnaf dari pihak institusi zakat sendiri. Definisi asal asnaf fisabilillah adalah mereka yang melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti untuk menegakkan dan

mempertahankan agama Islam. Namun sesuai dengan perubahan zaman, definisi asnaf fisabilillah telah diluaskan merangkumi program pendidikan, pembangunan sosial dan pembangunan insan. Pelbagai jenis skim dan bantuan pendidikan diperuntukkan oleh institusi-institusi zakat di seluruh negeri di Malaysia. Bantuan persekolahan rendah dan menengah, bantuan yuran pengajian di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam dan di luar Malaysia terutamanya di Timur Tengah disalurkan melalui asnaf fisabilillah. Begitu juga bantuan persediaan persekolahan, bantuan pakaian seragam sekolah dan bantuan galakan hafaz Al-Quran. Bantuan berterusan dari segi pendidikan kepada golongan asnaf ini sangat penting kerana ia dapat mengubah kehidupan dan meningkatkan lagi ekonomi mereka. Tujuan utama bantuan dan skim ini diberikan supaya mereka tidak tercicir dalam pelajaran dan dapat memperbaiki taraf hidup keluarga, seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan.

Selain daripada itu, pihak institusi zakat juga dilihat telah beransur-ansur mengubah bentuk bantuan zakat yang diberikan daripada bantuan zakat yang berbentuk wang tunai kepada bentuk bantuan yang lebih produktif. Ini kerana sekiranya bantuan wang zakat diberikan secara tunai, wang yang diberikan akan habis dibelanjakan begitu sahaja. Selain itu, dikhuatiri wang yang diberikan dibelanjakan untuk tujuan-tujuan yang melanggar syarak seperti berjudi, minum arak, melakukan maksiat dan sebagainya. Akan tetapi sekiranya agihan zakat diberikan dalam bentuk yang lebih produktif misalnya memberikan latihan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti menjahit, memasak, membaiki kenderaan dan sebagainya, ini sebenarnya lebih baik dan boleh menjana pendapatan asnaf. Bak kata pepatah, “lebih baik diberikan kail untuk menangkap ikan daripada diberikan terus ikan”.

Bantuan dan pemantauan yang berterusan daripada pihak institusi zakat perlu bagi memastikan asnaf dapat manfaat daripada bantuan zakat sehingga berjaya hidup sebagai seorang Muslim yang boleh berdikari, menjana pendapatan sendiri, keluar daripada kepompong kemiskinan dan seterusnya dapat menyumbang zakat kepada yang memerlukan. Peranan institusi zakat dalam membantu golongan ini sentiasa berterusan tanpa mengambil kira keadaan ekonomi. Oleh yang demikian, status ekonomi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf fisabilillah.

5.3.2 Tekanan Politik

Keterangan empirikal menunjukkan tekanan politik mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf amil dan al-gharimin tetapi tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf fakir, miskin, mualaf, ibnusabil dan fisabilillah. Kesemua item dalam pemboleh ubah ini mendapat respons yang negatif daripada responden. Ini menunjukkan bahawa responden kurang bersetuju dengan pernyataan bahawa peruntukan agihan zakat yang dibuat mengambil kira cadangan, desakan, arahan ataupun kemahuan kerajaan negeri. Institusi zakat adalah sebuah badan bebas yang tidak melibatkan campur tangan mana-mana pihak lain termasuk kerajaan negeri.

5.3.2.1 Bertanggungjawab Terus Kepada Ketua Agama Negeri

Walaupun ada cubaan campur tangan daripada kerajaan negeri, namun institusi zakat didapati tidak menghiraukan tekanan daripada kerajaan negeri dalam hal agihan zakat. Ini adalah kerana institusi-institusi zakat adalah sebuah badan bebas yang bertanggungjawab terus kepada ketua agama sesebuah negeri, sama ada sultan bagi negeri yang mempunyai sultan atau Yang Di-Pertuan Agung bagi negeri yang tidak mempunyai Sultan. Melalui temubual tidak formal yang dijalankan dengan pegawai agihan di Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul

Aman, beliau menyatakan bahawa kerajaan negeri di mana beliau berkhidmat pernah diberikan amaran oleh tuanku sultan apabila wujudnya cubaan campur tangan daripada kerajaan negeri tersebut.

Statistik menunjukkan biarpun terdapat peralihan kuasa dalam pucuk pimpinan kerajaan negeri, namun corak agihan tidak banyak berubah. Ini menggambarkan bahawa institusi zakat berkuasa penuh dalam menentukan dasar agihan di negeri masing-masing tanpa perlu tunduk kepada parti mana yang memerintah. Menurut seorang pegawai agihan di negeri Kedah Darul Aman yang pernah mengalami perubahan pucuk pimpinan kerajaan negeri, peruntukan agihan zakat langsung tidak terkesan dengan peralihan kuasa yang berlaku. Beliau menyatakan bahawa kerajaan negeri sedia maklum dengan institusi zakat adalah sebuah badan bebas khas untuk orang beragama Islam. Namun begitu, beliau menambah pihaknya sering bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) peringkat negeri apabila ada sesuatu isu atau kes yang timbul yang melibatkan kebajikan orang Islam.

5.3.2.2 Agihan Zakat Bergantung Kepada Budi Bicara Ahli Jawatankuasa Agihan

Dasar atau corak agihan ditentukan oleh ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dengan agihan zakat tanpa terikat dengan mana-mana tuntutan parti politik. Tambahan pula, kebanyakan parti politik terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Sebaliknya, institusi zakat adalah sebuah institusi keagamaan Islam. Siapa pun yang memerintah, ahli-ahli jawatankuasa agihan tetap sama. Merekalah yang sebenarnya yang membuat keputusan tentang agihan zakat tanpa terikat dengan mana-mana parti politik.

Justeru, kajian ini mempunyai keterangan yang mencukupi untuk menyatakan bahawa tekanan politik gagal untuk dikaitkan dengan keutamaan agihan zakat kepada golongan asnaf fakir dan miskin.

5.3.2.3 Agihan Zakat Kepada Asnaf Amil Lebih Kepada Berbentuk Sagu Hati

Merujuk kepada asnaf amil, tekanan politik didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat dan perkaitannya adalah negatif. Amil di sini merujuk kepada pihak institusi zakat itu sendiri. Seperti yang diketahui tanggungjawab institusi zakat adalah mengutip dan mengagihkan dana zakat. Badan ini bertanggungjawab dalam menguruskan zakat dengan cekap dan berkesan sesuai dengan tuntutan semasa. Walaupun golongan ini antara golongan yang terpenting dan golongan ketiga yang disebut sebagai penerima zakat berdasarkan tanggungjawab dalam menguruskan dana zakat, namun pemberian zakat kepada golongan ini bukanlah atas dasar keperluan seperti mana asnaf-asnaf yang lain. Dana zakat untuk golongan ini lebih kepada sagu hati, upah atau pemberian atas usaha dan khidmat mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab asas, iaitu mengutip dan mengagihkan zakat.

Dalam menjalankan tugas-tugas sebagai amil, institusi zakat perlu bersifat adil, amanah, jujur dan telus. Sebagai badan yang menguruskan wang zakat yang besar jumlahnya yang mencecah jutaan ringgit, amil perlu lebih berhati-hati agar tidak dituduh menggelapkan wang atau menyalahgunakan wang zakat. Perkara seperti ini perlu dihindarkan agar masyarakat tidak memandang serong dan mempunyai persepsi yang negatif terhadap institusi zakat.

Selain itu, institusi zakat harus bebas daripada sebarang campur tangan dan pengaruh kerajaan dan parti politik. Ini akan memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada umat Islam dan pembayar zakat untuk terus berurusan dengan institusi zakat dan seterusnya meningkatkan kutipan zakat. Keputusan kajian ini didapati tidak menyokong hipotesis yang menyatakan tekanan politik mempunyai perkaitan dengan keutamaan agihan zakat kepada

asnaf amil. Walaupun perkaitannya adalah signifikan, namun arah hubungannya adalah negatif iaitu bersifat bertentangan. Ini menandakan semakin tinggi tekanan politik, semakin kurang agihan zakat diberikan kepada asnaf amil.

5.3.2.4 Usaha Pembendungan Masalah Sosial Dan Peningkatan Masalah Hutang

Keputusan kajian ini menunjukkan tanda signifikan terhadap perkaitan di antara tekanan politik dan keutamaan agihan kepada golongan asnaf al-gharimin. Perkaitan yang ditunjukkan pula bersifat positif dengan keutamaan agihan zakat kepada al-gharimin. Walaupun kadar kemiskinan dilihat semakin menurun, ini tidak mencerminkan keadaan ekonomi semakin elok. Realitinya, keadaan ekonomi negara amat mencemaskan dengan kejatuhan nilai ringgit dan penurunan harga minyak mentah. Kadar inflasi pula dilaporkan terus meningkat daripada 1.6% pada tahun 2012 ke 4.4% pada tahun 2016 (“Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia,” 2017). Ini disebabkan kos sara hidup yang semakin meningkat berikutan harga minyak global yang semakin merosot. Keadaan ini membawa kepada rakyat bergelut untuk meneruskan kehidupan.

Keadaan bertambah serius apabila peluang pekerjaan dikurangkan. Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016 (“Laporan Tahunan BNM 2016,” 2017), dalam tahun 2012 sekurang-kurangnya 33,989 telah diberhentikan kerja melalui pelbagai skim yang ditawarkan akibat kegawatan ekonomi yang semakin parah. Angka ini telah meningkat kepada 44,343 dalam tahun 2015. Ini diburukkan lagi dengan kesukaran golongan lepasan universiti mendapatkan pekerjaan. Hal ini mengakibatkan ramai rakyat tidak mempunyai pekerjaan dan terjerumus dalam masalah hutang. Pihak institusi zakat melihat masalah ini sebagai peluang untuk meningkatkan agihan kepada golongan al-gharimin bagi membantu kerajaan dalam menangani masalah hutang di kalangan rakyat. Masalah hutang ini perlu

ditangani bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam usaha untuk membanteras perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan atau orang perseorangan yang tidak berdaftar (along) dan seterusnya membawa kepada masalah sosial yang lebih buruk dan sukar dibendung seperti gejala along.

Keputusan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pihak institusi zakat komited dengan usaha kerajaan dalam membantu golongan orang yang berhutang iaitu asnaf al-gharimin. Lagi tinggi tekanan kerajaan, lagi tinggi agihan zakat.

5.3.3 Tekanan Sosial

Hasil dapatan kajian ini bertentangan dengan hasil kajian-kajian yang lepas yang melibatkan peruntukan agihan bantuan kemanusiaan, bantuan kebajikan dan program-program sosial yang lain. Kajian ini mendapati agihan zakat kepada asnaf-asnaf tidak mempunyai perkaitan dengan tekanan sosial yang diterima daripada pihak luar institusi zakat.

5.3.3.1 Institusi Zakat Berkuasa Penuh Dalam Keputusan Agihan

Pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) selaku salah sebuah jabatan di bawah kerajaan persekutuan di mana penubuhannya bagi memastikan pentadbiran zakat di negara ini dibuat dengan lebih tersusun, sistematik dan berkesan didapati tidak berjaya mempengaruhi peruntukan agihan zakat yang dibuat di setiap negeri. Respons terhadap JAWHAR menunjukkan JAWHAR tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas peruntukan agihan zakat. Malah institusi zakat yang berkuasa penuh dalam menentukan agihan zakat di negeri masing-masing.

5.3.3.2 Cadangan Cendekiawan Diambil Maklum

Pandangan yang diberikan oleh pihak alim ulama, pengkaji-pengkaji zakat, masyarakat Islam dan juga institusi zakat yang lain sangat diberikan perhatian oleh pihak yang membuat agihan zakat. Ini bagi memastikan agihan zakat dibuat dengan cara dan pada landasan yang betul. Walaupun majoriti daripada responden bersetuju bahawa cadangan dan pendapat alim ulama dan pengkaji-pengkaji zakat diambil kira dalam membuat keutamaan agihan zakat kepada asnaf, namun kajian ini mendapati ia bukanlah faktor yang mempunyai perkaitan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf-asnaf.

Begitu juga dengan pengaruh institusi zakat yang lain. Memandangkan institusi zakat adalah sebuah organisasi Islam yang memegang amanah orang Islam, maka bukan sesuatu yang mustahil bagi mereka untuk merujuk kepada pandangan alim ulama dalam membuat agihan zakat. Walau bagaimanapun, ia hanyalah rujukan semata-mata tetapi gagal mempunyai perkaitan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf-asnaf.

5.3.3.3 Media Tidak Mempengaruhi Keputusan Agihan Zakat

Agak mengejutkan apabila semakin banyak laporan negatif yang dilaporkan oleh media tidak kira daripada media massa, media elektronik mahu pun media sosial, namun ia seolah-olah tidak memberi kesan terhadap agihan zakat kepada asnaf-asnaf. Pengarah Baitulmal Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, yang ditemui menyatakan bahawa laporan-laporan media bukanlah menjadi faktor utama yang dilihat apabila agihan zakat dibuat. Menurut beliau, media hanya melaporkan apa yang dilihat dan didengar di sebelah pihak sahaja tanpa mendapatkan keterangan di pihak institusi zakat. Baginya, laporan-laporan seperti itu berat sebelah dan tidak perlu diberi perhatian serius. Walau bagaimanapun, beliau mengakui ada juga laporan-laporan kes di mana pihak institusi zakat terlepas pandang.

Sekiranya ini berlaku, pihaknya akan memberikan perhatian dan menjalankan siasatan bagi mendapatkan maklumat terperinci dan mengenal pasti asnaf dan jumlah agihan zakat yang diperlukan. Tambahnya lagi, peruntukan agihan zakat kepada fakir dan miskin telah pun ditetapkan. Bantuan zakat kepada kes-kes sebegini dibuat secara *ad-hoc* dan bertujuan untuk menghabiskan saki-baki dana zakat.

Sebagai rumusan, keterangan-keterangan di atas menunjukkan tekanan sosial tidak mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf-asnaf.

5.3.4 Ideologi

Ideologi adalah idea atau cara pemikiran seseorang individu dalam hal-hal tertentu seperti politik, ekonomi dan sebagainya. Kajian-kajian lepas mendapati ideologi pengagih mempengaruhi peruntukan agihan yang dibuat. Berdasarkan teori keadilan agihan yang berasaskan kepada tiga prinsip utama iaitu prinsip keperluan, sumbangan dan kesamarataan, kajian yang dibuat oleh Mitchell et al.(2003), Skitka dan Tetlock (1992; 1993) mendapati individu yang mempunyai ideologi konservatif lebih cenderung untuk memilih prinsip sumbangan di mana agihan yang lebih diberikan kepada golongan yang memberikan lebih sumbangan atau manfaat. Dalam lain perkataan, semakin banyak yang diberikan, semakin banyak agihan yang diterima. Sebaliknya, golongan liberal bersifat lebih terbuka dalam hal agihan. Mereka lebih cenderung kepada prinsip kesamarataan tetapi mengutamakan kepada golongan yang memerlukan.

5.3.4.1 Persekitaran Zakat Yang Berbeza

Kajian ini mendapati ideologi tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Malah, arah perkaitannya didapati berbeza-beza di antara asnaf.

Ada yang menunjukkan positif dan ada yang sebaliknya. Dapatan ini berbeza dengan kajian-kajian lepas yang lebih fokus kepada bantuan kemanusiaan, bantuan bencana alam dan program-program khidmat sosial. Bantuan seperti ini adalah untuk sesuatu tempoh dan jarang berlaku. Sebaliknya, bantuan zakat dibuat sepanjang tahun. Tambahan pula, zakat perlu diagihkan kepada lapan golongan asnaf seperti yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. dalam Surah At-Taubah, Ayat 60. Kategori atau ciri-ciri penerima bantuan zakat adalah tidak sama dengan penerima bantuan dalam kajian-kajian lepas yang dibincangkan.

5.3.4.2 Sikap Keterbukaan Institusi Zakat Dan Perluasan Takrifan Asnaf

Ideologi responden yang lebih memihak kepada ideologi liberal menunjukkan institusi zakat bersikap terbuka dengan pandangan orang ramai. Sikap keterbukaan ini membawa kepada perubahan dalam institusi zakat dari segi pengendalian wang zakat. Pandangan dan cadangan pihak luar khususnya pakar-pakar zakat diambil kira dalam memperluaskan takrifan asnaf. Perluasan takrifan asnaf dilihat dapat membuka ruang kepada asnaf lain selain daripada asnaf fakir dan miskin. Sekali gus membawa kepada peningkatan agihan zakat kepada asnaf terutamanya asnaf fisabilillah. Sekiranya pemikiran responden lebih konservatif iaitu tidak mahukan perubahan dan tidak bersikap terbuka, maka agihan zakat hanya akan tertumpu kepada golongan fakir dan miskin sahaja. Lantas, hak golongan asnaf lain tidak dapat dipenuhi.

5.3.4.3 Bantuan Zakat Tidak Terhad Dalam Bentuk Kewangan

Bantuan zakat tidak tertumpu kepada meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam yang miskin semata-mata. Bagi memaksimumkan potensi zakat dan menangani masalah ummah, bantuan zakat tidak terhad kepada kewangan tetapi juga bukan kewangan. Justeru itu, institusi zakat lebih menitikberatkan bantuan yang berbentuk pembangunan insan,

pendidikan, perubatan, peningkatan akidah, masalah sosial dan sebagainya. Maka, perhatian yang lebih diberikan kepada asnaf lain selain fakir dan miskin.

Oleh yang demikian, kajian ini tidak mempunyai keterangan yang cukup untuk menyokong bahawa ideologi berkait secara positif dengan keutamaan agihan zakat. Walaupun ideologi didapati berpengaruh dalam teori keadilan agihan tetapi gagal disokong di dalam kajian ini.

5.3.5 Motif Agihan

Teori keadilan agihan merumuskan bahawa agihan yang dibuat tidak kira sama ada berdasarkan prinsip keperluan, sumbangan ataupun kesamarataan mempunyai motif agihan tersendiri. Motif agihan merupakan tujuan atau matlamat yang hendak dicapai apabila agihan tertentu dilakukan. Kajian-kajian lepas menunjukkan motif agihan mempengaruhi agihan secara signifikan. Kajian ini turut menguji sama ada hasil yang sama akan didapati dalam agihan zakat.

Keputusan kajian ini mendapati motif agihan tidak mempunyai perkaitan signifikan dengan agihan zakat kepada asnaf-asnaf. Dalam kata lain, motif agihan tidak mempengaruhi agihan zakat secara signifikan.

5.3.5.1 Motif Agihan Yang Pelbagai

Secara umumnya, motif agihan utama agihan zakat adalah untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan ekonomi ummah. Namun dapatan kajian ini mendapati motif agihan bukan hanya tertumpu kepada membantu golongan miskin sahaja tetapi terdapat motif lain yang hendak dicapai oleh institusi zakat. Item “memastikan keperluan-keperluan asnaf dipenuhi” merupakan item yang tertinggi skor puratanya ($\mu = 7.61$) dan mendapat respons positif yang

paling banyak daripada responden. Item “meningkatkan taraf hidup orang miskin” mendapat skor purata 7.56. Item lain seperti “membangunkan masyarakat Islam dalam bidang pendidikan dan modal insan” dan “berdakwah, meningkatkan akidah umat Islam dan menegakkan syiar Islam” juga mendapat skor purata melebihi 7.0. Ini memberikan gambaran bahawa terdapat pelbagai motif agihan zakat yang ingin dicapai oleh institusi zakat.

5.3.5.2 Konsep Kesamarataan Diguna Pakai Dalam Agihan Zakat

Penyelidik berpendapat institusi zakat sangat mementingkan keyakinan masyarakat Islam terhadap institusi zakat. Keyakinan masyarakat tidak dipandang ringan oleh institusi zakat kerana ia akan memberi kesan kepada hasil kutipan zakat. Seboleh-bolehnya agihan yang dibuat mencapai semua motif agihan dan agihan adalah menyeluruh kepada semua golongan asnaf. Institusi zakat dilihat cuba mengamalkan prinsip kesamarataan dalam membuat agihan zakat. Kemungkinan perkara ini berlaku bagi menyempurnakan tanggungjawab institusi zakat dalam memastikan semua golongan asnaf mendapat manfaat daripada wang zakat. Di samping itu, agihan sebegini adalah bagi mengelakkan konflik, rasa benci dan iri hati antara asnaf-asnaf zakat.

Secara rumusannya, keterangan daripada kajian ini mendapati motif agihan tidak mempunyai kesan yang signifikan dalam keutamaan agihan zakat kepada semua golongan asnaf.

5.3.6 Kepimpinan

Kepimpinan telah dihipotesiskan sebagai mempunyai perkaitan yang positif dengan agihan zakat. Kepimpinan adalah salah satu faktor dalaman yang diuji dalam kajian ini selain ideologi dan motif agihan. Gaya keputusan seseorang individu sering dikaitkan dengan gaya

kepimpinannya. Kajian mendapati kepimpinan tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf-asnaf.

5.3.6.1 Kepimpinan Aktif Lebih Terbuka Dalam Cadangan Atau Pandangan

Majoriti daripada responden menunjukkan respons yang positif terhadap ciri-ciri kepimpinan dalam pemboleh ubah kepimpinan. Ini memberi gambaran bahawa institusi zakat mempunyai pengurusan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang aktif. Seseorang yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan aktif akan sentiasa mencari idea baru dan membuat perubahan dalam meningkatkan lagi prestasi organisasi. Dalam hal agihan zakat, responden terdiri daripada kalangan yang mempunyai kepimpinan aktif. Golongan ini sentiasa mencari idea dan menyediakan cara baru bagi mengatasi masalah. Akibatnya, agihan zakat yang dibuat tidak tertumpu kepada asnaf fakir dan miskin sahaja. Agihan yang hanya mengutamakan asnaf fakir dan miskin sahaja adalah agihan yang mudah dan agak ketinggalan. Golongan yang bercirikan kepimpinan aktif sentiasa bertindak agar keluar daripada tradisi agihan di mana sebelum ini asnaf fakir dan miskin diberikan keutamaan. Kepimpinan aktif tersebut juga membuka ruang untuk orang lain memberikan cadangan dan terbuka kepada perubahan untuk tujuan penambahbaikan.

5.3.6.2 Kepimpinan Pasif Mengekalkan Tradisi Agihan

Sebaliknya, sekiranya golongan ini memiliki ciri-ciri kepimpinan yang pasif atau *laissez-faire*, golongan ini akan berpuas hati dengan keadaan semasa tanpa mahukan apa-apa perubahan dilakukan ke atas sistem yang sedia ada. Golongan yang bersifat pasif ini akan seboleh-bolehnya mahu mengekalkan tradisi agihan zakat iaitu dengan mengutamakan agihan kepada golongan asnaf fakir dan miskin.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati kepimpinan tidak mempunyai kesan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf-asnaf.

5.4 Implikasi Teori

Teori yang berkaitan dengan peruntukan agihan telah dibincangkan dalam Bab 2 Sorotan Literatur. Perbincangan turut melibatkan teori keadilan menurut perspektif Islam yang berpandukan ayat-ayat suci Al-Quran dan hadis. Perkembangan teori keadilan agihan juga dikupas dalam bab tersebut. Memandangkan agak sukar menemui teori keutamaan agihan zakat, beberapa faktor dalam model variasi perbelanjaan telah dikenal pasti dan diuji dalam teori keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Faktor-faktor yang diuji adalah terdiri daripada faktor luaran iaitu status ekonomi, tekanan politik dan sosial. Faktor ideologi, motif agihan dan kepimpinan pula merupakan faktor dalaman yang diuji.


Hasil dapatan kajian menunjukkan hanya dua faktor luaran yang mempunyai keterangan yang menyokong dan didapati berkait dengan keutamaan agihan zakat. Faktor-faktor tersebut adalah status ekonomi dan tekanan politik. Faktor-faktor lain seperti tekanan sosial, ideologi, motif agihan dan kepimpinan didapati tidak mempengaruhi keutamaan agihan zakat.

i. Teori keadilan agihan boleh diperkembangkan dan dibuat penambahbaikan

Berdasarkan hasil kajian ini, kesimpulan yang boleh dibuat adalah teori keadilan agihan bukan satu teori yang bersifat standard dan universal. Teori ini banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan keadaan sekeliling yang mempengaruhi keputusan peruntukan agihan. Faktor-faktor yang mempengaruhi peruntukan agihan bergantung kepada keadaan agihan, kategori penerima agihan, keperluan dan tumpuan semasa.

ii. Pembentukan model keutamaan agihan zakat kepada asnaf

Model keutamaan agihan zakat kepada asnaf yang dapat dibentuk hasil daripada kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.1. Model ini merupakan cubaan pertama aplikasi teori keadilan agihan dalam persekitaran zakat. Setakat ini, belum ditemui satu teori yang standard yang boleh disandarkan dalam keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Namun, kajian ini membuktikan bahawa teori keutamaan agihan zakat dipengaruhi oleh status ekonomi dan tekanan politik.



Rajah 5.1
Model Keutamaan Agihan Zakat Kepada Asnaf

5.5 Implikasi Pengurusan

Seksyen ini akan membincangkan tentang implikasi kajian terhadap pengurusan agihan zakat. Implikasi ini dilihat daripada aspek status ekonomi dan tekanan politik yang telah dibuktikan mempengaruhi keputusan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang berkaitan.

Perkaitan yang signifikan antara status ekonomi dan keutamaan agihan zakat memberi gambaran bahawa keadaan ekonomi semasa mempengaruhi pihak pengurusan institusi zakat dalam membuat peruntukan agihan zakat. Majoriti responden kajian memberikan respons yang positif terhadap pernyataan status ekonomi. Kedudukan ini membayangkan bahawa

suasana ekonomi, kadar kemiskinan, kadar pengangguran dan jumlah kutipan memberi kesan dalam membuat keputusan keutamaan agihan zakat.

i. Bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan atau agensi-agensi lain

Jika dilihat secara keseluruhan, kadar kemiskinan dan kadar pengangguran semakin menurun, namun golongan bumiputera yang kebanyakannya beragama Islam merupakan golongan yang tertinggi dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar tidak kira sama ada yang tinggal di luar bandar mahupun di bandar. Sekiranya tidak ditangani dengan baik, masalah kemiskinan akan menjurus kepada masalah sosial yang lain.

Justeru itu, adalah wajar bagi pihak institusi zakat untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain terutamanya Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) dalam menangani masalah kemiskinan. Pihak institusi perlu saling berganding bahu dengan pihak JKM dalam mengurangkan jurang pendapatan terutamanya di kalangan umat Islam. Walaupun bukan tanggungjawab utama pihak institusi zakat dalam mengurangkan jurang pendapatan di dalam sesebuah negara, namun pihak institusi zakat boleh bertindak sebagai agen pelengkap dalam meningkatkan taraf hidup umat Islam.

ii. Memperluaskan definisi atau skop tafsiran

Usaha pihak pengurusan zakat dalam membasmi kemiskinan boleh ditingkatkan lagi dengan melihat kepada definisi kemiskinan dengan lebih meluas. Kemiskinan bukan hanya merangkumi kemiskinan harta tetapi juga perlu merentasi kemiskinan jiwa. Oleh yang demikian, pihak pengurusan institusi zakat perlu memberi fokus kepada bantuan yang mempunyai kesan jangka panjang melalui bantuan kewangan dan bukan kewangan seperti kursus, seminar, program-program pengisian jiwa, bantuan pendidikan dan sebagainya.

Dengan cara ini, boleh mengelakkan kebergantungan asnaf terhadap bantuan zakat secara berterusan tanpa mempunyai semangat berdikari dan azam untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

iii. Penerapan nilai-nilai keagamaan

Kajian ini mendedahkan pihak institusi zakat memberikan lebih perhatian kepada asnaf mualaf apabila status ekonomi meningkat. Kemungkinan perkara ini berlaku bagi memastikan asnaf mualaf tidak terjebak dengan gejala murtad yang menjadi ancaman utama. Murtad bukan sahaja terjadi apabila golongan mualaf kembali kepada agama asal mereka tetapi juga orang Islam yang sanggup keluar daripada agama Islam disebabkan oleh kesempitan hidup dan masalah kewangan. Justeru itu, kajian ini menyarankan agar pihak institusi zakat perlu memastikan bukan sahaja bantuan kewangan secara langsung diberikan kepada golongan ini, tetapi perlu juga menerapkan nilai-nilai keagamaan bagi meningkatkan akidah dan keimanan. Suatu mekanisma agihan zakat yang komprehensif diperlukan bagi golongan ini untuk memastikan pengagihan zakat yang sempurna mengikut syariat Islam. Sebagai contoh, pihak institusi zakat hendaklah bekerjasama dengan jabatan atau majlis agama yang terlibat dengan pengislaman bagi memastikan tiada golongan mualaf yang tercicir daripada menerima zakat.

iv. Penambahbaikan sistem permohonan bantuan zakat

Memandangkan peruntukan agihan zakat bergantung kepada permohonan yang dibuat, apa yang boleh dilakukan oleh pihak institusi zakat adalah dengan memperkemas dan menambahbaik sistem permohonan dan pengemaskinian golongan asnaf yang sedia ada. Teknologi maklumat dan Internet perlu digunakan secara maksimum supaya data dan maklumat asnaf sentiasa dapat dipantau dan diperbaharui. Dengan kemudahan teknologi

maklumat dan Internet, satu sistem yang mesra pelanggan harus dibangunkan dan diperluaskan bagi memudahkan golongan asnaf membuat permohonan. Aplikasi ini memudahkan permohonan zakat untuk semua asnaf dibuat atas talian. Asnaf tidak perlu lagi bersusah payah turun naik pejabat zakat untuk membuat permohonan dan karenah birokrasi yang mungkin timbul juga boleh dikurangkan. Dengan cara ini agihan zakat akan lebih efisien dan menyeluruh serta meningkatkan keyakinan umat Islam terhadap institusi zakat.

v. Mengemaskini maklumat asnaf secara berterusan

Bagi mengelak persepsi negatif masyarakat bahawa kutipan zakat yang dibuat tidak sampai kepada asnaf, institusi-institusi zakat perlu bergerak aktif dalam mencari asnaf berbanding dengan menunggu asnaf datang sendiri ke pejabat zakat untuk memohon bantuan. Selain itu, institusi-institusi zakat juga perlu menggerakkan tenaga kerjanya untuk turun padang bagi meninjau, membuat siasatan dan laporan tentang asnaf-asnaf yang sedia ada. Siasatan dan pengemaskinian latar belakang asnaf-asnaf sedia ada penting bagi memastikan bantuan zakat yang diberikan dapat memenuhi keperluan semasa mereka. Kemungkinan data yang ada pada institusi zakat merupakan data yang lama dan bantuan zakat semasa yang diberikan berdasarkan data yang lama. Justeru, bagi mengelakkan keadaan ini berlaku, adalah disarankan agar pihak institusi zakat menghantar kakitangannya untuk mengunjungi asnaf-asnaf sekaligus membuat semakan dan pengesahan tentang maklumat latar belakang asnaf yang mungkin telah berubah. Daripada semakan yang dilakukan, institusi zakat dapat mengemaskini maklumat asnaf dan seterusnya memutuskan samaada bantuan zakat harus diteruskan ataupun diberhentikan. Sekiranya perlu diteruskan, jumlah yang bersesuaian akan dapat ditentukan.

vi. Menyebarkan maklumat berkaitan agihan zakat

Jumlah kutipan zakat dilihat semakin meningkat setiap tahun. Antara sebab peningkatan kutipan zakat adalah dengan adanya promosi besar-besaran meminta orang ramai membayar zakat. Pelbagai saluran digunakan untuk promosi kutipan zakat tetapi tidak untuk agihan zakat. Kaedah yang sama perlu digunakan untuk promosi agihan zakat untuk meningkatkan bilangan penerima zakat dan seterusnya melonjakkan jumlah agihan. Masyarakat masih kurang pengetahuan tentang siapa yang layak menerima wang zakat. Justeru itu, pihak institusi zakat perlu mendedahkan maklumat tentang agihan zakat seperti kategori asnaf yang layak dan berhak menerima zakat, kriteria asnaf, dokumen yang diperlukan, cara membuat permohonan, syarat permohonan dan skim bantuan yang ada. Sekiranya pendedahan dan pengetahuan tentang agihan zakat tidak dibuat, dikhuatiri hanya golongan asnaf yang tertentu sahaja yang dapat menikmati manfaat daripada wang zakat.

vii. Menyeragamkan takrifan asnaf

Mengikut pemerhatian, takrifan setiap asnaf berbeza-beza antara setiap negeri terutama bagi asnaf mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnusabil. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mentakrifkan asnaf mualaf sebagai seseorang yang baru memeluk Islam atau seseorang yang dijinakkan hatinya dalam kalangan yang belum memeluk agama Islam atau yang perlu ditarik simpatinya kepada Islam atau diharap dapat membela orang Islam atau yang perlu diamankan kejahatannya terhadap orang Islam (“Lembaga Zakat Negeri Kedah,” 2017). Majlis Agama Islam Negeri Johor pula menerima pakai takrifan asnaf mualaf sebagai mereka yang hatinya baru berjinak-jinak dengan agama Islam dan mendapat hidayah menganuti Islam (“Majlis Agama Islam Negeri Johor,” 2017). Perbezaan takrifan asnaf di kalangan institusi zakat di setiap negeri merupakan salah satu punca mengapa agihan zakat kepada asnaf di setiap negeri didapati berbeza. Adalah disarankan agar institusi zakat di setiap negeri mengguna pakai takrifan asnaf yang terdapat

dalam Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ) keluaran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Penyeragaman takrifan asnaf penting bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan masyarakat dan seterusnya meningkatkan keyakinan terhadap institusi zakat.

viii. Mengurangkan kuasa negeri ke atas institusi zakat

Sepertimana yang telah dibincangkan dalam Bab 2 Sorotan Literatur, institusi zakat terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh yang demikian, wujud perbezaan agihan, perbezaan takrifan asnaf, ketidakseimbangan dan ketidakseragaman agihan zakat antara negeri-negeri di Malaysia. Sekiranya kuasa negeri ke atas institusi zakat dikurangkan dan hal ehwal kutipan dan agihan zakat dipusatkan di peringkat kebangsaan, kemungkinan prosedur kutipan dan agihan dapat diseragamkan di semua negeri. Dengan ini prestasi keseluruhan institusi zakat dapat dibuat penilaian. Selain itu, apabila pentadbiran zakat diletakkan di bawah satu pengurusan, agihan zakat sesebuah negeri dapat melangkaui sempadan negeri sehingga mampu untuk membantu golongan asnaf di negeri-negeri lain. Lebih daripada dana zakat pula boleh dijadikan pelaburan bagi meningkatkan pembangunan ummah di Malaysia.

5.6 Limitasi Kajian

Setiap kajian mempunyai beberapa limitasi yang tidak dapat dielakkan. Begitu juga dengan kajian ini. Antara limitasi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Sumber yang terhad untuk mendapatkan kajian atau artikel yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Oleh itu agak sukar untuk menemui artikel sokongan atau sebagai justifikasi kepada dapatan kajian ini.

2. Tidak mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak institusi zakat. Kajian ini merangkumi kesemua 14 institusi zakat yang terdapat di Malaysia. Namun, ada sesetengah institusi zakat sukar memberikan kerjasama dari segi menjawab soal selidik. Tidak kurang juga ada bersikap skeptikal tentang kajian ini.
3. Melalui maklumat tidak formal yang diperoleh daripada beberapa orang pegawai agihan, maklumat tentang pelaksanaan dan kaedah agihan zakat merupakan maklumat sulit dan tidak boleh didedahkan. Justeru, agak sukar bagi kajian ini untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf.

5.7 Cadangan Kajian

Kajian tentang agihan zakat masih belum diterokai sepenuhnya lagi. Banyak persoalan berkaitan dengan agihan zakat masih belum terjawab. Justeru, kajian ini mencadangkan beberapa kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang:

1. Satu kajian yang sama tetapi memfokuskan kepada hanya satu institusi zakat sahaja dengan menggunakan kaedah kualitatif (temu duga) atau kaedah campuran (*mixed method*). Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan jelas tentang keutamaan agihan zakat yang dibuat kepada asnaf-asnaf.
2. Kajian ini menyarankan agar model keutamaan agihan zakat dikembangkan dalam kajian-kajian seterusnya. Kajian ini telah menguji faktor luaran dan faktor dalaman yang berkaitan dengan agihan zakat. Namun hanya faktor luaran yang didapati mempengaruhi keutamaan agihan zakat secara signifikan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar faktor dalaman diterokai dalam kajian-kajian akan datang. Antara

faktor-faktor dalaman yang boleh ditambah adalah seperti sikap dan nilai keagamaan ahli-ahli jawatankuasa agihan zakat.

3. Kajian ini juga mungkin boleh diperluaskan dengan mengambil kira persepsi pembayar zakat tentang perkara yang sepatutnya diberikan perhatian dalam membuat keputusan peruntukan agihan zakat. Secara tidak langsung, ia boleh membuka mata dan minda institusi zakat tentang peruntukan agihan zakat dari perspektif masyarakat.
4. Pihak institusi zakat merupakan satu badan keagamaan yang bertanggungjawab dalam urusan kutipan dan agihan zakat yang melibatkan jutaan ringgit. Kajian ini mengesyorkan satu kajian dibuat ke atas pihak institusi zakat bagi mengetahui tahap keimanan dan kepakaran dalam urusan kewangan. Ini penting untuk membuktikan pihak institusi mempunyai kebolehan dalam menguruskan zakat dengan efisien dan berkesan.
5. Kebanyakan institusi zakat mengagih zakat kepada hanya tujuh kategori asnaf sahaja tidak termasuk asnaf al-riqab. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana bilangan kategori asnaf yang layak menerima zakat telah ditetapkan dalam Surah At-Taubah, Ayat 60 iaitu sebanyak lapan kategori termasuk al-riqab. Oleh yang demikian, kajian ini merasakan adalah satu keperluan untuk mengkaji bagaimana definisi asnaf al-riqab ini dapat diperluaskan agar golongan ini tidak tercicir daripada agihan zakat.
6. Kajian ini melibatkan pengujian terhadap semua kategori asnaf yang layak menerima zakat. Bagi mendapatkan gambaran dan keadaan yang sebenar dengan lebih jelas, mendalam dan telus, kajian ini mencadangkan agar kajian akan datang memberi fokus

kepada hanya satu asnaf sahaja. Ini penting bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan menjurus kepada kategori asnaf yang dikaji.

5.8 Kesimpulan

Agihan zakat sering kali menjadi isu hangat apabila masih terdapat ramai golongan asnaf yang tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada pihak institusi zakat walaupun kutipan zakat mencecah jutaan ringgit. Pihak institusi zakat menerima tamparan hebat tatkala isu-isu kemiskinan di kalangan umat Islam didedahkan dalam media massa mahupun media sosial. Kajian ini dilakukan untuk mengisi jurang kepada persoalan keutamaan agihan zakat kepada asnaf di kalangan pihak institusi zakat. Berteraskan teori keadilan agihan, kajian ini berjaya menjawab objektif kajian untuk menjelaskan bentuk agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat secara umum, mengenal pasti faktor-faktor penentu keutamaan agihan zakat dan menentukan bagaimana faktor-faktor tersebut mempengaruhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf oleh institusi zakat.

Di antara enam pemboleh ubah yang diuji, hanya dua pemboleh ubah yang didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan keutamaan agihan zakat kepada asnaf iaitu status ekonomi dan tekanan politik. Justifikasi mengenai keputusan kajian yang telah dikupas dalam seksyen perbincangan secara tidak langsung memberikan pemahaman dan pengetahuan dalam bidang agihan zakat. Selain daripada itu, kajian ini juga memberikan sumbangan kepada pihak institusi zakat dalam memperkasa institusi zakat. Pihak institusi zakat boleh mendapat manfaat daripada kajian ini dalam membantu mengguna pakai pendekatan yang proaktif dan inovatif dalam hal agihan zakat. Sebagaimana institusi zakat memudahkan orang ramai membayar zakat dengan beroperasi tujuh hari seminggu dalam bulan Ramadhan, membuka kiosk dan kaunter kutipan zakat di tempat-tempat tumpuan orang

ramai seperti di masjid, surau, pasaraya, kompleks membeli-belah dan sebagainya, proses agihan zakat juga sepatutnya dipermudahkan. Institusi zakat perlu bijak memanfaatkan kemudahan ICT dan media sosial bagi mewar-warkan secara besar-besaran tentang agihan zakat yang dibuat, siapa yang layak memohon, skim-skim bantuan yang ada untuk setiap kategori asnaf, dokumen-dokumen dan borang yang diperlukan.

Di samping itu juga, penerangan harus diberikan kepada masyarakat tentang agihan zakat yang dibuat, bagaimana prosedur dan proses yang dilaksanakan, mengapa agihan memerlukan masa untuk siasatan, semakan dan pengesahan borang permohonan. Penerangan ini penting agar masyarakat faham bahawa institusi zakat merupakan salah satu organisasi yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Oleh itu, segala dokumen, borang dan laporan keluar masuk aliran tunai wajib disediakan dan lengkap untuk tujuan audit. Walaubagaimanapun, institusi zakat seharusnya berusaha sedaya upaya mempermudahkan proses agihan dengan cara mengurangkan ataupun menghapuskan dokumen-dokumen sokongan dan syarat-syarat pengesahan yang agak rumit. Dengan demikian proses permohonan boleh dicepatkan dan agihan zakat boleh diberikan dengan pantas.

Seterusnya, institusi zakat perlu mengambil langkah proaktif dalam menanggapi persepsi negatif dan mengurangkan salah tanggapan masyarakat terhadap pengurusan zakat terutama dalam hal agihan zakat. Persepsi negatif dan salah tanggapan ini berlaku kerana masyarakat tidak diberikan maklumat yang jelas tentang prosedur, amalan dan proses bagaimana agihan zakat dilakukan. Institusi zakat sewajarnya berusaha memberikan keyakinan kepada masyarakat tentang tanggungjawab dan amanah yang dipegang oleh institusi zakat.

Berdasarkan perbincangan di atas, apa yang boleh disimpulkan adalah sudah tiba masanya bab agihan zakat diberikan perhatian yang serius. Institusi zakat perlu lebih komited dan membuat perancangan jangka panjang bagaimana agihan zakat dapat dilakukan secara menyeluruh tanpa mengabaikan mana-mana golongan asnaf. Adalah menjadi harapan umat Islam di Malaysia untuk melihat institusi zakat sebagai satu institusi yang sangat profesional, kompeten dan dibanggakan dalam menangani masalah ummah serta menjadi contoh teladan (*role model*) kepada badan-badan kebajikan yang lain. Justeru itu, diharapkan kajian ini menjadi satu titik tolak kepada institusi zakat untuk memperkasa institusi zakat dengan mengeksploitasi kemajuan teknologi dan kecanggihan dunia maklumat yang ada pada hari ini. Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh dijadikan asas kepada kajian-kajian yang akan datang.



RUJUKAN

- Ab. Rahim, Z. (2007). Pengurusan zakat kontemporari. *Jurnal Pengurusan JWZH*, 1(1), 13–22.
- Abd Halim, M. N., Mohamed Saladin, A. R., Rozman, M. Y., Siti Mariam, A., & Rashidah, A. R. (2015). Efficiency of Islamic institutions: Empirical evidence of zakat organizations' performance in Malaysia. *Journal of Economics, Business and Management*, 3(2), 282–286. <https://doi.org/10.7763/JOEBM.2015.V3.195>.
- Abdul Hakim Amir, O. (2007). Potensi pembayar dan kutipan zakat di Malaysia: In *Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan*.
- Abu Sufian, A. B. (2006). Baitulmal dan kemiskinan di Kuala Lumpur: Program agihan zakat dalam bentuk perniagaan. *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan*, (206), 228–256.
- Ahmad Fahme, M. A., Zakariah, A. R., Fuadah, J., & Muhammad Ridhwan, A. A. (2015). The effectiveness of zakat in reducing poverty incident: An analysis in Kelantan, Malaysia. *Asian Social Science*, 11(21), p355. <https://doi.org/10.5539/ass.v11n21p355>.
- Aidit, G. (1988). *Zakat satu tinjauan*. Selangor, Malaysia: IBS Buku Sdn Bhd.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T).
- Al-Quran dan Terjemahan*. (2009). Selangor, Malaysia: Yayasan Restu.
- Alesina, A., & Angeletos, G. M. (2005). Fairness and redistribution. *American Economic Review*. <https://doi.org/10.1257/0002828054825655>.
- Ansolabehere, S., & Snyder Jr, J. M. (2006). Party control of state government and the distribution of public expenditures. *Scandinavian Journal of Economics*, 108(4), 547–569.
- Antonakis, J., Avolio, B. J., & Sivasubramaniam, N. (2003). Context and leadership: An

- examination of the nine-factor full-range leadership theory using the Multifactor Leadership Questionnaire. *Leadership Quarterly*, 14(3), 261–295.
[https://doi.org/10.1016/S1048-9843\(03\)00030-4](https://doi.org/10.1016/S1048-9843(03)00030-4).
- Arts, W., & Gelissen, J. (2001). Welfare states, solidarity and justice principles: Does the type really matter? *Acta Sociologica*, 44(4), 283–299.
<https://doi.org/10.1177/000169930104400401>.
- Asmadi, M. N. (2006). Kesahan pemotongan caruman KWSP gaji pekerja dan zakat caruman KWSP: Suatu kajian semula menurut perspektif perundangan Islam. In *Zakat: Persyariatan, Perekonomian dan Perundangan* (pp. 350–358). Bangi: Penerbit UKM.
- Avolio, B. J., & Bass, B. M. (2002). Manual for the multifactor leadership questionnaire (Form 5X). In *Mindgarden, Redwood City, CA*.
- Avolio, B. J., Bass, B. M., & Jung, D. I. (1999). Re-examining the components of transformational and transactional leadership using the Multifactor Leadership Questionnaire. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 72, 441–462.
<https://doi.org/10.1348/096317999166789>.
- Azizah, D., & Abd Halim, M. N. (2009). Kaitan zakat dan cukai di Malaysia. In M. N. Abd Halim, M. S. Ariffin, N. Rawi, M. S. Mastura, & T. Siti Nor Hidayah (Eds.), *Pengintegrasian zakat & cukai: Menerajui kecemerlangan zakat*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Azman, A. R., Mohammad, A., & Syed Mohd Najib, S. O. (2012). Zakat institution in Malaysia: Problems and issues. *Gjat*, 2(1), 35–41.
- Azman, I., Mohd Hamran, M., Hassan Al-Banna, M., Nurhana, M. R., & Karen, Z. (2010). Transformational and transactional leadership styles as a predictor of individual outcomes. *Theoretical and Applied Economics*, 17(6), 89–104.
- Bantel, K. A., & Jackson, S. E. (1989). Top management and innovation in banking: Does the

- composition of the top management make a difference. *Strategic Management Journal*, 10(Special Issue), 107–124. <https://doi.org/10.1002/smj.4250100709>.
- Barker, V. L., & Mueller, G. C. (2002). CEO characteristics and firm R & D spending. *Management Science*, 48(6), 782–801.
- Bass, B. M. (1985). *Leadership and performance beyond expectation*. New York: Free Press.
- Bass, B. M. (1997). Does the transactional-transformational leadership paradigm transcend organizational and national boundaries? *American Psychologist*, 52(2), 130–139. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.52.2.130>.
- Bass, B. M., & Bass, R. (2009). *The Bass handbook of leadership: Theory, research and managerial applications*. Simon and Schuster. <https://doi.org/10.2307/2064114>.
- Berthélemy, J. (2006). Bilateral donors' interest vs. recipients' development motives in aid allocation: Do all donors behave the same? *Review of Development Economics*, 10(2), 179–194. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9361.2006.00311.x>.
- Berthelemy, J. C., & Tichit, A. (2004). Bilateral donors' aid allocation decisions: A three-dimensional panel analysis. *International Review of Economics & Finance*, 13(3), 253–274.
- Besley, T., & Burgess, R. (2000, April). Does media make government more responsive? Theory and evidence from Indian famine relief policy. In *International Monetary Fund Seminar Series* (Vol. 10, pp. 1-40).
- Blekesaune, M. (2007). Economic conditions and public attitudes to welfare policies. *European Sociological Review*. <https://doi.org/10.1093/esr/jcm012>.
- Blom-Hansen, J., Monkerud, L. C., & Sørensen, R. (2006). Do parties matter for local revenue policies? A comparison of Denmark and Norway. *European Journal of Political Research*, 45(3), 445–465. <https://doi.org/10.1111/j.1475-6765.2006.00305.x>.
- Bobek, D. D., & Hatfield, R. C. (2003). An investigation of the role of planned behavior and

- the role of moral obligation in tax compliance. *Behavioral Research in Accounting*, 15(December), 13–38. <https://doi.org/10.2308/bria.2003.15.1.13>.
- Brauninger, T. (2005). A partisan model of government expenditure. *Public Choice*, 3/4, 409–429.
- Brown, R. D. (1995). Party cleavages and welfare effort in the American states. *The American Political Science Review*, 89(1), 23–33.
- Buchanan, R. J., Cappelleri, J. C., & Ohsfeldt, R. L. (1991). The social environment and Medicaid expenditures: Factors influencing the level of state Medicaid spending. *Public Administration Review*, 51(1), 67–73.
- Budge, I. (2001). Validating Party Policy Placements. *British Journal of Political Science*, 31(1), 210–223. <https://doi.org/10.1017/S0007123401230087>.
- Burns, J. (1978). *Leadership*. New York: Harper and Row.
- Carpenter, M. A., Geletkancz, M. A., & Sanders, W. G. (2004). Upper echelons research revisited: Antecedents, elements, and consequences of top management team composition. *Journal of Management*, 30(6), 749–778. <https://doi.org/10.1016/j.jm.2004.06.001>.
- Chaganti, R., & Sambharya, R. (1987). Strategic orientation and characteristics of upper management. *Strategic Management Journal*, 8(4), 393–401. <https://doi.org/10.1002/smj.4250080409>.
- Chen, C. (1995). New trends in rewards allocation preferences: A Sino-US comparison. *The Academy of Management Journal*, 38(2), 408–428.
- Chuang, T.-T., Nakatani, K., & Zhou, D. (2009). An exploratory study of the extent of information technology adoption in SMEs: An application of upper echelon theory. *Journal of Enterprise Information Management*, 22(1/2), 183–196. <https://doi.org/10.1108/17410390910932821>.

- Coakes, S. J. (2011). *SPSS : Analysis without Anguish:Version 18.0 for Windows* (Eighteen). Milton: John Wiley & Sons.
- Collier, P., & Dollar, D. (2002). Aid allocation and poverty reduction. *European Economic Review*, 46(8), 1475–1500. [https://doi.org/10.1016/S0014-2921\(01\)00187-8](https://doi.org/10.1016/S0014-2921(01)00187-8).
- Comiskey, M. (1993). Electoral competition and the growth of public spending in 13 industrial democracies, 1950 to 1983. *Comparative Political Studies*, 26(3), 350–374.
- Conlon, D. E., Porter, C. O. L. H., & MacLean Parks, J. (2004). The fairness of decision rules. *Journal of Management*, 30(3), 329–349. <https://doi.org/10.1016/j.jm.2003.04.001>.
- Cook, K. S., & Hegtvedt, K. A. (1983). Distributive justice, equity, and equality. *Annual Review of Sociology*, 9(1983), 217–241. <https://doi.org/10.1146/annurev.so.09.080183.001245>.
- Cooray, N. S., & Shahiduzzaman, M. (2004). Determinants of Japanese aid allocation: An econometric analysis. *International Development Series*, 4, 1–19.
- Dawson, P., & Dobson, S. (2010). The influence of social pressure and nationality on individual decisions: Evidence from the behaviour of referees. *Journal of Economic Psychology*, 31(2), 181–191. <https://doi.org/10.1016/j.joep.2009.06.001>.
- Dawson, R. E., & Robinson, J. A. (1963). Inter-party competition, economic variables and welfare policies in the American States. *The Journal of Politics*, 25(2), 265–289. <https://doi.org/10.2307/2128007>.
- Dohmen, T. J. (2008). The influence of social forces: Evidence from the behavior of football referees. *Economic Inquiry*, 46(3), 411–424. <https://doi.org/10.1111/j.1465-7295.2007.00112.x>.
- Economic Planning Unit. (2011). *Rancangan Malaysia Ke 10*. Prime Minister's Department, Putrajaya.

- Eza Ellany, A. L., Mohd Rizal, P., & Mohamat Sabri, H. (2014). Prestasi kecekapan agihan kewangan dan bukan kewangan di kalangan institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 51–60.
- Fabricant, S., & Lipsey, R. E. (1952). *Trends of government activity in the United States since 1990*. New York.
- Faravelli, M. (2007). How context matters: A survey based experiment on distributive justice. *Journal of Public Economics*, 91(7–8), 1399–1422. <https://doi.org/10.1016/j.jpubeco.2007.01.004>.
- Ferreira, F., & Gyourko, J. (2009). Do political parties matter? Evidence from U.S. cities. *The Quarterly Journal of Economics*, 124(1), 399–422.
- Field, A. (2009). *Discovering statistics using SPSS* (Third Ed). London: Sage Publication.
- Finkelstein, S., & Hambrick, D. C. (2010). Top-management-team tenure and organizational outcomes: The moderating role of managerial discretion, 35(3), 484–503.
- Fisher, G. W. (1961). Determinants of states and local government expenditure: A preliminary analysis. *National Tax Journal*, 14, 349–355.
- Fisher, G. W. (1964). Interstate variation in state and local government expenditure. *National Tax Journal*, 17(1), 57–74.
- Flanagin, A. J. (2000). Social pressures on organizational website adoption. *Human Communication Research*, 26(4), 618–646. <https://doi.org/10.1111/j.1468-2958.2000.tb00771.x>.
- Garand, J. C. (1985). Partisan change and shifting expenditure priorities in the American states, 1945-1978. *American Politics Quarterly*, 13(4), 355–391.
- Geletkanycz, M. A., & Black, S. S. (2001). Bound by the past? Experience-based effects on commitment to the strategic status quo. *Journal of Management*, 27, 3–21.
- Gerber, A. S., Green, D. P., & Larimer, C. W. (2008). Social pressure and voter turnout:

- Evidence from a large-scale field experiment. *American Political Science Review*, 102(February), 33–48. <https://doi.org/10.1017/S000305540808009X>.
- Grogan, C. M. (1994). Political-economic factors influencing state medicaid policy. *Political Research Quarterly*, 47(3), 589–622.
- Hair, J. ., Black, W. ., Babin, B. ., & Anderson, R. (2010). *Multivariate data analysis - A global perspective* (Seventh ed.). New Jersey: Pearson.
- Hairunnizam, W., & Radiah, A. K. (2010). Localization of Malaysian zakat distribution: Perceptions of amil and zakat recipients. In *Seventh International Conference - The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010* (pp. 461–484).
- Hairunnizam, W., Sanep, A., Mohd Ali, M. N., & Maryam, A. R. (2016). Prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan pengurusan agihan zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri. In *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia* (pp. 8–9).
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A. K. (2009a). Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapisan asnaf: Kajian di Malaysia. In *Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09 pada 10-11 Februari 2009 di APIUM* (pp. 1–17).
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A. K. (2009b). Pengagihan zakat oleh institutusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89–112.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A. K. (2012). Melokalisasikan urus tadbir pengagihan zakat: Peranan institusi masjid di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 83(3), 71–83.
- Hambrick, D. C., & Fukutomi, G. D. S. (1991). The Seasons of a CEO Tenure. *Academy of Management Review*, 16(4), 719–742. <https://doi.org/10.2307/258978>.
- Hambrick, D. C., Geletkanycz, M. A., & Fredrickson, J. W. (1993). Top executive commitment to the status quo: Some tests of its determinants. *Strategic Management*

- Journal*, 14(January), 401–418.
- Hambrick, D. C., & Mason, P. A. (1984). Upper Echelons: The organization as a reflection of its top managers. *The Academy of Management Review*, 9(2), 193–206.
- Hanno, D. M., & Violette, G. R. (1996). An analysis of moral and social influences on taxpayer behavior. *Behavioral research in Accounting*, 8, 57-75.
- Hassan, M. K., & Khan, J. M. (2007). Zakat, external debt and poverty reduction strategy in Bangladesh. *Journal of Economic Cooperation*, 28(4), 1–38.
- Havick, J. J. (1975). The determinants of state revenue sharing expenditures. *The Journal of Politics*, 37(2), 548–554.
- Herne, K., & Suojanen, M. (2004). The role of information in choices over income distributions. *Journal of Conflict Resolution*, 48(2), 173–193.
<https://doi.org/10.1177/0022002703262859>.
- Hook, J., & Cook, T. D. (1979). Equity theory and the cognitive ability of children. *Psychological Bulletin*, 86(3), 429–445.
- Hook, S. W., Taylor, B., & Schraeder, P. J. (1998). Clarifying the foreign aid puzzle: A comparison of American, Japanese, French, and Swedish aid flows. *World Politics*, 50(2), 294–323.
- Hoover, G. A., & Pecorino, P. (2005). The political determinants of federal expenditure at the state level. *Public Choice*, 123(1–2), 95–113. <https://doi.org/10.1007/s11127-005-7524-z>.
- Hwang, A. S., & Gray, V. (1991). External limits and internal determinants of state public policy. *The Western Political Quarterly*, 44(2), 277–298.
- Institusi zakat dipertikai. (2001). *Utusan Online*. Retrieved January 13, 2010.
- JAWHAR. (2007). *Manual pengurusan agihan zakat*. Retrieved March 8, 2010, from http://intranet.jawhar.gov.my/penerbitan/public/page_detail.php?id=73.

- JAWHAR. (2017). Statistik agihan zakat mengikut negeri. Retrieved June 10, 2017 from http://intranet.jawhar.gov.my/spmj/public/zkt_agihan_stat.php.
- Jeewon, C., & Stacey, K. (2008). Employees' distributive justice perceptions and organizational citizenship behaviors: A social exchange perspective. *Review of Business Research, 8*(6), 131–138.
- Jehle, G. (1994). Zakat and inequality: Some evidence from Pakistan. *Review of Income and Wealth, 40*(2), 205–217.
- Jennings Jr, E. (1979). Competition, constituencies and welfare policies in American states. *The American Political Science Review, 73*(2), 414–429.
- Jost, J. T., Glaser, J., Kruglanski, A. W., & Sulloway, F. J. (2003). Political conservatism as motivated social cognition. *Psychological Bulletin, 129*(3), 339–375. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.129.3.339>.
- Judge, T. A., & Piccolo, R. F. (2004). Transformational and transactional leadership: A meta-analytic test of their relative validity. *The Journal of Applied Psychology, 89*(5), 755–768. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.89.5.755>.
- Kamil, M. I. (2002). *Gelagat kepatuhan zakat gaji di kalangan kakitangan awam*. Unpublished doctoral thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Kamil, M. I. (2006). Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *Journal of Ethics, Legal and Governance, 2*, 32–41.
- Kenworthy, L. (1999). Do social-welfare policies reduce poverty? A cross-national assessment. *Social Forces, 77*(3), 1119–1139.
- Kerajaan belum bercadang menyelaraskan agihan zakat. (2009). *Utusan Malaysia*. Retrieved April 16, 2010.
- Kim, W. C., & Mauborgne, R. A. (1992). Parables of leadership. *Harvard Business Review*,

70(4), 123–128.

Konow, J. (1996). A positive theory of economic fairness. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 31, 13–35.

Konow, J. (2001). Fair and square: The four sides of distributive justice. *Journal of Economic Behavior and Organization*, 46(2), 137–164. [https://doi.org/10.1016/S0167-2681\(01\)00194-9](https://doi.org/10.1016/S0167-2681(01)00194-9).

Konow, J. (2003). Which is the fairest one of all? A positive analysis of justice theories. *Journal of Economic Literature*, 41(4), 1188–1239. <https://doi.org/10.1257/002205103771800013>.

Konow, J. (2009). Is fairness in the eye of the beholder? An impartial spectator analysis of justice. *Social Choice and Welfare*, 33(1), 101–127. <https://doi.org/10.1007/s00355-008-0348-2>.

Laporan Tahunan BNM 2016. (2017). Retrieved July 30, 2017, from http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bnm_publication&pg=bnm_ar&ac=39&bm.

Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2017). Retrieved July 30, 2017, from <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/penerima-zakat/#1479873406496-4d0d233a-2ae2>.

Leventhal, G. S. (1980). What should be done with equity theory? New approaches to the study of fairness in social relationship. In & R. H. W. (Eds. . S. K. J. Gergen, M. S. Greenberg (Ed.), *Social exchange: Advances in theory and research* (pp. 27–55). New York: Plenum.

Lipmeyer, C. S. (2002). Parties and policy: Evaluating economic and partisan influences on welfare policy. *British Journal of Political Science*, 32(4), 641–661.

Llavador, H. G., & Roemer, J. E. (2001). An equal-opportunity approach to the allocation of international aid. *Journal of Development Economics*, 64(1), 147–171.

[https://doi.org/10.1016/S0304-3878\(00\)00128-0](https://doi.org/10.1016/S0304-3878(00)00128-0).

- Mahmood, Z. (2003). *Pengurusan zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyuddin, A. B., & Abd Ghani, A. (2011). Towards achieving the quality of life in the management of zakat distribution to the rightful recipients (the poor and needy). *International Journal of Business and Social Science*, 2(4), 237–246.
- MAIWP. (2010). Definisi asnaf zakat. Retrieved February 9, 2010, from <http://maiwp.gov.my/index.php/perkhidmatan/bantuan-zakat-maiwp/358.html>.
- MAIWP, P. P. Z. (2009). *Laporan Zakat 2009*. Kuala Lumpur.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. (2017). Retrieved July 30, 2017, from http://www.maij.gov.my/?page_id=401.
- Malka, A., & Lelkes, Y. (2010). More than ideology: Conservative - liberal identity and receptivity to political cues. *Social Justice Research*, 23, 156–188. <https://doi.org/10.1007/s11211-010-0114-3>.
- McGillivray, M., & White, H. (1993). Explanatory studies of aid allocation among developing countries: A critical survey (No. 18942). International Institute of Social Studies of Erasmus University Rotterdam (ISS), The Hague.
- Md Hairi, M. H., Kamil, M. I., & Ram Al Jaffri, S. (2012). Ketelusan di dalam tadbir urus institusi zakat. In *Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat di Malaysia* (pp. 63–74). Langkawi, Kedah: Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Md Zyadi, M. T., & Mariam, A. M. (1999). Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia: Suatu perbandingan antara pengurusan awam dengan pengurusan swasta. In *Pascasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor* (pp. 293–306).
- Meindl, J. R. (1989). Managing to be fair: An exploration of values, motives, and leadership. *Administrative Science Quarterly*, 34(2), 252–276. <https://doi.org/10.2307/2989898>.

- Michelbach, P. A., Scott, J. T., Matland, R. E., & Bornstein, B. H. (2003). Doing Rawls Justice: An experimental study of income distribution norms. *American Journal of Political Science*, 47(3), 523–539.
- Mitchell, G., Tetlock, P. E., Mellers, B. A., & Ordóñez, L. D. (1993). Judgments of social justice: Compromises between equality and efficiency. *Journal of Personality and Social Psychology*, 65(4), 629–639. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.65.4.629>.
- Mitchell, G., Tetlock, P. E., Newman, D. G., & Lerner, J. S. (2003). Experiments behind the veil: Structural influences on judgments of social justice. *Political Psychology*, 24(3), 519–547. <https://doi.org/10.1111/0162-895X.00339>.
- Mogull, R. G. (1993). Determinants of states' welfare expenditures. *Journal of Socio-Economics*, 22(3), 259–276.
- Mohd Asri, Z. A. (2009). Agama bukan candu untuk mengkhayalkan orang miskin. Retrieved September 22, 2017, from <http://drmaza.com/home/?p=1228>.
- Mohd Harzrul, A. (2010). Institusi agama tercabar. *Harian Metro*, p. 9. Retrieved August 16, 2011.
- Mohd Hasriq, A. (2011). Hanya 45% bayar zakat. *Utusan Malaysia*, p. 7. Retrieved August 18, 2011.
- Mohd Parid, S. A. (2001). Kaedah pengagihan dana zakat: Satu perspektif Islam. In N. H. Nik Mustapha (Ed.), *Kaedah pengagihan dana zakat: Satu perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Radzi, M. Z. (2009, September 18). Hak zakat golongan mualaf. *Utusan Malaysia*. Retrieved September 4, 2010.
- Muhammad Syukri, S. (2002). Lokalisasi dan kolektivisi zakat: Satu cadangan teoritis. *Muzakarah Pakar Zakat Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia Di Universiti Kebangsaan Malaysia.*, 1–15.

- Muhammad Yusri, M (2017). CEO, pegawai Zakat Pulau Pinang didakwa rasuah. *BH Online*. Retrieved 8 February 2018.
- Mujaini, T. (2009). Memantapkan pelaksanaan agihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Satu saranan penambahbaikan. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 55–71.
- Murphy-Berman, V., & Et Al. (1984). Factors affecting allocation to needy and meritorious recipients: A cross-cultural comparison. *Journal of Personality and Social Psychology*, 46(6), 1267–1272. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.46.6.1267>.
- Musa, A., Abd Halim, M. N., Mujaini, T., Hasan, B., & Syawal, K. (2006). Pelaksanaan agihan zakat di Malaysia: Satu kaedah pengukuran prestasi. In I. Abd Ghafar & M. T. Hailani (Eds.), *Zakat: Persyariatan, Perekonomian dan Perundangan* (1st ed., pp. 201–212). Penerbit UKM.
- Musteen, M., Barker, V. L., & Baeten, V. L. (2006). CEO attributes associated with attitude toward change: The direct and moderating effects of CEO tenure. *Journal of Business Research*, 59(5), 604–612. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2005.10.008>.
- Neumayer, E. (2003a). Do human rights matter in bilateral aid allocation? A quantitative analysis of 21 donor countries. *Social Science Quarterly*, 84(3), 650–666. <https://doi.org/10.1111/1540-6237.8403010>.
- Neumayer, E. (2003b). The determinants of aid allocation by regional multilateral development banks and United Nations agencies. *International Studies Quarterly*, 47, 101–122.
- Neumayer, E. (2003c). What factors determine the allocation of aid by Arab countries and multilateral agencies? *Journal of Development Studies*, 39(4), 134. <https://doi.org/10.1080/713869429>.
- Nevill, A. M., Balmer, N. J., & Williams, A. M. (2002). The influence of crowd noise and experience upon refereeing decisions in football. *Psychology of Sport and Exercise*, 3,

261–272.

- Nik Mustapha, N. H. (2001). Semangat pengagihan zakat ke arah pembangunan ekonomi. In *Kaedah pengagihan dana zakat: Satu perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2011a). A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 43–62. <https://doi.org/10.1108/17590811111129508>.
- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2011b). Efficiency of zakat institutions and its determinants. *8th International Conference on Islamic Economics and Finance*, (October), 1–19.
- Norliza, W. (2008, November 8). Majlis agama perlu hebah agihan zakat. *Berita Harian*. Retrieved December 7, 2009.
- Northouse, P. G. (2007). *Leadership: Theory and Practise*. Thousand Oaks: CA: Sage.
- Owyang, M. T., & Zubairy, S. (2008). *The regional variation in the response to government spending shocks*. Federal Reserve Bank of St. Louis, Working Paper.
- Owyang, M. T., & Zubairy, S. (2010). Who benefits from increased government spending? A state level analysis. *Regional Science and Urban Economics*, 43(3), 445–464.
- Painter, G., & Bae, K. (2001). The changing determinants of state expenditure in the United States: 1965-1992. *Public Finance and Management*, 1(4), 370–392.
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using SPSS* (Fourth). Australia: Allen & Unwin.
- Patmawati, I. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2), 223–244.
- Plotnick, R. D., & Winters, R. F. (1985). A politico-economic theory of income redistribution. *The American Political Science Review*, 79(2), 458–473. <https://doi.org/10.2307/1956660>.

- Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Retrieved July 30, 2017, from <https://www.dosm.gov.my/>.
- PPZ-MAIWP. (2009). Objektif penubuhan PPZ-MAIWP. Retrieved March 4, 2010, from <http://www.zakat.com.my/info-ppz/>.
- Qardawi, Y. (1999). *Fiqh Al Zakah (Volume I): A comparative study of zakah, regulations and philosophy in the light of Qur'an and Sunnah*. Jeddah. Scientific Publishing Centre, King Abdulaziz University; Saudi Arabia.
- Ram Al Jaffri, S. (2016). Zakat dan persepsi buruk masyarakat. *Utusan Online*. Retrieved 9 February 2018.
- Ram Al Jaffri, S. (2010). *Gelagat kepatuhan zakat perniagaan di negeri Kedah*. Unpublished doctoral thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Ram Al Jaffri, S., Kamil, M. I., & Zainol, B. (2009a). Peranan sikap, moral, undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat perniagaan. *International Conference on Corporate Law (ICCL) 2009*, (June), 1–13.
- Ram Al Jaffri, S., Kamil, M. I., & Zainol, B. (2009b). Peraturan pembayaran zakat kepada institusi zakat: Sikap peniaga dan kesannya terhadap gelagat pembayaran zakat perniagaan. *Jurnal Syariah*, 17(3), 607–630.
- Rawls, J. (1999). *A theory of justice*. The Belknap Press of Harvard University Press.
- Revelli, F. (2007). Local media networks and social spending: Evidence from the UK. *Economic Letters*, 96, 144–149. <https://doi.org/10.1016/j.econlet.2006.12.029>.
- Robinson, P. (1999). The CNN effect: Can the news media drive foreign policy? *Review of International Studies*, 25, 301–309. <https://doi.org/10.1017/S0260210599003010>.
- Rosbi, A. R., Sanep, A., & Hairunnizam, W. (2008). Pelaksanaan bantuan modal zakat: Analisis perbandingan. In *Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia 2008* (pp. 450–459).
- Roubini, N., & Sachs, J. D. (1989). Political and economic determinants of budget deficits in

- the industrial democracies. *European Economic Review*, 33, 903–938.
- Rozmal, M. (2005, November 24). MAINS diminta dedah agihan zakat. *Berita Harian*. Retrieved October 12, 2009.
- Sacks, S., & Harris, R. (1964). The determinants of state and local government expenditures and intergovernmental flows of funds. *National Tax Journal*, 17(1), 75–85.
- Sanep, A., Hairunnizam, W., & Adnan, M. (2006). Penswastaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 13(2), 175–196.
- Scott, J. T., & Bornstein, B. H. (2009). What's fair in foul weather and fair? Distributive justice across different allocation contexts and goods. *The Journal of Politics*, 71(3), 831. <https://doi.org/10.1017/S0022381609090744>.
- Scott, J. T., Matland, R. E., Michelbach, P. A., & Bornstein, B. H. (2001). Just deserts: An experimental study of distributive justice norms. *American Journal of Political Science*, 45(4), 749. <https://doi.org/10.2307>.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business* (Fourth Ed). New York: John Wiley & Sons.
- Shaarani, I. (2010). 67 peratus syarikat layak belum bayar zakat. *Berita Harian*, p. 42. Retrieved June 26, 2011.
- Shawal, K., & Hasan, B. (2007). Amalan “corporate governance” dalam pengurusan institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 53–70.
- Shirazi, N. S. (2006). Providing for the resource shortfall for poverty elimination through the institution of zakat in low income Muslim countries. *IIUM Journal of Economics and Management*, 14(1), 1–27.
- Simon, A. (1997). Television news and international earthquake relief. *Journal of Communication*, 47(3), 82–93. <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1997.tb02718.x>.

- Skitka, L. J., & Tetlock, P. E. (1992). Allocating scarce resources: A contingency model of distributive justice. *Journal of Experimental Social Psychology*, 28(6), 491–522.
- Skitka, L. J., & Tetlock, P. E. (1993). Providing public assistance: Cognitive and motivational processes underlying liberal and conservatives policy preferences. *Journal of Personality and Social Psychology*, 65(6), 1205–1223.
- Smith, J. R., & McSweeney, A. (2007). Charitable giving: The effectiveness of a revised theory of planned behaviour model in predicting donating intentions and behaviour. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 17, 363–386.
- Smith, S., & Albaum, G. (2005). *Fundamental of marketing research*. Sage Publication.
- Stake, J. E. (1983). Factors in reward distribution: Allocator motive, gender and protestant ethic endorsement. *Journal of Personality and Social Psychology*, 44(2), 410–418.
<https://doi.org/10.1037/0022-3514.44.2.410>.
- Stice, E., Maxfield, J., & Wells, T. (2002). Adverse effects of social pressure to be thin on young women: An experimental investigation of the effects of "Fat Talk".
<https://doi.org/10.1002/eat.10171>.
- Tabachnick, B. ., & Fidell, L. . (2007). *Using Multivariate Statistics* (Fifth Ed). Boston: Allyn and Bacon.
- Tatum, B. C., Eberlin, R., Kottraba, C., & Bradberry, T. (2003). Leadership, decision making, and organizational justice. *Management Decision*, 41(10), 1006–1016.
<https://doi.org/10.1108/00251740310509535>.
- Terjemahan Hadis Sahih Bukhary*. (1989). Singapore: Darel Fajr Publishing House.
- Tetlock, P. E., & Mitchell, G. (1993). Liberal and conservative approaches to justice: Conflicting psychological portraits. In *Psychological perspectives on justice: Theory and applications* (pp. 234–255).
- Thomas, A. S., Litschert, R. J., & Ramaswamy, K. (1991). The performance impact of

- strategy - manager coalignment: An empirical examination. *Strategic Management Journal*, 12(7), 509–522. <https://doi.org/10.1002/smj.4250120704>.
- Toikka, R., Gais, T., Nikolov, P. V., & Billen, P. (2004). Spending on social welfare programs in rich and poor states (No. 0410006). EconWPA.
- Townsend, P. (1987). Deprivation. *Journal of Social Policy*, 16(2), 125–146. <https://doi.org/10.1017/S0047279400020341>.
- Tyler, B. B., & Steensma, K. H. (1998). The effects of executives' experiences and perceptions on their assessment of potential technological alliances. *Strategic Management Journal*, 19(10), 939–965. [https://doi.org/10.1002/\(SICI\)1097-0266\(199810\)19:10<939::AID-SMJ978>3.0.CO;2-Z](https://doi.org/10.1002/(SICI)1097-0266(199810)19:10<939::AID-SMJ978>3.0.CO;2-Z).
- United Nations Development Programme. (2010). *Human Development Report 2010*. Retrieved April 18, 2011, from <http://hdr.undp.org/en/content/human-development-report-2010>.
- Vigna, S. Della, List, J. A., & Malmendier, U. (2009). Testing for altruism and social pressure in charitable giving. *The Quarterly Journal of Economics*, 127(1), 1-56.
- Wahbah, Z. (2005). *Usul al Fiqh al Islami*. Damsyiq: Dar al Fikr.
- Wehrich, H., Kannice, M. V., & Koontz, H. (2009). *Management: A global and entrepreneurial perspectives*. New Delhi: McGraw-Hill.
- White, H., & McGillivray, M. (1995). How well is aid allocated? Descriptive measures of aid allocation: A survey of methodology and results. *Development and Change*, 26(1), 163–183. <https://doi.org/10.1111/j.1467-7660.1995.tb00547.x>.
- Wiersema, M. F., & Bantel, K. A. (1992). Top management team demography and corporate strategic change. *Academy of Management Journal*, 35(1), 91–121. <https://doi.org/138.232.236.8>.
- Yukl, G. (2006). *Leadership in organizations*. (P. P. Hall, Ed.) (6th ed.). Upper Saddle River.

- Zahri, H. (2009). Business zakat accounting and taxation. In *Conference on Islamic Perspectives on Management and Finance* (pp. 13–18).
- Zainol, B. (2008). *Faktor-faktor penentu niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*. Unpublished doctoral thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Zainol, B., Kamil, M. I., & Faridahwati, M. S. (2009). Predicting compliance intention on zakah on employment income in Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 28, 85–103.
- Zulkefly, A. K., Mohd. Azlan Shah, Z., & Hairunnizam, W. (2006). Pendapatan dan sasaran perbelanjaan dana zakat di negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu dan cabaran. *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian Dan Perundangan*, 130–148.
- Zulkifli, M. (2010). Enggan bayar zakat, denda RM1,000. *Kosmo*, p. 4. Retrieved August 18, 2011.



LAMPIRAN A1: SOAL SELIDIK

KAJIAN FAKTOR-FAKTOR PENENTU PERUNTUKAN AGIHAN ZAKAT

Tuan/Puan,


Saya adalah seorang pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), sedang menjalankan kajian berhubung dengan faktor-faktor penentu peruntukan agihan zakat di setiap institusi zakat di Malaysia. Bagi menjayakan kajian ini, tuan/puan telah terpilih sebagai responden kajian.

Saya memohon jasa baik tuan/puan agar dapat meluangkan sedikit masa untuk mengisi soal selidik yang diberikan. Soal selidik ini perlu diisi tanpa prejudis atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Saya memberi jaminan segala maklumat yang pihak tuan/puan berikan adalah **RAHSIA** dan **SULIT**. Semua maklumat yang diberikan adalah semata-mata untuk kajian ini. Setelah kajian ini selesai, semua maklumat tersebut akan dimusnahkan.

Penglibatan dan kerjasama tuan/puan amatlah diharapkan kerana maklumat yang diberikan mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat Islam, khususnya dalam usaha meningkatkan keyakinan mereka terhadap institusi zakat di negara ini.

Sekian. Terima kasih.



Aryati Juliana Sulaiman
Pensyarah
Pusat Pengajian Perakaunan
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
06000 Sintok
Kedah Darul Aman
Tel: 019-4712777
E-mel: aryati@uum.edu.my

BAHAGIAN A

Pernyataan di bawah adalah berkaitan dengan amalan peruntukan agihan zakat yang dibuat di institusi zakat anda. Bagi setiap pernyataan di bawah, sila bulatkan pada angka yang sesuai mengikut pandangan anda. **PENTING:** Tolong tandakan **JAWAPAN** bagi **SEMUA** soalan.

	Sangat tidak setuju				Sangat setuju
1. Peruntukan agihan zakat dibuat berdasarkan keadaan ekonomi semasa .	1	2	3	4	5
2. Asnaf fakir miskin akan diberikan keutamaan sekiranya kadar kemiskinan meningkat.	1	2	3	4	5
3. Kadar pengangguran diambil kira dalam peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5
4. Peruntukan agihan zakat bergantung anggaran jumlah kutipan zakat yang akan diperolehi.	1	2	3	4	5
5. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf adalah berdasarkan jumlah borang permohonan yang dibuat daripada asnaf.	1	2	3	4	5
6. Kebiasaannya peruntukan agihan zakat tahun-tahun lepas menjadi rujukan utama dalam membuat peruntukan agihan zakat tahun semasa.	1	2	3	4	5
7. Bancian setiap kategori asnaf dilakukan sebelum peruntukan agihan zakat dibuat.	1	2	3	4	5
8. Peruntukan agihan zakat tidak mengambil kira keadaan ekonomi semasa .	1	2	3	4	5
9. Bukan menjadi amalan institusi zakat kami untuk merujuk kepada kadar kemiskinan dalam membuat peruntukan agihan zakat.	1	2	3	4	5
10. Kadar pengangguran bukan panduan utama dalam peruntukan agihan zakat yang dibuat.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN B

Bagi setiap pernyataan di bawah, sila bulatkan pada angka yang sesuai bagi menunjukkan pandangan anda tentang tekanan politik dari kerajaan negeri terhadap keputusan peruntukan agihan zakat yang dibuat di institusi zakat anda. **PENTING: Tolong tandakan JAWAPAN bagi SEMUA soalan.**

	Sangat tidak setuju				Sangat setuju
1. Kerajaan negeri memberi cadangan terhadap peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5
2. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf-asnaf tertentu dibuat atas desakan kerajaan negeri.	1	2	3	4	5
3. Pihak institusi zakat menerima arahan daripada kerajaan negeri dalam peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5
4. Pihak institusi zakat terpaksa menurut kemahuan atau permintaan kerajaan negeri dalam hal peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5
5. Terdapat campur tangan daripada kerajaan negeri dalam hal peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5
6. Institusi zakat adalah sebuah badan bebas yang tiada kena mengena dengan parti politik yang memerintah.	1	2	3	4	5
7. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf yang dibuat bukan dipengaruhi oleh mana-mana parti politik.	1	2	3	4	5
8. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf dibuat sama sekali tidak mengambil kira pandangan atau tekanan dari parti politik yang memerintah.	1	2	3	4	5
9. Institusi zakat tidak mengikut telunjuk parti politik yang memerintah di dalam membuat peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5
10. Masalah tidak akan timbul sekiranya institusi zakat mengambil kira pandangan kerajaan negeri dalam urusan peruntukan agihan zakat.	1	2	3	4	5

BAHAGIAN C

Penyataan di bawah berkaitan dengan tekanan sosial ke atas keputusan peruntukan agihan zakat yang dibuat di institusi zakat anda. Bagi setiap pernyataan di bawah, sila bulatkan pada angka yang sesuai mengikut pandangan anda. **PENTING:** Tolong tandakan **JAWAPAN** bagi **SEMUA** soalan.

	Sangat tidak setuju				Sangat setuju
1. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf adalah mengikut apa yang dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji zakat .	1	2	3	4	5
2. Alim ulama memberi pendapat tentang bagaimana peruntukan agihan zakat kepada asnaf perlu dilakukan.	1	2	3	4	5
3. Masyarakat Islam menyokong peruntukan agihan zakat kepada asnaf yang dibuat berdasarkan jumlah permohonan.	1	2	3	4	5
4. Pihak JAWHAR tidak mempunyai kuasa dalam menentukan peruntukan agihan zakat kepada asnaf pada peringkat negeri.	1	2	3	4	5
5. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf yang dibuat mengambil kira pendapat alim ulama .	1	2	3	4	5
6. Pengkaji-pengkaji zakat memberi cadangan bagaimana peruntukan agihan zakat kepada asnaf perlu dibuat.	1	2	3	4	5
7. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf yang dibuat mengikut jumlah permohonan akan mendapat sokongan masyarakat Islam .	1	2	3	4	5
8. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf yang dibuat mengambil kira desakan dari pihak media .	1	2	3	4	5
9. Pihak JAWHAR memberi nasihat mengenai peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5

	Sangat tidak setuju				Sangat setuju
10. Pihak media merupakan sumber terpenting dalam peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5
11. Institusi zakat lain menjadi rujukan dalam peruntukan agihan zakat kepada asnaf.	1	2	3	4	5
12. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf dibuat lebih kurang sama dengan institusi zakat lain.	1	2	3	4	5
13. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf mengambil berat pandangan pihak JAWHAR.	1	2	3	4	5
14. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf mengambil berat pandangan pihak media.	1	2	3	4	5
15. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf mengambil berat pandangan pengkaji-pengkaji zakat.	1	2	3	4	5
16. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf mengambil berat pandangan alim ulama.	1	2	3	4	5
17. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf mengambil berat pandangan institusi zakat lain.	1	2	3	4	5
18. Peruntukan agihan zakat kepada asnaf mengambil berat pandangan masyarakat Islam.	1	2	3	4	5

Sila berikan cadangan/komen (sekiranya ada)

BAHAGIAN D

Berikut adalah pernyataan-pernyataan berkaitan **motif agihan zakat**. Sila nyatakan turutan keutamaan motif agihan zakat di institusi zakat anda. Bagi setiap pernyataan di bawah, sila isikan turutan anda mengikut keutamaan di dalam ruang yang disediakan dengan menggunakan angka 1 hingga 10. Berikan angka 1 kepada pilihan jawapan yang paling tidak utama, diikuti dengan angka 2 untuk pilihan kedua dan seterusnya. **PENTING: Tolong tandakan JAWAPAN bagi SEMUA soalan.**

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Paling Tidak Utama

Paling Utama

1. Memastikan keperluan-keperluan asnaf dipenuhi.	
2. Berdakwah, meningkatkan akidah umat Islam dan menegakkan syiar Islam.	
3. Membangunkan masyarakat Islam dalam bidang pendidikan dan modal insan.	
4. Meningkatkan produktiviti dan motivasi staf institusi zakat.	
5. Memupuk perpaduan dan semangat muhibah sesama umat Islam.	
6. Meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam yang miskin.	
7. Mengurangkan masalah sosial seperti pelacuran, penyeludupan manusia, perhambaan dan sebagainya.	
8. Membantu mereka yang menghadapi masalah hutang atau kesempitan kewangan.	
9. Mewujudkan masyarakat Islam yang seimbang dari ekonomi, rohani, duniawi dan ukhrawi.	
10. Memberi keyakinan kepada pembayar zakat dan masyarakat Islam.	

Sila berikan cadangan/komen (sekiranya ada)

BAHAGIAN E

Bagi setiap pernyataan di bawah, sila tandakan angka yang sesuai mengikut pandangan anda.
PENTING: Tolong tandakan JAWAPAN bagi SEMUA soalan.

	Sangat tidak setuju				Sangat setuju
✓ 1. Masyarakat kita perlu melakukan apa yang perlu bagi memastikan semua orang mempunyai peluang yang sama untuk berjaya.	1	2	3	4	5
✓ 2. Kita telah terlalu jauh dalam memperjuangkan kesamaan hak di negara ini.	1	2	3	4	5
✓ 3. Salah satu masalah besar negara ini adalah kita tidak diberikan peluang yang sama rata.	1	2	3	4	5
✓ 4. Negara ini akan lebih baik sekiranya kita kurang mengambil kisah tentang kesamaan antara kita.	1	2	3	4	5
✓ 5. Ia bukanlah suatu masalah besar sekiranya ada antara kita mendapat peluang yang lebih dalam kehidupan berbanding dengan yang lain.	1	2	3	4	5
✓ 6. Masalah akan berkurangan jika semua orang dilayan sama rata.	1	2	3	4	5
✓ 7. Setiap asnaf sepatutnya mendapat wang zakat kerana mereka sememangnya berhak.	1	2	3	4	5
✓ 8. Peruntukan agihan zakat adalah adil walaupun zakat yang diterima asnaf tidak sama rata.	1	2	3	4	5
✓ 9. Fakir miskin sepatutnya diberikan keutamaan di dalam peruntukan agihan zakat.	1	2	3	4	5
✓ 10. Adalah tidak menjadi masalah sekiranya lebih peruntukan diberikan kepada golongan lain selain fakir miskin.	1	2	3	4	5
✓ 11. Pada masa kini, gaya hidup alaf baru banyak menyumbang kepada kepincangan masyarakat.	1	2	3	4	5

		Sangat tidak setuju			Sangat setuju	
		1	2	3	4	5
K	12. Dunia sentiasa berubah dan kita harus menyesuaikan pandangan kita dengan perubahan yang berlaku asal tidak melanggar hukum.	1	2	3	4	5
K	13. Negara ini akan mempunyai kurang masalah sekiranya penekanan yang lebih dapat diberikan kepada hubungan kekeluargaan secara Islam.	1	2	3	4	5
K	14. Kita perlu bertolak ansur dengan orang yang memilih untuk hidup mengikut cara mereka sendiri walaupun ia bertentangan dengan cara hidup kita selagi mana tidak bertentangan dengan akidah Islam.	1	2	3	4	5
K	15. Sesuai dengan peredaran masa, beberapa perubahan telah dilakukan di dalam institusi zakat.	1	2	3	4	5
K	16. Institusi zakat sentiasa mengalu-alukan cadangan dan pandangan orang ramai tentang perubahan yang diperlukan di dalam institusi zakat.	1	2	3	4	5
K	17. Kita tidak perlu mengikut perubahan zaman dalam hal peruntukan agihan zakat.	1	2	3	4	5
K	18. Institusi zakat sentiasa bersifat terbuka dalam hal peruntukan agihan zakat.	1	2	3	4	5
K	19. Perluasan tafsiran asnaf bukanlah suatu perkara yang penting dalam hal agihan zakat.	1	2	3	4	5
K	20. Kita perlu mengekalkan tradisi kita dalam hal peruntukan agihan zakat.	1	2	3	4	5

Sila berikan cadangan/komen (sekiranya ada)

BAHAGIAN F

Nilai setiap pernyataan dan putuskan berapa kerap pernyataan tersebut sesuai dengan diri anda. Perkataan "orang lain" merujuk kepada pekerja-pekerja bawahan dan ahli-ahli lain yang terlibat di dalam membuat keputusan peruntukan agihan zakat kepada asnaf. **PENTING:** Tolong tandakan **JAWAPAN** bagi **SEMUA** soalan.

	Tidak pernah 1	Jarang-jarang 2	Kadang-kadang 3	Sering kali 4	Selalu 5
1. Saya membuat orang lain merasa selesa apabila bersama saya.	1	2	3	4	5
2. Saya menyatakan secara ringkas tentang apa dan patut dibuat.	1	2	3	4	5
3. Saya membuatkan orang lain berfikir mengatasi masalah lama dengan cara yang baru.	1	2	3	4	5
4. Saya membantu orang lain membangunkan diri mereka.	1	2	3	4	5
5. Saya memberitahu orang lain tentang apa yang patut dilakukan sekiranya mereka mahukan ganjaran atas kerja mereka.	1	2	3	4	5
6. Saya merasa puas hati apabila orang lain mencapai piawaian yang dipersetujui.	1	2	3	4	5
7. Saya berpuas hati melihat orang lain terus bekerja dengan cara yang biasa dilakukan.	1	2	3	4	5
8. Orang lain menaruh kepercayaan terhadap saya.	1	2	3	4	5
9. Saya memberikan gambaran yang menarik tentang apa yang boleh dilakukan.	1	2	3	4	5

	Tidak pernah 1	Jarang-jarang 2	Kadang-kadang 3	Sering kali 4	Selalu 5
10. Saya menyediakan cara-cara baru untuk orang lain apabila berdepan dengan perkara-perkara yang membingungkan.	1	2	3	4	5
11. Saya memaklumkan kepada orang lain pandangan saya tentang apa yang mereka lakukan.	1	2	3	4	5
12. Saya menyediakan pengiktirafan serta ganjaran apabila orang lain mencapai matlamat mereka.	1	2	3	4	5
13. Selagi mana semua berjalan lancar, saya tidak cuba untuk mengubah apa-apa.	1	2	3	4	5
14. Saya tiada masalah tentang apa saja orang lain mahu lakukan.	1	2	3	4	5
15. Orang lain merasa bangga apabila dikaitkan dengan saya.	1	2	3	4	5
16. Saya membantu orang lain mencari nilai dalam kerja mereka.	1	2	3	4	5
17. Saya membuatkan orang lain berfikir semula tentang idea yang tidak pernah mereka persoalkan dahulu.	1	2	3	4	5
18. Saya memberikan perhatian peribadi kepada orang lain yang seolah-olah tidak diendahkan.	1	2	3	4	5

	Tidak pernah 1	Jarang-jarang 2	Kadang-kadang 3	Sering kali 4	Selalu 5
19. Saya menumpukan perhatian kepada apa yang boleh orang lain dapat atas apa yang mereka capai.	1	2	3	4	5
20. Saya memaklumkan kepada orang lain piawaian yang mereka patut tahu untuk menjalankan kerja-kerja mereka.	1	2	3	4	5
21. Saya tidak meminta lebih dari apa yang perlu daripada orang lain.	1	2	3	4	5

Sila berikan cadangan/komen (sekiranya ada)



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAHAGIAN G

Sila nyatakan turutan keutamaan peruntukan agihan zakat di institusi zakat anda. Bagi setiap asnaf di bawah, sila isikan turutan anda mengikut keutamaan di dalam ruang yang disediakan dengan menggunakan angka 1 hingga 8. Berikan angka 1 kepada pilihan jawapan yang paling utama, diikuti dengan angka 2 untuk pilihan kedua dan seterusnya. PENTING: Tolong tandakan JAWAPAN bagi SEMUA soalan.

1 2 3 4 5 6 7 8

Paling Utama

Paling Tidak Utama

Asnaf	Turutan berdasarkan kepentingan	Turutan berdasarkan jumlah permohonan
Fakir		
Miskin		
Amil		
Mualaf		
Al-Riqab		
Al-Gharimin		
Ibni Sabil		
Fi Sabilillah		

BAHAGIAN H

DEMOGRAFI

Mohon isikan ruangan di bawah.

1. Umur _____ tahun
2. Nama jawatan (sekarang) _____
3. Tempoh jawatan dipegang _____ tahun
4. Bidang pendidikan _____
5. Tahap pendidikan (Sila tandakan \checkmark dalam kotak yang berkenaan)

Doktor falsafah (PhD)	
Sarjana	
Sarjana Muda	
Diploma	
Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)	
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	
Sijil Rendah Pelajaran (SRP)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR)	
Lain-lain, sila nyatakan.	

6. Pengalaman kerjaya

- (i) Jawatan _____ Tempoh _____
- (ii) Jawatan _____ Tempoh _____

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN.

LAMPIRAN A2: SURAT SOKONGAN KUTIPAN DATA KAJIAN

'KEDAH SEJAHTERA'

Tarikh

Kepada sesiapa yang berkenaan

Tuan

KEBENARAN KUTIPAN DATA KAJIAN PhD

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Puan Aryati Juliana Sulaiman merupakan seorang pensyarah dan pelajar PhD di Pusat Pengajian Perakaunan, UUM. Beliau sedang menjalankan kajian berhubung dengan Faktor-faktor Penentu Peruntukan Agihan Zakat di Malaysia. Bagi menjayakan kajian beliau, maklumat tentang peruntukan agihan zakat yang dibuat di institusi zakat amat diperlukan.

Sehubungan dengan itu, saya amat berharap agar pihak tuan dapat memberikan kerjasama kepada beliau dengan meluangkan sedikit masa dan memberikan segala maklumat yang diperlukan. Semoga usaha murni tuan dapat memartabatkan lagi institusi zakat.

Pelajar berkenaan boleh dihubungi di talian 019-4712777 atau e-mel aryati@uum.edu.my. Pertimbangan dan kerjasama tuan dalam kajian ini sangat kami hargai.

Sekian. Terima kasih.

'ILMU BUDI BAKTI'

Yang menjalankan tugas,

(PROF. DR. KAMIL MD. IDRIS)

Dekan
Pusat Pengajian Perakaunan
Kolej Perniagaan

LAMPIRAN B: STATISTIK AGIHAN ZAKAT



Statistik Agihan Zakat 2010

	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Riqab	Gharimin	Fisabilillah	IbnuSabil
Johor	13,402,328.92	29,404,652.03	13,561,051.51	8,098,428.14	0.00	2,623,277.94	47,809,382.71	153,151.70
Kedah	2,578,412.90	25,473,986.36	6,267,166.45	1,184,068.18	0.00	46,549.15	30,290,887.23	220,725.00
Kelantan	0.00	43,746,369.00	10,463,020.00	900,159.00	0.00	8,300.00	9,684,878.00	3,850.00
Melaka	13,105,063.33	1,121,227.42	5,132,163.68	1,718,907.87	0.00	3,448,820.50	6,859,251.28	7,124.65
N.Sembilan	1,339,247.25	13,206,293.55	6,904,598.98	4,001,688.89	10,805,949.01	2,060,098.42	13,061,989.02	360,407.50
Pahang	6,065,073.00	6,504,316.00	10,034,444.00	2,919,110.00	27,220.00	117,222.00	32,357,017.00	579,704.00
P.Pinang	2,949,008.15	23,383,485.64	5,432,218.56	865,871.66	0.00	1,054,281.35	20,406,816.37	260,831.30
Perak	0.00	35,570,417.00	9,018,140.00	2,015,944.00	0.00	311,572.00	19,195,326.00	681,635.00
Perlis	860,860.00	7,133,528.00	2,043,579.00	248,247.00	0	0	19,456,113.00	4,170.00
Selangor	50,340,016.00	76,862,543.00	42,116,815.00	19,956,580.00	2,454,920.00	29,105,926.00	108,303,881.00	1,223,822.00
Terengganu	12,858,423.54	21,947,385.96	7,342,070.78	1,802,978.19	19,500.00	371,021.98	17,260,083.74	143,198.00
Sabah	9,585,678.28	6,643,990.65	2,836,058.43	1,790,920.00	0.00	7,247.66	5,154,457.22	3,437.00
Sarawak	4,920,039.60	2,729,373.00	3,945,864.87	401,829.96	0.00	580	11,922,488.63	2,636.00
W.Persekutuan	42,281,905.00	37,755,833.00	23,644,375.00	3,958,854.00	0.00	2,568,388.00	75,596,066.00	716,461.00

Peratusan Agihan Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Secara Keseluruhan (%)

Johor	11.65	25.56	11.79	7.04	0.00	2.28	41.55	0.13
Kedah	3.90	38.56	9.49	1.79	0.00	0.07	45.85	0.33
Kelantan	0.00	67.50	16.14	1.39	0.00	0.01	14.94	0.01
Melaka	41.75	3.57	16.35	5.48	0.00	10.99	21.85	0.02
N.Sembilan	2.59	25.52	13.34	7.73	20.88	3.98	25.25	0.70
Pahang	10.35	11.10	17.12	4.98	0.05	0.20	55.21	0.99
P.Pinang	5.43	43.02	9.99	1.59	0.00	1.94	37.55	0.48
Perak	0.00	53.25	13.50	3.02	0.00	0.47	28.74	1.02
Perlis	2.89	23.98	6.87	0.83	0.00	0.00	65.41	0.01
Selangor	15.24	23.27	12.75	6.04	0.74	8.81	32.78	0.37
Terengganu	20.83	35.55	11.89	2.92	0.03	0.60	27.95	0.23
Sabah	36.84	25.53	10.90	6.88	0.00	0.03	19.81	0.01
Sarawak	20.57	11.41	16.49	1.68	0.00	0.00	49.84	0.01
W.Persekutuan	22.67	20.24	12.68	2.12	0.00	1.38	40.53	0.38

Statistik Agihan Zakat 2011

	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Riqab	Gharimin	Fisabilillah	IbnuSabil
Johor	14,891,099.42	34,913,964.36	15,676,137.67	9,222,345.21	0.00	3,983,001.53	72,609,715.39	131,214.97
Kedah	3,309,016.90	31,671,848.04	10,168,583.58	1,454,300.00	0.00	20,636.00	32,425,049.05	751,865.00
Kelantan	0.00	54,989,660.49	10,928,820.27	939,417.42	0.00	8,800.00	13,149,370.19	30,590.00
Melaka	10,237,833.58	3,309,685.06	5,672,509.77	1,822,599.60	0.00	3,018,084.00	10,212,799.64	3,703.55
N.Sembilan	1,157,065.00	13,818,240.00	5,757,408.00	4,475,037.00	13,551,700.00	2,230,842.00	17,397,966.00	954,259.00
Pahang	9,485,251.00	7,001,369.00	9,964,253.00	3,397,352.00	0.00	123,900.00	29,209,375.00	428,127.00
P.Pinang	3,261,992.80	24,058,860.15	5,035,044.43	959,223.01	0.00	1,400,391.38	18,203,923.27	215,351.20
Perak	0.00	40,709,404.59	1,536,549.77	2,421,094.27	0.00	685,768.72	21,356,029.90	877,314.60
Perlis	883,000.00	7,471,981.00	2,653,213.00	284,283.00	2,346,272.00	9,920.00	29,789,537.00	8,865.00
Selangor	35,550,504.00	74,996,599.00	49,174,981.00	15,484,722.00	7,756,532.00	31,408,237.00	156,104,625.00	1,244,761.00
Terengganu	12,492,075.15	21,166,362.21	9,513,086.79	2,281,681.20	24,500.00	55,680.01	19,313,871.66	195,648.50
Sabah	13,637,582.22	6,019,898.77	3,690,811.61	1,886,558.50	0.00	1,984.00	5,105,633.38	2,047,515.00
Sarawak	5,897,022.00	3,126,112.00	4,181,516.00	680,312.00	0.00	3,220.00	13,166,795.00	2,733.00
W.Persekutuan	56,837,761.00	58,526,035.00	27,807,763.00	6,642,566.00	0.00	3,770,992.00	91,118,598.00	2,145,720.00

Peratusan Agihan Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Secara Keseluruhan (%)

Johor	9.83	23.06	10.35	6.09	0.00	2.63	47.95	0.09
Kedah	4.15	39.69	12.74	1.82	0.00	0.03	40.63	0.94
Kelantan	0.00	68.70	13.65	1.17	0.00	0.01	16.43	0.04
Melaka	29.87	9.66	16.55	5.32	0.00	8.80	29.79	0.01
N.Sembilan	1.95	23.29	9.70	7.54	22.84	3.76	29.32	1.61
Pahang	15.91	11.75	16.72	5.70	0.00	0.21	49.00	0.72
P.Pinang	6.14	45.28	9.48	1.81	0.00	2.64	34.26	0.41
Perak	0.00	60.23	2.27	3.58	0.00	1.01	31.60	1.30
Perlis	2.03	17.20	6.11	0.65	5.40	0.02	68.57	0.02
Selangor	9.56	20.18	13.23	4.17	2.09	8.45	42.00	0.33
Terengganu	19.20	32.54	14.62	3.51	0.04	0.09	29.69	0.30
Sabah	42.10	18.59	11.39	5.82	0.00	0.01	15.76	6.32
Sarawak	21.61	11.46	15.33	2.49	0.00	0.01	48.26	0.01
W.Persekutuan	23.03	23.71	11.27	2.69	0.00	1.53	36.91	0.87

Statistik Agihan Zakat 2012

	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Riqab	Gharimin	Fisabilillah	IbnuSabil
Johor	16,891,288.31	43,795,285.74	15,693,967.92	10,867,450.50	0.00	511,120.79	55,320,558.98	266,898.52
Kedah	5,261,080.00	38,659,996.71	5,561,443.89	1,393,320.00	0.00	2,000.00	41,337,647.78	199,665.00
Kelantan	0.00	67,660,349.85	14,364,027.85	1,320,796.50	0.00	22,500.00	17,470,921.96	12,049.00
Melaka	5,741,935.79	7,385,210.22	7,107,359.33	3,104,859.89	600,000.00	3,845,563.00	21,200,986.34	54,959.30
N.Sembilan	968,331.20	16,232,219.71	6,427,797.15	5,063,713.89	12,268,878.83	1,884,470.25	18,428,803.82	188,388.00
Pahang	11,822,444.00	8,037,682.00	15,670,295.00	4,299,278.00	4,000.00	1,120,368.00	39,634,727.00	458,505.00
P.Pinang	5,472,487.50	27,303,375.54	10,583,303.09	3,664,268.20	0.00	1,260,544.65	20,069,026.08	318,391.40
Perak	0.00	45,725,081.26	11,099,694.02	3,243,599.99	0.00	473,392.55	21,526,413.49	615,387.55
Perlis	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
Selangor	44,331,005.00	94,851,508.00	56,415,628.00	23,080,149.00	6,935,823.00	33,735,823.00	140,471,029.00	1,896,717.00
Terengganu	13,337,537.53	33,052,164.80	10,502,142.38	3,039,829.80	19,800.00	105,838.04	24,429,953.42	31,230.00
Sabah	15,973,521.49	7,070,178.45	3,869,688.22	2,740,354.10	0.00	35,902.98	6,962,465.84	2,260.00
Sarawak	6,295,360.00	3,141,152.00	5,161,576.00	1,119,344.00	0.00	5,469.00	20,746,635.00	2,075.00
W.Persekutuan	64,262,422.00	65,105,757.00	25,899,122.00	6,324,973.00	0.00	2,618,557.00	107,339,260.00	417,506.00

Peratusan Agihan Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Secara Keseluruhan (%)

Johor	11.78	30.55	10.95	7.58	0.00	0.36	38.59	0.19
Kedah	5.69	41.83	6.02	1.51	0.00	0.00	44.73	0.22
Kelantan	0.00	67.09	14.24	1.31	0.00	0.02	17.32	0.01
Melaka	11.71	15.06	14.49	6.33	1.22	7.84	43.23	0.11
N.Sembilan	1.58	26.41	10.46	8.24	19.96	3.07	29.98	0.31
Pahang	14.59	9.92	19.33	5.30	0.00	1.38	48.90	0.57
P.Pinang	7.97	39.76	15.41	5.34	0.00	1.84	29.22	0.46
Perak	0.00	55.30	13.42	3.92	0.00	0.57	26.03	0.74
Perlis	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
Selangor	11.04	23.61	14.04	5.75	1.73	8.40	34.97	0.47
Terengganu	15.78	39.11	12.43	3.60	0.02	0.13	28.90	0.04
Sabah	43.58	19.29	10.56	7.48	0.00	0.10	18.99	0.01
Sarawak	17.12	8.54	14.04	3.04	0.00	0.01	56.43	0.01
W.Persekutuan	23.63	23.94	9.52	2.33	0.00	0.96	39.47	0.15

Statistik Agihan Zakat 2013

	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Riqab	Gharimin	Fisabilillah	IbnuSabil
Johor	24,312,205.52	55,866,769.54	16,725,505.26	10,609,258.11	0.00	629,049.21	51,146,363.17	256,273.66
Kedah	4,753,087.00	38,545,882.00	15,333,343.00	1,399,220.00	0.00	40,265.00	45,651,800.00	153,480.00
Kelantan		74,045,955.89	34,342,123.75	1,280,317.47	0.00	42,300.00	24,705,657.70	4,120.00
Melaka	3,197,852.77	15,573,646.86	8,190,553.37	3,437,707.85	600,000.00	7,105,133.00	15,854,995.99	55,677.00
N.Sembilan	1,210,750.40	22,896,995.97	7,691,355.78	6,225,635.24	13,765,085.26	1,667,993.32	22,923,631.01	452,243.00
Pahang	11,056,082.00	8,716,576.00	16,687,040.00	4,347,805.00	11,250.00	35,086.00	53,580,685.00	371,786.00
P.Pinang	5,210,840.50	27,078,903.72	8,904,849.65	4,247,656.51	0.00	1,337,078.25	24,537,566.09	245,299.70
Perak	0.00	54,300,221.00	13,495,035.00	4,819,459.00	0.00	951,880.00	27,453,684.00	621,514.00
Perlis	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
Selangor	53,447,469.00	121,654,756.00	64,663,159.00	38,754,712.00	13,220,017.00	46,138,174.00	123,722,002.00	1,872,537.00
Terengganu	14,742,658.70	19,989,502.06	11,904,971.24	1,736,323.24	386,316.00	90,556.67	18,543,290.14	11,510.00
Sabah	24,436,304.70	6,455,609.15	4,701,830.29	4,497,269.00	0.00	10,548.22	8,308,167.08	71,726.25
Sarawak	6,483,663.00	3,040,452.00	5,366,217.00	2,504,746.00	0.00	2,385.00	17,413,366.00	1,453.00
W.Persekutuan	69,802,102.00	76,305,596.00	31,021,281.00	7,445,374.00	0.00	4,574,842.00	138,830,575.00	414,685.00

Peratusan Agihan Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Secara Keseluruhan (%)

Johor	15.24	35.02	10.48	6.65	0.00	0.39	32.06	0.16
Kedah	4.49	36.41	14.48	1.32	0.00	0.04	43.12	0.14
Kelantan	0.00	55.09	25.55	0.95	0.00	0.03	18.38	0.00
Melaka	5.92	28.83	15.16	6.36	1.11	13.15	29.35	0.10
N.Sembilan	1.58	29.80	10.01	8.10	17.92	2.17	29.84	0.59
Pahang	11.66	9.19	17.60	4.59	0.01	0.04	56.52	0.39
P.Pinang	7.28	37.84	12.44	5.94	0.00	1.87	34.29	0.34
Perak	0.00	53.42	13.28	4.74	0.00	0.94	27.01	0.61
Perlis	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
Selangor	11.53	26.25	13.95	8.36	2.85	9.95	26.69	0.40
Terengganu	21.87	29.66	17.66	2.58	0.57	0.13	27.51	0.02
Sabah	50.40	13.32	9.70	9.28	0.00	0.02	17.14	0.15
Sarawak	18.43	8.64	15.26	7.12	0.00	0.01	49.51	0.00
W.Persekutuan	21.26	23.24	9.45	2.27	0.00	1.39	42.28	0.13

Statistik Agihan Zakat 2014

	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Riqab	Gharimin	Fisabilillah	IbnuSabil
Johor	33,335,391.18	71,265,393.87	19,335,041.98	12,355,150.34	0.00	795,816.97	53,565,125.53	417,590.57
Kedah	5,425,177.80	44,208,647.40	6,580,882.04	1,446,580.00	0.00	18,420.00	48,266,715.23	211,390.00
Kelantan	98,846,625.62	0	20,872,510.60	1,535,680.65	0.00	36,090.00	29,938,837.00	1,250.00
Melaka	5,734,409.18	17,797,993.65	8,404,039.04	4,600,294.86	6,300,000.00	70,730.70	14,277,135.73	15,985.00
N.Sembilan	843,200.00	29,949,777.00	10,074,482.00	7,756,369.00	19,337,201.00	2,275,972.00	27,221,832.00	327,060.00
Pahang	12,570,220.00	10,164,271.70	13,121,307.57	6,046,969.43	199,636.00	11,133,598.41	55,491,558.98	324,859.00
P.Pinang	5,813,312.00	34,618,427.00	7,612,808.00	2,262,812.00	0.00	1,539,729.00	27,996,248.00	255,611.00
Perak	0.00	74,316,239.57	17,702,694.70	6,524,175.63	0.00	1,226,187.36	29,548,437.90	998,959.54
Perlis	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
Selangor	73,421,019.00	159,501,653.00	72,687,979.00	53,147,258.00	23,571,402.00	58,319,112.00	153,698,357.00	767,342.00
Terengganu	26,955,568.80	23,587,020.78	12,939,704.28	3,757,629.99	1,390,504.99	137,060.39	10,352,742.49	34,750.00
Sabah	28,324,729.50	7,736,905.04	6,435,156.94	7,674,019.00		2,705.00	14,698,211.27	87,513.69
Sarawak	6,733,530.00	3,154,749.00	5,851,556.00	2,801,740.00		13,938.00	20,874,857.00	1,328.00
W.Persekutuan	98,231,873.00	97,695,192.00	34,026,506.00	6,724,676.00	0.00	4,900,529.00	177,000,961.00	646,171.00

Peratusan Agihan Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Secara Keseluruhan (%)

Johor	17.45	37.30	10.12	6.47	0.00	0.42	28.03	0.22
Kedah	4.89	39.89	5.94	1.31	0.00	0.02	43.55	0.19
Kelantan	65.36	0.00	13.80	1.02	0.00	0.02	19.80	0.00
Melaka	10.03	31.12	14.69	8.04	11.01	0.12	24.96	0.03
N.Sembilan	0.86	30.63	10.30	7.93	19.78	2.33	27.84	0.33
Pahang	11.53	9.32	12.03	5.55	0.18	10.21	50.89	0.30
P.Pinang	7.26	43.22	9.50	2.83	0.00	1.92	34.95	0.32
Perak	0.00	57.03	13.58	5.01	0.00	0.94	22.67	0.77
Perlis	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
Selangor	12.34	26.80	12.21	8.93	3.96	9.80	25.83	0.13
Terengganu	34.04	29.78	16.34	4.74	1.76	0.17	13.07	0.04
Sabah	43.60	11.91	9.91	11.81	0.00	0.00	22.63	0.13
Sarawak	16.62	7.79	14.45	6.92	0.00	0.03	51.53	0.00
W.Persekutuan	23.43	23.30	8.12	1.60	0.00	1.17	42.22	0.15

Statistik Agihan Zakat 2015

	Fakir	Miskin	Amil	Mualaf	Riqab	Gharimin	Fisabilillah	IbnuSabil
Johor	42,992,524.62	95,714,473.97	22,584,076.12	13,072,698.40	0	1,313,692.25	52,031,144.02	653,488.30
Kedah	8,065,103.90	61,388,703.24	13,981,219.98	1,902,260.00	0.00	32,100.00	59,396,847.73	189,050.00
Kelantan	0	109,216,195.59	22,671,453.05	1,473,362.18	0.00	37,807.00	40,538,522.98	200
Melaka	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
N.Sembilan	719,500.00	30,487,834.17	10,991,717.07	8,635,838.41	18,366,919.55	2,459,465.61	24,832,378.02	442,332.10
Pahang	14,004,983.00	12,951,343.00	7,515,500.00	6,471,351.00	238,460.00	3,848,880.00	60,467,472.00	630,496.00
P.Pinang	6,109,569.40	46,349,941.90	16,201,385.75	1,999,584.10	0.00	1,671,143.30	28,626,827.78	371,045.90
Perak	0	86,547,697.02	19,274,149.33	10,059,074.06	0.00	1,268,441.54	45,738,483.12	976,668.60
Perlis	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
Selangor	97,701,811.00	202,283,260.00	78,414,632.00	53,745,549.00	22,323,387.00	59,536,093.00	161,044,553.00	1,202,193.00
Terengganu	23,667,137.98	44,018,276.66	13,615,741.21	4,123,118.82	2,317,250.85	1,027,884.19	33,187,812.64	83,815.00
Sabah	33,794,547.00	8,500,627.22	8,114,389.27	6,108,445.52	1,401,917.72	1,190,168.23	13,790,991.28	3,136.44
Sarawak	7,498,888.00	3,303,952.00	6,272,503.00	2,609,428.00	0.00	18,552.00	24,451,371.00	824
W.Persekutuan	133,126,846.00	114,887,523.00	35,597,184.00	12,498,428.00	0	5,899,683.00	305,785,183.00	930,010.00

Peratusan Agihan Kepada Asnaf Berbanding Jumlah Secara Keseluruhan (%)

Johor	18.83	41.91	9.89	5.72	0.00	0.58	22.78	0.29
Kedah	5.56	42.35	9.65	1.31	0.00	0.02	40.98	0.13
Kelantan	0.00	55.51	11.52	0.75	0.00	0.02	20.60	0.00
Melaka	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
N.Sembilan	0.74	31.45	11.34	8.91	18.95	2.54	25.62	0.46
Pahang	13.20	12.20	7.08	6.10	0.22	3.63	56.98	0.59
P.Pinang	6.03	45.74	15.99	1.97	0.00	1.65	28.25	0.37
Perak	0.00	52.93	11.73	6.12	0.00	0.77	27.84	0.59
Perlis	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA	NA
Selangor	14.45	29.91	11.60	7.95	3.30	8.80	23.81	0.18
Terengganu	19.39	36.07	11.16	3.38	1.90	0.84	27.19	0.07
Sabah	46.35	11.66	11.13	8.38	1.92	1.63	18.92	0.00
Sarawak	16.67	7.34	13.94	5.80	0.00	0.04	54.35	0.00
W.Persekutuan	21.87	18.87	5.85	2.05	0.00	0.97	50.23	0.15

**LAMPIRAN C: SENARAI LAMAN SESAWANG INSTITUSI
ZAKAT/MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI**

	Negeri	Laman Sesawang
1	Johor	http://www.maji.gov.my
2	Kedah	https://www.zakatkedah.com.my
3	Kelantan	http://www.e-maik.my
4	Melaka	http://www.maim.gov.my
5	Negeri Sembilan	http://www.mains.gov.my
6	Pahang	http://www.zakatpahang.my
7	Pulau Pinang	http://www.zakatpenang.com
8	Perak	http://www.maiamp.gov.my
9	Perlis	http://www.maips.gov.my
10	Selangor	http://www.zakatselangor.com.my
11	Terengganu	http://www.maidam.gov.my
12	Sabah	http://www.zakat.sabah.gov.my
13	Sarawak	https://www.tbs.org.my
14	Wilayah Persekutuan	https://www.zakat.com.my

Sumber: Laman sesawang institusi zakat negeri dan Majlis Agama Islam Negeri

LAMPIRAN D1: KADAR KEMISKINAN DAN KADAR KEMISKINAN TEGAR

Kadar kemiskinan mengikut strata, 1970-2014

(%)

Strata	Tahun										
	1970	1980	1990	1999	2002	2004	2007	2008	2009	2012	2014
Bandar	24.6	17.5	7.5	3.3	2.3	2.5	2.0	2.0	1.7	1.0	0.3
Luar bandar	58.6	45.8	21.8	14.8	13.5	11.9	7.1	7.7	8.4	3.4	1.6
Malaysia	49.3	37.4	17.1	8.5	6.0	5.7	3.6	3.8	3.8	1.7	0.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

Kadar kemiskinan tegar mengikut strata, 1990-2012

(%)

Strata	Tahun							
	1990	1999	2002	2004	2007	2008	2009	2012
Bandar	1.3	0.5	0.3	0.4	0.3	0.3	0.2	0.1
Luar bandar	5.2	3.6	2.6	2.9	1.4	1.8	1.8	0.6
Malaysia	3.9	1.9	1.0	1.2	0.7	0.8	0.7	0.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

LAMPIRAN D2: KADAR PENGANGGURAN

Tahun	Kadar pengangguran (%)
2000	3.0
2001	3.5
2002	3.5
2003	3.6
2004	3.5
2005	3.5
2006	3.3
2007	3.2
2008	3.3
2009	3.7
2010	3.3
2011	3.1
2012	3.0
2013	3.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

**LAMPIRAN E: KEPUTUSAN UJIAN KESAHIHAN
DAN KEBOLEHPERCAYAAN**



UUM
Universiti Utara Malaysia

UJIAN KESAHIHAN PEMBOLEH UBAH STATUS EKONOMI

KMO and Bartlett's Test

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.647
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	64.584
	df	21
	Sig.	.000

UJIAN KESAHIHAN PEMBOLEH UBAH TEKANAN POLITIK

KMO and Bartlett's Test

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.739
	Approx. Chi-Square	292.309
Bartlett's Test of Sphericity	df	28
	Sig.	.000

UJIAN KESAHIHAN PEMBOLEH UBAH TEKANAN SOSIAL

KMO and Bartlett's Test

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.759
	Approx. Chi-Square	581.384
Bartlett's Test of Sphericity	df	120
	Sig.	.000

UJIAN KESAHIHAN PEMBOLEH UBAH IDEOLOGI

KMO and Bartlett's Test

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.699
Approx. Chi-Square		265.049
Bartlett's Test of Sphericity	df	78
	Sig.	.000

UJIAN KESAHIHAN PEMBOLEH UBAH MOTIF AGIHAN

KMO and Bartlett's Test

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.713
Approx. Chi-Square		455.886
Bartlett's Test of Sphericity	df	45
	Sig.	.000

UJIAN KESAHIHAN PEMBOLEH UBAH KEPIMPINAN

KMO and Bartlett's Test

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.825
Approx. Chi-Square		677.838
Bartlett's Test of Sphericity	df	190
	Sig.	.000



UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN PEMBOLEH UBAH STATUS EKONOMI

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.615	.640	5

UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN PEMBOLEH UBAH TEKINAN POLITIK

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.889	.893	5



UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN PEMBOLEH UBAH TEKINAN SOSIAL

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.842	.842	5

UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN PEMBOLEH UBAH IDEOLOGI

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.787	.790	4

UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN PEMBOLEH UBAH MOTIF AGIHAN

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.903	.904	4

UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN PEMBOLEH UBAH KEPIMPINAN

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.914	.917	12

LAMPIRAN F: ANALISIS ITEM PEMBOLEH UBAH



ANALISIS ITEM PEMBOLEH UBAH STATUS EKONOMI

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
ekonsemasa	70	1	5	4.14	.889
kdrmiskin	70	3	5	4.54	.652
kdrpenganggur	70	1	5	3.04	.999
jumkutipan	70	2	5	4.47	.717
rujukthlepas	70	1	5	4.16	.879
Valid N (listwise)	70				

ANALISIS ITEM PEMBOLEH UBAH TEKANAN POLITIK

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
cadangan	70	1	5	2.44	1.150
desakan	70	1	5	2.13	1.089
arahan	70	1	5	2.07	1.068
permintaan	70	1	5	1.97	1.049
campurtgn	70	1	5	2.49	1.294
Valid N (listwise)	70				

ANALISIS ITEM PEMBOLEH UBAH TEKANAN SOSIAL

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
cadangan	70	1	5	2.44	1.150
desakan	70	1	5	2.13	1.089
arahan	70	1	5	2.07	1.068
permintaan	70	1	5	1.97	1.049
campurtgn	70	1	5	2.49	1.294
Valid N (listwise)	70				

ANALISIS ITEM PEMBOLEH UBAH IDEOLOGI

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
keperluanasnafdipenuhl	70	1	10	7.61	2.975
bangunpendidikan,modalins an	70	1	10	7.51	2.592
tingkathidupmiskin	70	1	10	7.56	2.701
dakwah,tingkatakidah,tegaks yiar	70	1	10	7.04	2.851
Valid N (listwise)	70				

ANALISIS ITEM PEMBOLEH UBAH MOTIF AGIHAN

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
keperluanasnafdipenuhl	70	1	10	7.61	2.975
bangunpendidikan,modalins an	70	1	10	7.51	2.592
tingkathidupmiskin	70	1	10	7.56	2.701
dakwah,tingkatakidah,tegaks yiar	70	1	10	7.04	2.851
Valid N (listwise)	70				

ANALISIS ITEM PEMBOLEH UBAH KEPIMPINAN

Descriptive Statistics

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
sediacara baru	70	2	5	3.66	.740
bantuorglainbgn diri	70	2	5	3.84	.845
buatorglain fikir carabaru atasi masalah	70	2	5	3.80	.773
orgbanggakaitdngsaya	70	1	5	3.00	.885
bantuorglain carinilai	70	1	5	3.63	.920
maklumpandangansaya	70	2	5	3.70	.667
perhatianperbadi	70	1	5	3.30	.857
baruorg fikir deabau	70	1	5	3.30	.874
ikhtiraf ganjaran bila capaimatlamat	70	1	5	3.26	.973
tumpuperhatianapaorgdptbilacapai	70	1	5	3.34	.740
bergambaranapaboleh dilakukankan	70	3	5	3.94	.679
beritahuapapatutbuatjikamahan ganjaran	70	1	5	3.44	.973
Valid N (listwise)	70				